

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 26

Selasa

22 Oktober 2013

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013	(Halaman 26)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 146)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 22 Oktober 2013**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah strategi khusus Kementerian dalam memupuk minat dan membudayakan para pelajar di dalam bidang rekaan, inovasi, penciptaan dalam sains dan teknologi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Selamat pagi, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua penyertaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan usaha memupuk minat dan budaya para pelajar dalam bidang rekaan, inovasi, penciptaan dalam sains dan teknologi.

Pertanyaan tersebut ialah Yang Berhormat Kota Tinggi pada hari ini dan Yang Berhormat Sarikei pada 27 november 2013. Oleh sebab perkara yang dibangkitkan saling berkaitan, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut secara serentak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan penyumbang utama kepada pembangunan modal insan dan ekonomi negara. Pendidikan juga adalah pencetus kreativiti dan penjana inovasi untuk melahirkan insan yang holistik seperti yang dihasratkan dalam falsafah pendidikan kebangsaan.

Justeru, bagi memastikan matlamat ini berjaya, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Bermula dari peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat menengah atas, peningkatan kepada berfikir secara kreatif dan inovasi secara merentas kurikulum telah pun diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Usaha ini adalah untuk memastikan murid mampu menguasai kemahiran berfikir dalam setiap disiplin ilmu berjaya mengaplikasikan ilmu pengetahuan, berinovasi tinggi dan berupaya mencipta sesuatu produk.

Justeru, di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang bermula pada tahun 2013-2025, penekanan tersebut teras diberi perhatian dan dijadikan sebagai salah satu inisiatif penting melalui anjakan pertama. Tumpuan adalah untuk memperkukuhkan penguasaan

4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul serta ditambah dengan elemen kreativiti, inovasi dan keusahawanan melalui KSSR yang sedang dilaksanakan dalam gelombang satu.

Manakala dalam gelombang dua dan tiga iaitu daripada tahun 2016-2025 pula elemen yang sama diterapkan dalam KSSM yang akan mulai dilaksanakan pada tahun 2017. Sebagai usaha menambah baik sistem pentafsiran, elemen dan nisbah soalan yang menguji tahap Kemahiran Berfikir Asas Tinggi (KBAT) telah dilaksanakan melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah berusaha untuk meningkatkan nisbah murid dalam pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) melalui dasar 60/40 sains teknikal dan sastera. Sehingga ini dasar tersebut telah berjaya membawa 5% murid lulus menengah rendah memilih untuk mengikuti aliran sains dan usaha ini akan terus dipertingkatkan sehingga mencapai tahap yang ditetapkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, keupayaan untuk melihat keberhasilan modal insan dalam bidang rekaan, inovasi dan penciptaan sebenarnya telah pun dapat dicapai melalui pencapaian aktiviti-aktiviti kokurikulum. Pelajar yang mewakili negara sama ada di peringkat sekolah ataupun institusi pengajian tinggi telah berjaya merangkul pelbagai kejayaan yang cemerlang.

Sebagai contoh, antara kejayaan pada tahun ini sahaja di peringkat sekolah, murid kita dari SM Sains Tuanku Syed Putra, Perlis memenangi *special award from United Airlines Foundation in 64*, dengan izin *Intell International Science and Engineering Fair Phoenix, USA* dengan izin. SMK Iskandar Syah Jasin, Melaka telah memenangi johan dalam *National University Singapore, Brain Camp Singapore* dengan izin. Sekolah Sultan Alam Syah memenangi pingat emas dalam *Malaysian International Young Inventors Olympiad* dengan izin dan SM Sains Sultan Haji Ahmad Shah memenangi tempat pertama dalam pertandingan *21st International Environmental Project Olympiad* dengan izin di Turki.

■ 1010

Justeru, bagi meneruskan kecemerlangan dalam bidang kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia akan menyusun semula aktiviti kokurikulum sedia ada di semua peringkat supaya lebih komprehensif dan bersesuaian dengan gelombang baru teknologi dan inovasi terkini.

Di peringkat pengajian tinggi pula, antara kejayaan yang dicapai adalah dalam pertandingan *Robot Soccer World Cup*, dengan izin, pada tahun 2013. Pasukan dari IPT dan politeknik tempatan telah berjaya mendapat tiga pingat emas, dua perak dan empat gangsa. Di samping itu, IPTA seperti USM, UKM, UNITEN dan UTM telah berjaya mempromosikan produk potensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Untuk makluman, UTM sahaja sehingga kini, sebanyak 653 pengiktirafan kebangsaan dan 258 pengiktirafan antarabangsa telah diterima oleh penyelidik UTM dalam penghasilan reka cipta dan inovasi, dan lebih 2,000 hasil R&D dilindungi harta intelek.

Tuan Yang di-Pertua, titik tolak daripada kejayaan-kejayaan yang saya nyatakan tadi, maka Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara juga telah memberi penekanan terhadap aspek

inovasi dan kreativiti melalui projek agenda kritikal terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Budaya penerokaan baru dalam kalangan ahli akademik dan pelajar telah menjadi fokus utama sebagai usaha untuk memperkayakan khazanah ilmu dan pengkomersialan produk dari aktiviti berkenaan.

Selain daripada itu, jaringan kerjasama dan kolaborasi antara universiti, industri termasuklah syarikat kepentingan kerajaan (GLC), dengan izin, dan kerajaan juga diwujudkan bagi melahirkan graduan yang kreatif, inovatif dan mempunyai nilai kebolehpasaran.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini berhujahkah?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tuan Yang di-Pertua, membangunkan modal insan yang produktif, berinovatif, kreatif, berkemahiran tinggi dan berilmu pengetahuan merupakan fokus utama dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi berasaskan pendidikan.

Kementerian Pendidikan Malaysia yakin dengan pelbagai usaha yang dilaksanakan ini, hasrat murni tersebut mampu dicapai. Sekian, terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih. Minat dan pembudayaan bidang rekaan, inovasi dan penciptaan dalam sains dan teknologi boleh dipupuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri peneraju yang membina ekonomi masa depan. Pembinaan keupayaan ini juga dapat diterjemahkan kepada kerjaya berprestij tinggi dan juga harta...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sabarlah. Sabarlah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Soalan, soalan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sabarlah, jangan kacau. ...Dan harta intelek sebagai aset negara masa depan. Jadi soalan saya. Ini sampai soalan. Sabarlah, pagi-pagi sudah tidak sabar...

Seorang Ahli: Mukadimah, mukadimah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Ketawa]* Terima kasih. Apakah usaha-usaha Kementerian Pendidikan Malaysia yang lebih spesifik sehingga membolehkan penyertaan pelajar dalam bidang sains dan teknologi mencapai tahap 60% seperti yang dihasratkan. Apakah kementerian juga akan mewujudkan insentif dan kerangka tambahan baru yang bersifat interaktif agar penglibatan amali secara berkala atau berterusan, ataupun *continuous interactive practical engagement*, dengan izin, boleh diwujudkan, supaya pembudayaan ini dapat dikuatkan lagi. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan apakah langkah yang spesifik yang sudah diambil untuk membolehkan penyertaan pelajar dalam bidang sains dan teknologi mencapai 60% sebagai mana yang dihasratkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa mengkaji dasar 60-40 aliran sains teknikal-sastera yang terdiri daripada tokoh dan pakar dalam berbagai-bagai bidang telah ditubuhkan pada 9 Februari 2012. Salah satu peranan jawatankuasa tersebut adalah untuk mengenal pasti nilai tambah yang boleh menyumbang kepada peningkatan minat dan penyertaan murid dalam bidang pendidikan sains dan matematik. Antara strategi dasar sains teknikal-sastera, 60-40 yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut.

- (i) sebanyak 40% murid lepasan PMR disalurkan ke aliran sains secara automatik oleh Lembaga Peperiksaan dan memberi keutamaan untuk murid aliran sains, dan aliran sains dan teknologi mendapat tempat di IPT;
- (ii) semua pengajaran dan pembelajaran mesti menggunakan pendekatan pembelajaran *inquiry* dan memasukkan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT);
- (iii) strategi kedua ada berkaitan dengan untuk mewujudkan peperiksaan berpusat amali sains peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
- (iv) kurikulum latihan guru sains, teknologi kejuruteraan dan matematik menjurus kepada kepakaran dan kemahiran dalam bidang sains tulen dan teknologi;
- (v) membuat perancangan media untuk mempopularkan bidang sains dan teknologi menggunakan sama ada program-program televisyen, surat khabar, poster, *bus stop*, paparan dalam stor, iklan, *banner* di web, ada *flyer* di *Facebook* dengan izin, serta kolaboratif dengan Kementerian Penerangan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; dan
- (vi) guru-guru sains yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan diberi peluang untuk menyambung pelajaran di peringkat sarjana dan kedoktoran dalam bidang sains tulen.

Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak pandai bermanyak, dan dengan '*tilawah*', ataupun pertandingan, kenyataan di sebelah situ, sebelah sini dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan dengan segelintir yang terpilih, yang dapat hasil yang cemerlang, kita mesti galakkan tetapi dengan usaha kerajaan seperti menggunakan RM270 juta untuk melatih guru dalam bahasa Inggeris, apakah hasil untuk pencapaian di dalam bidang misalnya sains dan teknologi? Ini penting. Saya berharap Yang Berhormat dapat menuju kepada pencapaian selepas kita belanja beratus juta ringgit.

■1020

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Di sini saya nak rujuk kepada satu modul di mana kita menggunakan modul ini yang terdiri daripada tiga langkah dengan izin, modul ini adalah untuk *output* dan *student outcome*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini bukan soalan bocor ini. [Ketawa] Bukan soalan bocor. Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menguasai, tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Di sini saya hendak memberi satu contoh di mana Yang Berhormat tanya tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris atas inisiatif MBI, macam mana ini akan membantu murid dan saya nak memberi satu contoh di sini yang baru-baru dilakukan. Dalam satu pertandingan yang dianjurkan oleh Pizza Hut dan *The Star*, NIE. NIE ialah *newspaper in education* dengan izin, dan di situ kita boleh melihat banyak aplikasi konsep sains dan teknologi apabila sekolah-sekolah melibatkan diri dalam pertandingan yang dinamakan *Childs Spin* dengan izin. Pertandingan ini dilaksanakan berdasarkan satu konsep drama dan dalam drama itu, kita boleh melihat pelajar-pelajar sains menggunakan konsep yang sudah dipelajari di mata pelajaran Sains dan Teknologi dalam pertandingan itu.

Jadi kita boleh melihat bahawa daripada situ kita boleh lihat bahawa input yang sudah diberikan oleh guru-guru itu dalam bilik darjah sudah dibawa ke langkah yang kedua di mana kita boleh melihat dia punya *output* dan *output* di sini ada berkaitan dengan pelajar apabila mereka mencipta atau menggunakan dia punya imaginasi untuk mengemukakan satu *storyboard*, dengan izin. *Output* adalah di mana kita boleh melihat mereka bertanding dalam satu pertandingan yang begitu menarik di mana kita boleh melihat mereka bukan hanya mengaplikasikan dia punya konsep sains tetapi kita boleh melihat kejayaan pelajar-pelajar menggunakan bahasa Inggeris dengan begitu cemerlang. [Tepuk]

Saya berada di situ dan sebagai Timbalan Menteri saya menyaksikan pertandingan ini dan saya kata sekiranya katalah ada pihak yang tertentu kata bahawa pelajar-pelajar di Malaysia tidak pandai bertutur dalam komunikasi bahasa Inggeris, saya boleh kata bahawa ini adalah satu *allegation* yang tidak betul. [Dewan riuh] Saya minta Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk baca surat khabar *The Star* pada hari Ahad.

Ada satu *write up* oleh *The Star* tentang kejayaan pelajar-pelajar dalam pertandingan ini. Jadi, itulah kita boleh melihat "*the translation...*" dengan izin, "*...of lessons learnt - the Science into making use of bahasa Inggeris*". Sekian, terima kasih.

2. Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan secara terperinci kos yang terlibat serta perkembangan terkini rancangan Program Angkasawan Negara ke-2.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih daripada Yang Berhormat Rasah yang sudi bertanya dan menunjukkan minat untuk Program Angkasawan Negara ke-2. Jadi saya mengalu-alukanlah Yang Berhormat Rasah kalau esok kita *open* untuk isi borang untuk menjadi angkasawan dan bolehlah kita berjumpa. Saya takut roket angkasawan Yang Berhormat Rasah naik itu meletup kat atas nanti.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan Program Angkasawan Negara ataupun dengan izin, *Men's Space Flight*. Penerusan program angkasawan ini adalah penting untuk memastikan pembangunan keupayaan negara di dalam sektor angkasa dan juga bidang-bidang berkaitan dengan sains, mikrograviti, teknologi sistem sokongan hayat ataupun *life support system*, dengan izin, kerjasama antarabangsa dan lain-lain dapat diteruskan. Program angkasawan merupakan satu projek *high content* yang melibatkan pelbagai aspek yang memerlukan perincian yang teliti. Di antaranya ialah misi program harus mempunyai kandungan yang akan dapat memberi pulangan yang lebih besar kepada negara dalam bidang penemuan saintifik, penjana ilmu baru dan penjana ekonomi negara.

Ini memerlukan tempoh pelaksanaan misi di ISS yang lebih panjang. Kalau kita nak tengok, kalau boleh kita nak hantar kita punya angkasawan ini lebih panjang. Kalau dahulu lapan hari, mungkin kita nak hantar beberapa bulan. Pelancaran misi angkasawan negara kedua juga tertakluk kepada peluang bagi mendapatkan giliran pelancaran yang disediakan oleh Kesatuan Negara-negara Pelancar kerana Malaysia terpaksa menunggu tawaran giliran tersebut kerana di ISS sibuk orang pergi turun naik, turun naik jadi kita kena tunggu giliran untuk pergi ke sana. Buat masa ini, tarikh penghantaran angkasawan kedua negara masih belum dapat ditetapkan lagi, kita dalam proses pengurusan itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian kerajaan sedang berusaha. Kita buat *ground work*, berusaha membangunkan penyelidikan saintifik, mikrograviti dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti *Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA)*, *Russian Federal Space Agency (ROSCOSMOS)* dan *European Space Agency (ESA)* bagi tujuan pengisian kandungan misi program yang akan datang.

Ia adalah penting untuk memastikan misi kedua program akan dapat memberi pulangan yang lebih manfaat kepada negara. Cadangan program angkasawan kedua akan mengambil kira semua pandangan daripada semua pihak, daripada pihak awam, saintis, badan bukan kerajaan dan pihak industri dan kesemua perancangan ini perlu ditelitikan sebelum kita mengambil keputusan dan dapat menentukan kos yang akan melibatkan penghantaran angkasawan yang kedua. Terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan saya sebab soalan saya, saya menanya berapakah anggaran kos untuk program angkasawan negara. Jadi saya mohon Timbalan Menteri boleh menjawab soalan ini dan untuk soalan tambahan saya, bagi rakyat jelata, sebenarnya Program Angkasawan Negara Malaysia ini merupakan salah satu program yang membazirkan duit rakyat. Kita lihat selepas angkasawan ini balik daripada angkasa lepas, apakah sumbangan program ini ataupun angkasawan ini kepada negara kita? Kita cuma lihat ketika PRU ke-12, Angkasawan Sheikh Muszaphar digunakan menjadi alat kempen Barisan Nasional berkempen untuk Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*

Saya nak tanya kepada pihak kerajaan, kepada Timbalan Menteri, bagaimanakah dan apakah sumbangan yang sebenarnya program angkasawan kepada negara kita kerana untuk rekod, rekod yang saya dapati... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rasah, soalan tambahan Yang Berhormat Rasah. *[Dewan riuh]*

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: RM95 juta. Saya mohon pihak kerajaan jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Menteri.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Terima kasih. Saya ingat Yang Berhormat Rasah ini dia tak faham apa yang saya cakap, dia tak dengar. Saya dah kata hujung tadi.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Bukan saya tak faham.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Dengar, dengar. Saya akan jawab, saya akan jawab.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *You* punya jawapan angkasawan sahaja faham.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya akan jawab tapi *you* tak faham. Saya dah kata tadi program ini, program angkasawan kedua dalam proses. Ini soalan yang ada dengan saya pada program angkasawan yang kedua.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya dah kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Rasah duduk. Sila duduk.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya dah kata program angkasawan kedua ini kita dalam proses perancangan. Kita tengah nilai itu dan ini, belum dapat dihasilkan dan berapa perbelanjaan dibuat pasal kita dalam proses perancangan. Yang Berhormat Rasah kena faham, saya dah jawab soalan itu. Saya boleh jawab dengan baik soalan tentang hasil angkasawan yang pertama. Saya ingat Yang Berhormat Rasah terus tengok dan dengar apa saya cakap kerana Yang Berhormat Rasah saya ingat bukan orang teknikal, jadi dia tak faham apa yang dia cakap. Biar saya bacakan satu persatu supaya Yang Berhormat Rasah boleh faham dan hari ini boleh balik bercerita di Rasah apa yang sebenarnya. Bagi saya masa dan dengar baik-baik, catat yang mana perlu supaya Yang Berhormat Rasah lain kali boleh balik dekat kampung, boleh balik Rasah boleh cakap.

■1030

Pertama, Program Pendidikan Angkasawan mengikut- semasa itu kita telah membuat enam eksperimen yang kita dilakukan. Pertama, *cell in the space structure, in space* ataupun *cell* di angkasa. Ini yang kita sudah buat dan kita buat banyak lagi sebenarnya. Akan tetapi saya hendak cerita apa yang kita hasilkan. Apa yang kita buat ada enam eksperimen. Saya fikir nanti Yang Berhormat Rasah tidak faham.

Pertama, kesan penerbangan angkasa jangka masa pendek terhadap fungsi anti holmium dan inflamasi atau pun penanda risiko penyakit jantung koronari. Itu yang pertama.

Kedua, *Osteoblast cellular function during space flight*. Itu eksperimen yang kedua yang kita buat.

Ketiga, *Eukaryotic cells in the space*. Kita buat kajian di sana.

Keempat, kajian kesan persekitaran mikrograviti dan radiasi ke atas pertumbuhan profil ekspresi gen dan mekanisme kerintangan antibiotik ataupun dipanggil *Enterobacter Cloacae*, kita buat.

Kelima, kesan persekitaran angkasa mikrograviti dan radiasi ke atas mekanisme ketahanan dan perubahan ekspresi profil gen bagi *Acinetobacter Baumannii*.

Keenam, Penghabluran enzim atau protein di angkasa atau *Crystallization of Industrially Important Enzymes/Protein in space*.

Hasilnya, ini benda-benda teknikal kena jawab secara teknikal. Bukan tanya soalan itu kata boleh. Soalan teknikal jawab teknikal. Dengar, saya terangkan satu-persatu. Manfaatnya terbahagi kepada lima segmen. Pertama, Penyelidikan dan Pembangunan, 24 kertas kerja penyelidikan yang telah diterbitkan di jurnal dan di persidangan antarabangsa. Ada banyak senarai Yang Berhormat Rasah boleh baca dalam jawapan bertulis nanti. Ada panjang yang saya terangkan.

Kedua, Pembangunan Modal Insan, melibatkan 99 orang termasuk 27 orang pengkhususan dalam bidang sains mikrograviti seperti angkasawan tadi kita ada dua orang, eksperimen saintifik sarjana kejuruteraan dua orang, sarjana 11 orang, pakar-pakar dan pegawai-pegawai baru 14 orang. Semuanya 27 orang penyelidik pengkhususan sains mikrograviti secara langsung menerusi eksperimen saintifik pengurusan program sains mikrograviti 15 orang, pendidikan sains 25 orang, komunikasi pelan 10 orang, logistik program sains mikrograviti dan radiasi 20 orang. Semuanya 49 orang, itu yang pertama.

Kedua, dari segi ekonomi, kita telah mempatenkan- ada lapan paten yang satu sepatutnya ada bertulis nanti boleh lihat, lebih kurang satu atau dua. Pertama, kesan penerbangan angkasa jangka masa pendek terhadap fungsi endothelium dan inflamasi penanda risiko penyakit jantung koronari, kita telah patenkan di Malaysia. Nombor patennya, P18911 semak, semak. Kedua, difailkan di Malaysia lagi, kaedah penstrukturan *cell auto glass* dalam keadaan mikrograviti nombor patennya P18912, sila semak. Ada enam lagi, dua dan empat di luar negara termasuk di Malaysia P1 untuk *Ground Crystallization of Enzyme of the Method for Producing Same*.

P120062913 Malaysia, sila semak nombor patennya. PCTMY....

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Faham.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Itu saya kata dia tidak faham. Mahu suruh saya terangkan, saya boleh fahamkan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: PCNY207004, tidak mengapa. *[Dewan riuh]*

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Duduk, duduk.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat sendiri pun tidak faham apa yang dibacalah.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Banyak, duduk Yang Berhormat Rasah, duduk. Saya boleh cakap. Tidak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rasah, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Saya bukan tidak faham...

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat-Yang Berhormat duduk sekejap. Ini peraturan mesyuarat Yang Berhormat, kena faham Yang Berhormat. Tidak boleh mencelah macam ini. Satu soalan tambahan kita benarkan untuk seorang ahli yang sama. Tidak boleh berdialog-dialog macam ini. Sila Yang Berhormat. Kalau panjang kita beri jawapan bertulis Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Saya hendak terangkan habis supaya dia faham. So lain kali dia tidak tanya lagi. Saya hendak terangkan dengan jelas supaya dia tidak cerita lagi. Esok nanti dia tulis dalam *YouTubelah*, apalah... Saya hendak bagi dia *clear* hari ini. Saya hendak katakan Yang Berhormat Rasah tidak faham apa dia misi kita pergi ke angkasa dan apa yang kita buat dan apa hasilnya. Saya hendak beri dia faham hari ini.

Nombor empat, pendidikan dan kesedaran awam menjangkau seramai 3.5 juta orang, lebih 300 program sepanjang tahun 2008 hingga 2013. Tolong lihat dalam jawapan bertulis. Nombor lima, program baru *cell* mikrograviti di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Panjang kalau saya hendak bacakan. Saya rasa nanti Tuan Yang di-Pertua masa tidak mencukupi tetapi banyak yang saya hendak cerita. Program *space seeds* yang kita sudah buat yang mana projek ini telah dipatenkan dan banyak telah menghasilkan program *space seeds for the Asia* di mana kita telah menghasilkan *seed* baru untuk cili dan untuk itu. Ini semuanya kita lakukan.

Jadi Yang Berhormat Rasah, saya ingat balik baca jawapan bertulis supaya faham apa yang dicakapkan. Jangan ambil populariti tetapi sebenarnya apa yang dijawab itu tidak betul. Semunya dan hasilnya telah mendatangkan hasil yang baik kepada negara. Itu fasal kita mengambil keputusan untuk menghantar Program Angkasawan yang kedua. Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada beberapa IPTA yang menawarkan kursus di peringkat ijazah di bidang Kejuruteraan Angkasa. Saya ingin tahu, sejauh manakah penglibatan pihak universiti yang menawarkan kursus-kursus ini mengambil kajian dalam Program Angkasawan Negara Kedua. Jika tidak terlibat saya berharap pada Program Angkasawan Negara yang ketiga nanti pastikan pihak universiti terlibat secara langsung. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Terima kasih kepada Yang Berhormat Merbok. Saya fikir wakil Yang Berhormat Merbok lebih fahamlah apa yang disoal daripada Yang Berhormat

Rasah yang tidak faham apa yang disoal kerana dia tidak faham. Saya fikir ini betul-betul Ahli Parlimen Barisan Nasional yang faham tentang itu, ya. Sebab tahniahlah soalan itu.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: So, Ahli Parlimen Barisan Nasional...

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Jadi saya hendak cerita, sebenarnya dalam merangka Program Angkasawan Kedua, kita telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan pakar termasuk orang awam dan NGO dan kita telah menetapkan bahawa kali ini Program Angkasawan Kedua perlulah mempunyai nilai komersial dan mempunyai sasaran *outcomes* yang jelas, ini kita telah buat.

Kedua, kita akan melibatkan industri dan kita akan melibatkan universiti dalam bidang aeroangkasa di mana kajian saintifik yang menawarkan insentif kepada universiti untuk menjalankan program ini. Ini telah pun diambil kira. Jadi kalau Yang Berhormat bertanya itu, saya lebih bersemangatlah untuk memasukkan program ini berbanding soalan tadi yang saya ingat tidak memberi motivasi kepada saya.

Kerajaan perlu membangunkan - kita membangunkan program industri keupayaan negara untuk melaksanakan pengawasan sendiri. Kita akan melaksanakan Dasar Angkasawan Negara yang mana dalam dasar itu penglibatan universiti perlu diambil kira kerana ini adalah salah satu projek yang sangat besar yang perlu melibatkan semua universiti di Malaysia dan kita juga akan memperkukuhkan beberapa perkara lagi. *Insyaa-Allah*, kita tidak pernah melupakan universiti dan banyak akan melibatkan universiti khususnya dalam program yang melibatkan Program Angkasawan ataupun Kejuruteraan Eeroangkasa. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir program ini gagal mengawal selia kerana perasaan Menteri... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri pun tidak dapat jawab dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka, saya tidak jempit Yang Berhormat Kota Melaka berdiri. Peraturan mesyuarat.

3. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bolehkah kementerian menyenaraikan projek infrastruktur yang telah dan akan dilaksanakan dalam program ESSCOM Sabah; dan
- (b) berapakah nilai projek-projek berkenaan dan apakah kaedah pelantikan kontraktor-kontraktor pelaksanaanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan. ESSCOM telah menerima peruntukan khas berjumlah RM1.08 juta daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM bagi maksud kerja pembaikan kecil dan naik taraf sembilan buah pos kawalan di kawasan ESSZONE. Sembilan buah pos kawalan tersebut melibatkan sebanyak lima buah Pos Kawalan ATM dan empat buah Pos Kawalan PGA.

Senarai pos kawalan adalah seperti berikut:

- (i) Pos Kawalan ATM:
 - (a) Kem Jambungan;
 - (b) Kem Dogotan;
 - (c) Pulau Mandi Darah;
 - (d) Pulau Terkepil; dan
 - (e) Kem Seri Wangsa.

- (ii) Pos Kawalan PGA:
 - (a) Pos Sungai Melayu;
 - (b) Pos Wales Bay;
 - (c) Pos Pulau Andal; dan
 - (d) Konteks Silingan.

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dipilih melalui kaedah sebut harga. Bagi memastikan kerja-kerja tersebut disiapkan sebelum akhir tahun, sembilan kontraktor tempatan akan diberi keutamaan. Sembilan pos kawalan ini adalah sebahagian daripada jumlah 76 buah pos kawalan yang terletak dalam kawasan ESSZONE. ESSCOM akan cuba mendapatkan peruntukan bertujuan untuk membaik pulih dan menaik taraf pos-pos kawalan yang lain pada tahun hadapan bagi memastikan kebajikan dan keselamatan anggota keselamatan kita sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya.

■1040

Adalah diharapkan inisiatif ini akan dapat menyuntik semangat anggota keselamatan kita yang bertugas di pos-pos kawalan. Projek Pembinaan Batalion Bagi Tentera Dan Polis - kerajaan telah memutuskan untuk membina lima batalion tambahan iaitu tiga bagi ATM dan dua bagi PDRM. Projek ini masih dalam perancangan dan sedang diusahakan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan. Lokasi-lokasi bagi pembinaan batalion ini sedang dikaji dan setakat ini ada satu kawasan yang telah dikenal pasti iaitu di Felda Sahabat, Lahad Datu bagi pembinaan satu batalion bagi ATM. ESSCOM hanya memainkan peranan untuk mengkoordinasi tindakan-tindakan di atas. Adalah diharapkan dengan penambahan lima batalion ini akan dapat memantapkan lagi pertahanan dan keselamatan di kawasan Timur Sabah serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan memperketatkan keselamatan negara.

Projek Perumahan Air Simunul – projek ini masih dalam perancangan dan penilaian dan lokasi yang sesuai masih lagi dalam kajian dan tindakan Jabatan Perumahan Negara. Kos dianggarkan RM100 juta bagi membina dan menyiapkan 832 unit rumah termasuk kemudahan dan juga infrastruktur. Bagi tujuan projek ini, ESSCOM akan merujuk kepada Ahli Parlimen dan ADUN berkaitan untuk menerangkan maksud projek penempatan semula Perkampungan Air.

Projek ini membawa maksud menyeluruh dari konteks pertahanan dan keselamatan. Kerajaan perlu memastikan rakyat mendapat kemudahan asas secukupnya, khususnya di kawasan-kawasan terpencil yang terbuka kepada pencerobohan. Adalah diharapkan juga projek ini akan dapat mencetuskan pertumbuhan aktiviti ekonomi dan tingkat baikan sosial di kalangan masyarakat. Kerajaan juga akan memastikan projek ini tidak menjejaskan punca sara hidup penduduk yang terlibat, yang mereka nikmati selama ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, kita dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tetapi penduduk di kawasan Pantai Timur Sabah ini daripada Tawau hinggalah ke Lahad Datu, mereka tidak rasa selamat. Ini kerana ESSCOM ini diuar-uarkan tetapi sampai sekarang belum ada pergerakan yang jelas. Ada sembilan pos kawalan. Kita mahu mungkin kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi saya secara bertulis apa yang sudah dibuat. Berapa balai polis? Berapa rumah yang sudah dirancang? Ada 800 tetapi belum ada satu pun *take-off*. Jadi, minta bila ini boleh bergerak? Saya minta secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita akan jawab secara bertulis tetapi rakyat sedang mendengar, kena cerita sedikit Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekarang ini kita ada 76 pos kawalan. Pada akhir tahun ini, sembilan pos kawalan akan disiapkan. Kita akan panggil sebut harga. Kita akan panggil kontraktor tempatan sebab ini adalah pembaikan yang kita boleh buat serta-merta. Pada tahun hadapan, 76 pos ini juga kita akan buat pembaikan sehinggalah kita dapat satu model baru pos kawalan yang sesuai untuk kita bina baru atau pun lain-lain lagi. Akan tetapi keselamatan ini, pergerakannya dia ada dua cara. Satu yang kita nampak ada pergerakan keselamatan. Ada tentera, polis beruniform sepanjang pantai. Keduanya, kita kena ingat kita berada di perairan yang begitu luas. Kita berada di laut sana. Jadi, semasa kabus mungkin Yang Berhormat tidak nampak dan sebagainya tetapi pergerakan kita cukup mantap sehingga menyukarkan mana-mana pihak untuk mencerooboh negara ini dan keselamatan serta kedaulatan ini sentiasa dijaga.

Jadi, berhubung semua perkara ini oleh kerana telah banyak kali dibawa ke sini, kita telah berbincang dengan ESSCOM tadi. Jadi, semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat di kawasan berkenaan, Parlimen dan juga negeri, kita akan bagi taklimat secepat mungkin untuk membolehkan mereka mendapat gambaran yang jelas supaya mereka dapat ceritakan kepada penduduk bahawa keselamatan kita terjamin. Jadi, sudah pasti penerangan ini akan dapat difahami dengan baik oleh semua pihak. Kalau pihak pembangkang berminat hendak ambil tahu

pun kita boleh berbuat demikian supaya mereka tidak timbulkan soalan seperti Yang Berhormat Rasah tadi. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ramai di antara penduduk-penduduk di Sabah *actually living in fear* Tuan Yang di-Pertua, di mana mereka duduk di dalam situasi yang sangat takut. Bila-bila sahaja boleh terjadi seperti apa yang terjadi baru-baru ini di mana beberapa orang telah dibunuh dan sebagainya dari luar negara. Walau pun setiap kali kerajaan memberi *assurance* kepada Dewan di dalam dan luar tetapi nampaknya ia tidak efektif.

Soalan yang saya hendak tanya adalah apa yang sedang dibuat supaya warganegara kita sendiri betul-betul mempunyai perasaan selamat kerana saya difahamkan ramai di antara Ahli-ahli Parlimen Sabah sendiri, dari Barisan Nasional dan juga pembangkang yang mengatakan *element of fear* ini sangat kuat di antara rakyat di negeri Sabah. Apakah yang telah dibuat untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya berterima kasih di atas soalan ini iaitu perkataan "*living in fear*". Apabila keselamatan kita terancam oleh kerana berlaku pembunuhan di sini, kita perkenalkan undang-undang untuk membolehkan rakyat rasa selamat. Sekarang saya percaya apabila Dewan Negara telah meluluskan undang-undang jenayah baru-baru ini walaupun tidak disokong oleh pembangkang sebab mereka tidak *living in fear*, cuma kami sahaja, jadi rakyat rasa selamat sekarang ini.

Round pertama semasa undang-undang ini telah dibincangkan di Parlimen, kita dapati ada kekurangan dari segi jenayah tersebut. Cuma kita kesal kenapa pembangkang mesti menentang rang undang-undang untuk menjamin keselamatan rakyat. Akan tetapi hari ini Yang Berhormat tanya tentang Sabah. Apa yang saya sebut tadi tentang ESSCOM, kawasan yang terdedah dengan negara sempadan. Kawasan ini mendapat perhatian khusus dari pihak keselamatan, dari pihak kerajaan sendiri. Jadi, perkataan "*living in fear*" itu sebenarnya kita akan lihat akan ada perubahan sebab undang-undang jenayah yang kita perkenalkan baru-baru ini ia melibatkan Sabah dan Sarawak. Cuma yang kesalnya Yang Berhormat pembangkang cuba tunjukkan kepada rakyat seolah-olah mereka hendak memperjuangkan keselamatan. Jadi, apabila kita perkenalkan Undang-undang Keselamatan, mereka menentang. Mereka boleh tegur seksyen mana yang mereka tidak puas hati tetapi secara keseluruhannya, usaha kerajaan untuk memperbaiki keselamatan negara ini harus disokong supaya rakyat rasa selamat. Sebelum ini kita rasa macam ada orang ikut kita, ada motosikal ikut, semua pun berhati-hati, tengok dalam cermin. Kalau ada...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, ESSCOM dan *living in fear* tidak termasuk yang terlibat. Yang Berhormat dalam kerajaan. Yang Berhormat bertanggungjawab bagi yang efektif.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *Very good!* Bila kerajaan perkenalkan undang-undang lain kali kena sokong.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, dengar bagi habis saya cakap. Sudah habis? *Very good!* Diam ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Ipoh Barat tidak boleh macam ini. Sila duduk. Kita sambung di kedai kopi nanti.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pertamanya, saya hendak beri secara keseluruhan senario yang berlaku. Kemudian khusus untuk Sabah, kawalan keselamatan berada di tahap yang cukup baik. Jadi, kita lihat selepas kehadiran kerajaan di sana, tidak berlaku benda-benda Yang Berhormat sebutkan seperti pencerobohan dan sebagainya. Kes-kes lain yang berlaku ialah kes-kes yang tertentu yang bukan melibatkan pencerobohan sebagaimana Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah umumkan.

Di pihak kami, kita menyediakan infrastruktur untuk menambah baik keselamatan. Contohnya ialah kita akan pastikan supaya pengambilan kakitangan dan juga anggota tambahan yang kita akan buat secepat mungkin dan di awal tahun, termasuk juga peralatan pemantauan radar, pusat *fusion* dan juga lain-lain. Semua ini sedang berjalan dan kita tahu bahawa sesuatu itu bukan boleh dibuat macam "*Aladin dengan lampu ajaib*" – dia menjadi. Memerlukan sedikit perancangan sebab kalau sekiranya kita tidak rancang, kita akan menghadapi Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang hanya mencari sedikit kesilapan dan selepas itu dihebohkan. Padahal benda yang besar ialah keselamatan penduduk.

■1050

Penduduk di sana pada pandangan Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak pergi ke sana, penduduk di sana sekarang ini..

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Living in fear.*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia rasa selamat. *Living in fear* cuma di Kuala Lumpur, tetapi di sana penduduk rasa selamat. [*Dewan riuh*] Pembangkang sahaja...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Setuju di Kuala Lumpur? Setuju di Kuala Lumpur?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pembangkang

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, terima kasih. Kita mula dari Kuala Lumpur tetapi di Sabah Yang Berhormat nafi, itu di sana pun *living in fear* juga.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Macam ini bolehkah Tuan Yang di-Pertua? [*Dewan riuh*] Yang Berhormat, kita kena beradab, ada peraturan. Yang Berhormat *lawyer*, tetapi belajar tidak habis.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Menteri jangan kalut sangat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi Yang Berhormat, kerajaan telah membuat dengan sebaik dan terbaik dan usaha-usaha yang dibuat ini bukan kita main-main, kita percepatkan. Sembilan pos kawalan akan menjadi kenyataan. Siap pos kawalan, pos kawalan inilah yang memberi kekuatan dan semangat kepada orang-orang Sabah. Melihat pos kawalan yang berada di

sana, mereka seronok. Pos kawalan ini sudah ada sekarang, cuma nampak usang kita perbaiki. Sebanyak 76 ini akan kita perbaiki. Saya percaya dalam masa dua tiga bulan, ia menjadi kenyataan. Bila orang tengok sudah berada kehadiran tentera, kehadiran keselamatan, kita rasa selamat. Kita tidak ada lagi perkataan *living in fear*. Mungkin *you kot*. Okey. [Dewan riuh]

4. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah FDI (Foreign Direct Investment) negara kita dalam tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013 (hingga 30 September 2013). Apakah angka pecah untuk masing-masing negeri dan wilayah di negara kita.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Bandar Kuching, bagi tempoh 2010 sehingga Ogos 2013, sejumlah 3,023 projek perkilangan dengan pelaburan berjumlah RM174.3 bilion telah pun diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 59% merupakan FDI atau pun pelaburan asing, manakala bakinya 41% adalah pelaburan tempatan. Dalam tempoh yang sama, lima negeri yang mencatat jumlah pelaburan asing tertinggi adalah Pulau Pinang iaitu RM19.7 bilion, kedua Johor iaitu RM16.7 bilion, Sarawak ketiga iaitu RM15.6 bilion negeri Tuan Yang di-Pertua, Selangor iaitu RM15 bilion dan kelima Kedah iaitu RM8 bilion.

Akan tetapi bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, sejumlah 463 projek perkilangan dengan pelaburan berjumlah RM29.9 bilion telah diluluskan dan daripada jumlah tersebut, 62% pelaburan asing dan bakinya 37% pelaburan tempatan. Lima negeri yang mencatat jumlah pelaburan asing yang tertinggi adalah pertama Johor iaitu RM6.6 bilion, kedua Sarawak negeri Tuan Yang di-Pertua iaitu RM4.2 bilion, ketiga Melaka iaitu RM2.7 bilion, keempat Selangor iaitu RM1.1 bilion dan seterusnya kelima Pulau Pinang iaitu RM1 bilion. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Soalan tambahan saya. Kita di Malaysia sekarang, kalau kita bandingkan FDI Malaysia negara kita dengan negara jiran kita seperti Singapore, Indonesia kita memang adalah kurang daripada Singapore dan Indonesia. Ini menunjukkan bahawa Malaysia sekarang berada di dalam satu keadaan *middle income trap* di mana *cheap labour investor* pergi ke Indonesia dan *high end industry*, mereka pergi ke Singapore. Saya ingin tahu, apakah strategi kerajaan untuk mengubahsuai supaya kita boleh bertanding, bersaing dengan negara jiran kita dalam penarikan FDI. Itu soalan pertama dan bahagian kedua adalah apakah kesan FDI kepada peningkatan *real income* rakyat kita.

Saya ambil satu contoh di Sarawak. Di Sarawak memang tahun ini banyak FDI yang datang, tetapi kos penarikan FDI ini amat besar kerana *discount* kadar elektrik yang diberikan kepada pelabur-pelabur ini amatlah besar. Pelabur-pelabur FDI ini yang masuk ke Sarawak untuk mendirikan kilang, mereka hanya membayar elektrik pada kadar elektrik 10 sen satu unit sahaja, lebih kurang 10 sen satu unit. Sedangkan industri tempatan bayar 30 sen lebih satu unit elektrik. Dengan ini, sejumlah lebih kurang berpuluh-puluh, beratus juta Ringgit Malaysia kos elektrik telah

diberi kepada pelabur ini, kita telah beri begitu banyak diskaun. Apakah *real income increase* untuk penduduk-penduduk di Sarawak dan di Malaysia akibat daripada FDI yang datang ke negara kita?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Bandar Kuching kerana dia minat bab FDI. Beliau membandingkan tentang FDI negara kita dengan FDI negara lain terutama negara-negara jiran. Sebenarnya dahulu sudah disebut kita tidak boleh bandingkan *apple* dengan bukan *apple* dan sebagainya. Kita masih menerima hakikat bahawa negara kita dalam proses dengan izin, *transaction* daripada *labour intensive* kepada pelaburan yang bersifat teknologi tinggi, dalam peralihan. Jadi kita perlu lebih memilih dan berhati-hati di dalam menentukan dan menarik pelabur kerana sekarang kita lebih menjurus menarik pelabur-pelabur *high end* atau pun berteknologi tinggi. Kita sedang menyediakan segala infrastruktur termasuklah modal insan.

Akan tetapi tidak dinafikan juga kita sedang mengurus pelabur-pelabur yang sedia ada berasaskan *labour intensive*. Ada dalam proses. Oleh sebab itulah kalau kita hendak bandingkan dengan negara lain, ada negara lain yang masih kekal dengan *labour intensive* dan ada negara lain yang sudah pun jauh ke depan, pelaburan dalam bidang berasaskan teknologi tinggi. Jadi untuk itu, kita tidak boleh bandingkan dengan negara kita dengan negara lain. Kita mesti lihat perubahan yang berlaku dalam negara kita ini.

Yang Berhormat Bandar Kuching merujuk kepada pelaburan di Sarawak tadi tentang *real income*. Sebenarnya terus terang saya katakan sukar untuk menjawab secara terperinci tentang *real income* kesan daripada pelaburan yang sedang berlaku di Sarawak. Akan tetapi saya lebih suka menyatakan di sini bahawa kalau kita lihat pelaburan yang berlaku di Sarawak tadi, Sarawak telah pun berjaya pada tahap yang tinggi kerana angka yang saya baca tadi, Sarawak pada tahun ini sahaja berada pada kedudukan yang kedua pada tempoh Januari hingga Ogos berbanding dengan tempoh beberapa tahun lepas yang ketiga. Satu peningkatan yang agak ketara berbanding dengan negara-negara lain. Kalau kita hendak ukur dari segi *real income*, sudah tentu ada satu nilai yang tinggi di situ. Akan tetapi angka yang terperinci, saya tidak boleh sediakan di sini. Kalau Yang Berhormat Bandar Kuching minat, boleh berjumpa saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bolehkah Menteri bekalkan jawapan secara bertulis?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat bahawa sebenarnya Malaysia merupakan negara ketiga sebagai penerima FDI terbesar di kalangan negara-negara ASEAN, tetapi kebanyakannya adalah pelabur-pelabur daripada yang tradisional iaitu Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan dan negara-negara Eropah.

■1100

Jadi soalan tambahan saya adalah, apakah langkah-langkah oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan pelaburan asing ini daripada negara-negara di luar negara-negara tradisional seperti yang terdapat di Perak. Contohnya pelaburan daripada sebuah syarikat gergasi daripada Brazil. Jadi mohon pihak kerajaan memberitahu sedikit tentang langkah-langkah untuk menembusi pelabur-pelabur asing luar daripada yang tradisional ini. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Memang benar sekarang pelaburan asing tertumpu kepada negara-negara seperti Australia, Perancis, Jerman, Jepun, Singapura, Taiwan, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Akan tetapi kalau kita tengok pada tahun 2012 ada angka yang menggalakkan peratusan jumlah pelabur daripada Arab Saudi dan China sebanyak 12.7%, ada trend ke arah itu. Bagi menarik pelabur-pelabur lain masuk ke dalam negara kita. Sebenarnya selain daripada misi perdagangan yang biasa kita buat ke negara-negara seperti yang saya katakan tadi, melalui MIDA kita juga menggalakkan supaya pelaburan juga berlaku dan dapat ditarik daripada negara-negara yang disarankan tadi.

Seperti yang saya sebutkan tadi, kita perlu melihat keupayaan ataupun kelebihan negara-negara tersebut dari segi pelaburan, mengenai minat mereka dan kita perlu padankan dengan segala sumber yang kita miliki. Justeru itu perkara-perkara tersebut perlu kita terus sediakan. Maka sebab itulah kerajaan menubuhkan wilayah pembangunan ekonomi seperti IRDA, NCR, Wilayah Pembangunan Timur, Wilayah Pembangunan Utara Sabah dan Sarawak. Terdapat kelebihan-kelebihan di situ, ada sumber-sumber tertentu yang boleh kita tawarkan kepada negara-negara selain daripada negara-negara yang biasa melabur dalam negara kita. Maksudnya misi terus berjalan dan kita menyediakan segala kemudahan dan sumber yang diperlukan. Sekian terima kasih.

5. Datuk Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan menyatakan langkah yang diambil bagi membendung tindakan sesetengah pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barang ekoran tindakan kerajaan untuk menyelaraskan harga subsidi minyak serta kenyataan pemaju perumahan yang berhasrat menaikkan harga rumah sehingga 10 peratus atas alasan yang sama.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas ini saya beri pantun. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Kota Samarahan bertarikh hari ini, soalan Yang Berhormat Saratok bertarikh 7 November, Yang Berhormat Sepangar dan Yang Berhormat Jelevu bertarikh 14 November, Yang Berhormat Pendang bertarikh 19 November, Yang Berhormat Kuala Kangsar bertarikh 21 November, Yang Berhormat Langkawi bertarikh 25 November dan semuanya pada tahun 2013 kerana menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Hasan bin Malek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Ahli Yang Berhormat tahniah, terima kasih saya kepada soalan ini kerana harga barangan ini adalah merupakan sesuatu yang menjadi perhatian utama kerajaan pada hari ini, dahulu dan juga *insya-Allah* pada masa-masa yang akan datang. Kerajaan percaya bahawa harga barang yang tinggi boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat. Oleh itu kerajaan telah, sedang dan akan terus melaksanakan beberapa program atau langkah bagi membendung usaha pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, yang cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang-barang dalam pasaran ekoran rasionalisasi subsidi oleh kerajaan baru-baru ini ke atas harga petrol dan diesel.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan sebagaimana soalan Yang Berhormat tadi adalah seperti berikut:

- (i) kita meneruskan pelaksanaan program Ops Harga 2013 sehingga akhir tahun ini dengan mempertingkatkan pemeriksaan dan pemantauan yang menyeluruh ke atas peniaga-peniaga. Ops Harga 2013 yang bermula pada 6 Julai 2013 yang lalu bertujuan untuk memastikan peniaga mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan serta tidak mengambil kesempatan memanipulasikan harga;
- (ii) mengeluarkan notis di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 ke atas mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Peniaga yang gagal atau enggan memberikan penjelasan terhadap kenaikan tersebut atau gagal mengemukakan maklumat yang diarahkan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah akta ini;
- (iii) mengadakan perundingan dan dialog dari satu masa ke satu masa di antara kementerian dengan industri terlibat supaya tidak menaikkan harga barangan, produk keluaran atau barangan jualan mereka secara mendadak. Perjumpaan dengan industri yang dibuat secara berkala ini terdiri daripada pengeluar, pengimport, pengusaha restoran serta persatuan dan Dewan Perniagaan bertujuan berbincang dan mendapatkan maklum balas bagi mengenal pasti impak kepada kenaikan harga petrol dan diesel. Sesi perjumpaan dan perundingan ini telah memberikan hasil yang amat positif di mana pihak industri telah memberikan jaminan dan komitmen pimpinan mereka telah bercakap dan memberikan *flash* kepada kita, jaminan dan komitmen untuk tidak menaikkan harga barangan kerana rasionalisasi subsidi petrol dan diesel memberikan kesan yang minimum kepada kos operasi mereka; dan
- (iv) melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan sebagai salah satu kaedah untuk menyekat kenaikan barang yang tidak munasabah semasa permintaan tertinggi pada musim-musim perayaan. Pada tahun 2013 ini

sahaja, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah dilaksanakan pada Tahun Baru Cina yang lalu, Hari Gawai di Sarawak, Pesta Kaamatan di Sabah dan Hari Raya Puasa. Skim ini akan terus dilaksanakan bagi perayaan Deepavali dan Hari Krismas yang akan datang. Semasa skim ini berkuat kuasa, peniaga dikehendaki menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan oleh kerajaan. Kegagalan berbuat demikian boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Saya akan membuat satu pengumuman berkenaan dengan skim ini menjelang perayaan Deepavali dan Hari Krismas.

Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat telah mengemukakan soalan yang kedua berkenaan dengan kenyataan pemaju perumahan yang berhasrat menaikkan harga rumah sehingga 10%. Pihak kita salah satu daripada agensi di bawah kementerian iaitu Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (REHDA) dan pihak-pihak lain yang berkenaan untuk mengenal pasti sama ada pihak REHDA – untuk mengenal pasti sama ada terdapat elemen-elemen anti persaingan. Dalam perjumpaan dengan pihak REHDA, pihak MyCC telah diberikan bukti bahawa REHDA tidak ada membuat kenyataan tersebut malah mendapat jaminan mereka bahawa mereka tidak terlibat dalam apa-apa kartel dan akan sentiasa mematuhi undang-undang berkaitan.

■1110

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh pendekkan? Jawapan Menteri terlalu panjang.

Dato' Hasan bin Malek: Nanti-nanti. Selesai sedikit. Sebab soalan itu kena jawab jelas. Ada separuh pembangkang dia tak faham. Jadi kena cerita panjang betul-betul. Terima kasih.

Jika pihak MyCC dapat mengesan sebarang amalan pakatan sulit di antara pemaju-pemaju perumahan dalam menaikkan harga rumah, tindakan undang-undang yang tegas di bawah Akta Persaingan 2010 akan diambil segera kerana ia melibatkan kepentingan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana begitu prihatin mendengar denyutan nadi rakyat, kawasan luar bandar, kawasan bandar, semuanya. Kita melihat pada hari ini khususnya pada musim perayaan, barang-barang kawalan dapat dikawal dengan baiknya. Contohnya Hari Raya Haji baru-baru ini, harga ayam, harga daging walaupun daging dikorbankan tetapi daging kambing dan sebagainya dapat dikawal dengan baik. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kementerian juga di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri.

Soalan saya, apa yang saya nak tanyakan pada hari ini adalah soalan tambahan saya, bagaimana tindakan-tindakan yang akan terus diambil untuk menangani isu-isu harga, dan untuk lebih berkesan dan tindakan-tindakan yang bakal diambil untuk membendung peniaga-peniaga daripada menaikkan harga ekoran rasionalisasi subsidi?

Keduanya, bagaimanakah peningkatan perancangan yang kementerian ingin buat berkaitan dengan pegawai penguatkuasaan yang membolehkan tindakan yang lebih berkesan dapat dilaksanakan oleh kementerian untuk menangani isu harga barang-barang ini naik?

Saya ingin mengesyorkan kepada kementerian, graduan-graduan kita yang tidak ada kerja pada hari ini mereka tidak bekerja. Berikan peluang dan ruang kepada mereka untuk menjadi pegawai-pegawai penguat kuasa sebab saya menyatakan di sini kerana hasil pengamatan dan *feedback* saya dapat daripada rakyat, kementerian hanya menghadapi masalah dengan penguatkuasaan. Kalau dapat kita lipat gandakan dalam konteks tersebut, saya amat yakin dan percaya pada hari ini kita dapat menyelesaikan banyak isu-isu khususnya Deepavali bakal kunjung tiba, hari Krismas juga. Terima kasih.

Dato' Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Satu soalan yang terpaksa saya memberi penerangan yang jelas supaya rakyat faham. So minta maaf kalau jawapan ini panjang sebab saya nak beritahu tentang keberkesanan, apa yang saya sebut tadi langkah-langkah yang kita ambil. Langkah ini, adakah berkesan atau tidak? Itu soalan yang pertama. Soalan kedua tadi pegawai penguatkuasaan.

Jadi untuk soalan yang pertama tadi berkenaan dengan pencapaian nya, rekod telah menunjukkan bahawa segala usaha yang ita buat sama ada Ops Harga, skim harga barangan, MICC dan lain-lain, pada kami ia adalah amat berkesan begitu sekali. Ini kerana daripada pencapaian Ops Harga 2013 yang bermula 6 Julai 2013 hingga 21 Oktober 2013 hari ini, sebanyak 404,553 pemeriksaan telah dilaksanakan di seluruh negara ke atas semua peringkat perniagaan. Daripada pemeriksaan tersebut, tindakan kes yang telah diambil adalah sebanyak 3,011 kes dengan jumlah rampasan bernilai RM864,807 dan keseluruhan nilai kompaun dikenakan sebanyak RM259,630. Maknanya tadi ada yang kita rampas, ada yang kita kompaun dan sebagainya, maknanya berkesan apa yang kita buat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat pun faham, tengok dalam akhbar, dalam berita-berita yang kita muatkan hasil-hasil daripada pemeriksaan tersebut. Mereka berisiko tinggi menghadapi semua ini tetapi *alhamdulillah* tindakan itu telah menunjukkan keberkesanan tindakan-tindakan kita. Kes-kes yang telah dihasilkan sebanyak 2,138 kes di bawah kesalahan tidak meletakkan tanda harga atau senarai harga bagi barangan yang dijual. Sembilan kes di bawah kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum yang ditetapkan, manakala 864 kes di bawah kesalahan gagal menentu sahkan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk perniagaan. Itu dalam konteks Ops Harga barangan.

Dari segi Ops Harga yang kita buat, yang ada hubung kait dengan rasionalisasi subsidi petrol-diesel, sebanyak 124,956 pemeriksaan telah dilaksanakan di seluruh negara ke atas semua peringkat perniagaan. Daripada pemeriksaan tersebut, tindakan kes telah diambil sebanyak 711

kes dengan jumlah rampasan bernilai RM312,507 dan keseluruhan nilai kompaun dikenakan sebanyak RM78,730. Kes-kes yang dihasilkan sebanyak 494 kes di bawah kesalahan tidak meletakkan tanda harga atau senarai harga bagi barangan yang dijual manakala 217 kes di bawah kesalahan gagal menentu sah alat timbang dan sukat yang digunakan untuk perniagaan. Maksud saya dengan maklumat ini, ini pemeriksaan yang kita buat dan kes-kes yang telah dapat kita peroleh. Ini kita terus ambil tindakan.

Di samping daripada tindakan-tindakan tersebut itu, kita juga menerima aduan-aduan daripada rakyat melalui pusat aduan kita bernombor 1-800-886-800. Ini pusat aduan kita yang beroperasi waktu pejabat di mana aduan mengenai harga dan bekalan ini bermula daripada 3 September hingga 21 Oktober 2013, daripada pusat aduan yang saya sebutkan tadi, kita terima sebanyak 189 aduan. Aduan-aduan yang diterima merupakan 125 aduan berhubung dengan kenaikan harga makanan, 7 aduan berhubung dengan kenaikan bukan makanan, 34 aduan mengenai kenaikan harga barang kawalan, 8 aduan mengenai gangguan minyak petrol-diesel dan 15 aduan-aduan yang lain-lain. Daripada 189 aduan tersebut, sebanyak 149 aduan telah selesai. 40 aduan masih dalam siasatan dan 19 kes telah dihasilkan.

Oleh kerana itu, dalam kesempatan ini juga saya nak menggalakkan dan menyeru kepada pengguna-pengguna supaya mereka gunakan tanggungjawab dan hak mereka untuk memaklumkan kepada kementerian supaya melalui aduan tersebut, kita siasat, kita tengok dan kalau mereka lakukan kesalahan, kita ambil tindakan. Ini kerana sambutan dan respons daripada rakyat pun kita perlu juga. Jangan bulat-bulat serahkan kepada kementerian. Naik harga barang, kementerian. Tak begitu.

Begitu juga dengan Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan maklumat ini diuar-uarkan. Nombor ini digunakan untuk pengguna membuat aduan. Apa sahaja yang ada hubung kaitnya dengan harga barangan tadi.

Jadi dengan maklumat yang saya berikan tadi, jelas bahawa langkah yang kita ambil ini amat berkesan sekali dan *insya-Allah* dengan bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cukup yakin ini akan dapat kita selesaikan dan dapat kita kurangkan tindakan-tindakan mereka yang mengambil tindakan atas kepentingan peribadi sesuka hati mereka sahaja, naikkan harga, fikirkan keuntungan mereka sahaja. Oleh kerana itu, sokongan daripada Yang Berhormat amat kita perlukan.

Jadi berkaitan dengan ini, selain daripada usaha-usaha yang kita buat adalah tentang pegawai-pegawai penguatkuasaan. Saya merakamkan tahniahlah daripada pegawai pengaut kuasa ini dengan berbekalkan kepada akta-akta yang kita ada, mereka telah turun ke bawah. Saya ingat baru-baru ini di Kuala Lumpur ada buat serbuan. Begitu juga di Kota Bharu, di Kuching, di Langkawi – cetak rompak, di Cheras – barang tiruan. Ini perkara-perkara yang telah diusahakan oleh pegawai penguatkuasaan dan berjaya.

Ini pada kita, kita melihat ia perlu ditambahkan. Oleh kerana itu baru-baru ini kita telah mengiklankan jawatan ini untuk diisi kerana jumlah perjawatan penguat kuasa yang ada di kementerian adalah 2,185, yang telah diisi 1,855. Makna ada kekosongan 330. Ini sedang

dijalankan dan malahan temu duga telah dijalankan. Temu duga ini melibatkan soal fizikal, kemampuan mereka secara fizikal boleh atau tidak mereka berjaga pukul tiga pagi, empat pagi, jati diri dia. Selain daripada itu, dari segi kelulusan dan sebagainya, kita ambil cadangan daripada Yang Berhormat. Kita nak ambil graduan-graduan yang baru keluar ini. Jadi oleh kerana ini kita sekalikan *insya-Allah* dengan penampilan anak-anak muda, bersama-sama dengan kementerian, penguatkuasaan ini akan dapat kita laksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

■1120

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Kalau dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri itu orang kampung tidak ada masalah, tetapi masalah realiti yang berlaku di bawah. Harga barang naik, ini realiti berlaku. Kerang kita tengok, dahulu kita tengok harga RM1.20 sekarang sudah naik sampai RM4. Itu soal yang saya hendak tanya. Berapa ramai di kalangan penguat kuasa yang ada untuk melakukan Ops Harga?

Yang keduanya ialah berapa harga maksimum yang ditentukan oleh kementerian terhadap satu barang? Saya pernah mendengar dahulu Yang Berhormat Menteri kata kenaikan harga minyak hanyalah 1% sahaja. Sedangkan realiti yang berlaku tidak berlaku, kalau barang RM1 naik RM1.10 sudah 10% bukannya 1%. Jadi sebab itu apa yang berlaku apabila kita berjumpa dengan peniaga-peniaga. Apabila kita bercakap tentang harga yang mahal, sudah ada peraturan, dia kata pergi cari dekat Menterilah, jangan datang kepada kami. Inilah yang berlaku di peringkat bawah.

Oleh Sebab itu kita harapkan supaya hal berkenaan dengan kenaikan harga minyak ini memang memberi kesan, walaupun pihak Menteri cakap dialog dengan pihak industri, kerana dengan kenaikan 20 sen harga minyak, RM10 yang kita isi minyak hari ini, kita telah rugi sebanyak RM1.05. Treler yang isi RM500, cuba bayangkan mereka terpaksa rugi hampir RM50.50. Maka dengan sebab itu kenaikan harga barang mempunyai kaitan dengan harga minyak. Sekian.

Dato' Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang yang menerangkan. Saya juga wakil rakyat kampung. Saya juga turun ke bawah melihat, mendengar rintihan rakyat. Jadi apa yang kita betulkan, pengguna rakyat ini mesti menjadi pengguna yang bijak. Dia tahu menggunakan hak dia. Dia tahu memberikan pandangan dan sebagainya. Oleh kerana itu, informasi yang bermaklumat ini penting bagi rakyat ini. Oleh sebab itu apa yang disebut tadi tentang harga barang naik tadi tidak sepatutnya berlaku sedemikian. Misalnya rasionalisasi subsidi 20 sen yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 3 September lalu.

Rakyat melihat satu keputusan yang tidak popular. Betul tidak popular, tetapi sebenarnya rasionalisasi subsidi 20 sen tadi telah dapat menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM1.1 bilion, Yang Berhormat Bukit Gantang. Kita dapat jimatkan ini. Selain daripada RM24.3 juta yang kita bagi subsidi barangan-barangan yang lain, yang saya sebutkan rasionalisasi subsidi 20 sen tempoh hari.

Kita menjimatkan RM1.1 bilion dan RM1.1 bilion inilah sebenarnya sebagai tambahan untuk kita hendak mempertingkatkan pembangunan infrastruktur kita. Hendak bina klinik, sekolah dan jalan raya. Duit inilah yang kita gunakan. Sama juga kita hendak beri kepada rakyat yang layak

melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia. Yang ini pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju kita akan naikan jumlah peruntukan Bantuan Rakyat 1Malaysia ini, lebih daripada RM500, kerana kita dapat jimatkan tadi. Jadi apa yang saya hendak jelaskan, sungguhpun keputusan tidak popular, sebenarnya pertamanya dia telah dapat berjaya mengukuhkan ekonomi negara kita, tidak macam Amerika dan sebagainya, satu.

Keduanya pula, golongan sasaran dapat faedah daripada rasionalisasi subsidi tadi. Jadi dalam lain perkataan Yang Berhormat Bukit Gantang, saya- jangan terlalu mudah sangat, sebab itu rakyat kata tanya dengan Menteri. Ini bukan soalnya. Kita adalah pengguna dan mereka juga mesti menggunakan tanggungjawab hak dia tadi. Adu kepada kita. Kalau ada benda menaikkan sesuka hati mereka, pegawai-pegawai penguat kuasa saya bersedia untuk turun ke padang.

Kita sudah turun ke Sandakan dan banyak lagi, untuk kita membantu betul atau tidak tuduhan-tuduhan tersebut. Aduan bermaklumat inilah sebenarnya dapat membantu kementerian saya untuk melaksanakan supaya kenaikan harga barang ini tidak dibuat sewenang-wenangnya. Terima kasih Yang Berhormat.

6. Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) langkah-langkah terperinci yang diambil oleh kerajaan untuk meringankan beban pesakit kanser, memandangkan pesakit kanser memerlukan rawatan dan pembedahan yang berkos tinggi dan ini telah membebankan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana; dan
- (b) usaha-usaha terperinci yang diambil oleh kerajaan untuk membawa kesedaran masyarakat umum mengenai penyakit kronik ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar. Soalan ini berkenaan dengan beban kepada pesakit kanser. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari dan prihatin akan masalah bebanan yang ditanggung oleh pesakit kanser. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak setiap tahun lebih kurang RM100 juta untuk pengurusan dan rawatan pesakit kanser. Dalam jumlah ini, RM76 juta adalah untuk ubat-ubatan, RM20 juta untuk *consumable* dan lain-lain untuk 'sedatif', ditambah pula dengan RM60 juta lagi untuk *anesthesiology* dan rawatan rapi, *intensive care* Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, *charge* yang dikenakan ke atas pesakit adalah amat-amat minimum, amat-amat kurang. Saya hendak bagi contoh untuk rawatan kemoterapi Tuan Yang di-Pertua, untuk kelas satu dikenakan *charge* purata RM200. Kelas dua, RM100 dan kelas tiga hanya RM50 setiap kali rawatan. Kalau dibandingkan dengan kos ubat.

Saya bagi contoh juga tentang ubat, contoh rawatan kanser payu dara. Ubat satu *ampoule*, satu tiub ubat kosnya adalah RM6,343 satu *ampoule*. Setiap pesakit akan perlu enam hingga 17 *ampoule* atau 17 kali *injection*. Kalau 17 kali maknanya kos pada seorang pesakit sahaja lebih kurang RM100 ribu, ubat sahaja. Kos macam sakit kronik macam leukemia, ubat yang jenis baru ini 60 biji harga dia RM4,473. Jadi ini kos yang amat-amat tinggi. Akan tetapi kerajaan mengenakan *charge* yang amat rendah.

Untuk kemoterapi Tuan Yang di-Pertua, ada pelbagai jenis terapi, ada lima jenis terapi, X-ray terapi. Kelas satu paling tinggi dikenakan *charge* RM50. Kelas dua paling tinggi dikenakan *charge* RM25 satu rawatan dan kelas ketiga dikenakan RM12 satu rawatan. Rawatan ini dijalankan di pelbagai pusat yang dipunyai oleh kerajaan dan juga oleh swasta. Pusat yang ada rawatan terapi ialah di Kuala Lumpur, di Hospital Sultan Ismail Pandan, di Bintulu, Sarawak, Lukas di Sabah dan yang terbaru Pusat Kanser Negara. Kalau negeri-negeri yang tidak ada pusat rawatan ini kerajaan beli perkhidmatan dari swasta. Contoh di Pulau Pinang ada dua tempat yang kerajaan beli perkhidmatan. Di Nilai ada, di Melaka ada dua tempat, di Klang satu dan di Kuala Lumpur ada lagi di Gleneagles dan di Tung Shin. Kos setiap rawatan yang kerajaan beli, kerajaan *charge* saya sebut tadi maksimum RM50 satu rawatan. Akan tetapi untuk keseluruhan kalau pergi sepuluh kali bermakna RM500. Akan tetapi yang kerajaan beli servis daripada swasta lebih kurang RM5,000. Jadi kerajaan tanggung yang lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan juga mengadakan program *awareness campaign* yang saya selalu sebut iaitu mengadakan kempen melalui media, risalah-risalah, media elektronik dan media cetak. Mulai tahun 1995, Kementerian Kesihatan mengadakan kempen *Cara Hidup Sihat* bertemakan "*Maju Tanpa Kanser*". Kempen ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat umum tentang tanda-tanda awal kanser.

Kedua, kerajaan juga mengadakan kempen imunisasi HPV, ini untuk remaja-remaja perempuan yang umur 13 tahun di peringkat sekolah menengah. Ini diberi percuma. Ketiga ialah tentang hepatitis 'B'. Ini juga boleh menyebabkan kanser. Ini diberi kepada kanak-kanak mulai tahun 1989, Tuan Yang di-Pertua.

■1130

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menerima baik cadangan dan pembiayaan kos yang dilakukan oleh kerajaan. Akan tetapi, tidak dapat dinafikan ramai golongan muda mahupun tua yang menjadi mangsa penyakit kanser ini tidak dapat membiayai kos perubatan. Ini termasuk mendiang ayah saya Encik Gowindasamy yang telah meninggal dunia pada tahun 2003 akibat penyakit kanser. Kami sekeluarga ketika itu pun tidak dapat menanggung kos perubatan. Soalan saya secara terperinci adalah adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu tabung khas, satu tabung yang khusus untuk membantu membiayai kos penyakit kanser terutamanya untuk golongan miskin dan sederhana?

Soalan kedua saya ialah mengapa kerajaan tidak mengiktiraf atau memartabatkan Majlis Kanser Nasional (MAKNA) yang telah dibentuk oleh Dato' Mohd Farid Ariffin sebagai satu badan di bawah naungan Kementerian Kesihatan Malaysia secara langsung untuk membantu pesakit kanser. MAKNA kini sedang berfungsi sebagai dengan izin, *not for profit social enterprise* sebagai satu badan NGO. Tidak dapat dinafikan peranan MAKNA dalam membantu pesakit kanser amat menyerlah, lebih menyerlah daripada bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Ini termasuk penubuhan PPUKM iaitu MAKNA *Cancer Centre*.

So, saya mendesak agar kementerian mempertimbangkan cadangan untuk memartabatkan dan mengiktiraf MAKNA serta seterusnya memperuntukkan dana supaya MAKNA dapat berfungsi dengan lebih efektif tanpa sebarang kekangan dana. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sebut dengan kos yang ditanggung oleh kerajaan manakala di pihak pesakit, dia cuma bayar sedikit sahaja, amat-amat sedikit. Kalau dia tidak boleh bayar juga memang pihak hospital akan rujuk kepada tabung yang dipanggil Tabung Kebajikan Perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Memang diluluskan oleh Parlimen dan memang tabung itu hidup, elok dan pesakit kalau tidak dapat bayar akan dirujuk kepada tabung kebajikan ini, yang di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh MAKNA, oleh badan NGO ini memang cukup baik dan memang kita merujuk kes pesakit-pesakit daripada Kementerian Kesihatan, merujuk kepada Majlis Kanser Negara dan juga ada dua badan yang kita selalu berhubung iaitu Majlis Kanser Negara dan satu lagi Persatuan Kanser Malaysia. Memang kita rujuk Tuan Yang di-Pertua. Ini bermakna kita mengiktiraf kedua-dua badan ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan. Sila Yang Berhormat Menteri.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 23 Oktober 2013”.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (Pindaan) 2013

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[21 Oktober 2013]**

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Bandar Kuching menyambung ucapan.

11.34 pg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak. Antara 10 hingga 20 minit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita menangguhkan Mesyuarat semalam, dalam perbahasan kita, kita telah menunjukkan beberapa klausa, fasal yang tidak masuk akal yang telah disebut dalam rang undang-undang ini.

Pagi ini saya nampak ada dua fasal yang telah dibatalkan dan dipotongkan iaitu fasal 5 dan fasal 33. Akan tetapi, saya berasa amatlah kesal kerana fasal 11 yang di mana, "*disclosure of information*" yang saya akan baca klausa ini, yang merupakan seksyen yang baru untuk *Penal Code* itu. "*Whoever discloses any information or matter which has been obtained by him in the performance of his duties or the exercise of his functions under any written law shall be punished with fine of not more than one million ringgit, or with imprisonment for a term which may extend to one year, or with both*", dan juga subseksyen 2.

Saya berasa kesal kerana fasal ini tidak dibatalkan, tidak diambil keluar. Maksudnya, kalau undang-undang ini diluluskan, walaupun pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dianggap satu kesalahan di bawah seksyen ini kerana apa-apa angka yang diperolehi oleh beliau adalah *information obtained by him in the performance of his duties as the Prime Minister*. Sekiranya dia *disclose the information*, dia akan melakukan satu kesalahan di bawah seksyen yang baru ini. Oleh itu, saya ingin menyeru sekali lagi supaya fasal ini dibatalkan dan ia juga tidak selaras dengan prinsip transparensi, prinsip akauntabiliti yang amat diuar-uarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang mana dia kata selepas pilihan raya UMNO, dia kata *transformation can be done by the all guts, the same people*.

Akan tetapi, nampaknya transformasi ini bukan menghala kepada *more transparency* tetapi *it's a backward steps*. Dahulu kita hanya ada *official*, hanya informasi yang diklasifikasikan di

bawah *Official Secret Act* yang tidak boleh di *disclose*. Sekarang ini, “*any information*” dan tidak kira siapa sahaja, bukan sahaja kakitangan kerajaan tetapi juga sesiapa sahaja yang *disclose information in the performance of his duties*. Oleh itu, ini adalah poin-poin yang saya ingin huraikan tentang *bill* ini dan topik yang lebih *general* yang mengenai Akta Kanun Keseksaan...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Bandar Kuching, celahan?

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching, bukan Kuching.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Oh! Okey, Yang Berhormat Bandar Kuching. *Sorry*.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Sebenarnya soalan saya ialah *disclosure of information* ataupun seksyen 203A, adakah ini bercanggah dengan *Whistleblowers Act* yang sedia ada?

Apabila kerajaan pada sesi yang lalu kemukakan *Whistleblowers Act*, mereka mengatakan bahawa ini adalah untuk mengurangkan rasuah dalam kerajaan. Akan tetapi, sekarang nampaknya mereka *are going back at the position to* untuk menyelesaikan masalah rasuah. Minta pandangan Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, yang ini pandangan saya adalah ia bukan sahaja bercanggah dengan *Whistleblowers Act* tetapi ia bercanggah dengan prinsip *freedom of information* sekali gus. Dengan kelulusan fasal ini sebagai undang-undang kita, sememangnya akan meningkatkan kes-kes rasuah dan kes-kes salah guna kuasa di kalangan kakitangan kerajaan.

Isu kedua yang saya ingin huraikan adalah bahawa keselamatan memang satu perkara yang saya rasa, saya berpendapat bahawa kedua-dua pihak kita amatlah prihatin. Kebelakangan ini, kemerosotan keadaan keselamatan di negara kita pun sudah sampai satu tahap yang amat membimbangkan. Dua hari lalu, saya ada berdialog dengan penduduk-penduduk di Bandar Kuching, di sebuah taman perumahan yang mana aduan mereka adalah tiap-tiap minggu ada satu, dua kes pecah masuk rumah sehinggakan mereka pun rasa tidak selamat dalam rumah mereka sendiri.

■1140

Mereka buat laporan kepada polis, nampaknya polis tidak dapat buat apa-apa. Salah satu punca kenapa itu berlaku begitu kerap kali adalah kerana ada kereta yang bercermin gelap yang sentiasa ronda di taman perumahan mereka dan mereka tanya polis, polis kata tidak ada apa-apa.

Oleh itu, saya tidak boleh buat apa-apa. Saya anggap itu masalah pengawalan jenayah, bukanlah hanya dengan meluluskan undang-undang yang lebih ketat atau lebih serius bagi hukuman yang lebih berat sahaja tetapi penguat kuasa yang cekap dan adil harus memainkan satu peranan yang penting.

Dua minggu lalu, saya rasa saya ingin beri satu contoh dalam Dewan yang mulia ini mengenai satu kenyataan yang langsung tidak masuk akal oleh OCPD di SibU. Dua minggu lalu, OCPD itu iaitu Ketua Polis Daerah di SibU mengatakan dalam surat khabar, "*SibU has no gangster*". SibU tidak ada gengster langsung. Orang-orang yang dianggap gengster itu mereka ini nampaknya ganas sahaja tetapi mereka bukan gengster. Saya percaya Yang Berhormat Bintulu ada baca surat khabar ini juga tetapi apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bintulu sudah banyak kali soal ini SibU punya isu. Ini hari *you* beri isu, baru soal ini isu. Sudah berapa lama isu itu? Yang Berhormat Bintulu sudah berapa kali isu ini gengsterisme lawan sama OCPD?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu, saya akan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya bukan tidak baca.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Bintulu memang setuju dengan pandangan saya bahawa mustahilnya SibU tidak ada samseng, tidak ada gengster. Di mana-mana masyarakat pun ada gengster tetapi sama ada kegiatan mereka ini terkawal. Inilah hakikatnya dan gengster di SibU amatlah termasyhur. Betulkah, setujukah Yang Berhormat Bintulu?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Bandar Kuching, *you* setujukah tidak, dalam surat khabar, saya sudah cakap, kita memang akui kita ada kelemahan di SibU. Saya sudah soal dalam surat khabar minta Menteri Dalam Negeri ambil tindakan disegerakan. Setuju atau tidak surat khabar saya sudah cakapkan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dua-dua setujuah ini?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Setuju tetapi hakikatnya...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Setuju, sudahlah tetapi ini kerajaan Barisan Nasional, MP pun sudah cakap, bukan tidak ada cakap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: MP cakap tidak, barisan MP tidak cakap tidak ada, kerana...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat SibU sudah bangun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia bagi keliru sahaja orang cakap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kerana OCPD di Sibu kata tidak ada samseng. OCPD di Sibu kata Sibu tidak ada samseng. Adakah ini betul? Kenapa beliau menyatakan satu kenyataan sebegitu? Sudah dirasuahkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibu tidak bangun? *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu saya anggap..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibu bangun Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oh! Ada bangunkah?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya ada surat khabar yang menunjukkan bahawa OCPD Sibu menyatakan bahawa Sibu tidak ada kongsi gelap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Ketawa]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Dia cakap lima kongsi gelap yang dinyatakan oleh Kementerian Dalam Negeri itu adalah silap. Jadi saya mahu Menteri, memohon Menteri menjawab, adakah informasi yang dibekalkan oleh Kementerian Dalam Negeri itu adalah silap? Siapa yang bohong dalam kes ini? Saya mahu Menteri memberi jawapan.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya hendak tanya penjelasan Yang Berhormat Bandar Kuching. Adakah Yang Berhormat Bandar Kuching setuju dengan adanya seksyen 203A ini yang mana satu denda sehingga RM1 juta ini akan mempromosikan satu amalan yang tidak baik di mana pihak berkuasa boleh menjadikan alasan ini sebagai rasuah?

Terdapat kes sekarang seperti mana kerajaan telah meminda seksyen 43, Akta Pengangkutan Jalan di mana dendanya adalah sekurang-kurangnya RM4,000 hingga RM10,000. Jadi terdapat kes kemalangan di mana mereka pergi buat *report*, IO kemudian akan kata hendak bayar di sini RM300, pergi mahkamah RM4,000. Jadi, adakah Yang Berhormat Bandar Kuching setuju situasi begini ia akan mempromosikan rasuah dalam kalangan pihak berkuasa?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Untuk menjawab itu, Yang Berhormat di Sibu...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bandar Kuching kerana Yang Berhormat Bandar Kuching menyentuh tadi mengenai gengsterisme. Ya, kawasan saya memang terkenal dengan kumpulan-kumpulan gengster ini tetapi apabila kita berinteraksi dengan sebahagian daripada pegawai polis, maka mereka memberi maklumat mengatakan mungkin mereka tidak berani hendak beri sepenuhnya bahawa sekarang ini dipanggil gengsterisme ini *veil*, ia ada tertutup begitu. Kita tidak nampak.

Oleh kerana mereka misalnya, kalau kawasan saya, dia tidak mengacau ataupun kalau yang India tidak kacau yang Melayu, yang Melayu tidak kacau yang India, tidak kacau yang Cina.

Dia kacau bangsa dia sendiri. Apa yang berlaku sekarang ialah mereka berubah daripada gerakan ataupun aktiviti haram kemudian ke aktiviti yang halal, *legal*. Polis mengetahui hal ini. Malah polis juga mengetahui bahawa 'paw-mengepaw' ini adalah satu perkara yang biasa. Ya, '*paw-mengepaw*' bahasa yang digunakan oleh mereka. Saya pun baru beberapa kali terperangkap di dalam menziarahi kematian beberapa orang ahli gengster ini, saya tidak tahu, bila sampai saya tengok nombor itu baru saya tahu. Ya, bila dapat nombor tetapi saya menziarahi ibu keluarganya. Maknanya yang mati itu saya tidak boleh buat apa-apa.

Namun, pada hari kematiannya itu, polis trafik membantu mereka untuk membuat perarakan, jelas ada nombor-nombor ini. Jadi, kalau ia begitu jelas, kenapa saya pun tidak faham kenapa polis tidak boleh bertindak. Malah bila kita bercakap mengenai - saya tidak tahulah tempat lain tetapi *there is more to* gengsterisme. Saya rasa dia tidak boleh hidup seperti sekarang sekiranya ada elemen-elemen penyelewengan rasuah dan sebagainya. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Memang saya setuju kerana apa contoh yang diberi oleh Yang Berhormat dari Sibu amatlah ketara bahawa walaupun Menteri cakap satu perkara tetapi OCPD, Ketua Polis Daerah cakap benda lain. Sedangkan Menteri Dalam Negeri katakan ada kongsi gelap di Sarawak, di Sibu di mana-mana tetapi OCPD di Sibu kata tidak ada, tidak ada kongsi gelap di Sibu.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau inilah pandangan OCPD, Ketua Polis Daerah bagaimana kita hendak *solvekan*, hendak selesaikan itu masalah keselamatan?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh mencelah?

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat, saya dengar hujah Yang Berhormat kata ada kongsi gelap di Sibu sedangkan OCPD pula kata tidak ada. Boleh atau tidak Yang Berhormat di sini bagi nama, nama kongsi gelap *[Dewan riuh]* kerana saya percaya kemungkinan ada tiga orang kah, lima orang yang berlagak, yang berkelakuan macam kongsi gelap tetapi mungkin mereka tidak milik mana-mana kongsi gelap tetapi kelihatan macam gengster? Jadi sekiranya Yang Berhormat kata ada, bagilah nama di sini. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Patutlah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu Yang Berhormat Simpang Renggam itu tempat yang terkenal untuk menyimpan kongsi gelap itu. *[Ketawa]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh mencelah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya amat minat dengan siapa-siapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibu bangun Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya mahu bertanya, adakah Yang Berhormat Bandar Kuching bersetuju OCPD Sibu ini mesti diambil tindakan disiplin kerana dia tidak, kerana bos dia yang cakap sesuatu tetapi dia cakap sesuatu yang lain, *different*?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, iaitu nama - memang nama itu kongsi gelap di Sibu itu ada dalam senarai, senarai 57 orang yang diumumkan oleh Menteri Dalam Negeri.

■1150

Sebelum itu UMNO *election*lah tetapi selepas UMNO *election* nampaknya itu kongsi gelap pun jadi bukan kongsi gelap sudah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Haiya!*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Haiya! [Ketawa]* Ini memang, oleh itu saya berasa kluatir sangat kerana dari pandangan orang ramai itu gengster, penjenayah itu selalunya bersahabat baik dengan anggota polis. Kalau kita pergi turun padang tengok di Sarawak...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Wah! Ramai orang mahu mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ramai yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Bintulu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Bintululah sama-sama negeri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sat lagi bagi Yang Berhormat Lenggonglah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Bandar Kuching setuju sama sayakah tidak? Bila kita pasukan polis ambil tindakan keras, ambil operasi semua. Bila ada tangkapan-tangkapan, Yang Berhormat Bandar Kuching setujukah tidak? Bila ada polis buat tangkapan janganlah kita wakil rakyat daripada pembangkang, bila dia punya keluarga buat huru-hara janganlah kita Ahli-Ahli Yang Berhormat, ADUNkah, Parlimenakah, terus pergi bergaduh sama polis. Setuju atau tidak bagi peluang polis menjalankan siasatan dahulu, setuju atau tidak setuju?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua ini orang jahatlah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukan jahat ini memang...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sentiasa hendak buat kenyataan dan niat jahat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini memang bukti...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bilakah, boleh Yang Berhormat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi saya dahulu Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Bintulu bolehkah Yang Berhormat Bintulu sebutkan satu insiden di mana kita campur tangan dalam penangkapan samseng? Bila?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Isu Kugan itu bukan Pakatan Rakyat semua itu?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan jangan buat andaian-andaian yang tidak betul.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bandar Kuching bagi Yang Berhormat Lenggong sekejap, sedikit sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Kongkalikung.*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ha, *Kongkalikung.* Tuan Yang di-Pertua saya pelik sedikit tengok Yang Berhormat Bandar Kuching dan beberapa rakan tadi. Orang yang sepatut kita sokong kita tidak sokong, yang tidak sepatut kita sokong pun kita buat sebaliknya. Kalau dia betul-betul ada keinginan hendak membanteras isu gengster, kongsi gelap kenapa tempoh hari waktu kita bentangkan rang undang-undang tidak sokong?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Nanti, nanti dahulu sabar dahulu. Ini *double standard* sekejap sokong sekejap tidak sokong, *triple standard.* Kemudian saya hendak tanya tadi Yang Berhormat Bandar Kuching sebut, saya dengar tadi dia kata kumpulan gengster ini bersahabat dengan polis. Ini tuduhan, tuduhan yang liar yang merendah dan menjatuhkan martabat polis. Kalau betul ada bukti, tunjukkanlah kenapa buat tuduhan macam ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya saya akan tunjuk bukti, saya akan tunjuk bukti *you* duduk.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hei! Hei!. Okey Yang Berhormat Bandar Kuching saya duduk Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat kena duduk, saya akan tunjukkan bukti.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak apa. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Bandar Kuching suruh saya duduk saya duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya akan tunjukkan bukti Yang Berhormat sila duduk. Sila duduk.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Baru saya duduk tetapi sebab *you* suruh saya duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Duduklah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak apa terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, tadi sebelum Yang Berhormat Lenggong hendak mencelah saya sudah hendak beri contoh dan bukti bahawa bagaimana Polis Diraja Malaysia bersahabat baik dengan gengster-gengster atau penjenayah. Kalau Tuan Yang di-Pertua pergi turun padang, kita boleh tengok kebanyakan kereta cermin gelap itu, gelap sampai tidak boleh tengok siapa dalam itu. Ini kebanyakan itu mereka adalah terlibat dalam penjenayah ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kereta dekat Parlimen ini banyak yang...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oh! Ini tidaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Banyak yang gelap Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau Perdana Menteri, hakim itu terkecuai. Kebanyakan kereta itu ada lambang, ada *crest* di mana itu ada Kelab Polis atau Kelab Pesara Polis yang berkaitan dengan polis, PDRM. Saya beberapa kali tengok ada *roadblock* kereta yang ada *crest* itu walaupun ada cermin gelap tetapi langsung tiada periksa. Mereka polis atau trafik polis tengok sahaja *crest*, jalan sahaja. Aduan yang saya terima hari ini adalah kerana banyak pecah masuk rumah dijalankan setelah ada kereta yang bercermin gelap meronda-ronda di kawasan taman perumahan mereka. Bukankah ini ada satu kaitan dengan kegiatan jenayah? Apa sebabnya mereka perlu kereta cermin gelap kalau tidak buat apa-apa salah? Kereta-kereta yang bercermin gelap ini semakin hari semakin banyak di Kuching dan nampaknya polis tidak buat apa-apa. Kebanyakan mereka saya kata sudah ada *crest* di kereta mereka.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya hendak bagi jalan?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kuching, itu sahaja bukti yang menunjukkan kepada polis bersubahat dengan gengster.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Bandar Kuching bagi Yang Berhormat Stampin ya. Yang Berhormat Lenggong duduk dahulu Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Stampin, terima kasih ya Yang Berhormat Lenggong. Setujukah Yang Berhormat Bandar Kuching terdapat banyak *reflexology centre* dan apabila kita, saya tulis minta penjelasan daripada *city council*, mereka kata mereka ada buat penyiasatan.

Akan tetapi walaupun mereka buat penyiasatan, kita masih nampak banyak lagi *reflexology centre* didirikan di Kuching. Sehingga mereka berani keluar *advertisement* iklan minta permohonan untuk bekerja di *reflexology centre*. Mereka hendak membawa lebih banyak pekerja daripada China untuk bekerja di *reflexology centre*. Banyak aduan apabila kita turun Padang. Banyak aduan. Setuju tidak Yang Berhormat Bandar Kuching banyak aduan daripada kita punya 'consortium' bahawa *reflexology centre* ini sebenarnya adalah tempat pelacuran. Kenapakah jika ada penyiasatan dibuat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sebelum pergi jauh kepada rumah urut, tempat pelacuran terus kepada pindaan rang undang-undang.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Akan tetapi ini ada berkaitan dengan bukti mereka ada...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Dia tidak faham itu, dia tidak faham apa punya rang undang-undang.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Buktikan mereka ada berkaitan dengan bersubahat dengan agensi-agensi kerajaan seperti polis. Baru saya terima aduan daripada 'consortium' bahawa sekarang tempat judi haram masih naik lagi di Kuching.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bandar Kuching ajar Yang Berhormat Stampinlah Yang Berhormat Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya balik pada pindaan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ajar dia sedikit apa panggil rang undang-undang apa mahu bahas?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya akan jawab fasal itu kedai judi haramlah. Kedai mesin kuda. Pada masa pembentang rang undang-undang...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bandar Kuching saya sambung sedikit tadi. Sedikit sahaja?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak payah tidak payah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak beranilah Yang Berhormat Bandar Kuching ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pada masa pembentangan tajuk...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tadi Yang Berhormat Bandar Kuching kata mahu tunjuk bukti polis bersubahat dengan gengster.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Biar saya habiskan apa yang saya hendak ucapkan ...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Fasal tidak *check* cermin gelap pun sudah kira buktikah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kedai mesin kuda.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ha!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kedai mesin kuda.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kedai mesin kuda sudah lama cerita itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan lama cerita itu masalah lama.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh cerita sedikit?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Mesin kuda sudah bangun lagi di Sibu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ha?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh cerita sedikit?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Bintulu bolehlah Yang Berhormat Lenggong lain kalilah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Bandar Kuching terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cakap takutlah Yang Berhormat Bandar Kuching, cakap takutlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Macam tadi Yang Berhormat Stampin cerita Yang Berhormat Bandar Kuching cakap tadi Yang Berhormat Stampin cerita memang cakap mengenai isu pelacur-pelacurkah,urut-urutkah, *massage-massage*kah? Ini Yang Berhormat Bandar Kuching cerita mengenai isu mesin kuda. Memang sudah lama kita cerita mesin kuda. Saya sudah cerita berapa tahun Yang Berhormat Bandar Kuching baru ikut sahaja cerita sedikit. Cerita mengenai tempat *massage-massage* itu memang sudah lama dalam surat khabar. Kita boleh nampak saya cerita banyak kali. Akan tetapi ini hari saya baru nampak Yang Berhormat Stampin mahu *champion*.

■1200

Akan tetapi Yang Berhormat Bandar Kuching setuju sama saya atau tidak, kebanyakan menjalankan ini aktiviti haram ini, kebanyakannya penyokong-penyokong pembangkang ini semua, setuju kah tak setuju?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mana saya tahu tetapi kebanyakan rakyat adalah penyokong Pakatan Rakyat. Sebanyak 52% pengundi di Malaysia penyokong Pakatan Rakyat. Hanya 48% penyokong Barisan Nasional pengundi mari sokong sana.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Inilah masalah. Luar sana tunjuk rakyat tetapi...
[*Dewan riuh*]

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini bukti bahawa ini memang kalau tak ada cerita lain, orang itu tidak mengikut peraturan. Duduk! [*Ketawa*]

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau mengikut statistik ini memang betul, lebih ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kerana lebih ramai orang yang..

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah Bandar Kuching..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Yang telah menyokong Pakatan Rakyat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Bandar Kuching.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini masalah Yang Berhormat Bandar Kuching..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bandar Kuching, bolehkah Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Barisan Nasional itu kerajaan minoriti.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Di luar sana itu cerita lain.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Bintulu setujukah tak ada tindakan daripada kerajaan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *You* tanya soalan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Jalankan aktiviti.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua boleh, Tuan Yang di-Pertua mengarahkan dia duduk, rehat sekejap.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bandar Kuching, bagi sat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Times up, times up.*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi sayalah Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak payah. *You* punya luar tajuk.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Takutkah Yang Berhormat Bandar Kuching?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *You* langsung keluar tajuk. Tak payah, tak payah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Takutlah Bandar Kuching. Ada signal dari Tuan Yang di-Pertua saya hendak menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat dia sudah nak berhenti dah tu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bandar Kuching, takut. *Confirm*lah Yang Berhormat Bandar Kuching takut.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Lain kalilah. Ya, mengenai kedai mesin kuda itu yang tadi saya sebut. Ya, memang Yang Berhormat Bintulu telah lama menyebut tentang masalah kedai mesin kuda itu tetapi tidak ada apa-apa solusi yang dapat dikesan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Bintulu sudah habis, hapus sudah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sapu, sapu...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bandar Kuching belum lagi, memang *you* ada terlibat kah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sapu, sapu sudah, tetapi buka balik lagi. Sekarang buka balik lagi.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ya, betul.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pada masa pembentangan *prevention of crime act...*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tadi *you* tak nampak belum balik lagi.. Yang Berhormat Bandar Kuching kalau sudah balik, kemungkinan Yang Berhormat Bandar Kuching ada sokong belakang sikit, ada bagi sokongan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, itu tak ikut peraturan. Bagaimana saya mahu meneruskan perbahasan saya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bandar Kuching, kalau ini macam pergi sembang luarlah Bandar Kuching.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi jalan dua di belakang, Yang Berhormat Stampin dengan Yang Berhormat Sibul Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bandar Kuching, kalau macam ini pergi sembang luarlah lagi senang. Pergi sembang luarlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Duduk dulu, *you* duduk, duduk.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *You* bersembang, pergi luarlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *You* duduk, duduk, *you* bukan Tuan Yang di-Pertua. Nanti saya habiskan ini.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tiga orang bangun Yang Berhormat.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Yang Berhormat Bandar Kuching, bagi *chance* Mas Gading. *Good friend.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hai, Yang Berhormat Mas Gading! Okey, sila [*Ketawa*]

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Terima kasihlah Yang Berhormat Bandar Kuching. Kita semua bersetuju, di sana dan di sini bahawa ada kes-kes jenayah di semua tempat di negara kita ini. Jadi, soalan pokoknya, bersetujukah tidak Yang Berhormat Bandar Kuching dengan saya, soalan pokoknya kita memerlukan undang-undang yang sewajarnya untuk membanteras jenayah. Jadi walaupun dengan izin, *we can argue until the cows come home. At the end of the day*, kita mencari jalan untuk menangani *war against crime*. Jadi setujukah tidak Yang Berhormat Bandar Kuching dengan saya? Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, sekejap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nanti, biar saya jawab beliau. Saya tidak setuju kerana bukankah kita tak ada undang-undang yang ketat, tak ada undang-undang yang sesuai untuk membanteras rasuah? Akan tetapi penguat kuasa, tadi saya sudah sebut penguat kuasa yang amat *lacking*. Pasukan PDRM yang bersahabat baik dengan unsur-unsur jenayah sehinggakan penguat kuasa undang-undang ini tidak dapat dijalankan, diimplementasikan dengan baik-baik.

Semasa kita membentangkan itu *Prevention of Crime Act bill* itu, ya, kedai mesin kuda ini semua di seluruh Sarawak ditutup. Tidak ada operasi. Akan tetapi satu hari selepas *Senate approved the bill*, kedai-kedai ini mesin kuda buka balik semua lagi, dan takkan anggota polis tidak tahu tempat-tempat beroperasi itu, beroperasi mesin kuda itu? Kenapa mereka hanya tutup mata kepada operasi kedai mesin kuda ini? Oleh itu saya kata bukanlah, bukanlah kita tak ada undang-undang. Kita ada, ada undang-undang untuk membanteras jenayah tetapi penguat kuasa PDRM oleh PDRM yang tidak memuaskan. Salah satu perkara yang kita selalu menyeru kerajaan buat adalah menubuhkan IPCMC, *Independent Police Complaint Commission*.

Satu yang *independent* supaya kegiatan-kegiatan, tindakan polis mereka boleh *disubject ke supervision by an independent body* dan ini tidak diterima baik oleh kerajaan. Dan oleh sebab ia

tidak diterima baik oleh PDRM. Oleh itu saya anggaplah rang undang-undang hari ini oleh sebab ada beberapa fasal lagi yang amat tidak adil dan tak akan menolong kita untuk mencapai matlamat membanteras jenayah, oleh itu saya seru supaya ini ditarik balik, bil ini ditarik balik.

Saya ingin di bawah Peraturan Mesyuarat 55, di bawah peraturan mesyuarat kita ini, kita boleh merujukkan sesuatu *bill* ke *Select Committee* walaupun ia telah dibentang, dibaca kali kedua. Ini telah kita buat beberapa tahun lalu di mana akta-akta kanun iaitu pindaan Kanun Keseksaan telah dirujuk kepada *Select Committee*, telah buat satu kali beberapa tahun lalu. Akhirnya direkomendasikan yang dibuat oleh *Select Committee* itu amatlah memuaskan dan diterima baik oleh ramai orang. Kali ini saya ingin bawa *bill* rang undang-undang ini harus dirujuk kepada *Select Committee*. Jangan kita tergesa-gesa untuk meluluskan satu rang undang-undang dan tanpa menelitinya kerana rang undang-undang ini yang meminda Kanun Keseksaan, ini pengaruhnya, kesannya amatlah luas.

So don't, I mean yang semalam ada seorang Yang Berhormat kata, "*The one who rules by the sword, will die, will kill by the sword.*" Ia perkataan sebegitu. Oleh itu, sekianlah, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat belakang. Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

12.09 tgh.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Pengkalan Chepa. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil sedikit masa untuk membahaskan pindaan rang undang-undang ini.

Pertamanya saya rasa kita semua bersetuju bahawa keadaan semasa negara kita ini, peningkatan jenayah begitu ketara dan ia membimbangkan semua pihak. Peningkatan jenayah ini berlaku dalam keadaan kita sudah ada undang-undang sebenarnya dan undang-undang ini telah pun mencukupi. Saya merasakan bahawa sebelum kita meminda rang undang-undang ini, seharusnya pihak kerajaan seharusnya mengkaji dengan teliti kenapa jenayah ini meningkat?

Saya melihat perkara peningkatan jenayah ini berlaku, boleh jadi kerana kita semacam berlaku sedikit kontradiksi dalam sistem kita.

■ 1210

Misalnya perkara-perkara yang boleh membawa kepada peningkatan jenayah itu seolah-olah kita suburkan. Kalau kita lihat araknya, kasinonya, pelbagai bendanya yang menjurus kepada peningkatan jenayah itu kita tidak ambil pencegahan. Kita selalunya tidak mencari, tidak bersungguh-sungguh dalam perkara mencegah peningkatan jenayah dan kita suka ambil pendekatan yang akhir sekali yakni hukuman dan kalau kita tengok dalam pindaan ini tidak lebih daripada menambah hukuman daripada mandatori tiga kepada lima, lima kepada sepuluh, yang tidak ada kepada ada.

Jadi dalam keadaan menambah hukuman ini, kalau yang sedia ada, hukuman yang sedia ada itu sendiri kita tidak dapat *implement* dengan baik dalam pelaksanaannya, apakah jaminan kita

dengan kita menambahkan bilangan hukuman tahun ini boleh menjadikan ianya menggerunkan kepada penjenayah. Saya rasa tidak berlaku yang sedemikian kerana pelaksanaan kita seolah-olah gagal.

Yang kedua kita tengok juga penambahan kepada bilangan tahun mandatori ini membawa kepada - kalau kita tengok sistem penjara kita sendiri, ia bukan merupakan suatu tempat yang boleh mendidik pesalah-pesalah ini menjadi insan yang semakin baik. Kalau kita tengok dalam sistem penjara kita, kesalahan jenayah, kesalahan dadah, kesalahan imigrasi diletakkan bersekali, dikumpulkan sekali yang menyebabkan kadang-kadang orang-orang yang tidak reti jenayah jadi reti jenayah. Kalau dia bersifat *local* dalam kampung, dia jadi *national*.

Jadi inilah keadaan-keadaan yang membawa kepada saya merasakan bahawa pindaan undang-undang ini boleh ditangguhkan untuk sementara waktu kerana kita seharusnya meneliti, mengkaji kenapa penjenayah, kejadian jenayah ini semakin meningkat. Di mana puncanya? Apabila kita jumpa puncanya, insya-Allah kita akan dapat menyelesaikan perkara mengenai jenayah ini.

Seperkara lagi iaitu kalau sekiranya orang-orang yang sama di dalam membendung kejadian jenayah misalnya kita orang yang sama, penguat kuasa yang sama selalunya tidak berani ataupun kerajaan tidak berani untuk mengurangkan tempat-tempat yang berlakunya jenayah seperti tempat-tempat kasino dan sebagainya ini tidak berani, bagaimana orang yang sama ini berani untuk menguatkuasakan undang-undang yang dia akan buat. Sama. Jadi justeru ini undang-undang ini mestilah adil dan kelihatan adil dan beberapa tempat yang kelihatan boleh disalahgunakan seperti fasal 5, masalah bendera dan sebagainya.

Masalah bendera ini ialah masalah patriotisme. Masalah patriotisme ini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat cara kerajaan menyambut Hari Kemerdekaan itu sendiri juga tidak melambangkan patriotisme. Banyak budaya Hinduisme, bersuka ria dan kalau kita tengok kalau malam-malam sambut merdeka ini, bagaimana kes-kes perogolan dan sebagainya berlaku pada malam itulah kerana kita menyuburkan budaya yang tidak sihat. Satu.

Yang kedua dalam kita sama-sama ingin menyemai semangat patriotisme ini, kadang-kadang sejarah itu sendiri kita gelapkan. Saya membawa umpama yang mudah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, untuk makluman ada pindaan untuk membatalkan klausa 5, sudah diedar pun.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Okey maaf, saya tidak perasan. Jadi saya rasa dan buat pertama kalinya saya melihat pada kali ini daripada pembangkang, daripada kerajaan semuanya melihat bahawa pindaan undang-undang ini agak gopoh dan saya rasa saya bersetuju dengan pada terutamanya Yang Berhormat Padang Serai yang membahaskan begitu *detail* dan disambut oleh Yang Berhormat Pengerang dan sebagainya. Maka saya pada hari ini juga ingin mencadangkan supaya rang undang-undang ini juga ditarik dan kita perkemaskan dari sudut pencegahan ataupun mengkaji dengan teliti bagaimana jenayah ini semakin hari semakin meningkat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

12.15 tgh.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Saya ingin untuk mengambil bahagian dalam perbahasaan berkenaan dengan rang undang-undang. Pertamanya apabila kita melihat rang undang-undang yang hendak diperkenalkan ini, kita lebih melihat kepada soal konsep untuk memanjangkan dalam soal hukuman terhadap hukuman penjara. Sedangkan realiti yang kita tengok pada hari ini ialah penjara di negara kita pada hari ini tidak memberikan keinsafan kepada banduan-banduan yang masuk ke sana. Contohnya ialah pernah disebut oleh bekas Ketua Pengarah Jabatan Penjara, Datuk Mustafa Othman, sehinggakan ada cadangan daripada penjara untuk hendak menyewa bangunan lama untuk dijadikan penjara tambahan.

Menurut beliau sudah ada 48,000 banduan dan penjara yang paling kritikal, banyak penghuninya ialah Sungai Buloh, Kajang dan juga Kluang. 'Seorang banduan', kerajaan terpaksa membelanjakan wang sebanyak 'RM1.2 juta' sehari menurut kenyataan daripada bekas Timbalan Menteri dalam sidang Parlimen dalam sesi yang lepas untuk menjawab soalan daripada Datuk Astaman Abdul Aziz iaitu BN Titiwangsa dulu. 'Sehari' kerajaan terpaksa belanja RM1.2 juta 'setahun' untuk kos kepada banduan di Malaysia dan satu hari untuk setiap banduan dibelanja *average* nya ialah RM30. Jadi kita Ahli Parlimen pun tidak banyak itu sangat. Lebih baik jadi banduan daripada jadi Ahli Parlimen nampaknya.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam konsep hukuman kalau mengikut dalam konsep syariah Islam dia ada dua. Satu ialah konsep dia ialah *al-jazru* yakni *jazru* ini ialah pencegahan. Yang kedua ialah *taziq* yakni pendidikan. Pencegahan iaitu supaya pelaku tidak ulangi perbuatan jenayah ini lagi. Seperti mana yang kita maklum dengan keadaan angka-angka yang muncul dalam penjara pada hari ini, penjara di Malaysia ini perlu ditambahbaikkan ataupun terutama dari segi bentuk pengisian seperti mana disebut Yang Berhormat Temerloh semalam iaitu supaya banduan-banduan ini diberikan pendidikan. Kita tidak hendak mereka mula-mula masuk penjara tahapnya diploma. Lepas keluar mendapat ijazah PhD. Masuk mula kerana curi motor. Lepas keluar daripada penjara, curi mesin ATM dan juga curi senjata polis.

Jadi sebab itu kita harapkan supaya dalam soal ini pihak KDN dan juga pihak penjara mesti melakukan dalam soal penambahbaikan dalam perkara yang berkaitan dengan soal penjara. RM1.2 juta dibelanjakan sehari sedangkan anak kita hendak belajar hari ini terpaksa meminjam daripada tabung pendidikan, RM30,000 hingga RM80,000 untuk dapat sekeping ijazah.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya saya juga bersetuju dalam soal berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan soal penderaan terhadap wanita dan memang dalam Islam Nabi S.A.W sendiri pernah menyebut yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad [*Membaca beberapa potong ayat al-Quran*]

Nabi sendiri tidak pernah memukul seorang wanita dengan tangannya dan tidak pernah memukul khadamnya melainkan dipukul tadi kerana sebab pelanggaran terhadap ajaran Allah SWT. Maka dengan sebab itu dalam soal ini, kita mengharapkan supaya pembelaan terhadap wanita terutamanya dalam konteks Mahkamah Syariah bagi wanita Islam dan juga mahkamah-mahkamah lain perlu diambil tindakan yang serius terhadap sebarang laporan terutama terhadap penderaan yang dilakukan kepada wanita.

Maka, dengan sebab itu pada saya ialah soal hukuman bukanlah segala-galanya untuk memberi pendidikan, memberikan pengajaran kepada penjenayah. Sebaliknya ada lagi jalan-jalan yang boleh dilakukan. Kita tidak hendak pihak kerajaan, jalan penyelesaian mudahnya ialah untuk membanyakkan penjara sedangkan wang ringgit terpaksa dihabiskan, sedangkan jalan-jalan untuk pendidikan *tahzib* pendidikan kepada rakyat dan juga kepada banduan tidak diberikan perhatian yang lebih. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu.

12.21 tgh.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam membahaskan rang undang-undang pindaan, sepatutnya kita semua harus *confine ourselves* kepada pindaan itu sendiri. Kadang melilau banyak sangat ini sampai rumah urut, macam-macam ada. Kita lihat satu persatu ya.

Kita kena lihat yang terutamanya ialah niat pindaan itu sendiri. Apa sebenarnya niat adalah demi kepentingan awam. Terutama kepada kes-kes yang melibatkan jenayah yang berat dan serius. Begitu juga dengan jenayah-jenayah yang terancang. Pindaan dibuat bukan semua dengan niat untuk menghukum semua orang. Mereka yang benar-benar terlibat sahaja yang boleh dihukum.

Walaupun fasal 5 dan fasal 33 dipotong, saya hendak katakan sedikit bahawa dalam seksyen 121E ini, bukanlah maknanya semua yang melakukan, memijak bendera dan sebagainya apa-apa lambang, membakar dan sebagainya bukanlah satu kesalahan. Kesalahan yang sebenar ialah dengan niat tidak menghormati apa-apa lambang kebangsaan dan juga bendera-bendera luar negara. Jadi, apa yang saya hendak katakan bahawa sepatutnya walaupun sudah dikeluarkan sepatutnya diadakan semula dengan pindaan-pindaan yang perlu, dimasukkan bawah undang-undang lain supaya tidak ada lagi manusia-manusia atau pun rakyat kita yang tidak menghormati bendera kita sendiri.

Begitu juga dengan 440A juga kita kena lihat bahawa kalau kita lihat di tempat-tempat awam ditampal dengan iklan-iklan, di pihak ah long dan sebagainya, maknanya kita lihat keadaan itu agak kelam kabut dan sebagainya. Dalam undang-undang tersebut, dalam pindaan dikatakan bahawa kalau kita hendak masuk kawasan orang, *private* atau pun di tempat awam mintalah kebenaran. Itu sahaja yang diminta. Kalau kita hendak buat apa, kita buatlah tetapi kena mintalah kebenaran tuan dia sendiri.

Saya terusnya dari segi hukuman yang dipertikaikan. Hukuman minimum dan juga maksimum mandatori. Kalau kita lihat keseluruhan pindaan yang menyentuh mengenai hukuman minimum hanyalah kepada seksyen 130QA, 130Y iaitu menerima rasuah untuk memudahkan perbuatan pengganas. Seksyen 130Y untuk *consorting with and organized criminal*. Seksyen 130ZB terima rasuah untuk memudahkan aktiviti jenayah terancang. Seksyen 376, 375B kes-kes rogol dan rogol berkumpul. Jadi, semua adalah kes-kes yang berat. Kita kena lihat kepentingan awam.

Kadang-kadang kita lihat hanya kepada pesalah itu sendiri. Kita tidak pernah merasakan apa perasaan kepada mangsa-mangsa yang terlibat terutama pada kes-kes rogol. Sebab itulah dinaikkan hukuman tidak kurang daripada 6 tahun sehingga 10 tahun. Ini adalah perlu dan adalah wajar.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan seksyen 130V, ahli-ahli jenayah yang terancang. Saya tidak merasa senang sedikit mengenai dengan V, 130V 2V. Dia ada dua, yang pertama itu dia kata *until the contrary is proved, a person shall be presumed to be a member of an organized criminal group where:*

(a) *such person can be identified as belonging to an organized criminal group.*

Yang pertama ok, (a) tidak apa sebab dia kata *can be identified* tetapi yang (b).

(b) *such person is found with a scheduled weapon as specified under the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons [Act 1958].*

Kalau kita lihat bawah *scheduled weapon*, pisau dan sebagainya, parang, semua tidak boleh. Bermakna ini macam satu *presumption* yang kita buat. Sepatutnya ada sedikit pindaan dibuat. Kalau dia bawa senjata, dia mengetahui bahawa dia adalah terlibat dengan *crime group* seperti yang dinyatakan di bawah seksyen baru 441A disebut pasal *knowing* dan sebagainya. Dia kata siapa yang menerima. *Whoever receives from an organized criminal group a benefit that is derived from the criminal activities*. Di bawah itu dia kata *knows that it is an organized criminal group*. Dia tahu *organized* diterima daripada pihak yang terancang adalah merupakan satu kesalahan. Akan tetapi dalam 130V, 'b' tidak ada. Agak keras sedikit dia punya seksyen itu.

Sedikit lagi, saya hendak menyentuh berkenaan dengan apa yang saya rasa agak sedih sedikit bahawa rang undang-undang yang kita bincangkan semalam dan telah dibincangkan secara meluas dalam dada-dada akhbar pada hari ini. Jadi, saya tidak faham kenapa begitu cara yang dibuat. Begitu juga dengan POCA tempoh hari juga dibincangkan sehingga ada dalam satu surat khabar mengatakan bahawa POCA yang diluluskan pindaan tersebut adalah kira satu undang-undang yang zalim. Tanpa menyedari bahawa bawah POCA yang lama, dia POCA lama ini dia ada seksyen 3 tidak pernah diubah. Seksyen 3 ini dia tidak dipinda. Seksyen 3 mengatakan bahawa bukan atas *reasonable suspicion*.

■1230

Kita tangkap orang itu bukan atas *reasonable suspicion* tetapi dengan *reason to believe* bahawa dia adalah penjenayah yang untuk disiasat. Disebut siasatan. Untuk disiasat dan bukan

untuk dihantar ke penjara dan sebagainya. Dia ada dua perbezaan. Bawa ke sana *test* dia, *reasonable suspicion* dan di sini adalah *reason to believe*. Maknanya, polis boleh menangkap tetapi bukan tujuan untuk dihantar ke penjara dan sebagainya.

Satu lagi yang saya hendak sentuh berkenaan dengan seksyen 203A tadi, pendedahan maklumat ini. Sebenarnya kalau ikut tujuan sebenar, bukan untuk menangkap semua orang yang mendedahkan maklumat. Kita telah ada contoh sebelum melihat apa yang berlaku. Di pihak penguat kuasa kadang-kadang, bila hendak buat *raid* dan sebagainya ke rumah judi, rumah urut dan sebagainya, maklumat sudah bocor daripada awal. Inilah yang cuba dinyatakan dalam seksyen 203A. Cuma perlu ada sedikit pindaan dan sebagainya. Ada juga maklumat-maklumat daripada bank dan sebagainya sampai kepada pihak tertentu, dia sudah tahu sedangkan orang bank sendiri pun tidak tahu apa maklumat itu dan dibawa kepada Parlimen dan seolah-olah dimanipulasikan dalam Parlimen itu sendiri.

Saya rasa setakat itu sahaja. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan.

12.31 tgh.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera kepada semua yang sedang membahaskan rang undang-undang ini. Saya ingin mencadangkan bahawa rang undang-undang ini ditarik supaya dapat dibincangkan atau dirundingkan dengan pihak-pihak berkenaan dengan lebih mendalam lagi kerana sekiranya Tuan Yang di-Pertua, kalau sesuatu rang undang-undang yang telah pun dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini, selepas ini pula dicadangkan beberapa seksyen atau beberapa fasal ditarik balik. Ini menunjukkan bahawa tidak ada suatu pertimbangan yang menyeluruh kerana Tuan Yang di-Pertua, kesan atau implikasi ke atas pindaan yang dicadangkan adalah amat besar sekali. Atas prinsip kepentingan awam, saya rasa perlulah kita melibatkan semua pihak dan ini adalah juga selaras dengan prinsip demokrasi yang di dokong oleh negara kita. Sebarang pindaan ke atas undang-undang jenayah termasuk juga Kanun Keseksaan adalah bertujuan untuk mencapai tiga matlamat utama iaitu:

- (i) sebagai satu *deterrent*, dengan izin, atau satu usaha pencegahan;
- (ii) sebagai tindakan *retributive* ataupun hukuman ke atas sesuatu jenayah yang dijalankan; dan
- (iii) *rehabilitative* iaitu pemulihan.

Di sini kita hendak menimbang atau menilai sama ada pindaan sedemikian akan mencapai ketiga-tiga hasrat ini iaitu satu *deterrent*, pertama. Kedua, mencapai hasrat *retributive*, memberikan hukuman setimpal ke atas mereka yang melakukan kesalahan. Ketiga, *rehabilitative*, sama ada boleh pulihkan jenayah supaya mereka tidak sekali lagi mengulangi perbuatan jenayah, menjadi satu *serial criminal*.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan sungguhpun mungkin kita boleh mempunyai undang-undang yang tegas atau yang berat tetapi selagi kita tidak menghormati ketiga-tiga prinsip yang saya telah gariskan tadi, kita tidak akan berjaya untuk mengurangkan ataupun memerangi jenayah. Seperti yang saya dimaklumkan bahawa keadaan atau kejadian jenayah begitu serius bukan sahaja dirasai oleh penduduk-penduduk di Malaysia, bukan sahaja penduduk-penduduk daripada golongan bawah, malah daripada golongan atas termasuk juga ahli-ahli keluarga para Menteri sekalian sehingga dekat *New York Times* pun telah dipaparkan dalam muka depan bahawa keadaan jenayah begitu serius sehingga mungkin menjejaskan pembangunan ekonomi Malaysia. Saya rasa ini jarang sekali Malaysia dipaparkan pada muka depan. Ini suatu artikel yang ditulis oleh Thomas Fuller. Ia jarang sekali dipaparkan pada muka depan tetapi kali ini apabila dipaparkan di muka depan adalah sesuatu berita yang amat negatif sekali.

Oleh itu, kita harus lihat dengan serius kesan yang ingin dicapai oleh pindaan sedemikian. Seperti yang saya sebut tadi, kalau penguatkuasaan ataupun tindakan yang diambil tidaklah *without fear or favor* ataupun dengan bebas dan dengan adil sekali, saya tidak nampak bagaimana kita dapat mencapai hasrat yang dicita-citakan. Sebagai satu contoh, adakah undang-undang yang mempunyai hukuman berat memadai untuk mengurangkan kejadian jenayah. Kalau kita lihat daripada insiden-insiden yang berlaku pada enam bulan kebelakangan ini banyak melibatkan senjata api dan sepanjang pengetahuan saya, undang-undang berkaitan dengan senjata api tidak dimansuhkan iaitu sesiapa yang memiliki senjata api malah memiliki sebutir peluru boleh dihukum dengan hukuman gantung sampai mati.

Oleh itu, di sini kita boleh lihat sungguhpun undang-undang yang berat ataupun dengan hukuman berat masih wujud lagi tetapi ia tidak mengurangkan kejadian samun dengan senjata api. Apakah maknanya Tuan Yang di-Pertua? Ini menunjukkan bahawa sungguhpun kita ada hukuman mati (*death penalty*) untuk mereka yang memiliki senjata api ataupun sebutir peluru tetapi ia tidak menakutkan penjenayah. Dengan kata lain, bukanlah undang-undang sahaja semata-mata cukup untuk menangani masalah jenayah. Apa yang penting ialah penguatkuasaan. Penguatkuasaan yang serius di mana ia tidak dihantui oleh penyalahgunaan kuasa ataupun amalan rasuah. Saya rasa itu yang penting. Oleh itu, kalau kita lihat daripada undang-undang berkaitan dengan senjata api tidak langsung mengurangkan pemilikan senjata api yang bertambah begitu serius sekali.

Kedua ialah satu tanggapan bukan sahaja di kalangan masyarakat tetapi tentulah daripada pihak Ahli-ahli Parlimen Pembangkang dalam Pakatan Rakyat bahawa selalunya apabila kita sebut tentang penguatkuasaan, pihak polis dianggap tidak memberikan perhatian sepenuhnya untuk menangani jenayah, sebaliknya digunakan atau diperalatkan untuk tujuan-tujuan lain. Kita harap kita dapat kembalikan tugas teras pihak polis untuk lawan jenayah dan bukan untuk lawan parti-parti pembangkang ataupun mereka yang menentang Barisan Nasional.

Saya ingin sebut sebagai satu tambahan kerana saya lihat laporan surat khabar bahawa ada dua orang yang telah membuat ugutan bunuh ke atas Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telah pun ditangkap oleh pihak polis. Tentu ia amat cepat sekali. Saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak polis yang bertindak dengan begitu cepat sekali.

■1240

Akan tetapi mengapa bila pemimpin Barisan Nasional diugut sama ada ugut bunuh atau ugut lain-lain, tindakan yang begitu segera dapat dijalankan. Akan tetapi apabila pemimpin-pemimpin, bukan sahaja pemimpin-pemimpin Parti Pakatan Rakyat tetapi pemimpin Kerajaan Pakatan Rakyat diugut atau kena ugutan yang sama. Tidak ada satu tangkapan pun dijalankan. Saya harap perkara ini bolehlah diberikan perhatian kerana saya telah menerima banyak ugutan bunuh. Sungguhpun jaminan diberikan oleh pegawai yang paling tinggi sekali di pihak polis, termasuk IGP dan juga Menteri Dalam Negeri bahawa tindakan tegas akan diambil, sehingga sekarang tidak ada satu pun tangkapan. Saya harap tindakan sedemikian boleh diambil ke atas ugutan-ugutan yang serupa, ke atas pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat yang lain.

Kalau kita lihat fasal-fasal yang dicadangkan, pindaan yang dibuat. Seperti yang saya sebut tadi, kita harus menarik balik untuk mengadakan perundingan yang lebih luas dan juga bertanyakan, mengapa ada beberapa pindaan yang telah dicadangkan begitu lama ini, termasuk *marital rape* tidak dimasukkan. Saya rasa itulah sesuatu yang telah diperjuangkan dengan begitu lama oleh NGO-NGO wanita dan saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian yang serius kerana keganasan rumah tangga haruslah dibendung. Kalau ini tidak dibendung, saya rasa ini akan bukan sahaja merupakan sesuatu yang tidak adil kepada golongan wanita tetapi juga akan merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu cakap panjang lebar tentang fasal-fasal yang telah pun dibicarakan dengan lebih mendalam oleh Ahli-ahli Parlimen sebelum ini tentang implikasinya ke atas hak asasi manusia. Tentang keberkesanan untuk memastikan kita dapat mengurangkan atau memerangi jenayah dan juga tentang beberapa fasal yang kita rasa amat luar biasa sekali, seperti rogol berkumpulan. Saya rasa kalau seseorang kalau tidak melakukan perbuatan yang jijik ini tetapi dalam satu kumpulan, saya rasa orang tersebut bolehlah dikenakan tuduhan ataupun dituduh untuk kesalahan lain. Akan tetapi kalau dia tidak buat, untuk dikenakan hukuman sebagai rogol berdasarkan prinsip *common intention*, saya rasa itu adalah sesuatu yang harus ditimbang semula. Akan tetapi tentulah harus dikenakan hukuman tetapi mungkin di bawah fasal yang lain. Ini kerana kalau tidak, saya rasa ia mungkin disalahgunakan dan mempunyai implikasi yang besar.

Perkara terakhir yang saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua ialah tentang beberapa fasal-fasal yang mungkin akan ditimbang semula. Akan tetapi saya rasa ia harus diselesaikan sekarang. Sekiranya diakui ada kecacatan, saya rasa adalah tidak patut dan tidak wajar untuk ia diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Saya ingin merayu supaya kalau sekiranya dilihat perlu untuk menarik beberapa fasal, sekali lagi saya menyeru bahawa rang undang-undang ini ditarik keseluruhannya supaya dapat dirunding untuk menjadikan ia sebagai satu pindaan yang sempurna. Kalau kita hendak capai satu taraf antarabangsa sebagai *First World Parliament*, saya rasa apa yang berlaku dalam pindaan kepada Kanun Keseksaan ini tidak boleh diterima. Oleh itu saya sekali lagi meminta bahawa rang undang-undang ini ditarik balik supaya dapat di bincang semula dan dipertimbangkan oleh semua pihak supaya ia boleh jadi suatu pindaan yang sempurna dan bukannya yang cacat ataupun daif. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

12.45 tgh.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) ini. Saya bermula dengan mengatakan bahawa rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang yang tidak progresif dan boleh membawa kita mundur ke belakang. Dengan itu saya juga menyokong cadangan untuk menarik balik rang undang-undang ini.

Saya bermula dengan perbahasan 203A – *disclosure of information*. Dalam semangat kita mahu *good governance*, dengan izin, dan semangat transparansi dan akauntabiliti, seharusnya kita bergerak ke arah *freedom of information*. Akan tetapi sebaliknya kita bergerak ke belakang. Kita *classify* semua sebagai tidak boleh dikongsi, maklumat tidak boleh dikongsi dan kemudian kita klasifikasikan. Seharusnya, kita bergerak kepada *freedom of information* dan kemudian kalau perlu ada *classified information*, baru kita klasifikasikan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita bergerak ke belakang dan bukannya ke depan. Yang Berhormat Menteri pun ada di sini. Saya harap dapat mendengar pandangan ini sebab kalau kita mahu bergerak sebagai Parlimen yang ke hadapan, kita tidak harus melaksanakan undang-undang ini. Seksyen 203A ini tidak harus kita masukkan di sini. Saya ingin kongsi Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pengalaman saya menentang kilang LYNAS di Kuantan. Bagaimana *Freedom of Information Act* di Australia itu membantu saya mendapat maklumat yang saya tidak mungkin dapat. Bagaimana dengan maklumat itu saya tahu bagaimana mereka menutup maklumat itu di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan maklumat itu saya tahu bahawa sekiranya kilang LYNAS itu dibina di Australia, maka sisa buangan radioaktif itu perlu dihantar balik ke lombong dalam masa lapan hari. Itu maklumat yang diperoleh melalui *freedom of information*. Akan tetapi kalau di Malaysia, apabila kita bertanya Menteri pun berkenaan dengan tapak pelupusan radioaktif yang kekal untuk LYNAS, Menteri pun tidak boleh beritahu apa dia yang dimaksudkan dengan rakyat didahulukan, Tuan Yang di-Pertua. Apa dia yang apabila kita melindungi satu syarikat asing dan rakyat sendiri tidak boleh tahu maklumat. Bukankah itu dalam *interest* rakyat. Jadi, kalau kita tutup segala maklumat ini dan tidak boleh dimaklumkan kepada orang awam untuk kepentingan awam, maka saya kluatir banyak lagi maklumat yang berkaitan dengan rasuah, salah guna kuasa, ketirisan dan sebagainya tidak boleh di bawa keluar. Akhirnya, ditutup dan negaralah juga yang akan rugi di dalam konteks ini.

Yang Berhormat Shah Alam. Okey, silakan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Kuantan berhubung dengan perkara seksyen baru iaitu 203A ini di mana disebut *disclosure of information. Whoever discloses any information or matter which has been obtained by him and the performance of his duties*. Maknanya, sesiapa sahaja yang mendedahkan ataupun memberikan

apa jua maklumat yang diperolehnya semasa dia menjalankan tugasnya, dia boleh dihukum dengan denda tidak lebih RM1 juta ataupun penjara tidak lebih daripada setahun atau kedua-duanya. Mengikut fahaman saya daripada apa yang ditulis ini, maknanya apa juga maklumat, bukan sahaja maklumat yang telah pun digazet ataupun yang telah diberikan takrif sebagai *Official Secrets Act*. Apa juga maklumat. Saya hendak tanya pegawai JKR, Kementerian Kerja Raya tentang kenapa Hospital Shah Alam ini sudah enam tahun tidak siap-siap.

■1250

Dia tidak boleh sebut walaupun satu patah kerana kalau dia beri maklumat itu, maka ianya boleh bercanggah dengan maklumat ini ataupun rang undang-undang ini. Walaupun tadi ada Yang Berhormat Barisan Nasional dia kata, ianya bertujuan untuk menghalang pendedahan maklumat orang hendak buat serbuan dan sebagainya, tetapi itu tidak jelas daripada apa yang terkandung di dalam pindaan yang dikemukakan. Maka pindaan yang dikemukakan ini merupakan satu usaha untuk menutup dengan sepenuhnya apa jua akses kepada maklumat yang boleh diperolehi oleh rakyat jelata, wartawan, Ahli Parlimen, ahli politik daripada mana-mana pegawai kerajaan. Ini merupakan satu usaha yang retrogresif, langkah ke belakang.

Ini adalah oleh kerana bagi pandangan saya, saya hendak Yang Berhormat Kuantan sebut sama ada setuju ataupun tidak ialah kerana kerajaan yang sedia ada masih berpegang kepada konsep bahawa dia sebagai kerajaan, dia yang tahu dan tidak ada orang yang boleh persoalkan. Walaupun tempoh hari kita pernah dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa zaman kerajaan tahu semua sudah berakhir, tetapi undang-undang yang sebegini membuktikan bahawa sikap yang ada pada kerajaan adalah sebaliknya.

Mereka tidak mahu rakyat mendapat apa-apa maklumat. Mereka anggap mereka yang lebih tahu, mereka tidak perlu dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa tindakan. Maklumat seperti NFCkah, maklumat berhubung dengan apa jua jenis penyelewengan, dan sebagainya, semua tidak boleh didedahkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Panjangnya Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apakah dengan tindakan itu dan undang-undang yang sebegini rupa, ianya merupakan satu sikap *high ended* dan *iron fist* yang hendak dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sebelum pilihan raya lain, lepas pilihan raya barulah nampak warna yang sebenarnya. Apa pandangan Yang Berhormat Kuantan?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam di atas pandangan tersebut. Pada pandangan saya, bukan sahaja *high ended* Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pada pandangan saya, kita sudah ada OSA, kenapa sekarang kita jadikan semuanya di bawah OSA? Pada pandangan saya, ianya satu usaha untuk menyorok segala salah guna kuasa, untuk menyorok segala maklumat yang melibatkan rasuah, segala maklumat yang rakyat kalau tahu, rakyat akan hilang kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Itu pada pandangan saya. Bukan sahaja Yang Berhormat Shah Alam, bukan sahaja kalau pegawai itu beritahu kita, dia kena *fine*. Kalau kerani dia dengar pegawai itu beritahu kita, dalam

seksyen 203 ini, subseksyen (2) ini kata, “*Whoever has any information on matter which to his knowledge has been disclosed...*”. Dia tahu pegawai dia bagi tahu kepada kita, dia pun kena. Jadi ini satu langkah intimidasi, satu langkah untuk beritahu kepada semua pegawai kerajaan, jangan beritahu, jangan pandai-pandai. Jadi, diam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuantan, saya ada satu cadangan. Kalau pun kerajaan hendak meminda seksyen 203 ini, “*Disclosure of information*”, ini kalau niatnya adalah terhadap mereka, pegawai yang memberi maklumat untuk menggagalkan satu operasi pelaksanaan oleh polis atau agensi kerajaan, haruslah ia ditujukan kepada pengkhianat-pengkhianat. Kalau kerajaan hendak meminda seksyen ini, kalau dihadkan kepada pengkhianat dalam polis, imigresen ataupun agensi penguat kuasa yang lain, saya rasa kita di pihak sini boleh setuju, kalau itulah niat kerajaan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Kalau itu niat kerajaan, kita pun hendak sama-sama banteras jenayah. Kita bukan menghalang kerja-kerja pihak yang berkuasa untuk membanteras jenayah, Tuan Yang di-Pertua tetapi kena spesifiklah, tidak boleh *general* macam ini. Kena spesifik, kena mengatakan ada sesiapa pegawai yang menghalang pihak penguat kuasa dengan memberi maklumat, jadi haruslah didenda kerana mereka ini adalah pengkhianat. Kita akan setuju dan kita akan sokong. Akan tetapi ini terlalu *general* dan seolah-olah semuanya termasuk di bawah OSA. Jadi Tuan Yang di-Pertua, seksyen 203 ini tidak boleh kita terima sama sekali dan harus kita tolak dan harus ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbincangan saya ke muka surat yang seterusnya. Seksyen baru 326A dan juga 352A. Kita nampak rasional di belakang seksyen baru ini yang berkenaan dengan *punishment for causing hurt by spouse, punishment for using criminal force by spouse*.

Sebagai wanita, saya merasakan ini satu usaha yang nampaknya niatnya baik untuk melindungi wanita supaya tidak ada keganasan terhadap wanita dan sebagainya. Namun Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak konsisten dan tidak selaras dengan Akta Keganasan Rumah Tangga. Dalam 323, 324, 325, 326, 334 dan 335 ini tidak disebut berkenaan dengan *psychological abuse* contohnya. Juga tidak disebut di sini dalam Akta Keganasan Rumah Tangga, terlibat sama bukan sahaja pasangan Tuan Yang di-Pertua, terlibat sama ialah anak, nenek, emak saudara atau siapa sahaja yang duduk dalam satu keluarga itu juga terlibat, bukan setakat *spouse* sahaja.

Maka sebab itu kita nampak kelemahan di sini. Kalau diluluskan pindaan seksyen baru ini, ia sama sekali akan menjadikan undang-undang kita cacat marba, dia *contradict* Akta Keganasan Rumah Tangga. Jadi apabila berlaku sesuatu, dekat sini dilindungi isteri, pasangan tetapi tidak dilindungi yang lain-lain. Jadi inilah yang kita merasakan bahawa harus ditarik balik yang ini sehingga dikaji semula selaras dengan Akta Keganasan Rumah Tangga.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Kuantan, saya hendak dapatkan pandangan. Pada hemat saya, kerajaan tidak tentu arah dalam membuat pindaan. Sementara hendak menghukum dengan lebih berat tindakan di bawah cadangan untuk meminda seksyen 32A ini, hendak menghukum *spouse* dengan izin, dengan lebih berat lagi iaitu dua kali ganda sementara dicadangkan pula dipinda seksyen 352A, "*Punishment for using criminal force by spouse - Whoever, during the subsistence of a valid marriage, assaults or uses criminal force on his spouse shall be punished with imprisonment for a term which may extend to six months, or with fine which may extend to two thousand ringgit, or with both.*"

Bagi saya, seksyen 352 ini meringankan lagi hukuman. Jadi apakah niat kerajaan kalau tanpa mengasingkan *spouse* ini ataupun isteri, seksyen 324, 325, 326 dan lain-lain seksyen, hukuman sekarang ini pun lebih berat. Jadi kalau diperkenalkan satu seksyen yang spesifik dan daripada segi dengan izin, *interpretation of statute*, kalau ada mana-mana peruntukan yang spesifik, peruntukan spesifik itu terpakai. Jadi sementara kerajaan hendak menghukum lebih berat suami yang mengasari ataupun ganas terhadap isteri, seksyen ini kalau dipinda bersama-sama, maksudnya kerajaan hendak meringankan lagi hukuman ke atas suami yang ganas terhadap isteri. Jadi bagi saya, ini satu pindaan yang memang tidak tentu arah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Saya kira pihak kerajaan cuba berniat baik untuk melindungi wanita. Mungkin apa yang berlaku di sini ialah kajian yang tidak holistik, tidak menyeluruh dan tidak *consult stakeholders*. Jadi apabila kita *consult stakeholders* barulah kita tahu masalahnya yang sebenar. Saya, latar belakang saya ialah kaunseling psikologi Tuan Yang di-Pertua dan banyak masalah yang saya kendalikan yang melibatkan wanita-wanita yang didera.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya satu minit untuk habiskan poin ini sebelum saya sambung selepas *break* nanti. Akan tetapi apa sebenarnya yang diinginkan oleh wanita bukanlah maksimum penalti, *punishment* terhadap sang suami. Apa yang diinginkan oleh wanita ialah suami dia berubah Tuan Yang di-Pertua. Sebabnya kita tengok wanita ini bukannya orang tidak pandai, orang pandai tetapi lepas kena pukul, lebam-lebam, lepas itu dia pergi kaunseling, dia duduk bawah *shelter*, dia balik semula Tuan Yang di-Pertua sebabnya sayang dan dia hendak suami dia berubah. Selepas ini saya sambung, selepas makan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sambung petang. Saya ingin mengalu-alukan beberapa Ahli Parlimen dari Parlimen Uganda yang berada di Dewan ini. *[Tepuk]* Semoga lawatan ini akan mengeratkan kedua-dua Parlimen. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.32 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak mengapa Yang Berhormat Ampang, bagi rehat sedikit. Kawan kita yang hendak sambung ucapan. Sila Yang Berhormat Kuantan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan saya berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksan ini berkenaan dengan seksyen baru tadi Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 326A dan 352A yang melibatkan pasangan di mana dicadangkan dalam seksyen baru ini, hukuman ke atas sesiapa yang mencederakan ataupun menggunakan *criminal force*, keganasan terhadap pasangan itu maka akan dilipatgandakan hukuman dua kali maksimum. Jadi dua kali ganda untuk penjara dan maksimum kepada hukuman *fine*, denda.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi kebanyakan mangsa sebenarnya bukan mahukan pasangan mereka ini ataupun pesalah itu didenda atau dipenjarakan. Saya sudah lihat banyak kes di mana yang menjadi mangsa itu bukan orang biasa, orang profesional tetapi sebenarnya apabila mereka didera sudah lebam muka, mata sudah bengkak, rusuk sudah patah, pergi jumpa kaunselor dapat perlindungan. Selepas itu sudah dapat kaunseling tiga hari, balik.

Jadi sebab apa mereka balik? Sebenarnya apa yang di sudut hati seorang mangsa ini, dia mahukan pesalah atau pasangannya itu berubah. Dia bukan hendak pasangannya masuk penjara, bukan dia bukan hendak pasangan dia dihukum tetapi dia hendak pasangannya berubah. Oleh sebab itulah pada pandangan saya, seharusnya kalau boleh kita masukkan juga kaunseling untuk pemulihan, mewajibkan bukan kepada si mangsa sebab sekarang yang mangsa sahaja terima kaunseling. Seharusnya diwajibkan kaunseling kepada pesalah. Itu supaya berubah tingkah-laku, berlaku perubahan dan bolehlah kembali semula kepada hubungan keluarga yang mesra, kasih sayang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua mungkin terperanjat kerana orang profesional pun begini. Wanita profesional pun ramai didera. Bukan sahaja orang Melayu, bukan sahaja orang Malaysia malah di England saya pernah praktis dengan kaunseling di sana dalam *domestic violence*, juga wanita-wanita Mat Saleh pun begitu juga. Sama sahaja korektor wanita ini di mana sahaja, begitu kehendak mereka. Jadi ini berkenaan dengan *causing heart, criminal force* oleh pasangan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat tidak berminat? Macam hendak mencelah. Ini kasih sayang ini. Sila.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Okey kemudian saya hendak tambah lagi dalam seksyen 326A dan 352A ini. Di sini tidak disebut berkenaan dengan *psychological abuse* sebab tekanan mental ini, tekanan emosi juga termasuk di dalam keganasan dan penderaan kalau mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga, tetapi dalam seksyen baru ini tidak dimasukkan perkara tersebut. Jadi ada kepincangan di sini kalau kita hendak luluskan seksyen 326A dan seksyen 352A ini, ada kepincangan dan ia *contradict*, tidak konsisten dengan Akta Keganasan Rumah tangga. Oleh sebab itu saya kata perlu kita tarik semula dan kita *reviews* secara menyeluruh.

Seterusnya saya ingin pergi Tuan Yang di-Pertua, kepada seksyen baru yang dicadangkan iaitu berkenaan dengan rogol, berkenaan dengan *gang rape*. Akan tetapi sebelum kita pergi kepada *gang rape*, definisi rogol itu sendiri Tuan Yang di-Pertua, semalam sudah dihujahkan panjang lebar oleh Yang Berhormat Pengerang, tetapi definisi “rogol” itu sendiri agak sempit. Ini kerana mengikut kanun keseksaan definisi rogol itu lelaki ke atas wanita. Itu definisi rogol, *a man rape a women*. Jadi *without her consent, without her will*. Ini dalam Kanun Keseksaan 375 yang kita sedia ada. Persoalan yang timbul, bagaimana kalau lelaki rogol lelaki? Okey mungkin jawapannya adalah yang dipanggil sebagai sodomi tetapi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pengerang beritahu semalam kena ada *penetration*. Kalau lelaki dengan lelaki mana ada *penetration*. Itu yang saya sebutkan tidak termasuk dalam definisi “*rape*”. Terpulang pada Menterilah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya sebabnya ada di dalam 377 pula berkenaan dengan *caranal*, berkenaan sodomi dan sebagainya. Akan tetapi apabila kita seharusnya tidak menggunakan lelaki dan wanita, seharusnya kita guna “*person*”. Itu lebih menyeluruh-*“person”* sebab pesalah itu atau mangsa itu tidak semestinya wanita setiap masa. Jadi kalau kita pinda dan kita lihat lebih menyeluruh, itu lebih baik sebenarnya untuk kita mengukuhkan akta ini.

Saya juga ingin melihat kepada bagaimana pula berkenaan dengan rogol kemasukan barang atau objek. Ini tidak termasuk di dalam definisi “rogol” di dalam Kanun Keseksaan. Bagaimana pula dengan masuk ke dalam mulut menggunakan organ seks ke atas orang lain. Ini juga tidak termasuk di dalam definisi “rogol” mengikut Kanun Keseksaan. Jadi di situ ada kelemahan di situ yang seharusnya juga diambil kira tetapi tidak diambil kira dalam pindaan ini. *Gang rape*, kalau kita hendak persoalkan dengan bahasa tadi, pesalah *instead of* ataupun menggantikan “lelaki”, kita gantikan dengan “pesalah”, apa kata kalau ada *gang rape* terhadap lelaki lembut contohnya. Jadi ini perkara-perkara yang saya lihat tidak dimasukkan di dalam pindaan rang undang-undang ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada perkara yang seterusnya iaitu berkenaan dengan perkara-perkara juga yang tidak dimasukkan seperti menghendap Tuan Yang di-Pertua. Menghendap ini tidak ada masuk mana-mana pun di dalam Kanun Keseksaan. Apa kata kalau ada SMS lucah yang *harassment*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Hulu Selangor, menghendap ini, tidak boleh.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang ada SMS atau MMS lucu yang dihantar kepada seorang mangsa dan dengan ugutan-ugutan “*Saya akan buat awak macam ini*”, “*Tunggulah malam ini*”, “*Saya suka tengok awak*”. Ini semua unsur-unsur penderaan psikologi yang diliputi di dalam Akta Keganasan, yang seharusnya dalam definisi keganasan tetapi tidak termasuk dalam Kanun Keseksaan ini. Jadi, harus kita lihat juga bagaimana kalau dalam *Facebook* ada orang hantar mesej yang macam-macam. Orang hantar gambar lucu kepada seorang wanita.

Sekarang ini kalau ada laporan polis pun, saya sewaktu pilihan raya baru ini, saya buat satu laporan polis berkenaan satu SMS lucu tetapi dihantar kepada SKMM. Saya tanya polis, “*Kenapa polis tidak mahu siasat?*” Tolak kepada SKMM. Selepas itu saya minta balik untuk disiasat di bawah *Criminal Act* tetapi daripada bulan April sampai sekarang masih senyap. Tidak ada jawapan. Jadi, ini sesuatu yang - tadi Yang Berhormat Bagan bercakap berkenaan dengan ugutan-ugutan membunuh melalui SMS. Jadi, di sini saya lihat bahawa Kanun Keseksaan ini walau pun dalam pindaan atau akta asal pun tidak ada langsung bercakap berkenaan dengan perkara ini.

Jadi ini antara perkara-perkara yang sangat-sangat dikhuatiri oleh wanita. Saya merayu kalau pihak Menteri atau kerajaan ingin membawa usul pindaan kepada Kanun Keseksaan mengambil kira keselamatan wanita, saya pohon sangat-sangat sekarang ini ditarik balik semua fasal yang melibatkan keganasan terhadap wanita ini sehinggalah dapat kita kaji semula seperti yang telah dijanjikan oleh Peguam Negara kepada *caucus* wanita semalam bahawa akan berlaku satu sesi untuk mengkaji secara holistik, meluas, dan menyeluruh akta-akta yang melibatkan keganasan terhadap wanita.

Sekiranya perkara itu berlaku, maka fasal atau seksyen baru yang diperkenalkan dalam pindaan ini, ia menjadi lawaklah Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya ia *redundant* dan ia esok kena pinda balik. Jadi, pada saya memalukan Parlimen Malaysia. Memalukan Parlimen Malaysia kalau nanti lagi sebulan atau dua bulan kita *review*, kita masuk semula.

Jadi, saya harap kita ada *foresight*. Kita ada pemikiran panjang apabila kita meletakkan pindaan-pindaan begini dan setiap undang-undang kita seharusnya konsisten dan tidak *contradict*. Sekarang ini *contradict* seperti yang telah saya bahaskan tadi dan ia tidak sama dengan Akta Keganasan Rumah Tangga dan tidak sama dalam Kanun Keseksaan. Apabila keganasan rumah tangga kata ada anak terlibat, sesiapa yang duduk sekalilah sama ada mak saudara, nenek kalau duduk sekali itu terlibat tetapi dalam ini *spouse* sahaja yang hendak kita *cover*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuantan, Kuala Krau sudah tidak boleh berucap cuma hendak bertanya Yang Berhormat Kuantan. Kalau penderaan mental - suami hendak tetapi isteri tidak bagi, keganasan di bawah mana ini? *[Ketawa]*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ini *standing order* boleh Yang Berhormat Kuala Krau ya? Buka topi Speaker sekejap ya?... *[Ketawa]* Okey, kalau mengikut...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Keganasan antara pasangan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Kalau mengikut Kanun Keseksaan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Minta maaf Yang Berhormat Kuantan ya. Bukannya bertujuan jahat. Katalah Yang Berhormat Kuantan lama duduk di sini...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Akan tetapi tidak boleh macam itu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak boleh sebut. Contoh.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tidak boleh sebut. Tarik balik yang Kuantan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak boleh sebut nama.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tidak boleh sebut yang Kuantan itu. Tarik balik sahaja. Saya minta Yang Berhormat Kuala Krau tarik balik. Boleh tarik balik Yang Berhormat Kuala Krau? Jangan sebut yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh tarik balik. Itu saya kata tidak sebut tadi.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Okey. Kalau mengikut Kanun Keseksaan 375, ada pengecualian di situ kerana pengecualian yang disebut itu tidak melibatkan pasangan suami isteri. Maksudnya 375 ialah berkenaan dengan rogol tetapi pengecualiannya ialah suami isteri. Jadi, di dalam Kanun Keseksaan ada pengecualian terhadap suami isteri tetapi 375A juga mengatakan kalau untuk mendapatkan persetujuan itu si suami menyebabkan kecederaan atau ketakutan, maka hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun. Maksudnya untuk mendapatkan persetujuan, suami mencederakan, maka suami boleh dihukum.

Akan tetapi kalau *psychological abused*, wanita itu tidak dilindungi dalam Kanun Keseksaan tetapi inilah yang menjadi masalah dan menjadi perbincangan di kalangan wanita. Jadi, *where do you draw the line*, macam mana? Contohnya apabila wanita ini Tuan Yang di-Pertua, apabila dia berkahwin dia mempunyai satu harapan yang tinggi menggunung. Dia mahukan satu keluarga yang bahagia. Tidak ada wanita yang kahwin hendak bercerai-berai. Tidak ada wanita yang masuk ke ambang perkahwinan hendak bercerai-berai.

Jadi, wanita ini sentiasa mengharapkan satu perkahwinan yang bahagia. Ada kalanya dia berada di dalam keadaan tertekan apabila si suami itu sentiasa menggunakan *psychological pressure* terhadapnya. Ada juga kadang-kadang dalam kes-kes yang saya tangani, di mana suami itu kata "*Kalau kamu tidak hendak, nanti esok saya ceraikan kamu, anak saya ambil semua. Rumah saya ambil. Saya tidak bagi. Saya kata kamu nusyuz. Kamu tinggallah sorang-sorang*". Dia dera begitu Tuan Yang di-Pertua. "*Kamu tidak hendak layan saya.*" Kadang-kadang kalau normal

itu lain hal. Kadang-kadang mungkin setiap malam atau pun dua atau tiga kali. Jadi, kadang-kadang ada juga wanita yang tidak sanggup. Ini saya minta maaf sebab ini berdasarkan kes sebenar dan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak mengapa, kita semua sudah dewasa.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Berdasarkan kes sebenar dan kadang-kadang dia menggunakan *psychological pressure* itu dan mengatakan, "*Tidak hendak tidak mengapa. Nanti cerai. Lantaklah engkau tinggal sorang. Anak aku ambil semua. Rumah aku ambil. Engkau tidak ada kerja. Selama ini engkau tidak ada pekerjaan, tidak ada duit. Ikut suka*". Jadi, ini penderaan yang dilalui oleh wanita ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau terhadap lelaki?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Jadi, sebab itu apa yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, dia menggunakan perkataan "*he*".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya bertanya sebab kawan-kawan kita di wakil rakyat lain duduk diam sahaja.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Oleh sebab itu dalam Kanun Keseksaan, definisi "rogol" itu pun menggunakan perkataan "*he*", "*the man*". Pesalah itu "*the man*" dan mangsa itu "*the woman*". Itu dalam Kanun Keseksaan. Oleh sebab itu saya kata tadi apa kata kalau lelaki yang kena. Lelaki yang kena *gang raped*. Oleh sebab itu perkataan yang lebih baik adalah "*person*". Jadi, ini menunjukkan segala apa yang harus kita perbaiki. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan semua pindaan ini, kita ucapkan tahniahlah kerana menarik balik fasal 5 dan fasal 33. Akan tetapi fasal 11 berkenaan dengan *disclosure of information* tadi juga merupakan satu fasal yang tidak membawa kita progresif ke depan. Seksyen baru seperti 326A, seksyen 352A, banyak kelemahan di situ.

Definisi rogol pun harus kita ambil kira. Kita juga harus teliti berkenaan dengan tadi soalan Tuan Yang di-Pertua sendiri, berkenaan dengan *psychological abuse* dalam perkahwinan untuk mendapatkan seks ya. Itu juga harus kita teliti sebab tidak termasuk di dalam Kanun Keseksaan ini sebab ada pengecualian di situ. Kita juga tidak meliputi dalam Kanun Keseksaan pindaan ini anak-anak, yang lain-lain di dalam jagaan. Tidak meliputi kaunseling pemulihan seperti yang dikehendaki, yang sepatutnya kita berikan kepada pesalah-pesalah. Oleh sebab itulah saya mengusulkan rang undang-undang ini ditarik balik sehingga kita dapat membawa satu pindaan yang betul-betul mantap, konsisten dengan akta-akta yang lain dan kita bawa bincang baik-baik. Saya kira dalam hal ini *gender caucus*, wanita di sebelah sana, Barisan Nasional dan Pakatan sepakat berkenaan dengan perkara ini.

■1450

Kita *go above*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *party lines* demi kebaikan wanita. Sebab 54%, statistik menunjukkan 54% daripada mangsa keganasan dalam keluarga, dalam rumah tangga, bukannya pasangan suami isteri. Maksudnya, bukannya lelaki, bukannya suami yang

mendera isteri. Maksudnya ada anak yang kena, ada ibu saudara yang kena. Jadi 54%. Kalau kita ambil seksyen 326A ini yang hanya meliputi *spouse*, maksudnya lebih daripada separuh daripada mangsa itu tidak tergolong di dalam kategori ini.

Jadi banyak sebabnya di mana kita mengusulkan, saya menyusulkan Tuan Yang di-Pertua, harap Menteri dengar supaya kita menarik balik sehinggalah kita dapat sama-sama melihat secara lebih holistik, secara lebih menyeluruh dan bawa satu rang undang-undang pindaan yang begitu mantap, semua kita setuju demi kebaikan wanita kita. *We hold half of the sky*. Itu satu peribahasa Cina, "*Wanita menjunjung separuh daripada langit*", Tuan Yang di-Pertua. Jadi pentingnya ibu kita wanita, ibu Tuan Yang di-Pertua wanita, isteri Tuan Yang di-Pertua wanita, ada yang dua pun, anak, anak gadis, adik-beradik...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Merujuk kepada siapa itu Yang Berhormat Kuantan?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tidak tahulah. Siapa-siapa yang terasa, terasalah. Ada dua, ada tiga, ada empat. Jadi, demi wanita ini yang kita kasihi dan kita sayangi, kita sama-sama pinda betul-betul. *Do it once and for all, and do it good*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Sebelah kanan saya tidak ada? Sebelah kanan saya tidak ada? Ada sekejap lagi. Yang Berhormat Tasek Gelugor ya?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai, sila.

2.52 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam perpaduan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan). Saya bukanlah seorang *lawyer* tetapi saya melihat pindaan rang undang-undang ini adalah satu perkara yang sangat penting kerana insan ini pelupa. Manusia ini perlu diberikan ganjaran dan nasihat. Akan tetapi apabila ganjaran dan nasihat tidak berjalan lagi, maka *punishment* ataupun hukuman perlu dijalankan supaya manusia lain dapat hidup dengan lebih baik.

Jadi hari ini, saya ingin menyentuh beberapa seksyen dalam Kanun Keseksaan ini. Pertamanya, seksyen baru iaitu seksyen 326A - "*Punishment for causing hurt by spouse* dan seksyen 352A - "*Punishment for using criminal force by spouse*." Jadi, cerita penderaan ini antara suami memukul isteri dan yang baru-baru ini kita melihat di dalam *YouTube*, kita lihat bagaimana satu orang isteri ditendang, terajang oleh suami dia. Mungkin banyak juga yang tidak dapat secara *live* dan sebagainya. Akan tetapi pengalaman saya sebagai seorang doktor, ada pesakit-pesakit wanita yang datang ke klinik memberitahu dia sakit kepala. Jadi bila kita selak sedikit tudungnya, nampak ada bola pingpong di sini [*Menunjuk di dahi*] Ada bola pingpong besar di sini. Jadi sebab

dia sakit kepala dia tidak beritahu. Dia akan *protect*. Sebenarnya yang berlaku ialah bertinju di rumah. Ada *boxing* berlaku. Jadi ini banyak kali berlaku, *mental problem*.

Sebenarnya yang menjadi masalah hari ini ialah kesihatan mental. Banyak masalah di belakang. Masalah dalam rumah tangga, masalah di tempat kerja, masalah *personal*, dengan izin. Masalah-masalah ini telah mendatangkan kacau-bilau dalam fikiran. Jadi kita lihat hari ini, banyak penderaan yang berlaku. Akan tetapi seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Kuantan tadi, wanita ini memang taat setia. Dia kena pukul macam mana sekali pun, selepas kaunseling, dia akan patah balik. Jadi saya dengar tadi kasih sayang tetapi kita lihat sebenarnya wanita ini dia ada kekuatan yang luar biasa.

Saya sudah lihat wanita boleh menanggung kesakitan. Walaupun sakit macam mana pun, dia akan datang balik. Walaupun dipukul macam mana pun, dia akan datang balik. Kita yang melihat *YouTube*, sampai hari ini kita marah. Kita lihat macam mana pada ketika dia ditendang, diterajang, kita jadi marah sampai hari ini tetapi dia sudah memaafkan sudah. Ini kekuatan wanita. Semasa saya bekerja di hospital, ada wanita yang masuk untuk melahirkan anak. Sakitnya tanya wanitalah. Sakitnya hendak bersalin ini tanya wanitalah. Saya pun tidak tahu. Saya melihat begitu teruk sekali sehingga dia bersumpah dia tidak mahu melahirkan anak lagi. Akan tetapi tahun depan, dia datang lagi [*Ketawa*] [*Disampuk*] Ya, ini kekuatan wanita yang kita hendak cerita.

Jadi kita lihat dia ini, saya namakan ini kesihatan mental yang tidak betul dan masalah ini adalah masalah yang berat sebenarnya. Apa yang kita lihat dalam *YouTube*, yang kita dengar dalam surat khabar adalah *tip of the iceberg*, dengan izin. Yang kita tidak tahu, banyak. Tanya ramai wanita ini, dia pakai tudung, kita tidak tahu dalam itu ada bola pingpong. Mungkin ada tinju di rumah dan macam-macam lagi penderaan yang diterima. Jadi saya berpendapat, pindaan ini yang mengenakan hukuman yang lebih berat adalah wajar supaya manusia ini tahu beradab, tahu had-hadnya. Jadi saya menyerulah untuk contohnya Kementerian Kesihatan, kementerian bertanggungjawab apanya...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat sebelum beralih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong. Sila.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sebab seronok juga tadi dengar. Saya kira-tadi balik kepada Yang Berhormat katakan mengenai ada wanita yang takut untuk ke hadapan dan kemudian dia akan sengsara sendiri, ada bola pingpong dan sebagainya. Setujukah Yang Berhormat apabila saya katakan bahawa sesetengah wanita ini mungkin dia terlampau kkuatir akan kehilangan orang yang boleh menanggung mereka? Oleh sebab itulah ada di antara mereka yang takut hendak ke hadapan, takut untuk membuat aduan, itu satunya.

Akan tetapi saya juga hendak bertanya dengan Yang Berhormat, ada juga atau tidak Yang Berhormat sebagai doktor pernah terjumpa lelaki juga yang mengalami perkara yang sama? Mungkin tidak bolehlah, tadi Yang Berhormat Tampin di sebelah saya ini dia suruh saya cakap perkataan itu tetapi saya tidak sanggup hendak mengeluarkannya di sini. Kalau sekiranya ada

boleh juga, sebab itu tadi saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat Kuantan mengatakan bahawa dengan izin, *when it comes to this matter, it goes to both sexes*. Saya minta pandangan pada Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Bagan Serai, bersekali, bersekali. Sekali-sekali.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Pakej ya?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ya, pakej sekali.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ambil-ambil.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Baru hendak cakap pasal bila Yang Berhormat Bagan Serai bercakap, saya kena bercakap, fasal sama sekolah. Setujukah Yang Berhormat Bagan Serai bila kita melihat daripada pindaan yang hendak dibuat di bawah seksyen 352A ini, hukuman yang dikenakan enam bulan dan juga RM2,000 atau kedua-duanya sekali, perlukah kita memperkasakan hukuman itu supaya menjadi kegerunan pada si penjahat ini merasai betapa seksanya bila mangsa itu didera dan mereka ini dihukum dengan setimpal malah lebih timpal lagi dan berbalik kepada sakit-sakit bersama? Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai kalau hukuman itu diberatkan lagi? Ia bukan RM2,000, bukan penjara maksimum lima tahun, 10 tahun supaya dia faham bahawa ini celakanya kalau aku buat perkara ini. Bagi ingatan kepada yang lain supaya gerunnya undang-undang itu dihayati oleh mereka yang mendurjanakan manusiawinya. Terima kasih.

■1500

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Itu yang saya suka Yang Berhormat Kuala Langat, kawan. Dia faham apa yang saya hendak sampaikan. Jadi berbalik kepada Yang Berhormat Parit Sulong tadi. Sebenarnya apabila seseorang berkahwin, mereka berkahwin atas dasar cinta, kasih sayang dan apabila telah berkahwin dia telah meletakkan kepercayaan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Parit Sulong, dia akan rasa satu kehilangan. Wanita apabila digertak oleh suaminya begitu dan dipukul, dia akan rasa kehilangan di mana lagi dia hendak bergantung umpamanya. Kalaupun dia bekerja, di mana lagi dia hendak meletakkan kasih sayang umpamanya. Apatah lagi perkahwinan ini telah menghasilkan zuriat, panjang cerita ini. Bukan boleh pergi *report*, masuk dalam jail, dia fikir begitu.

Jadi saya berpendapat, kita kahwin kerana kita suka, kerana kita sayang, kerana kita cinta. Adakah kasih sayang dan cinta ini makin berkurangan daripada tahun ke setahun ataupun makin bertambah. Semasa satu anak, dua anak dan bertambah-tambah anak. Jadi inilah hasilnya. Jika kasih sayang itu berkurangan, cinta itu berkurangan ataupun terjadi masalah-masalah yang lain, maka tangan pun akan terangkat, kaki pun akan terangkat. Maka tidak ada pertimbangan lagi. Maka syaitan yang kontrol dia selepas itu. Jadi pada pendapat saya saranan Yang Berhormat Kuala Langat itu bagus. Saya tengok benda-benda yang makin berat dan semakin banyak itu

bagus. Kita kena ajar orang-orang ini supaya tahu beradab, supaya menghargai kepercayaan, kesetiaan dan kasih sayang orang. Tepuk kuat sedikit [*Tepuk*]

Sebab apa saya tidak tahu Ahli Yang Berhormat yang lain Tuan Yang di-Pertua. Melihat di dalam *YouTube* itu, kita rasa marah tidak? Saya ada pesakit-pesakit yang datang berjumpa saya di klinik, dia pula tumbuk meja di hadapan saya. Sebab rasa marah itu, rasa tidak adil itu. Bagaimana orang yang menjaga kita, makan minum kita, pakaian kita, rumah tangga kita, anak-anak kita dan selepas itu kita tendang dan pukul, lanyak dia, macam mana itu? Apa yang sepatutnya kita buat dengan orang yang macam ini? Ini yang menjadi persoalannya. Jadi kalau macam ini hukumannya ataupun dilebihkan lagi, kerana dengan ini kita mengajar. Apa yang saya dengar dalam perbincangan yang lepas, ada Yang Berhormat yang mengatakan kita berikan tambahan pemenjaraan, tambahkan dalam penjara dia keluar dia jadi. Kalau tidak salah saya Yang Berhormat Bukit Gantang yang beritahu. Dia masuk dia curi apa? Motor, dia keluar, dia dah *graduate* dapat Ph.D dalam penjara, dia mencuri mesin ATM. Mungkin satu atau dua tetapi ramai yang akan takut, yang akan gentar, yang tidak akan buat, tidak semua. Akan tetapi kalau kita tidak melaksanakan hukuman yang lebih berat ini, maka manusia berleluasa. Itu suka hati menendang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyebut sekali lagi. Apa yang kita nampak dalam *YouTube* itu adalah *tips of iceberg*, dengan izin. Banyak lagi yang berlaku di luar, yang tidak mahu dipaparkan dan diceritakan kerana banyak unsur. Cintalah, kasih sayanglah, masih sayanglah, tidak apalah apa jadi pun, anak-anaklah dan belum lagi cerita malu. Malu, malu tambah-tambah pula profesional. Dia profesional, dia *lead the company*, dia *lead the organization* tetapi apabila buka tudung ada bola pingpong di sini. Jadi ini maknanya ini *problem*. Ini yang menyebabkan terdapat saya- hukuman yang berat ini perlu dilaksanakan.

Saya juga ingin menyentuh seksyen baru 375B, "*Gang rape*", ini adalah perangai jahat, perangai binatang. Tidak boleh main-main. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul sebab terjadi kepada anak orang lain, *gang rape* ini beramai-ramai. Ini geng, ini namanya pakatan jahat [*Ketawa*] Pakatan jahat, *gang rape* ini geng-geng dia lah, pakatan dialah, *team* dialah, *group* dialah. Apa lagi? Ada benda-benda lagi tetapi sebut pakatan jahat. Pakatan jahat ini yang akan merosakkan orang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Bangun*]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Peraturan...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi mereka...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Bagan Serai tarik balik "pakatan" itu sebab ia mempunyai sangkaan jahat terhadap pakatan - geng, geng kalau tidak geng, geng [*Dewan riuh*]

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya menyebut pakatan jahat. Geng jahat ini ia pakatan jahat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Kalau kami cakap barisan perogol macam mana? Kalau kami cakap barisan perogol, macam mana?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...Saya minta Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia tidak bermaksud...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya tidak bermaksud...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepada Pakatan Rakyat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya bermaksud, saya bermaksud jelas-pakatan jahat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Perangai dia macam ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan mana ini?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Peraturan Mesyuarat 36(6). Saya rasa Yang Berhormat Bagan Serai dia mempunyai *insinuation* yang mempunyai sangkaan yang jahat. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh minta dia jangan cakap lagi, kalau boleh tarik balik...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada kena mengena ini Yang Berhormat Bayan Baru.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya tidak ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau tengok 36(6) sangkaan jahat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Insinuation...*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya tidak ada - mungkin ada orang yang sangka jahat terhadap saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila teruskan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya teruskan. Jadi apa yang saya hendak sampaikan bagaimanakah kesan kepada keluarga, kepada pasangannya dulu. Ramai ini, pakatan ini lima, enam orang, bersama-sama *gang rape*. Apa kesan kepada pasangan? Apa kesan kepada emak dan ayah dia? Apa kesan kepada adik-beradik dia? Apa kesan kepada kaum keluarganya di kampung itu? Di mana hendak letak muka, siapa hendak bela mereka?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, perangai binatang ini perlu diberikan hukuman yang setimpal yang berat supaya dia insaf. Ada yang kata dia tidak insaf tetapi ramai lagi yang akan takut kerana kadang-kadang kalau hukuman tidak cukup kuat, maka orang tidak takut. Ia kena ada kesan *because* manusia memang begitu. Kalau katakan kita memandu dengan laju melebihi had, dikenakan hukuman RM50, saya rasa ramai yang akan memandu laju. Kalau undang-undang dikenakan sesiapa yang ditangkap, yang dikesan memandu laju melebihi had dikenakan hukuman RM1,000. Saya rasa banyak yang akur kepada perkara ini kerana ada tahapnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Laluan...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya setuju dengan hukuman yang dikenakan kepada pelaku *gang rape* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Laluan boleh kah? Bagi pihak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak tanya sedikit, lima tahun ini cukup ke untuk kesalahan *gang rape* ini atau berapa tahun tadi, 10 tahun cukup kah? Selama 10 tahun ini kalau mengikut Islam, rogol ini bunuh, hukuman bunuh. Kenapa kita tidak boleh pinda sedikit, *gang rape* ini hukuman bunuh. Saya rasa lebih tepat dan lebih adil dan lebih menggerunkan orang lain. Apakah pendapat? Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya daripada tadi menyokong. Maksud saya, saya dari tadi menyokong dua perkara yang- seksyen yang diperkatakan tadi adalah perkara yang berat. Sebab hari ini kalau kita lihat kepada kesan yang akan terjadi kepada keluarganya. Kesan atau kesan psikologi ataupun masa depan orang yang dirogol ini. Maka pendapat saya hukuman yang berat mesti diberikan dan hukuman ini akan memberikan pengajaran dan iktibar kepada orang-orang yang lain, jangan membuat perkara ini lagi. Ini pendapat. Jadi kita lihat barulah akan ada kesan daripada undang-undang yang dilaksanakan. Jadi saya melihat pemenjaraan yang lama, hukuman yang lebih berat ini daripada kesan yang lebih positif walaupun ada dikatakan banyak mana ada perubahan dan sebagainya tetapi yang jelasnya tetap ada perubahan tetapi ada orang yang gerun dan *insya-Allah* jenayah-jenayah yang begini akan berkurangan...

■1510

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Minta laluan sekali lagi, boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Pasir Puteh.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Boleh sekali lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Orang yang melakukan *gang rape* ini selalunya mereka ini mempunyai penyakit dan kalau diserahkan kepada *psychiatrist* untuk menilai, mungkin ada penyakit. Apabila kita masukkan mereka ini ke dalam penjara misalnya, satu gang kita masukkan dalam penjara, dalam penjara mereka akan *gang rape* orang lain pula dalam penjara. Banyak berlaku. Jadi tidak menyelesaikan masalah. Betul atau tidak? Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang berlaku *gang rape* ini, bukan dia gila. Dia tak gila. Dia makan, dia minum, dia tidur tetapi nafsu jahat dia itu yang tak dapat dikawal, yang tak mengenal kerana dia tak nampak ada undang-undang boleh menghalang dia. Jadi orang-orang begini pada pendapat saya apabila masuk dalam jail, sudah tak ada selera sudah. Sudah tak ada selera nak buat apa-apa sudah. Dia nak keluar sahaja. Harapan kita dengan adanya kelompok-kelompok yang sudah dikenakan hukuman ini, maka mereka yang di luar sana akan

berhenti melakukan perkara ini. Kita jangan tengok bila masuk dalam jail, yang dalam jail semua kena. Bukan begitu. Mereka yang dalam jail ini, yang sudah lama dalam jail, saya tak tahu sebab saya tak pernah masuk dalam jail. Baik.

Saya tidak ada perkara lagi yang nak saya cakapkan hari ini. Akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dan terima kasih kepada kerajaan yang menarik balik fasal 5 dan fasal 33. Mudah-mudahan rang undang-undang ini, yang diluluskan, akan memberikan jauh banyak kebaikan kepada rakyat di negara ini. Saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebelum saya persilakan Yang Berhormat berucap, saya nak tahu berapa orang. Satu, dua, tiga, empat. Sebelah sini, lima. Boleh 10 minit seorang ya? Kita jadual pukul 4 Menteri menjawab. Masjid Tanah berminat ya? Okey, saya persilakan Batu Pahat, belakang. Selepas Batu Pahat, Masjid Tanah, lepas itu kapar, Bayan Baru dan juga Kulai. Ya.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya pada mulanya tidak bercadang untuk turut memberikan pandangan dalam perbahasan ini tetapi selepas saya mendengar rakan-rakan dari dua belah pihak mempunyai umumnya bersetuju bahawa cadangan perubahan dalam undang-undang ini perlu diundurkan untuk dikaji lebih teliti tidak kiralah di peringkat mana. Daripada pokoknya, akhirnya dikemukakan semula sebagai satu akta dan kemudiannya diperundangkan yang menggambarkan kematangan kita sebagai Ahli Parlimen dan kematangan Parlimen kita sendiri yang bersedia dan kematangan bapa Menteri sendiri yang bersedia melakukan perubahan bila perubahan diperlukan.

Saya menyokong supaya ia ditarik balik kerana saya fikir bagi pihak kerajaan dan Perdana Menteri, ia akan menggambarkan keseriusan Menteri atau Perdana Menteri atau kerajaan yang mahu adakan transformasi. Maka ini menggambarkan transformasi tertinggi di peringkat Parlimen. Silap, berundur, tak ada masalah. Tidak ada soal ego atau kesombongan dan keangkuhan yang kalau kita silap, apa salahnya. Tadi ada Ahli Yang Berhormat menyebutkan kita manusia, insan memang pelupa, memang ada melakukan kesilapan. Maka kita berundur balik.

Saya juga ingin mengemukakan Tuan Yang di-Pertua, fenomena yang ada seperti *gang rape*, keganasan rumah tangga dan lain-lain *problem* sosial. Ini merupakan fenomena yang disebutkan oleh Allah SWT sebagai sebahagian daripada hasil perbuatan tangan kita. [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Ternyata kerosakan di darat dan di laut yang Allah rasakan sebahagiannya sahaja kepada kamu supaya kamu kembali bertaubat membetulkan. Kita fikir sebagai pengalaman saya sebagai seorang guru, sebagai seorang pendidik, sebagai seorang pensyarah, sebagai seorang *trainer* dan akhir sebagai Timbalan Ketua Pengarah Biro Tatanegara, saya melihat fenomena ini ialah hasil daripada perbuatan kita sendiri. Hasil pemerintah yang sudah memerintah 50 tahun. *This is our doing.*

So kita kena *undo not only to laws*, dengan izin. Kita tidak boleh membetulkan hanya dengan undang-undang kerana kita sudah lihat banyak undang-undang yang lebih keras tentang

yang berkaitan dengan dadah. Hukum mati tetapi orang buat juga. Jadi bukan kata kekerasan undang-undang itu sendiri. Barangkali yang ini berbeza sedikit dengan kita punya Yang Berhormat. Saya minta maaf yang baru fasal tadi. Semua kita keraskan undang-undang, tak ada. Orang tidak kisah undang-undang ini. Keras macam mana pun kalau tidak ada sifat ihsan, tidak mendapat redha daripada Allah SWT, dia tidak memberi kesan kepada manusia.

Jadi sebab itu saya fikir kita semua kena *undo what we have done*. Kita kena perbetulkan 50 tahun yang lalu yang telah kita lakukan terutama sekali wakil pemerintah yang melakukan kesilapan-kesilapan sehingga kesannya kita rasakan sekarang. Kita kena insaf bahawa kesan itu kita tidak boleh ubah dengan undang-undang semata-mata. Undang-undang hanya sebahagian daripada turus untuk membawa perubahan ini. Kalau undang-undang mahu dikuatkuasakan, maka undang-undang itu harus komprehensif dan undang-undang itu harus dihormati dan dia dihormati kalau misalnya tidak timbul masalah yang ditimbulkan oleh teman-teman Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih awal, ia tidak *contradict* antara satu sama lain. Ia tidak bertentang antara satu sama lain. Ia bukan memberikan hukuman yang sewenang-wenang hingga misalnya hakim tadi tidak ada kebebasan untuk menentukan hukum. Dia tidak hanya menghukum satu pihak dan menghukum pihak yang lain. Dia tidak hanya kita nak selesaikan satu masalah, kita tambah masalah lagi.

Saya sebut contoh-contoh Tuan Yang di-Pertua. Misalnya masalah *gang rape* ini dan masalah *rape* ini, *rape* ramai-ramai ini. Kalau kita prihatin dan masalah keganasan rumah tangga ini. Kalau kita prihatin dan saya terlibat dalam *training* pelbagai bidang terutama sekali hal rumah tangga dan remaja, masalahnya ini sangat besar di kalangan masyarakat kita. Masyarakat kulit sawo matang macam kita ini. Tak muat penjara Tuan Yang di-Pertua. Dia akan nanti mengaibkan kita. So langkah-langkah pendidikan, kaunseling, hal-hal ini harus barangkali, bukan barangkali, semestinya kita lakukan. Maknanya *problem* dan permasalahan ini kita kena tengok secara teliti, tidak hanya kita menggunakan pendekatan menakutkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Batu Pahat, boleh minta laluan?

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Sepang:

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Batu Pahat. Saya tertarik dengan ucapan Batu Pahat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh duduk dulu Batu Pahat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Oh. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya ini biasa jadi cikgu. Jadi tak reti duduk. Dia dengar sahaja orang bercakap pun berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Batu Pahat, saya tertarik dengan ucapan Batu Pahat tadi yang saya berkecenderungan untuk lebih setuju dengan apa yang dikata oleh Batu Pahat tadi. Bukan bermakna kita nak *condone* perbuatan-perbuatan jenayah yang seperti *gang rape* ataupun yang melibatkan kecederaan kepada *spouse* ini.

■1520

Akan tetapi, saya rasa pendekatan hanya mengenakan hukuman keras sahaja, kalau itulah satu bentuk hukuman yang boleh menyelesaikan masalah, memang sudah lama kita boleh ada satu statistik yang boleh mengatakan begitu. Akan tetapi sebab kalau kita lihat pada prinsip *sentencing* itu sendiri, *deterrence* itu adalah satu cara hendak *reform* penjenayah ini. Makna, ada lagi bentuk-bentuk lain. Malahan, hukuman penjara juga, kalau kita lihat dalam perbincangan mengenai *sentencing* ini, ada juga pendapat-pendapat yang mengatakan hukuman penjara ini juga ada dia punya *negative side*.

Sebagai contoh, antara sebab kenapa hukuman penjara ini ditentang oleh mereka-mereka yang terlibat dalam perbincangan ini. Dia kata hukuman penjara bukan sahaja menghukum orang yang terlibat tetapi juga menghukum orang yang tidak terlibat. Sebagai contoh, seorang bapa dipenjarakan, hakikatnya walaupun bapa itu yang melakukan jenayah, anak dia juga yang tidak melakukan jenayah juga dihukum. Sebab apa? Dipisahkan dengan bapa. Mungkin orang kata, bapa dia ini sorang yang ganas, patut dipisahkan. Kita akui, memang ada begitu. Akan tetapi ada juga kadang-kadang kesalahan itu kali pertama. Dalam cadangan yang dipinda ini, ia tidak langsung mengambil kira faktor-faktor tersebut sebab kalau orang itu kali pertama pun didapati bersalah, terus dikenakan hukuman yang sebegitu rupa. Jadi, itu yang pertama.

Yang keduanya, kalau kita lihat dari segi prinsip Islam sendiri, apabila kita bercakap mengenai hukum zina sebagai contoh. Walaupun keras untuk orang yang *muhsan*, orang yang sudah berkahwin, sampai boleh rejam sampai mati untuk yang belum berkahwin, *ghairul muhsan*, sampai hukuman 100 rotan. Itu hukuman mandatori. Akan tetapi Islam bukan hukuman itu bahagian terakhir, ia dalam Islam dipanggil [*Menyebut istilah dalam bahasa Arab*] Maknanya, *you block all the means*. Maknanya, segala pintu untuk melakukan jenayah itu juga mestilah ditutup. Sebab itu Islam bukan setakat hukuman, hukuman itu yang terakhir. Satu [*Menyebut istilah dalam bahasa Arab*] Ini memainkan peranan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apa Yang Berhormat Batu Pahat, sedikit lagi. Saya harap kerajaan mengambil kira. Sebab itu saya kata dalam kita hendak menggubal undang-undang ini kita boleh juga mengambil faedah-faedah daripada sistem-sistem yang lain. Islam adalah salah satu sistem yang telah menawarkan satu sistem jenayah ini yang kita tidak boleh sombong dan tidak lihat benda itu. Bukanlah bermakna saya kata undang-undang ini semua mesti ikut. Hukuman dalam takzir ini kita boleh ambil contoh-contoh prinsip dalam sistem-sistem yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Batu Pahat.

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang, memberikan pandangan tambahan yang sangat berkaitan. Misalnya, disebutkan tadi soal kalau bapa dihukum. Tadi kita dengar ramai Ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang isteri tidak

bersedia sebenarnya untuk dijauhkan dengan suami dan dia boleh *tolerate*, dengan izin, banyak perlakuan yang melampaui dari suami.

Jadi, kalau dihukum penjara begitu, barangkali ia tidak menyelesaikan masalah, ia menambahkan lagi masalah. Saya punya poin tadi Tuan Yang di-Pertua, kita berharap untuk menyelesaikan masalah Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebenarnya kita menambah masalah. Jadi, saya fikir dan saya ingin mencadangkan supaya kita duduk, bincang, *exhaust all means*, dengan izin. Kita tengok segala jalan keluar yang terbaik. Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri, kira anak buah saya dahulu, bukan soal ego. Ini untuk masa hadapan anak-anak kita. Masa hadapan generasi kita.

Apatah lagi dalam setiap kali kita bermula waktu pagi, kita berdoa, mudah-mudahan kita tidak mempersendakan doa kita untuk kita menjalankan tugas kita dengan penuh keamanan dengan melaksanakan amanah dan tanggungjawab kita. Bukan sedap-sedap kita meluluskan dengan menggunakan *fear syndrome*. Kita terburu-buru mengeluarkan satu undang-undang kerana kita takut hilang kuasa. Jadi, kita jangan gunakan sindrom takut. Sebab tiada ramai yang takut sekarang melainkan yang berkuasa yang takut hilang kuasa..

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Datuk Mohd. Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Batu Gajah. Selepas ini gulung ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tadi Yang Berhormat Batu Pahat ada sebut tentang *fear syndrome*. Sebenarnya kita hendak adakan undang-undang untuk menakutkan orang yang melakukan kesalahan, terutamanya bagi seksyen 326A "*Punishment for causing hurt by spouse.*" Sebenarnya, kita mahu masalah ini diselesaikan. Akan tetapi saya khuatir dengan adanya undang-undang yang lebih berat, tadi ada juga di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat telah mengatakan bahawa pada kebiasaannya isteri akan membela suami walaupun berlaku kekejaman, kekerasan terhadap dirinya.

Akan tetapi dia akan bela, dia akan maafkan dan mungkin apabila kita membuat undang-undang yang lebih keras, maka ini juga akan mewujudkan satu bentuk *fear syndrome* terhadap isteri itu supaya tidak mendedahkan apabila berlaku sesuatu kecederaan ataupun dizalimi oleh suami. Mungkin isterinya takut untuk mendedahkan perkara itu kerana dikhuatiri kerana satu hukuman yang lebih berat akan dikenakan kepada suami. Mungkin tempoh yang terlalu lama dikenakan dan dia terpaksa berpisah dengan suami dan anak-anaknya juga akan menjadi mangsa. Apa pandangan Yang Berhormat Batu Pahat mengenai perkara ini?

Datuk Mohd. Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Ya, satu pandangan yang tepat. Tuan Yang di-Pertua, beri saya masa 10 minit. Jadi, saya ingin rumuskan. Apa yang ingin kita cadangkan supaya kita melihat balik secara terperinci undang-undang ini. Jangan tergesa-gesa untuk kita hanya berbangga kita dapat luluskan satu undang-undang. Saya sebutkan lebih awal. Kalau kita *review* balik, ia menggambarkan kematangan kita berinteraksi dalam Parlimen yang mulia ini. Memberikan ketinggian budi kita untuk melihat mana yang benar, mana yang salah.

Dapat kita melihat bahawa undang-undang yang kita luluskan, ia tidak bertentangan dengan hasrat rakyat dan trend semasa rakyat yang misalnya mahukan *transparent*, mahukan informasi dikongsi. Bukan mahu menakut-nakutkan, termasuk menakutkan pegawai kerajaan. Saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bekas pegawai kerajaan lebih 30 tahun. Saya sebenarnya tidak pernah takut kepada mana-mana pegawai yang di atas saya melainkan atas kebenaran. Orang yang macam saya bukan sedikit. Kalau kita pakai sindrom takut dalam melaksanakan undang-undang, misalnya dalam perkongsian informasi, kita akan kecewa. Akan tetapi kalau kita kongsi dengan mereka, *idealisme* bersama kita dan kita ada masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Masjid Tanah.

3.28 ptg.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk ruang saya untuk membahaskan rang undang-undang pada petang ini. Saya menyentuh tentang seksyen 375B yang baru dimasukkan berkenaan dengan *gang rape* yang boleh dikenakan tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun. Sebelum ini memang tidak pernah ada *provision* berkenaan dengan *gang rape* ini. Perlu diingatkan juga bahawa proviso ini membolehkan pihak pendakwa untuk membuktikan *gang rape* itu dilakukan oleh semua dengan niat untuk melakukan *gang rape* terhadap mangsa. Persoalan yang timbul yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah kenapa dalam seksyen 376 adanya hukuman sebatan tetapi tidak ada di dalam seksyen 375B ini yang hanya menyatakan minimum 10 tahun penjara dan maksimum 30 tahun penjara tetapi tidak ada dinyatakan tentang hukuman sebatan.

Yang perlu kita lihat, *gang rape* ini traumanya adalah maha hebat daripada apa yang berlaku sekiranya dilakukan oleh seorang individu terhadap mangsa berbanding dengan *gang rape*. *Gang rape* ini dia punya trauma, *masya-Allah* kita boleh lihat betapa hebatnya yang dialami oleh mangsa. Sebab itu saya mohon untuk Yang Berhormat Menteri menjelaskan, patut dimasukkan adanya hukuman sebatan di dalam seksyen 375B ini. Saya mohon juga untuk pihak Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan tentang *gang rape* bagi mereka macam mana Yang Berhormat Pengerang bagi tahu semalam. Ada lima orang merogol, tiga melakukan perbuatan tersebut. Satu merakam, satu lagi pegang tangan. Adakah mereka ini boleh apabila pihak pendakwa membuktikan pada mahkamah, lima-lima ini boleh dikenakan kesalahan 375, berbanding dengan sebelum ini di bawah seksyen 376, diadakan berasingan.

■1530

Bagaimana, pihak Yang Berhormat Menteri perlu jelas, kerana di dalam seksyen 375B ini tidak jelas. Okey, dan kita lihat juga bahawa ini juga merupakan peringatan, pengajaran kepada orang ramai di luar sana, yang kalau ada berniat untuk melakukan *gang rape* secara beramai-ramai ini, supaya kalau boleh, kita menjadi iktibar kepada di luar sana supaya janganlah ya kalau ada ini- mereka kadang-kadang hanya untuk seronok. Dia hendak buat benda itu dia tidak fikir pun.

Dia seronok sahaja, bila hendak buat benda itu, hendak *rape*, melakukan perbuatan itu, secara seronok-seronok. Yang seorang tolong ambil gambar.

Akan tetapi, sebenarnya mereka boleh *stop* kan perbuatan itu. kalau kita dalam geng-geng baik, dia bila hendak melakukan perbuatan itu, antara sahabat itu mestilah bagi *warning*. Jangan buat itu. ada usaha-usaha untuk memberhentikan perbuatan tersebut. Jadi, bagaimana? Ini perlu diambil kira.

Perkara kedua, saya juga bersetuju di atas seksyen 376(2)(g) dengan menaikkan penalti bagi kesalahan merogol perempuan yang sedang mengandung dengan memasukkan daripada lima tahun ke 10 tahun. Sekarang ini hanya kesalahan itu daripada minimum lima hingga ke 30 tahun. Kita kalau boleh minimum naikkan ke 10 tahun. Ini amat saya bersetuju.

Ini kerana mengandung. Sudahlah mengandung, dengan beban yang dibawa oleh badan, selepas itu fizikal dan mental secara amnya memang terbeban. Apabila dia mengandung, selepas itu kena *rape* pula. Tidakkah menjejaskan kehidupan dia? Perogol ini pula satu. Kadang-kadang dia tidak perasan pun orang itu mengandung. Jadi, macam mana kalau yang badan kecil, yang ada perut kalau mengandung, ada orang mengandung tidak perasan pun dia mengandung.

Ada juga yang perogol ini dia tidak ada pun hendak buat kajian. Oh, yang ini dia mengandung. Ada dia *attack* sahaja orang mengandung sebab dia suka orang mengandung. Maka, sebab itulah kita perlu masukkan. Saya bersetuju 10 tahun hingga ke 30 tahun perlulah kita laksanakan. Bagi seksyen 376(2) subseksyen (h), berkenan mangsa yang menjadi gila, subseksyen (i) yang perogol adanya sakit HIV, AIDS, STD dan (j) mangsa membunuh diri. Saya amat menyokong dan bersetuju tentang kemasukan bagi subseksyen-subseksyen yang baru ini, kerana kita lihat pada hari ini banyak pendedahan dalam *YouTube* sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai sebentar tadi. Banyak yang telah dilihat dalam *YouTube* pendedahan, kalau kita *Goggle* pun macam-macam. Ini semua yang boleh menjadikan keseronokan, mendatangkan keseronokan, mendatangkan kenikmatan pada seseorang untuk melakukan jenayah rogol.

Jadi, kalau adanya perkara-perkara ini dengan menambahkan, maksudnya menambahkan subseksyen ini menambahkan hukumannya, ini amat saya alu-alukan dan juga saya amat menyokong. Hal ini kerana kita yang berlakunya, mangsanya adalah wanita. Kalau kita tidak menjaga dari segi secara *details* yang terjadi kepada mangsa-mangsa, saya kluatir satu hari nanti kesalahan ini akan tidak dapat kita bendung.

Jadi, apabila kita masukkan secara *detail*, kita melihat ini akan dapat menjaga serta melindungi mangsa-mangsa tersebut. Ini kerana apa yang berlaku pada mereka bukan sahaja sejarah hitam yang berlaku pada diri mereka, tetapi akan juga menjadi pengajaran kepada orang lain. Maka, dengan itu saya Yang Berhormat Masjid Tanah menyokong dan juga mencadangkan sebagaimana yang disebutkan sebentar tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

3.34 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam reformasi. Awal-awal lagi saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri yang prihatin, untuk menarik balik rang undang-undang ini. Hal ini kerana kajian terperinci perlu dilakukan. Saya terima dan kami di Pakatan Rakyat menerima cadangan untuk mencegah jenayah di Malaysia.

Akan tetapi, yang kami persoalkan ialah mekanisme yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri untuk mencegah jenayah di Malaysia. Mekanisme yang ditonjolkan adalah rata-rata dengan hukuman yang berat, seolah-olah cara mencegah jenayah oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah hanya dengan memperkenalkan hukuman yang berat. Saya bukan penyokong ataupun ahli kongsi gelap. Geng 08 kah, 24 kah, 28 kah, tiga *line*. Berbeza dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Dia adalah anggota tiga *line*. Dia sendiri mengaku.

Saya tekankan di sini adalah mekanisme yang murni. Mekanisme seperti kaunseling, *rehab centre* dan pendekatan didikan perlu juga diketengahkan. Sebaliknya mekanisme yang dipercayai oleh kerajaan nampaknya adalah hukuman berat dan mempercayai hukuman berat untuk mengurangkan jenayah, saya perlu penjelasan. Bagaimana tempoh hukuman yang dipanjangkan mampu mengubah dan memberi pengajaran kepada pesalah-pesalah ini? Bagaimana ia mampu mengurangkan kadar jenayah tanpa adanya elemen-elemen rohani, sosial, moral termasuk elemen agama. Ini adalah satu isu yang perlu dipandang secara meluas. Bukan memperincikan hanya dengan hukuman-hukuman yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, penjenayah yang semakin meningkat, kejadian jenayah yang semakin berleluasa menunjukkan serba kegagalan kerajaan selama ini. Apakah yang kerajaan gagal selama ini? Kegagalan sistem akademi pendidikan, sistem pentadbiran, sistem ekonomi, sistem penyiasatan PDRM, sistem perundangan dan macam-macam kegagalan. Kegagalan inilah yang telah membuahkan hari ini kepada penjenayah-penjenayah. So, saya sekali lagi menekankan, mekanisme hendak mengurangkan kadar jenayah ini adalah mekanisme yang meluas. Ini memerlukan satu kajian yang terperinci, bukan...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Boleh mencelah? Sedikit sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Silakan.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya hendak...

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memberi satu contoh dan juga bertanya pandangan Yang Berhormat Kapar kerana di seksyen 377A ini, di bawah Kanun Keseksaan adalah satu kesalahan untuk mengadakan, melakukan perhubungan seks dengan seorang lain dengan memasukkan- ini saya baca ya, Tuan Yang di-Pertua. "...Memasukkan zakarnya ke dalam dubur ataupun mulut seorang lain itu dikata melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii."

Mengikuti apa yang saya telah lihat dalam video yang melibatkan seorang bekas Ahli Dewan yang mulia ini iaitu Presiden MCA, dia pun mengaku bahawa dia adalah orang yang ditunjukkan dalam video dan orang pun tahu. Dia dengan perempuan itu telah melakukan perlakuan ini. Akan tetapi, polis tidak membuat apa-apa siasatan terhadap beliau. Adakah ini satu contoh bagaimana polis melakukan *double standard*? Mungkin kah polis akan melakukan *double standard* yang sama dalam pelaksanaan undang-undang pemindaan Akta Kanun Keseksaan ini? Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya terima pandangan Yang Berhormat Serdang. Ini yang saya tekankan tadi. Ini adalah kegagalan. Kegagalan dalam siasatan, kegagalan - serba kegagalan. Oleh sebab itu tadi saya tekankan. Saya bersikap terbuka di sini, ingin duduk bersama dengan Yang Berhormat Menteri kita. Ayuh, kita duduk bersama, kita kaji secara terperinci, kita datang dengan satu undang-undang yang terbaik, supaya realistik untuk menangani kadar jenayah ini, dapat direalisasikan. Bukan sekadar *selective prosecution, selective prosecution*. Ada kes yang ditangkap, ada kes tidak ditangkap. Ini tidak bagus untuk masa depan negara.

Balik kepada kegagalan-kegagalan ini, saya nampak untuk menutup kegagalan inilah pihak Kerajaan Barisan Nasional mengambil jalan yang pintas walaupun sempit dan kabur dengan memperkenalkan pindaan rang undang-undang yang tidak holistik dan komprehensif. So, saya minta lagi sekali penekanan pertama saya adalah saya terbuka untuk duduk bersama, kita kaji secara terperinci, kita datang dengan satu rang undang-undang yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

Saya juga ingin tekankan seksyen 130Y di fasal 9. Perkataan di seksyen 130Y adalah perkataan dengan izin, "...without reasonable excuse..." atau juga dikenali sebagai tanpa alasan yang munasabah bergaul dengan anggota kumpulan jenayah terancang.

■1540

Saya ingin membawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua, saya terlibat dengan satu kes di Parlimen Batu tahun lepas, di mana ada satu temasya sembahyang. Salah seorang pegawai polis PDRM meninggalkan pistol beliau di motosikal beliau, beliau telah turut menghadiri upacara tersebut. Ada sekumpulan anggota kongsi gelap ini, temui pistol ini, membawa lari, sempat pegawai polis itu nampak penjenayah ini membawa lari, kejar penjenayah tersebut.

Secara kebetulan pula penjenayah tersebut pergi bagi dekat seorang budak berumur 17 tahun, pelajar SPM dan melarikan diri. Pelajar SPM itu tidak tahu bungkusan itu adalah bungkusan apa, sebab dia ada dibungkus. Dia pegang dekat sana polis datang, menangkap pelajar berumur 17 tahun ini dan dibawa ke lokap dan disabitkan dengan kesalahan mencuri pistol pihak polis.

Persoalan saya seksyen 130Y ini, "...without reasonable excuse..." macam mana hendak buktikan dalam keadaan yang sebegini. *It's too weight*, bila kita kata dia terlibat dalam bergaul dengan anggota kumpulan jenayah. Ada kalanya kami sebagai Ahli Parlimen juga, bila ada ahli kongsi gelap yang meninggal dunia, atas pelawaan saudara-mara, ibu bapa mereka kita juga menziarahi. Adakah begitu kita juga terlibat dalam kegiatan mereka? So, benda ini perlu

didefinisikan secara terperinci, perlu ada perkataan yang digunakan yang mudah difahami, yang tidak akan membawa kekeliruan pada masa yang akan datang.

Mengenai fasal 17 dan 18, ini kena-mengena dengan, "*Punishment for causing hurt by spouse*", and "*Punishment for using criminals force by spouse*". Saya terima baik tentang hukuman berat, sebab ini adalah satu jenayah yang betul-betul memberi kesan trauma, tetapi pindaan ini sayang sekali tidak menyeluruh. Kajian terpaksa dilakukan untuk seksyen ini.

Salah satu isu yang saya hendak tekankan ialah mengenai isu *former spouse*. Tidak ada isu *former spouse* dekat sini. Saya ada satu isu lagi sekali. Ibu ini dikenali sebagai Abirami a/p Ali mendapat perintah mahkamah untuk menjaga hak *custody* kontrak untuk anak dia. Bulan enam yang lepas 2013, ayah ada *access* untuk berjumpa dengan anak di Batu Caves. Ayah memukul ibu dia di kalangan orang ramai. Rampas anak itu dan telah melarikan anak itu, sehingga sekarang anak itu berada di pangkuan ayah. Melanggar *access*, melanggar keputusan mahkamah yang memberikan *control care and custody* kepada ibunya.

Apabila kami menulis kepada DSP IPD Gombak, DSP menjawab, pegawai penyiasat sibuk dengan banyak kes-kes yang lain. Oleh sebab itu dia tidak dapat membuat siasatan terperinci terhadap kes ini. Ini *former spouse*. *Former spouse* tidak ada pun disebut dalam rang undang-undang ini. Pada waktu yang sama saya ingin menekankan jawapan DSP tersebut. Pegawai penyiasat sibuk dengan banyak kes-kes lain. Bermaksud kekurangan pegawai polis ternampak dalam surat yang diberikan kepada kami. Tidak menyeluruh. Lagi sekali, kita nampak ada banyak kekosongan dan kelompangan dan kaedah yang dibawa ini untuk mengatasi kadar jenayah tidak menyeluruh. Isu *spouse* pun saya hendak tekankan.

Saya ada lagi satu kes, kahwin selama 20 tahun. Penderaan secara fizikal dan mental. Suami selepas kahwin menetap di Langkawi. Nama ibunya adalah Puspaltha a/p Ramachandran. Kasihan sekali, selepas 20 tahun kahwin cuba hendak selamatkan perkahwinan, tidak boleh menerima. Ini mungkin Yang Berhormat Bagan Serai kena beri perhatianlah. Selama 20 tahun cuba hendak selamatkan, Yang Berhormat tetapi tidak dapat diselamatkan, selepas 20 tahun balik ke pangkuan ibu bapa.

Apa yang berlaku sekarang, kita sedang membantu si ibu ini mendapatkan IPO. Sudah hampir tiga bulan IPO tidak diberi. Polis masih lagi dalam siasatan, sampai *statement* direkod selepas saya menghantar satu SMS, meminta pegawai penyiasat suruh membuat *recording statement* secepat yang mungkin dan di bawah itu saya tulis saya adalah MP Kapar. Selepas saya hantar SMS itu, baru panggilan diberikan kepada ibu tersebut.

So, saya nampak kegagalan pegawai-pegawai polis PDRM untuk memberikan keutamaan kepada ibu-ibu, kaum wanita yang teraniaya di dalam kes domestik sebegini. Tanpa memberi pandangan kepada isu-isu ini, tanpa memberi perhatian khusus kepada realiti dan isu praktikal sebegini. Hanya membawa satu hukuman yang berat, meluluskan satu rang undang-undang di sini, bukan jalan yang terbaik untuk perhatian Menteri yang prihatin, Menteri yang saya sanjung, Menteri undang-undang kita. Sila beri perhatian kepada isu yang saya tekankan tadi.

Saya juga menerima baik cadangan Yang Berhormat Masjid Tanah tadi. Ini kena-mengena dengan seksyen 375B, fasal 19, hukuman sebat tidak dimasukkan ke dalam kesalahan baru ini. Persoalannya ialah sama seperti tadi. Kenapa hukuman sebat tidak termasuk dalam kesalahan rogol secara kumpulan? Barisan perogol tadi, itu penting Tuan Yang di-Pertua. Barisan perogol menggunakan seksyen *gang rape* ini boleh diberikan hukuman yang berat. Apa salahnya... Tidak ada bantahan, jadi saya boleh teruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh teruskan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: So, barisan perogol ini, barisan perogol ini [Ketawa] Saya ulang sekali lagi dan saya tekankan sekali lagi, barisan perogol ini...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita sangka pun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ...Boleh dikenakan hukuman penjara bagi tempoh tidak kurang dari 10 tahun dan tidak melebihi daripada 30 tahun termasuk sebatan. Itu yang perlu dimasukkan. Ini boleh duduk bersama-sama mengkaji dan kita boleh datang dengan satu rang undang-undang yang terbaik...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak tekankan yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua.

Fasal 11. Ini kena-mengena dengan seksyen 203A(1) dan (2), kena mengena dengan "*Disclosure of information*". Kita selitkan, kita nampak ada penyelitan perkataan, "...discloses any information or matter...". Saya rasa yang ini tidak serasi dengan konsep transformasi yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri. Adakah ini percubaan kerajaan Barisan Nasional untuk menghapuskan konsep transparansi dalam pentadbiran mereka.

Transparansi ini penting. Kita hendak melawan hendak menangani isu rasuah. Kita hendak membawa konsep *good governance*, tetapi macam mana hendak bawa konsep *good governance*, macam mana hendak memerangi isu rasuah yang sedang berleluasa kalau kita masukkan fasal 11 yang sebegini yang membuka ruang untuk ramai yang tidak boleh datang untuk menegakkan keadilan. So, saya rasa yang ini pun perlu diberi penekanan.

Akhir sekali nasihat anak muda Kapar kepada Menteri, sila tarik balik rang undang-undang ini dan saya bersedia duduk bersama dengan Menteri. Kita bersama-sama memikirkan rang undang-undang yang terbaik, dengan klausa-klausa yang terbaik demi masa depan negara dan anak-anak muda dalam negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam reformasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Bayan Baru.

3.49 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan tentang rang undang-undang ini. Kalau kita tengok objektif *Penal Code* ini dan kita tahu bahawa *Penal Code* adalah undang-undang yang paling penting untuk

membanteras jenayah dalam negara. Ini kerana semua jenis *all and compassing*. Maksudnya ia sangat menyeluruh.

Jadi ini kalau kita hendak menggubal atau *amend* sesuatu, umpamanya *Penal Code*, kita kena masa yang panjang untuk *deliberate*, bincang dan *engage* pelbagai, dengan izin, pelbagai *group* NGO-NGO, bawalah mereka untuk mendapatkan konsultasi, bincang barulah kita boleh buat sesuatu yang menyeluruh.

■1550

Akan tetapi masalahnya adalah saya rasa rang undang-undang ini tergesa-gesa dan tidak melibatkan NGO-NGO tertentu. Maka kita timbulkan beberapa pertanyaan yang terpaksa Menteri tarik balik beberapa fasal. Akhirnya, kita sekarang akan meluluskan undang-undang yang begitu penting dalam dua hari sahaja. Ini akan menyebabkan bahawa rakyat akan tengok mengapa Ahli Parlimen tidak menggunakan lebih masa untuk membahaskan dan diluluskan begitu sahaja. Ini persoalan daripada rakyat. Jadi, hujah saya adalah kalau kita katakan ada dua aliran fikiran tentang *tackling crime*. Satu, adalah *tough on crime*. Betul, saya rasa semua Ahli Parlimen di Malaysia, baik daripada Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat, kita mahu *tough on crime*. Itu tidak dapat dipertikaikan, kita setuju.

Akan tetapi walau bagaimanapun ada satu aspek *rehabilitation*, dengan izin, yang tidak dimasukkan ke dalam akta ini. Kita mahu Menteri kalau boleh masukkan dalam aspek-aspek *rehabilitation* sebab dahulu Amerika Syarikat, mereka juga menggunakan *approach tough on crime* dan akhirnya mereka memenjarakan 1% daripada *entire population* Amerika Syarikat. Sekarang berada dalam penjara, 1% dan dalam masyarakat *African American*, satu daripada 12 orang dalam penjara, *almost* 10%. Jadi, menyebabkan penjara sekarang terlampau *over crowded* sehinggakan ramai orang-orang yang produktif. Mereka terpaksa tinggal dalam penjara dan tidak dapat bekerja. Ramai di antara mereka hanya *involve in a very minor crime*, yang terlibat dalam beberapa kesalahan yang tidak berat.

Jadi akhirnya, sekarang negara Amerika Syarikat terpaksa bayar sebanyak USD47,000 setiap orang setiap tahun untuk memenjarakan seorang rakyat Amerika di dalam penjara. Saya kluatir kalau kita mengguna *approach* yang seperti Amerika Syarikat, penjara di Malaysia akan menjadi *crowded* dan terpaksa kita belanja. Ini kerana kita sudah ada defisit yang cukup teruk dan kita terpaksa belanja untuk bina penjara-penjara baru untuk menampung pelbagai kesalahan yang kita sekarang tambah dengan mandatori *five years term*. Dahulu dia ada *discretion* oleh hakim bahawa berapa tahun, mungkin satu tahun, dua tahun tetapi sekarang dia menjadi mandatori lima tahun.

Saya ingin mencadangkan kepada Menteri kita menggunakan *approach Germany*. Di *Germany* sekarang, dia punya *approach* terhadap *rehabilitation*. Orang yang dipenjarakan, dia dikenakan *mandatory counseling* dan juga ada *support group* untuk membawa mereka masuk balik kepada masyarakat dan monitor mereka, kelakuan mereka. Maka *Germany* sekarang merekodkan *prison population* yang paling rendah dalam sejarah. Akan tetapi pada masa yang sama *crime rate has drop*, sudah turun dengan begitu ketara sekali maka kejayaan negara German untuk

menangani masalah jenayah itu patut dicontohi oleh Malaysia. Jangan harus kita asyik *tough on crime* tetapi dengan *approach* yang salah.

Saya rasa Malaysia perlu ada serampang dua mata, kita kena ada *tough on crime*, betul. Ada setengah saya setuju bahawa kita kena tingkatkan *tough on crime on the gang gangsterism* dengan *criminal group*. Itu saya tidak mempertikaikan. Akan tetapi saya mempertikaikan seperti fasal 30. Fasal 30 yang *mischief* terhadap *public amenities*, *mischief* terhadap sistem saliran sungai, *public transportation* dengan mandatori lima tahun. Kalau katakan *mischief* itu ada yang nakal, jahat budak-budak yang mungkin ada sedikit jahat, mereka buat sesuatu yang mereka pada masa itu tidak ingat. Oh! Itu begitu serius. Menyebabkan sesuatu huru-hara dan mereka terpaksa-mereka akan disabitkan kesalahan dalam penjara lima tahun.

Saya hendak beritahu bahawa anak-anak muda itu masuk penjara, bergaul dengan *criminal* dan mungkin dia sekarang baru diploma, keluar PhD dalam *criminal*. Itu hujah daripada Yang Berhormat Sepang. Satu lagi adalah, mungkin dari segi kita sebagai Ahli Parlimen, kita tidak tahu bahawa orang-orang yang masuk penjara. Kita tidak dapat merasa betapa susahnyanya apabila mereka lepas dari penjara. Selalunya kita kenalkan penjara sahaja, penjara. Akan tetapi akhirnya kita merosakkan masa depan mereka. Ini tanggungjawab kita. Satu hari nanti kita terpaksa tanya diri kita adakah kita buat betul atau salah.

Jadi saya tidak mahu, saya minta Menteri kalau boleh bagi sedikit masa bincangkan dengan *expert criminologist* dan juga NGO-NGO. Bawa berbincang sebelum kita tergesa-gesa meluluskan undang-undang ini. Kalau boleh masukkan ke dalam *Parliamentary Select Committee* seperti semangat yang kita ada pada tahun 2004. Di mana apabila kita menggubal *Penal Code*, ada satu konsultasi, ditubuhkan *Parliamentary Select Committee* berbincang, *deliberate* dan lepas itu barulah kita serah balik kepada Majlis dan diluluskan. Saya rasa tidak ada masalah dari segi Pakatan untuk menyokong kalau kita sama-sama berbincang dalam *Parliamentary Select Committee* seperti *Parliamentary Select Committee* yang terdahulu. Banyak yang kita sokong dan begitu juga dengan *Penal Code 2004*.

Satu lagi isu adalah tentang fasal 11, "*Disclosure of Information*". Ini terlalu serius kalau kita tengok bahawa, "*Whoever, discloses of any information or any matter which has been obtained by him in the performance office duties...*" dengan izin. Maksudnya, apa-apa *information* kerajaan, ini *officially* kalau kita luluskan akta ini kerajaan ditutup. Ini kerana salah satu tanggungjawab kerajaan adalah memberi maklumat kepada rakyat. Rakyat mahu tahu *Air Pollution Index* (API). Akan tetapi kalau kata seorang pegawai itu dia *disclose information API*, dia *officially* sudah menyalahi *Penal Code...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Satu lagi adalah semangat kita meluluskan *Whistleblower Act*. Kita tahu bahawa hari ini dalam *The Sun*, *MACC Commission* Tan Sri Datuk Michael Yeoh juga berkata, "*This amendment is not in line with transparency.*" Begitu juga dengan banyak NGO-NGO lain yang kata ini telah bercanggah dengan spirit keterbukaan Perdana Menteri. Perdana Menteri kata hendak terbuka, hendak jadi *the best democracy in the world*. Akan tetapi

sekarang kalau bercanggah dengan *Whistleblower Act* dan satu lagi adalah bercanggah dengan *Freedom of Information Act* di negeri-negeri Pakatan- Selangor dan Pulau Pinang. Ini kerana dalam *Freedom of Information Act* di negeri Pulau Pinang dan Selangor, setiap jabatan dikehendaki menubuhkan satu jabatan, ditugaskan seorang pegawai untuk memberi maklumat kepada rakyat. Semua rakyat boleh pergi ke pegawai maklumat dan minta apa sahaja maklumat yang dia mahu dan kerajaan negeri...

■1600

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Bayan Baru..

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Beri laluan sedikit, ya. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak berbalik kepada isu yang dibangkitkan oleh *freedom of information* tadi dan juga *freedom of information* yang sedia ada di Kerajaan Negeri Selangor dan juga Pulau Pinang. Mungkin soalan ini boleh ditujukan kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan telah berunding dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor dan juga Pulau Pinang supaya mereka dapat pandangan mereka semasa isu yang dibangkit dan dibahaskan di dalam kementerian sendiri? Minta pandangan juga dan juga boleh tujukan soalan ini kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Klang dan saya minta pihak Yang Berhormat Menteri jawab soalan daripada Yang Berhormat Klang jugalah sebab saya pun tidak tahu. Pagi ini, Ketua Menteri Pulau Pinang juga minta supaya ditarik balik. Saya tahu bahawa sekarang masalahnya adalah setiap pegawai maklumat di kerajaan negeri, sekarang menjadi *criminal*, penjenayah di bawah akta ini sebab mereka seharusnya bagi maklumat kepada rakyat. *So how can that be*, macam mana? Saya tidak boleh terima. Ini memang menyebabkan satu keadaan huru-hara di pentadbiran kerajaan negeri dan saya tahu bahawa ini tidak berlaku, tidak patut berlaku.

Jadi saya minta kalau boleh, akta ini dirujuk kepada PSC dan dibincangkan supaya spesifik. Kalau ia ancaman keselamatan negara, *specify* kalau ia apa? Kalau ia menyebabkan aktiviti *act terrorist*, aktiviti yang menjahanamkan keselamatan negara, kita boleh terima. Akan tetapi masalahnya adalah, fasal ini terlalu jeneral, "*Any information or any matter which has been obtained by him in the performance of the duty*". Jadi ini adalah sesuatu yang cukup *draconian* dan tidak adil kepada semua penjawat awam di luar dan di dalam Dewan, di luar. Sejumlah 1.5 perjawatan awam *subject themselves to risk*, dengan izin. Mereka sekarang berisiko dan mungkin akan disabitkan kesalahan RM1 juta. Ini bukan main-main...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi saya minta, ini adalah dua perkara yang saya minta Yang Berhormat Menteri *deliberate*. Tolonglah bincang dulu sebelum isu ini diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.03 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Kanun Keseksaan.

Pada mulanya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kita terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri undang-undang kita kerana saya rasa walaupun rang undang-undang ini memang ada banyak ruang untuk kita menambah baik lagi, tetapi saya rasa beberapa fasal dalam rang undang-undang ini memanglah memberi perhatian dan juga menambah baik perlindungan terhadap golongan wanita seperti fasal 17 iaitu "*Punishment for causing hurt by spouse*", dan juga fasal 18, kita sekarang ada, "*Punishment for using criminal force by spouse*" dan juga fasal 19 iaitu "*Gang rape*."

Akan tetapi saya rasa seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bagan dalam ucapan beliau tadi pada pertamanya, kita tidak ada nampak ada satu seksyen yang baru untuk rogol dalam perkahwinan. Selain daripada itu, saya rasa bagaimana kita hendak mengelakkan bahawa ada perogol yang cuba lari daripada hukuman dengan cara berkahwin dengan mangsa rogol itu. Sebenarnya kes sebegini memang berlaku di negara kita. Pada tahun ini, kita ada satu peristiwa kalau tidak silap di Sabah yang mana seorang lelaki yang berumur 40 tahun. Beliau pergi ke Mahkamah Sesyen dan sepatutnya dia didakwa di bawah kesalahan kes rogol. Akan tetapi apabila beliau pergi ke Mahkamah Sesyen, dia maklumkan mahkamah bahawa dia sudah berkahwin dengan mangsa beliau yang hanyalah berumur 14 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kes itu masih berjalan sekarang Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya betul, saya tahu. Saya tidak akan sentuh tentang isi kandungan tentang kes itu. Akan tetapi saya hendak sentuh di sini bahawa memang kes sebegini berlaku bahawa ada perogol yang berkahwin dengan mangsa mereka supaya mereka boleh lari daripada hukuman.

Saya rasa ini adalah satu aspek yang kita mungkin tidak masukkan lagi dalam rang undang-undang ini. Isu yang saya hendak sentuh di sini adalah tentang perkahwinan bawah umur. Pada tahun ini juga, kita mendapati satu tragedi yang berlaku di Yaman yang mana seorang budak perempuan yang baru berumur 8 tahun sahaja. Dia meninggal dunia ekoran kecederaan di bahagian kemaluannya selepas empat hari majlis perkahwinan.

Walaupun saya rasa kes sebegini, tragedi sebegini belum berlaku, nasib baiklah belum berlaku di Malaysia. Akan tetapi saya rasa sudah tiba masa untuk negara kita, untuk kerajaan kita, untuk meneliti isu ini tentang perkahwinan bawah umur kerana kalau ikutlah dengan izin, *Population* dan *Housing Census 2000* di negara kita lebih daripada 6,800 anak perempuan, mereka kahwin di bawah umur 15 tahun. Di antaranya, 2,450 orang adalah datang daripada golongan Melayu, 1,550 orang adalah datang daripada golongan bumiputera, untuk golongan

orang Cina juga adalah 1,600 kes dan juga masyarakat India 600 kes dan untuk kaum lain-lain juga adalah 600 kes. Ini menunjukkan bahawa perkahwinan di bawah umur ini, ia bukan satu masalah untuk satu kaum ataupun satu masyarakat sahaja tetapi ia adalah menyeluruh. Ia adalah satu isu yang menyeluruh di masyarakat seluruh Malaysia.

Kajian juga menunjukkan bahawa di antara mereka yang berkahwin di antara 10 tahun sampai 14 tahun, sudah terdapat 235 daripada mereka di mana suaminya telah meninggal dunia ataupun mereka sudah bercerai. Biarlah kita bayangkan, begitu banyak lebih 235 kes bahawa suami telah meninggal dunia walaupun mereka hanyalah berumur 14 tahun. Begitu jugalah terdapat 77 kes di mana mereka telah bercerai. Jadi saya rasa ini adalah satu isu ataupun fenomena yang cukup serius. Saya harap bahawa kerajaan kita terutamanya Yang Berhormat Menteri undang-undang kita bolehlah memberi perhatian terhadap kes sebegini kerana perkahwinan di bawah umur ini ada banyak kesan buruk.

Ada banyak kesan buruk seperti kematian berkaitan kehamilan adalah punca utama kehilangan nyawa dalam kalangan remaja yang berumur 15 tahun sampai 19 tahun. Ibu remaja berhadapan risiko 20 hingga 200 kali ganda meninggal dunia berbanding wanita dalam lingkungan umur 20 tahun hingga 24 tahun. Kematian *baby* yang dilahirkan oleh ibu remaja juga dua kali lebih tinggi berbanding ibu dewasa.

Kajian juga menunjukkan bahawa perkahwinan bawah umur juga boleh memberi kesan kepada kesihatan mental, emosi, sosial dan kerohanian remaja. Kajian menunjukkan bahawa remaja yang berkahwin sebelum umur 18 tahun kehilangan empat tahun persekolahan berbanding orang yang berkahwin lebih lewat. Alam persekolahan ini bukan sekadar tempat untuk menimba ilmu pelajaran. Di situlah berlakunya perkembangan personaliti persediaan melangkah ke alam dewasa yang secara tidak langsung menyumbang kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat serta kemampuan menjana ekonomi keluarga. Anak daripada ibu yang kurang berilmu mempunyai kecenderungan mengulangi corak hidup sama seperti ibu mereka.

■1610

Remaja perempuan yang kahwin awal juga kerap berhadapan isu ditinggalkan sama ada perceraian atau perpisahan dan juga remaja perempuan yang kahwin awal berisiko tiga kali lebih tinggi untuk diceraikan berbanding mereka yang berkahwin lebih lewat. Jadi saya rasa ini adalah satu fenomena masyarakat ataupun satu isu yang cukup serius untuk memastikan kita memberi perlindungan yang cukup banyak kepada golongan wanita.

Saya harap bahawa dalam Rang Undang-undang ini kita juga bolehlah ada satu seksyen di mana kita boleh cari satu cara untuk mengharamkan perkahwinan bawah umur kerana walaupun undang-undang sekarang sudah cakap tiada boleh ada apa-apa perkahwinan untuk wanita adalah 16 tahun dan untuk lelaki adalah 18 tahun tetapi sebagai hakikat masih ada lebih daripada 6,800 remaja berkahwin di bawah 16 tahun ini.

Jadi saya harap Menteri kita juga bolehlah memberi perhatian terhadap isu ini. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

4.11 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih semua rakan-rakan. Terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 daripada semalam lagi sehingga jam 4.11 minit ini. Sebelum itu saya hendak memberi penghargaan juga kepada rakan-rakan daripada Ahli Parlimen daripada BNBB yang telah mengambil inisiatif dan telah berbincang, berunding untuk meminta kita menarik balik, bukan tarik balik, mengeluarkan dua fasal iaitu fasal 5 dan juga fasal 33, dan kita akur.

Jadi sesungguhnya saya amat menghargai pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan termasuk daripada rakan kita di sebelah sana. Jadi sebelum saya meneruskan sesi penggulangan ini dengan lebih lanjut sukacita saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 ini adalah kesinambungan daripada Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada sesi mesyuarat yang lalu. Jadi kerana saya mendengar ramai yang berbahas, kadang-kadang kita terlupa bahawa ini adalah satu kesinambungan. Jadi sebab itu saya perlu mengingatkan.

Fokus dan objektifnya jelas iaitu untuk memerangi dan mengambil tindakan tegas terhadap anggota kumpulan jenayah terancang. Pindaan kepada beberapa akta yang berkaitan termasuk kanun keseksaan ini adalah untuk menjadikannya lebih komprehensif dan menyediakannya satu ekosistem yang mantap bagi menangani kumpulan jenayah terancang. Tadi kita banyak mendengar ada yang mengatakan tidak cukup masa, ini tergesa-gesa sehingga kita terpaksa melakukan pindaan-pindaan.

Ingin saya nyatakan di sini kalau kita di Malaysia ini kalau kita membuat perkara ini, melakukan pindaan-pindaan ini kita mengkritik dengan begitu kuat sekali. Saya mengambil contoh oleh kerana kita selalu melihat kepada negara luar. Kalau negara luar buat tidak apa. Jadi di sini saya telah melihat kepada *Penal Code* yang dibuat di Singapura mulai daripada tahun 1871 sehingga hari ini bermula daripada tahun 1871 hingga tahun ini. Kalau bermula dari tahun 1920 juga sehingga *1st January*, dengan izin, 2013 ada 51 pindaan dibuat. Ini di Singapura.

Di Australia pula pada ianya Kanun Kod ini mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2003 dan bermula dari 1 November tahun yang sama sebanyak 24 pindaan telah dilakukan dengan pindaan terakhir dilakukan pada 14 Jun 2013. Ingin juga saya nyatakan di sini, pindaan-pindaan yang kita buat ini adalah biarlah kita lihat sama-sama lihat dari sudut perspektif yang sihat. Ini bermakna kita lebih progresif. Kita sentiasa menerima pandangan dari sana seperti mana yang saya nyatakan saya amat menghargainya. Saya mendengar dengan teliti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai kerana Yang Berhormat Padang Serai adalah orang yang pertama berhujah

semalam jadi beliau diberi peluang untuk mengupas sepanjang-panjangnya tempoh untuk mengupas rang undang-undang ini.

Saya mengucapkan tahniah kerana mengambil masa yang begitu banyak sekali untuk mengupas. Kita ambil perhatian apa yang telah dikomenkan oleh rakan-rakan semasa perbincangan di dalam ataupun perbahasan dalam Dewan ini. Pertama saya hendak menyentuh mengenai fasal 11 yang menjadi isu yang begitu popular sekali sehingga saya diberhentikan oleh para pemberita di luar sana iaitu mengenai *disclosure of information*. Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Klang, saya rasa ramai lagi Yang Berhormat yang lain juga. Kalau saya tidak sebut nama minta maaf sebab ini yang terkini yang saya ada. Mungkin ada lagi nanti nama yang dihantar kepada saya yang telah membangkitkan mengenai isu dengan izin, *disclosure of information*.

Yang Berhormat Padang Serai menyatakan ia merupakan ancaman serius terhadap hak rakyat untuk mendapatkan maklumat. Ini seolah-olah OSA. Di bawah OSA ada proses *certification* katanya. Dalam seksyen 203A, tiada batasan dinyatakan. Apakah alasan kerajaan untuk mewujudkan kesalahan baru ini? Seksyen 203A langsung tidak relevan kepada bab 11 Kanun Keseksaan ini kata Yang Berhormat Padang Serai.

Yang Berhormat kebelakangan ini terlalu banyak kejadian kebocoran maklumat dan rahsia rasmi. Peruntukan ini menunjukkan ketegasan kerajaan dalam menangani masalah ini yang turut melibatkan kepentingan dan maruah negara. Peruntukan yang sama juga wujud dalam beberapa akta lain seperti *Anti Money Laundering, and Anti Terrorism Financing Act 2001*, dengan izin, AMLATFA, penalti yang sama iaitu RM1 juta dengan kesalahan yang sama di bawah AMLATFA. Kebocoran-kebocoran maklumat ini disebarkan kepada media elektronik dengan tokoh tambah pemalsuan bagi memburukkan kerajaan. Kesalahan ini harus ditangani dengan serius.

Peruntukan baru yang dicadangkan ini sangat relevan dengan Bab II, kerana Bab II merujuk kepada dengan izin, *false evidence and offences against public justice*. Jika dilihat ia dimasukkan selepas seksyen 203 iaitu *giving false information respecting and offence committed*. Yang Berhormat Kuantan pula mengatakan bahawa maklumat yang berkaitan dengan rasuah, salah guna kuasa tidak dapat dimaklumkan dengan adanya seksyen ini. Malah Yang Berhormat Kuantan telah merujuk kepada masa beliau...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya percaya soalnya bukan bahawa adanya *leakage of information* dan sebagainya. Memang perkara-perkara seperti ini berlaku dan tindakan perlu diambil. Kita juga ada OSA 1972 yang boleh digunakan di mana ada *leakage* rahsia yang telah pun diiktiraf sebagai rahsia oleh pihak yang membuat *certification* tersebut. Akan tetapi soalnya di sini adalah perkataan-perkataan yang digunakan di dalam seksyen 203A ini, "*Whoever, disclosure any information of matter which just been obtained by him in the performance of subjudice or the exercise office function...*"

Bukankah Yang Berhormat Menteri, ini bermakna mana-mana *public servant*, penjawat awam dan bukan itu sahaja sesiapa pun yang mendapat maklumat semasa menjalankan tugas tidak boleh mendedahkan maklumat tersebut. Bukankah itu bermakna bahawa ke semua perkara-perkara yang berhubung dengan *administration* ataupun pentadbiran akan menjadi satu rahsia. Bukankah kita perlu melihat kepada perkataan klausa ataupun seksyen 203A dan perlu melihat apakah kesan perkataan ini. *Mean* bahawa ada kesalahan mendedahkan maklumat itu perkara lain. Apakah kesan klausa ini. Adakah klausa ini akan menghalang jenayah seperti itu berlaku ataupun adakah klausa ini akan merahsiakan ke semua pentadbiran dan tindakan oleh penjawat awam dan juga kerajaan.

■1620

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat terima kasih. *Point taken*. Kita bercakap mengenai jenayah terancang. Dalam undang-undang memang biasanya diberikan peluang supaya *easy for the lawyers, easy for the judges*, dengan izin, untuk menggunakan provinsi tersebut. Kita tidak hendak menangkap sesiapa sahaja kalau tidak menjadi satu ancaman kepada negara kita.

Di sini kita lebih merujuk kepada yang boleh menjadikan satu keadaan di mana ia melibatkan keselamatan kita terancang. Saya hendak meneruskan yang disentuh oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. *Let me go along then, maybe you can get your answer*, dengan izin, ya, sebab kita tidak mahu nanti bertindih juga *because* apa Yang Berhormat sentuh, akan saya sentuh di sini, ya.

Jadi, saya tadi menyentuh mengenai Lynas yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuantan. Yang Berhormat Kuantan mengatakan sehingga Australia punya *Freedom of Information Act* yang memberi beliau peluang untuk mendapatkan maklumat. Saya hendak nyatakan di sini, saya berharap Yang Berhormat Kuantan berlaku jujur. Yang Berhormat Kuantan telah dibawa bersama dalam *Parliamentary Select Committee* di mana kita bersama-sama. Itu menunjukkan kita telah diberi peluang untuk mendapat *first hand information* itu. Bukan lagi kita hendak sembunyi maklumat itu.

Jadi, kita bawa bersama, bukan kita hendak menyekat lagi. Jadi, saya rasa adalah tidak adil kalau kita dikatakan cuba menyembunyikan maklumat sehingga mendapatkan maklumat daripada Australia. *Actually*, kalau Yang Berhormat Kuantan hendak mendapatkan maklumat yang *first hand* itu boleh kalau berada dalam *Parliamentary Select Committee*. Jadi, itu jawapan saya untuk menerangkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuantan tadi.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri faham saya tadi *out of context*. Sebab maklumat yang saya sebutkan tadi ialah maklumat berkenaan dengan lesen yang diberikan kepada Lynas oleh Australia yang memang tidak dapat di sini dan tidak pun disebut di mana-mana atau di sini walaupun dalam *Parliamentary Select Committee*.

Maklumat berkenaan dan setiap kali *renewal of license* dengan izin ya, *renewal of license* ke atas Lynas di Australia, bagaimana Lynas itu tidak mengikut undang-undang, *break the law* di Australia, itu semua ada dalam maklumat apa yang saya terima. Saya bandingkan pula dengan-

apabila kita bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan lokasi tempat pelupusan kekal. Sehingga kini kita tidak dapat. Jadi, bukan dalam konteks *Parliamentary Select Committee*. Harap Yang Berhormat Menteri faham konteks tersebut.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Fasal itu sebab - kita bukannya bercakap mengenai Lynas di sini tetapi saya memberi contoh itu kerana kalau hendak mendapatkan *information* tersebut, kita boleh - kalau mahu orang daripada Australia datang, kita pun boleh minta, Jadi, supaya dapat *first hand information*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak lanjutan daripada ini.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Saya tidak mahu awak sentuh fasal Lynas lagi. Kita ini fasal *disclosure of information*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan, bukan. Sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, boleh, boleh. Sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: *Disclosure of information*, bukan Lynas ya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Kuantan juga dijemput untuk mendapatkan maklumat dalam *Parliamentary Select committee*. Isunya ialah apabila kita bercakap pasal *Freedom of Information Act* ini ialah ia melibatkan rakyat keseluruhan. Bermakna, betapa mudahnya untuk kita mendapatkan maklumat dengan kita menghubungi. Maknanya kalau dalam konteks Yang Berhormat Kuantan tadi kalau dia bukan Ahli Parlimen, dia tidak dapat masuk *Parliamentary Select Committee*. Itu isunya. Jangan kita gunakan jawapan itu untuk mengatakan kita pun seolah-olah ada info dalam *Freedom of Information Act*. Jangan dalam *syndrome denial*, Yang Berhormat Menteri.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Okey, okey terima kasih. Akan tetapi maklumat banyak-*just to stop you there*, dengan izin. Maklumat banyak mengenai Lynas yang sudah kita dengar, kita baca. Malah, ada juga yang melibatkan *public*. Masa *Public Hearing - Select Committee* pun ada *public and they are involved*. Jadi, saya cukup di situ sahaja. *Otherwise*, kita *out of context* lagi, dengan izin. Terima kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuantan, mereka yang memberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi kesalahan rasuah contohnya, sememangnya dilindungi di bawah Akta SPRM itu sendiri. Mereka yang memberi maklumat berkenaan perbuatan rasuah mana-mana orang dilindungi daripada sebarang tindakan sivil dan jenayah. Oleh yang demikian, tanggapan Yang Berhormat itu tadi

adalah tidak benar sebab memang mereka dilindungi. Ada perlindungan untuk mereka yang telah memberi maklumat kepada SPRM.

Tadi ada menyentuh mengenai MECC. Jadi, itu semuanya kalau sempat saya sentuh nanti. *So*, saya perlu menjawab jawapan bagi isu-isu yang dikemukakan...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Pertamanya...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya ada satu soalan- *disclosure of information*.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: *Can you let me answer this first?*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Kecil, *it is very small...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sebentar Yang Berhormat. Tidak perlu macam itu.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Sebab saya hendak jawab- *because* dia boleh *interrupt* saya punya *flow* jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: *I give you the chance okay*, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Dalam isu yang sama juga Yang Berhormat Bandar Kuching telah menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga akan melakukan kesalahan di bawah seksyen ini sekiranya beliau memberikan angka-angka dalam pembentangan bajet kelak.

Alahai, Yang Berhormat Bandar Kuching, *don't tell me...* Ini terlalu, *you know, this is an insult to an intelligent. Don't tell me* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bentang bajet pun menyalahi itu. Jadi, saya harap fahamlah. Itu bukan *disclosure information* sehingga mengakibatkan keselamatan kita. *Okay, I give your chance. So* jawablah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I am not insulting an intelligent.*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: *I mean, it is an insult to the intelligent* kalau you menyangka perkara seperti ini sebagai...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Ya but reading the wording of this act. Alright*, kalau kita baca perkataan yang tertakluk tidak ada- dalam fasal ini. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut, seksyen ini adalah untuk keadaan di mana keselamatan terancang. Akan tetapi kalau kita baca seksyen ini mana ada sebut? Tidak ada. *Whoever discloses anyone*. Tidak ada perkataan dalam seksyen yang mengehadikan yang *this "whoever"*, adalah kakitangan kerajaan. Tidak ada.

Disclosure any information or matter. Information of matter pun tidak ada yang dihadkan bahawa ia adalah *information of matter that were* mengancam keselamatan negara. Tidak ada. *Then, "...which has been obtained in his performance of his duties or the exercise of his functions under any written law shall be punished..." It is simple as that.* Ia adalah satu sesi di mana perkataannya amatlah jelas. Sesiapa sahaja yang akan tersabit dan *of course you will not charged*

Perdana Menteri. Itu AG tidak akan sabit Perdana Menteri untuk membentangkan bajet tetapi *in the eye of law, under this section, he has committed of offense. There is the thing, that is why...*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Itu persepsilah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Criminalizing...*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Okey.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *...Criminalizing a normal act and this will give you the power, give the administration the power to charge whoever at your whim and fancy. This is not allowed.*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, isu yang sama, boleh saya sambung? Isu yang sama, boleh jawab bersama. *It is a same point.*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Tidak mungkinlah kita hendak menerima apa sahaja maklumat tetapi asalkan ianya menjadi satu ancaman kepada kita. Jadi, pihak pendakwa...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I think that is the case, we have put this in, put this in the section...*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Ini adalah satu...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kenapa tidak mahu masukkan dalam seksyen ini?

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Ini adalah satu *enabling clause* Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kenapa?

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Sekiranya kita mempunyai masalah, tidak ada cara lain untuk mengambil tindakan, maka inilah *enabling clause* untuk membantu. Akan tetapi kalau tidak ada, ianya satu *enabling clause*, ia menjadi satu masalah untuk kita apabila termasuk untuk Yang Berhormat sendiri kalau memerlukannya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, *you are lawyer, I am a lawyer. A lot of us are lawyers...*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Ya, masing-masing mempunyai pandangan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *...Anyone can be charged.*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Okey. Yang Berhormat, masing-masing...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Just I mean ...*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: *Okay. Put in this way, okay?*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Information that harm, harm national security.*

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Okey, Yang Berhormat dia begini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Kita dengar... *Let me tell you all these.* Tolong duduk sekejap, okey.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *Do not amend,* tarik balik.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Apa yang kita bincangkan pada hari ini, yang kita bahas pada hari ini, kita dengar. Sekiranya ianya betul-betul menjadi satu kelemahan, saya rasa tidak ada menjadi masalah untuk kita membuat pindaan tetapi bukan pada hari ini, okey. Kita akan ambil...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mana boleh!

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Kalau tidak boleh, saya kata boleh. Saya hendak teruskan. Jadi Yang Berhormat...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tidak mungkin kita - Parlimen hendak luluskan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Menyampuk]*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ikut peraturan Yang Berhormat.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Kita semuanya mempunyai niat yang baik. Yang Berhormat di luar sana pun mempunyai niat yang baik. Kita pun mempunyai niat yang baik untuk menjalankan tugas kita masing-masing. Akan tetapi kalau sedikit...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri penjelasan, penjelasan.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Sekejap, saya hendak habiskan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya nampak Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat. Saya nampak.

■1630

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Jadi, saya sudah kehilangan saya punya *flow* ini. Jadi, saya teruskan kepada Yang Berhormat Klang yang membangkitkan persoalan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: ...Adakah seksyen 203A...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mohon laluan, mohon laluan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: ...Bercanggah dengan *Whistleblower Act*.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Mohon penjelasan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Klangkah ini? Saya tadi menyentuh mengenai *Whistleblower Act*...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Gopeng, Gopeng, Gopeng.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: ...*Because, I don't want you people to jump into conclusion, because I'm now answering the question.* Takut nanti ada yang *question you* di sini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, apa Yang Berhormat Bandar Kuching jawab tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Jadi, bagi saya peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat. Tidak bagi jalan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 203A, Kanun Keseksaan tidak bercanggah dengan peruntukan *Whistleblower Act*. Di bawah *Whistleblower Act*, apabila seseorang mendedahkan sesuatu kelakuan tidak wajar di sektor awam atau swasta, maklumat kelakuan tidak wajar harus diberi kepada agensi penguatkuasaan dan bukan kepada badan lain. Apabila ini berlaku, pemberi maklumat akan diberi perlindungan iaitu kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah dan perundangan terhadap tindakan itu memudaratkan...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mohon laluan, Gopeng, Gopeng.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gopeng bangun Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan seksyen 203A, sekali lagi sebab saya lihat ini ada masalah besar. Ini bukan setakat untuk kakitangan kerajaan ataupun yang bekerja di sektor swasta tetapi kalau kita lihat ada misalannya, seorang pensyarah yang buat kajian dan penyelidikan di universiti dan sebagainya. Apabila beliau hendak bantangkan keputusan kajian berikut di mana-mana *scientific meeting* misalannya, ini pun salah. Kalau ada seorang doktor dia hendak kemukakan kes-kes dan sebagainya dalam forum-forum tertentu. Ini pun salah di bawah seksyen ini.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih. Ia tidak akan menjadi kesalahan kalau mendapat keizinan daripada universiti. Terima kasih. Jadi, faktor-faktor di atas boleh...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: ...Mengekang penglibatan rasuah, dalam masa yang sama melindungi pemberi maklumat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *University cannot exonerate Criminal Act.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *No one can exonerate a Criminal Act.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang minta penjelasan pun ada peraturan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini adalah satu *Criminal Act*. Pemberita di luar yang melaporkan prosiding Parlimen akan juga...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidaklah. Janganlah sampai mengelirukan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *This is the law, this is the law.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *This is the law.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *This is the law. Whoever...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa Yang Berhormat Menteri cakap, bukan undang-undang.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Belum baca lagi Akta 574A, belum baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...*Disclosing information.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Baca dahulu yang lain *because, this one you have to read together with* Akta 574A.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Which one, akta apa? I'm reading...*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *You baca. I'll be reading this...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ikut peraturan Yang Berhormat, ikut peraturan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Jadi, faktor-faktor di atas boleh mengekang perbuatan rasuah, dalam masa yang sama melindungi pemberi maklumat. Okey, sabar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta penjelasan, penjelasan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Apa maksud *whoever?.. Any information?* Apa maksud dua itu? Bagi penjelasan itu dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Adakah jawapan Yang Berhormat Menteri satu undang-undang?... Undang-undangkah? Jawapan Yang Berhormat Menteri? *Your answer is not a law, your answer is not a law. This is the law.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Itulah yang saya jawab. Ini berdasarkan kepada rang undang-undang ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi jawapan Yang Berhormat Menteri menunjukkan seolah-olah apa yang berlaku diberitahu oleh Yang Berhormat Gopeng itu bukan kesalahan, sedangkan undang-undang ini kata itu satu kesalahan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Akan tetapi kalau dengan izin institusi tersebut...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Where? Where? Where?* Mana? Mana? Dekat mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, *cannot* Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau dia memberi maklumat dengan niat yang jahat, ini akan dikaji.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, *cannot... Already a Criminal Act...*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ini akan dikajikan mengikut perundangan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Show me, show me.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *Ini you cannot look just at this one. You have to look at the rest of the act...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itulah masalahnya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sebab itu kita kena baca, kita kena tengok.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *This is a specific clause.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, ikut peraturan Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *That's what I said, it is related to the other laws tadi.* Jangan tengok yang ini sahaja. Sebab kita dari POCA ini semuanya berkaitan. Sebab itu saya nyatakan. Jadi, gunakan peluang ini untuk baca dahulu yang lain. Jadi, kita tidak hendak buang masa. Terima kasih.

Seterusnya, saya hendak teruskan kepada isu yang seterusnya iaitu Yang Berhormat Padang Serai juga yang telah mengutarakan pertanyaan adakah hukuman mandatori efektif dalam mencegah jenayah kerana...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri, *sorry. Issue disclosure of information.* Minta penjelasan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *...Trend* untuk memberi hukuman mandatori telah dihapuskan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *On the disclosure of information point.* Itu sahaja, *before you move to other issues.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *I think we have past the issue of disclosure of information.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *No lah. I think you have not answer that. You said you read together with what act?... Which act?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *We need to understand...*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *You baca dalam Penal Code juga, akta itu...*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *There is nothing that says...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya baca semua *Penal Code*, tidak ada yang sebutkan ini akan terhad.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *Ada. The illustration. You gunakan illustration itu.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Where, where?... Illustration from where?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Nanti saya tunjuk kepada *you* lah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nanti? *So, you are talking about 203, do it now, do it now.* Jangan pergi sana.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sekejap, nanti. *I'll take it.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Just* Yang Berhormat Menteri, *there's nothing here.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri tidak *preparekah?*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri jawab tadi, *read this with other laws* tapi *there's nothing here.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *That's not an issue.* Yang Berhormat Menteri kata dia akan jawab selepas ini.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Memang dalam *bill* ini, memang *you* tidak dapat. *This is the procedure*, apabila menyediakan *bill*, tidak akan *you* hendak buat banyak macam itu. *You know* cara membuat *bill* itu?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *We know, we know, that's why we are saying this.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Jadi, kalau *you* hendak, *you...*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *This is a creation of a new offence. It's a new offence, it is define within 203A (1)(2), the offence is found there.* Kita tidak boleh jawab dia kata, kena baca dengan seksyen lain. Bukan macam itu. *I mean*, ini mana-mana yang ada *first year law degree* tahu ini. *I'm sorry to say this*, siapa yang daripada penasihat undang-undang mesti boleh faham ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, pihak mahkamah akan *interpret the law* Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *This is serious. We are law makers.* Kita adalah *law makers.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bukan kita hendak *argue* fasal undang-undang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *We need respect from there also. We are law makers. So, we need to be treated with that respect. Don't treat us as if we don't go to law school.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, tadi saya sudah baca mengenai peruntukan baru yang dicadangkan ini...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kena jawab dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, dengar Yang Berhormat Menteri, dengar Yang Berhormat Menteri. Duduklah.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Dengar lagi Yang Berhormat. Saya sudah nyatakan tadi peruntukan baru yang dicadangkan ini sangat relevan dengan bab dua kerana bab dua ini merujuk kepada, dengan izin, *false evidence and offences against to public justice.* Jika dilihat ia dimasukkan selepas seksyen 203 iaitu *giving false information respecting an offence committed.* Itu berkaitan ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, itu kita terima. *False evidence* itu adalah kesalahan. Itu isu lain. Siapa beri keterangan kesalahan dalam mahkamah, yang bersumpah dan sebagainya. Di sini okey, kita bagi contoh. Orang yang terima maklumat sulit, yang disenaraikan sulit, dia dedahkan itu, boleh dianggap kesalahan. Orang yang terima maklumat sensitif daripada *informers* (pemberi maklumat) dalam kes-kes siasatan dan dedahkan. Itu memang kesalahan. Akan tetapi itu

kesalahan yang jelas sebab definisinya ada. Akan tetapi di sini, *whoever discloses any information or matter*, apakah itu? Tidak ada definisi yang tepat. Itu masalahnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sesiapa yang draf ini, yang bagi nasihat kepada Yang Berhormat Menteri pun mesti faham itu. Yang Berhormat Menteri pun ada latar belakang undang-undang dan mesti faham itu juga.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: So, ini kita kena bertindak sebagai *law makers*, penggubal undang-undang yang bertanggungjawab.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey Yang Berhormat, kalau sekiranya itu memang menjadi kelemahan, saya ambil dan kita lihat dan bincang bersama tapi tidaklah tarik balik. *Come on* lah kawan. Faham-fahamlah. Saya hendak teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tarik balik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...*Just immediately this is very poorly drafted session.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam ini Yang Berhormat, tidak boleh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Poorly drafted session and we cannot allow to approve this.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau itu Yang Berhormat katakan *poorly drafted*, itu Yang Berhormat punya *view*. Ini kita memerlukan satu undang-undang untuk membantu kita untuk menjalankan tugas.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey, boleh saya tanya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini satu undang-undang yang meliputi semua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Bandar Kuching tidak apa. Biar saya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Memang ianya meliputi semua tetapi kita perlu meneruskan, kalau sekiranya ada kelemahan, kita akan lihat semula. Kita akan kaji.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini ada kelemahan yang kita sedang menunjukkan kelemahannya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak semestinya kita akan menerima keseluruhannya. *We are not perfect. We can say that we are not perfect* tetapi kita beri ruang kalau ada yang perlu kita pindahkan nanti, tidak ada masalah. *But, we have to answer this and then we have to go on with* kita punya undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, jelas Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau ada yang perlu kita perbaiki *as we go on progressively, I think I have been discussing this matter dengan some of our..*, dengan izin, dengan *your side* supaya kita akan melihat perkara ini.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Satu minit, satu minit Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: So, bagi saya peluang saya hendak teruskan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Satu minit, satu minit.

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat, *everyone here wants to perfect that*.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Adakah hukuman mandatori efektif dalam mencegah jenayah iaitu Yang Berhormat Padang Serai lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini tidak bertanggungjawab.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Serai juga telah mengutarakan pertanyaan, adakah hukuman mandatori efektif dalam mencegah jenayah kerana trend untuk memberi hukuman mandatori telah dihentikan. Beliau juga menambah bahawa tidak ada bukti *empirical* bahawa hukuman minimum mandatori akan mengurangkan jenayah. Kesan daripada hukuman ini ialah ramai orang akan dihantar ke penjara termasuk *first offender* tanpa memberikan budi bicara kepada mahkamah dalam menentukan hukuman yang setimpal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hukuman penjara mandatori hanya diperuntukkan untuk kesalahan-kesalahan berat yang melibatkan keselamatan negara iaitu berhubung perbuatan keganasan. Seperti yang termaktub dalam Bab VIA dan VIB Ketenteraman Awam (Kumpulan Jenayah Terancang) dan Tubuh Badan (Rogol dan Sumbang Mahram). Kesalahan berat ini hanya dilakukan oleh orang yang berani mencabar perundangan negara. Orang yang melakukan kesalahan-kesalahan ini kita anggap tidak memikirkan dan tidak menghormati soal keselamatan dan harta benda orang ramai ketika melakukan perbuatan mereka. Misalnya, bagi orang yang melakukan kesalahan rogol atau sumbangan mahram, pelaku kesalahan ini tidak memikirkan atau mempedulikan akibat dan kesan perbuatannya ke atas mangsa.

■ 1640

Oleh itu, undang-undang sepatutnya tidak bersimpati dengan orang yang disabitkan atas kesalahan ini atau dengan izin, *reach guilty*, sebaliknya kita harus melindungi mangsa. Inilah tujuan rang undang-undang. Di samping itu, hukuman juga bertujuan untuk memperbetulkan akhlak pelaku sesuatu kesalahan ataupun dengan izin, *corrective*.

Dalam mencadangkan pindaan kepada Kanun Keseksaan ini, kerajaan telah memberi pertimbangan antara kepentingan mangsa, orang ramai dan kepentingan negara dan mengambil kira kepentingan orang yang melakukan kesalahan ini. Dalam hal ini, kerajaan berpandangan kepentingan mangsa, orang ramai dan kepentingan negara adalah diutamakan mengatasi kepentingan orang yang telah disabitkan dengan kesalahan seperti ini. Hukuman minimum akan

menjadi satu faktor yang menghalang ataupun sebagai *deterrent* bagi penjenayah-penjenayah ataupun *preventive*. Ini bagi memastikan penjenayah diberikan hukuman setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, penjenayah tidak lagi boleh dikenakan hukuman penjara satu hari atau denda sahaja yang mana ia tidak memberi apa-apa kesan kepada penjenayah pesalah pertama atau dengan izin, *first offender*. Mereka harus tahu bahawa *crime does not pay*, dengan izin. Sememangnya pesalah tidak menyemak Kanun Keseksaan apabila ingin melakukan jenayah, tetapi undang-undang sentiasa memerhatikan perbuatan mereka...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: [Bangun]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Secara umumnya, *ignorance of the law is not an excuse*, dengan izin. Tiada pengetahuan mengenai undang-undang tidak boleh dijadikan alasan.

Seterusnya iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai bangun lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai tidak bangun tetapi dia keluar.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa pesalah tidak memikirkan perkara-perkara seperti ini sebelum melakukan kesalahan. Saya sebenarnya bersetuju. Itulah sebabnya kita tahu bahawa pesalah itu tidak memikirkan. Mereka tidak membaca Kanun Keseksaan ataupun meneliti perkara-perkara seperti adakah ada hukuman minimum ataupun mandatori ataupun tidak dan terus melakukan kesalahan. Betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, apakah tujuan undang-undang ini yang mengenakan hukuman yang lebih berat tetapi mungkin tidak mencapai tujuannya iaitu tujuan apa yang kita semua hendak iaitu untuk mencegah jenayah.

Disebabkan itu juga, seperti yang saya sebut semasa perbincangan, kita tidak mencapai pengurangan jenayah kerana pesalah akan terus melakukan kesalahan tetapi pada masa yang sama, kita menyusahkan sistem perundangan kerana pesalah tidak akan mengaku salah, tidak akan *plea guilty*, banyak lagi perbicaraan, perlu banyak lagi mahkamah dan banyak lagi hakim. Adakah ini satu pendekatan yang akan mencapai tujuan kita untuk mencegah jenayah. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat nyatakan tadi lebih kepada memihak kepada si pesalah. *Have you ever thought of the victims and the families*, dengan izin?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Jadi inilah yang kita hendak cuba bantu. Ini kerana kita telah melihat kes-kes jenayah terlalu banyak telah...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: *I don't think* Yang Berhormat Menteri. *I don't think*. Bukan satu kenyataan yang betul. Bukan itu yang saya kata. Soalnya adalah untuk...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Inilah yang saya jawab ini sebab apa Yang Berhormat katakan...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: ...Mencegah jenayah. *It is not about whether I care about the victim. I do care.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: ...Hendak mengatakan sama ini tercapai ataupun tidak, setakat ini, inilah yang terbaik untuk kita membantu mangsa. Kalau keluarga kita sendiri menjadi mangsa, barulah kita terasa. Kalau mangsa itu adalah ahli keluarga kita, barulah kita hendak meneliti.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, ini bukan jawapan kepada soalan saya. *I ask a question of substance.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Inilah jawapan saya. Kalau Yang Berhormat hendak mengatakan sama ada ini adalah akan mencapai matlamat, inilah akan kita lakukan untuk membantu mangsa sebab terlalu banyak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kita telah banyak berlembut. Berlembut dari segi undang-undang kita selama ini. Kita banyak berlembut. Akan tetapi kali ini, seperti mana yang kita nyatakan, kali ini kita akan berkeras untuk membantu membanteras jenayah. Jadi inilah yang kita lakukan dan ini janji yang kita tepati untuk lakukan untuk membanteras jenayah. Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya juga bercakap tentang soal *minimum sentence* ini. Yang Berhormat Menteri, apabila sekarang ini kalau Yang Berhormat Menteri melihat dalam perundangan, kita menggalakkan *plea bargain* untuk mengurangkan kos jenayah supaya orang kena tuduh (OKT) boleh mengaku salah. Akan tetapi apabila kita ada hukuman *minimum sentence* ini, saya percaya bahawa mana-mana OKT khususnya yang diwakili peguam ataupun yang tidak diwakili peguam, mereka tidak akan mengaku salah. Maknanya *plea bargain* itu yang kita sekarang cuba *promote* ini, dia akan *defeat purpose* itu. Ini kerana bila kita mengaku salah pun apabila ada hukuman mandatori ini, kita tidak dapat menggunakan peluang mengaku salah itu faktor mitigasi. Bermakna hukumannya tetap. Itu satu.

Kedua Yang Berhormat Menteri, apabila kita kata kita juga hendak menjaga mangsa, Yang Berhormat Menteri kata cuba lihat kalau kena kepada keluarga kita. Keluarga kita kalau jadi mangsa macam mana. Kita kalau hujah itu, hujah itu juga boleh digunakan. Bagaimana kalau kita ada keluarga yang disalah tuduh akan jadi mangsa. Jadi jangan gunakan hujah-hujah yang bersifat populis dan sentimen. Kita belajar undang-undang, kita tahu bahawa negara ini kena jaga semua pihak dan bukannya mangsa sahaja. Semua pihak. Jadi jangan jawab guna alasan sentimen.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Itu bukan satu jawapan yang populis dan sentimen sebab kita telah banyak menghadapi masalah jenayah yang begitu berleluasa sekali, tetapi seolah-

olah kerajaan tidak menanganinya dengan baik. Jadi kita telah memaklumkan kepada rakyat, kali ini kita akan menyediakan satu undang-undang yang begitu tegas sekali. Inilah kita capai dan dari segi *plea bargaining*, saya ada jawapan di sini. Saya tidak mahu campur aduk di sini, nanti dia *defecating* nanti. Jadi ingatkan saya tentang *plea bargaining*. Terima kasih. Yang Berhormat Kapar tadi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tadi kata hendak jaga mangsa. Saya hendak merujuk kepada fasal 20(h), “...when by reason or on occasion of the rape, the woman becomes insane;..”. Mangsa sudah jadi gila. Hendak jaga apa lagi? Selepas itu sudah ada HIV. Hendak jaga macam mana? So, hukuman yang berat tidak bermaksud boleh mencegah jenayah. So itu yang tadi saya tekankan kita kena ada satu mekanisme yang mengimbangkan jenayah dengan mangsa. Sekarang saya berpendapat Yang Berhormat Menteri lebih kepada mangsa, tetapi tidak ada mekanisme yang boleh membantu kedua-dua pihak. Itu yang saya cuba tekankan dalam hujah saya tadi dan saya hendak Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan bahagian ini dan bukan *just bulldoze this over. I think this is not fair for both side*.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, terima kasih. Kita bukan hendak *bulldoze* Yang Berhormat. Kita perlu ada *enabling law* untuk membantu mangsa juga. Ini kerana selama ini memang ada tetapi masih belum kuat. Inilah yang memperkuatkan kita untuk membantu. Sebenarnya Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, apabila rang undang-undang ini didrafkan, ia banyak kita terima maklum balas daripada pihak-pihak yang berkuasa untuk *implement*, dengan izin, undang-undang. Akan tetapi mereka rasa terikat kerana terlalu banyak dari segi *lacuna in the law* dengan izin, jadi membolehkan ramai penjenayah di luar sana berleluasa. Jadi inilah cara kita untuk kita membantu mangsa. Jadi biar saya teruskan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Seputeh telah mengutarakan pertanyaan mengapakah seksyen 376B, 377CA dan seksyen 377E, hukuman minimum diperuntukkan sedangkan telah dipersetujui di dalam *Select Committee* bahawa budi bicara harus diberi kepada hakim dalam menjatuhkan hukuman. Tidak dinafikan bahawa pada 18 Julai 2006, Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*) bersetuju untuk budi bicara harus diberi kepada hakim dalam menjatuhkan hukuman.

Dalam pindaan ini juga, kuasa budi bicara hakim masih ada dalam ruang lingkup menjatuhkan hukuman di antara minimum ke maksimum dengan hukuman bergantung kepada fakta sesuatu kes. Statistik oleh PDRM menunjukkan dari segi kesalahan rogol masih dalam tahap tinggi. Ini kalau saya hendak nyatakan di sini, inilah statistik yang saya peroleh. Pada tahun 2009, terdapat 3,626 kes dan 302 kes sebulan dari segi *averagenya*. Bermakna ada sepuluh kes sehari.

■1650

Pada tahun 2010 ada 3,595 kes, bermakna ada 300 kes sebulan, dalam sehari ada 10 kes juga. Dalam tahun 2011, terdapat 3,301 kes, bermakna 275 kes sebulan ataupun sembilan kes sehari. Jadi oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, hukuman minimum ini adalah untuk memastikan pesalah diasingkan daripada masyarakat dan mendapat rawatan pemulihan yang

sewajarnya. Dalam isu yang sama, Yang Berhormat Padang Serai juga telah menyatakan bahawa dengan memperuntukkan hukuman minimum, *plea bargaining* akan berkurang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *plea bargain*, dengan izin, adalah hak tertuduh dan masih relevan. Yang Berhormat Klang juga bertanya mengenai perkara ini. Hukuman minimum sesuatu peruntukan kesalahan, tidak menafikan hak tertuduh kepada proses *plea bargain* ini. Jadi, hukuman masih tertakluk kepada proses mitigasi dengan tertakluk kepada seksyen 172(2), Kanun Tatacara Jenayah yang sedia ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit sahaja. Menteri, sikit sahaja pasal *plea bargain* tadi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau Menteri menjawab dengan mengatakan bahawa proses hukuman mandatori ini tidak akan memberi kesan kepada *plea bargain* ini. Persoalannya, apa gunanya *plea bargain*, kalau sekiranya seseorang yang mengaku salah ini pasti akan kena hukuman minimum. Dia tidak akan efektif, Menteri. Saya sebagai seorang peguam sudah 20 tahun mewakili kes jenayah, kalau ada mana-mana *lawyer* pun akan *advise* anak guam dia, buat apa *you* mengaku salah, *you* kena 10 tahun. *Might as well, you* bicara, *you* ambil risiko begitu. Jadi itu akan mengurangkan ataupun menutup pintu untuk *plea bargain*. Jadi kita akan memastikan kes-kes dibicarakan dan akan mengambil masa banyak hakim mahkamah dan kita akan menyebabkan banyak kes-kes tertunggak.

Jadi ia akan memberi kesan yang banyak. Jadi sebab itu Menteri punya jawapan tadi, proses- saya tak tahulah kalau Menteri hanya membaca skrip. Kalau Menteri memahami tentang *plea bargain*, memahami bahawa *mandatory* ini memberi kesan kepada *pleading guilty* ini, saya rasa Menteri tidak akan menjawab begitu.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih. Sebenarnya bagi kes-kes lain, tidak ada masalah pasal *plea bargaining* kan? Itu Yang Berhormat maksudkan dan dalam hal ini sebab dia terus *mandatory jail sentence*, tetapi dia ada minimum dan sehingga tahap maksimum jadi *plea bargaining* pun masih boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa guna? apa guna *plea bargaining*?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ha, itu apa guna itu satu hal lagilah, tetapi memang ruang lingkup itu masih ada dalam bidang kuasa hakim.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri, bagi contoh, bagi contoh Menteri. Untuk kes dadah, kalau 39B, kalau 39A hukuman dia mandatori tak ada anak guam yang akan mengaku salah. Sebab apa, buat apa mengaku salah? Salah *you* mengaku salah dengan tak mengaku salah hukumannya sama. Mana ada orang nak mengaku salah dalam keadaan begitu?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sekurang-kurangnya kita ada juga minimum.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *It's a meaningless plea bargaining.* Buat apa ada satu benda yang tak berguna kita masukkan? Buat apa? *It's a meaningless, useless, thoughtless, everything less, less, less.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *All the less?* Okeylah, terima kasih. *All the useless* kah apakah? Okey, terima kasih Yang Berhormat, saya nak teruskan. Yang Berhormat Padang Serai juga mengatakan beliau tidak bersetuju hukuman dinaikkan kepada tujuh tahun bagi sesiapa yang

tidak memberi maklumat bagi kesalahan di bawah Bab VIB. Ia dikatakan tidak logik kerana jika orang ramai tidak memberi maklumat bagi rogol, bunuh dan sebagainya, hukuman hanya enam bulan sahaja, tetapi untuk kesalahan di bawah Bab VIB, hukumannya tujuh tahun. Seolah-olah kesalahan rogol, bunuh ialah kesalahan yang remeh. Pasal ini juga dikatakan bercanggah dengan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pindaan supaya ditambah hukuman penjara yang boleh mencapai tujuh tahun, adalah perlu bagi mengubah sikap masyarakat yang enggan bekerjasama dalam menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa apabila melibatkan kumpulan jenayah terancang.

Pada masa ini, sikap masyarakat rata-rata mereka tidak mahu terlibat dan jawapan mereka adalah saya tidak tahu. Adalah kebiasaan yang diperoleh oleh pihak polis semasa menjalankan siasatan dalam kebanyakan kesalahan. Ini telah menyebabkan ahli kumpulan jenayah terancang semakin berani untuk melanggar undang-undang. Ini adalah di antara sebab-sebab kita membawa kepada rang undang-undang ini untuk diperkenalkan. Dengan adanya peruntukan hukuman penjara yang panjang, ini akan seolah-olah ia akan memaksa. Diharapkan masyarakat bekerjasama supaya tidak melanggar peruntukan ini. Seterusnya bagaimana hendak membuktikan bahawa seseorang itu *belonging to an organized criminal group*.

Ini saya rasa ada juga soalan yang lain oleh Ahli Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat Padang Serai pun ada mengemukakan perkara ini, mengenai *presumption*. Dalam seksyen 130B, di mana orang tertuduh bukan orang salah, *innocent until proven guilty* dan secara prinsip tidak bersetuju dengan *presumption* yang dicadangkan. *Presumption* begitu luas dicadangkan fasal 8 rang undang-undang ditarik balik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *presumption* dalam sesuatu undang-undang bukanlah sesuatu perkara baru, malah ia adalah dalam banyak akta. Ia hanya sekadar satu metodologi bagi membuktikan sesuatu fakta.

Subseksyen baru 130V(2)(a) bukan satu *presumption* yang menyatakan bahawa suspek adalah bersalah atau berlawanan dengan anggapan *innocent to until proven guilty*. Pihak pendakwaan harus membuktikan bahawa suspek telah melakukan sesuatu kesalahan untuk mengguna pakai *presumption* tersebut. Pihak pendakwaan masih perlu mendapatkan keterangan utama ataupun *primary fact* sebelum sesuatu anggapan diguna pakai.

Malah suspek diberi hak untuk mematahkan atau dengan izin, *to rebuke* sebarang anggapan yang mungkin boleh dibangkitkan. Malah terdapat banyak kes di mana anggapan telah berjaya dipatahkan dan suspek dibebaskan daripada pertuduhan. Justeru, *presumption* ini tidaklah meluas seperti yang dikatakan kerana ia tertakluk kepada pemerhatian dan budi bicara mahkamah juga. Ada lagi yang bertanya pasal *presumption*. Saya rasa soalan yang sama, tetapi *diphrasekan* dalam keadaan yang lain, jadi saya juga akan sentuh mengenai *presumption* ini untuk- saya tak ingat siapa yang minta dan bertanya soalan ini.

Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]: [Bangun]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Anggapan di bawah seksyen 130V ini hendaklah dibaca bersama dengan cadangan pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah. Sebab itu saya nyatakan

tadi rang undang-undang ini sebenarnya *is not stand alone*. Dia berkaitan dengan Kanun Tatacara Jenayah dan juga rang undang-undang lain yang bantangkan iaitu fasal 11 seksyen baru 399B. Seorang pakar akan datang ke mahkamah untuk memberi keterangan berkenaan *activity, structure, ritual of, ceremonies, hand sign, insignia or characteristic of an organized criminal group, or any other matters relating to an organized criminal group*.

Subseksyen 399B(2) pula menyebutkan bahawa, dengan izin,

“If evidence is proved that the accused-

- (a) is involved in any of the activities, ritual of ceremonies of an organized criminal group;*
- (b) is part of, or within the structure of an organized criminal group;*
- (c) exhibits any hand sign, insignia or characteristic of an organized criminal group; or*
- (d) can be linked to any other matters relating to an organized criminal group,*

the Court should presume that the accused is an member of an organized criminal group.”

Sehubungan dengan itu, pihak pendakwaan akan memanggil saksi, pakar untuk membuktikan bahawa tertuduh tersebut merupakan anggota kumpulan jenayah terancang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai bangun, Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya *presumption*, memang di dalam undang-undang lain pun ada *presumption* dan sebenarnya kita mempunyai masalah dalam *presumption* di dalam undang-undang lain pun. Prinsip yang kita masih pegang adalah *innocent until proven guilty*. Akan tetapi *presumption* di dalam kes ini adalah lain, daripada di dalam undang-undang lain kerana jika diperhatikan kesalahan di bawah seksyen 130V iaitu *member of an organized criminal group*, ia menjadi ahli *organized criminal group* itu sendiri menjadi satu kesalahan. *Whoever is a member of an organized criminal group shall be punished with imprisonment for a term which may extend to five years*.

Bermakna Yang Berhormat Menteri, di dalam kes ini apabila *presumption* itu diguna pakai, terus menerus *presumption* itu dengan kesalahan di bawah seksyen 130V itu adalah sama. Biasanya *presumption* adalah mengenai satu fakta ancillary ataupun subordinat kepada kesalahan utama. Di dalam kes ini, *presumption* itu terus menerus membuktikan kesalahan sendiri. Jadi sebab itu kita kata *presumption* ini memang adalah sesuatu yang tidak betul dan saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

■1700

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa penjelasan tersebut adalah sudah komprehensif dijawab. Kalau itu Yang Berhormat tidak dapat terimanya, itu

terpulanglah kepada Yang Berhormat. Kita telah memberi jawapan berkaitan dengan rang undang-undang ini. Jadi, itulah yang telah kita jawab untuk klausa mengenai perkara *presumption*. Jadi, kalau masih lagi tidak...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat, isu yang sama. *Just on the same point*. Menteri, mungkin saya cuba sekali lagi terangkan apa yang rakan saya Yang Berhormat Padang Serai telah terangkan tadi. Saya beri contoh *presumption*, memang kita tahu kegunaan *presumption* ini biasa ada undang-undang lain di mana dipakai. Contoh, kita boleh sebut di mana kesalahan *drug trafficking*, dengan izin, yang mana kita ada *presumption*, yang mana kalau kita ada jumlah dadah melebihi satu jumlah beratnya, *presumption* itu akan terpakai.

Akan tetapi itu bukan kesalahan itu. Itu hanya *presumption of trafficking* dan selepas itu ada fakta-fakta lain, keterangan lain yang mesti dibuktikan sehingga kesalahan itu dibuktikan. Maksud Yang Berhormat Padang Serai tadi adalah di sini *presumption* dan kesalahan sudah sama. Itu yang jadi masalah. *So*, jadi jawapan Menteri pun tidak jawab itu dan ini yang kita bangkitkan sebagai masalah dalam kegunaan *presumption* dalam cara begini.

Jadi saya harap ini difahami *because* semua penasihat yang menulis jawapan itu kena faham. Jawapan yang diberi tidak menjawab hujah yang diberi tadi. Kita harap ini diambil kira dan sebab itu kita kata ada banyak perkara. Ini satu contoh sahaja. Ada beberapa bab-bab lagi dalam pindaan. Kita tidak cakap semua pindaan ini tidak boleh diterima. Ada pindaan yang baik, memang ada tujuannya adalah baik tetapi ada yang bermasalah macam ini termasuk seksyen 203A itu. Oleh sebab itu kita ulang sekali lagi, adalah lebih baik banyak cadangan daripada sini di hantar kepada Jawatankuasa Pilihan untuk diperhalusi di sana dengan kerjasama...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya ambil perhatian Yang Berhormat, saya ambil berat, terima kasih. Saya menerima ini semua. Jadi, saya akan perhatian. Saya dengar apa yang dihujahkan dan mungkin boleh diperhalusi nanti seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat semua, kita akan lihat nanti. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Subang. Terima kasih Yang Berhormat Subang, *we take note. Thank you so much* dan nanti kita lihat kepada untuk menghalusi sekiranya itulah yang menjadi masalah kita untuk mengimplementasikannya. Terima kasih.

Seterusnya, kita pergi ke kenapa bagi *gang rape* di bawah seksyen 375B tiada peruntukan untuk sebat. Soalan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah. Bagi kesalahan 375B ini fokus hukuman ialah penjara yang boleh menjangkau maksimum 30 tahun. Hukuman sebat dalam seksyen kesalahan seksual lain hanyalah atas budi bicara mahkamah. Ini secara tidak langsung membawa mesej bahawa oleh kerana tidak ada alternatif hukuman seperti sebat maka hukuman penjara yang lebih berat adalah perlu bagi mencerminkan seriusnya kesalahan ini. Peruntukan kesalahan ini sama seperti kesalahan seksyen 304A Kanun Keseksaan *culpable homicide not amounting to murder* iaitu hukuman maksimum iaitu 30 tahun tanpa peruntukan sebatan.

Seterusnya Yang Berhormat Kuantan, kenapa pindaan kali ini tidak dimasukkan kesalahan memasukkan objek ke dalam kemaluan dan juga memasukkan organ seks ke dalam mulut. Pindaan bagi kesalahan memasukkan objek ke dalam kemaluan dan juga memasukkan organ

seks ke dalam mulut tidak dibuat kerana kedua-dua perbuatan ini telah pun dijadikan kesalahan. Pertama, perbuatan memasukkan organ seks ke dalam mulut merupakan satu kesalahan luar tabii dan menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 377A Kanun Keseksaan. Kedua ialah memasukkan objek ke dalam kemaluan merupakan kesalahan di bawah seksyen 377CA Kanun Keseksaan. Justeru itu perbuatan yang disebutkan di atas menjadi satu kesalahan.

Yang Berhormat Kuantan juga iaitu mengendap atau *stalking* dengan contoh tadi mengenai SMS atau MMS lucah. Kesalahan mengendap secara asas telah wujud dalam seksyen 507 Kanun Keseksaan.

Seksyen 292 dan seksyen 293 'Kanun Keseksaan' pula menyentuh kesalahan, dengan izin, *distribute or puts into circulation any obscene drawing, painting, representation or figure*. Jadi, kesalahan *psychological abused*, dengan izin di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga masih boleh disiasat atau dituduh di bawah seksyen Kanun Keseksaan ini.

Yang Berhormat Kuantan lagi, seksyen 326A dan seksyen 352A tidak menyentuh *psychological abuse*, dengan izin dan ini bertentangan dengan Akta Keganasan Rumah Tangga. Selain daripada itu saya telah difahamkan pihak *caucus* telah berbincang dengan AG sendiri mengenai beberapa perkara. Jadi, yang lain itu kita akan ambil kira selepas- sebab itu sudah dijanjikan komitmen untuk menghalusi undang-undang yang berkaitan ini.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, itu poin yang saya hendak katakan tadi. Oleh kerana Peguam Negara telah pun menjanjikan bahawa dalam masa terdekat akan mengkaji semula dengan lebih luas dan holistik dengan perkara ini maka saya kira kalau kita luluskan juga seksyen 326A dan seksyen 352 ini seolah-olah kita akan letak dalam rang undang-undang ini nanti. Dalam akta, *it will become law*, sesuatu yang kita akan pinda balik. Jadi, itu yang saya tidak nampak rasionalnya dan *sense* di situ.

Oleh sebab itulah cadangannya kita tarik balik sekarang dan kemudian apabila kita *study*, kita pinda betul-betul dan kemudian apa sahaja yang berkaitan dengan Kanun Keseksaan ini kita masukkan pada ketika itu. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Saya jawab yang ini dahulu sebelum kita pergi ke tarik balik itu. Mengenai seksyen 326A tadi dan seksyen 352A, kesalahan yang menyebabkan *psychological abuse*, dengan izin, boleh dituduh dan disiasat di bawah peruntukan Kanun Keseksaan yang sedia ada seperti seksyen 509, seksyen 503 dan seksyen 507 Kanun Keseksaan. Seksyen 326A dan seksyen 352A pula melibatkan kecederaan fizikal dengan izin, yang nyata.

Kedua-dua seksyen yang baru ini akan memberi pengiktirafan bahawa kesalahan keganasan rumah tangga perlu ditangani dengan lebih serius. Yang Berhormat Kuantan, saya mohon maaf kalau untuk menarik balik itu tidak dapatlah. Kita telah pertimbangkan untuk menghalusinya. Biarlah kita sama-sama membincangkan perkara tersebut itu nanti. Seterusnya hendak dinyatakan di sini pindaan undang-undang oleh Parlimen secara konsisten merupakan satu proses...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tentang *gang rape* ini tadi, saya hendak bagi satu pandangan. Oleh kerana tadi ada ditanya oleh Yang Berhormat Masjid Tanah bahawa kenapa tidak dikenakan hukuman rotan tetapi hukumannya adalah *still* ada hukuman penjara mandatori 10 tahun. Seperti saya kata tadi hukuman 10 tahun ini, kita akan menyebabkan kita *discourage* orang daripada mengaku salah sebab kalau dia mengaku salah pun dia tetap akan kena 10 tahun.

Jadi apabila berlaku *gang rape* yang melibatkan dua, tiga orang, mungkin kita hendak buktikan susah tetapi salah seorang yang terlibat itu mungkin kita akan tawar untuk dia mengaku salah dan jadi saksi kepada pendakwa. Akan tetapi dalam keadaan begini dia mungkin takut hendak mengaku salah sebab mengaku salah pun akan kena 10 tahun. Jadi, kes-kes di mana melibatkan kesalahan lebih daripada dua, tiga orang ini, pendakwa kadang-kadang perlukan salah seorang daripada mereka sebagai saksi pendakwa iaitu dengan menawarkan mereka mengaku salah. Macam *adverse* ataupun *hostile witness* kepada mereka, kepada OKT, itu satu.

Keduanya, tentang pengertian *rape* dalam *common gang rape* ini saya tidak pasti. Adakah kita mengikut definisi "*rape*" dalam seksyen 376 itu? Kalau begitulah definisinya, bagaimanakah kalau mereka ini jadi *accessories* sahaja, ambil gambar tetapi tidak *rape*? Seolah-olah di sini akan berlaku, akan dikenakan juga sebab ayat, "*Acting in furtherance of their common intention...*", tetapi *the problem is, you still have to prove rape* itu, *the penetration* itu. Jadi, saya tidak tahu bagaimanakah *explanation* ini boleh membantu untuk kita hendak sabitkan juga orang yang tidak buat perkara itu tetapi dia terlibat dalam *the whole activity* itu. Jadi, saya minta penjelasan.

■1710

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Tadi kita bincang mengenai *gang rape* ini. Ia melibatkan mereka yang bersubahatlah ataupun yang sama-sama terlibat dalam *lets say*, yang jaga pintu kah, *for example*. Menjaga pintu, yang lain merogol dan dia melihat di situ. Memang mereka akan dilibatkan juga sebagai terlibat dalam *gang rape*. *That is why it is called gang rape*. Oleh sebab itulah kita memberi hukuman yang lebih berat lagi daripada *rape* biasa. *Rape* biasa kita lakukan hukuman sebat *because there is a different law totally* untuk menangani jenayah daripada segi *rape* daripada *gang rape*.

Oleh kerana kita telah banyak melibatkan kes-kes orang yang terlibat bekerjasama dalam hal *gang rape* ini. Jadi, itulah yang dikatakan mereka yang terlibat sama ada yang memandu kereta untuk membawa mereka ke situ ataupun menjaga pintu semata-mata untuk *gang rape*, memang dia akan terlibat. Apa Yang Berhormat katakan tadi memang dia tidak akan mengaku salah. Itu adalah hak peribadinya untuk sama ada mengaku atau tidak mengaku tetapi inilah tujuan kita sebab kita telah melihat kepada kes-kes jenayah daripada segi rogol atau pembunuhan terlalu berleluasa. Oleh sebab itu kita telah berkali-kali mengatakan kita akan membawa ataupun memperkenalkan undang-undang yang akan menjadi undang-undang yang begitu tegas sekali untuk membantu rakyat kita.

Saya hendak nyatakan di sini daripada segi pindaan undang-undang oleh Parlimen secara konsisten merupakan satu proses yang mencerminkan undang-undang adalah *alive* dan harus

konsisten dengan perkembangan masyarakat. Saya juga hendak nyatakan di sini bahawa hadirnya undang-undang ini adalah disebabkan oleh maklum balas atau *feedback from* pihak yang berkuasa untuk meminta kita supaya membantu mereka untuk mengetatkan lagi undang-undang bagi membolehkan mereka untuk menjalankan tugas mereka. Jadi buat masa ini, tidak boleh dinafikan bahawa kadar jenayah dan kekerasan sedang meningkat. Oleh itu, undang-undang mesti dipinda bagi memastikan masyarakat selamat.

Dalam kes *PP vs Loo Choon Fatt [1976] 1 MLJ, 1 MLJ* muka surat 256 mengiktiraf prinsip di atas yang mana mahkamah memutuskan fakta bahawa Parlimen memandang serius kesalahan dadah apabila undang-undang dipinda secara konsisten dengan menaikkan hukumannya. Jadi kita sentiasa meminda undang-undang ini untuk membantu dalam memastikan undang-undang kita memikirkan kepada keberkesanannya untuk rakyat dan masyarakat yang menjadi mangsa. Inilah yang dilakukan sekarang dan untuk menggubal undang-undang agar undang-undang sentiasa responsif mengikut keadaan dan permasalahan semasa.

Ini satu penambahan maklumat untuk Yang Berhormat Sepang mengenai *gang rape* ini. *Explanation gang rape* jelas memperuntukkan bahawa *rape* dan *penetration* adalah memadai jika melibatkan hanya oleh seseorang pesalah ataupun pelaku dalam kumpulan *gang rape* tersebut. Ini yang dijelaskan ya. Terima kasih.

Jadi saya rasa oleh kerana kebanyakan isu-isu dibawa adalah isu yang sama sahaja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, boleh?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, boleh jawab soalan saya berkait dengan adakah Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang telah dirujuk mengenai *bill* ini? Ini kerana di Selangor dan Pulau Pinang ada *freedom of information* tetapi oleh kerana berkait dengan *disclosure of information 203A*...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sama ada dirujuk atau tidak, saya perlu rujuk juga kepada...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya bangkit isu ini Yang Berhormat Menteri sebab ini akan mengancam *freedom of information* yang mengamalkan *open government* dan *transparent government*. So dengan satu *stroke of this bill, you are actually destroyed good governance in Pulau Pinang and Selangor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bila seorang Ahli Parlimen bercakap, yang lain duduk Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Itu akan saya rujuk. *I will give you the answer because I have no information sama ada ada dirujuk atau tidak ya. I will find out.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Lebih baik saya cadang Tuan Yang di-Pertua supaya kita *withdraw this bills* sampai kita bincang lagi sebab sekarang ada kontroversi mengenai isu ini.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *[Bangun]*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kita tidak perlu *withdraw*. Yang Berhormat semua, kita tidak perlu *withdraw*. Kalau ada yang perlu diperbaiki, kita terbuka. *We listen to everybody*. Kita terbuka untuk mendengar dan menerima apa juga pandangan dan sekiranya untuk menghalusinya, kita akan terima dan kita akan bincang bersama ya. Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya beri laluan pada Yang Berhormat Bagan dahulu boleh?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, terima kasih. Saya hanya hendak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat beri laluan pada Yang Berhormat Bagan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Sorry. [Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Subang. Ini hanya kerana ekoran daripada apa yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat dari Klang bahawa memang seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak pernah dirujuk tentang fasal ini. Saya rasa ini menimbulkan tanda tanya sama ada Akta Kebebasan Maklumat yang telah pun diluluskan oleh kerajaan negeri saya dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, adakah ini terancam ataupun terjejas oleh kerana fasal ini yang kurang jelas?

Ini adalah berkaitan perlakuan jenayah ataupun keselamatan negara, saya harap ia boleh dinyatakan dengan jelas dan bukanlah secara **borong**. Ini kerana kalau apa-apa maklumat yang telah diberikan berdasarkan Akta Kebebasan Maklumat, maka ini tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu saya harap, apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Klang harus diambil kira untuk ditarik balik supaya dapat dikaji semula. Saya minta atas budi bicara.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun minta atas budi bicara supaya kita jangan tarik balik dahulu. Kita sama-sama terima ini dahulu dan kita perbaiki secara progresif okey. Saya janji di sini kita bincang.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tadi Yang Berhormat Menteri sebutkan bahawa kena rujuk kembali. Apa yang saya sebut di sini, kerajaan negeri tidak pernah dirujuk.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Oleh sebab itu saya kena *check* dahulu.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Apakah jaminannya? Kalau boleh Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau tidak dirujuk macam mana caranya, kita boleh aturkan tetapi saya rayulah, janganlah minta ini ditarik balik. Biarlah kita sama-sama lihat dulu keberkesanan ini. Ada yang kita lihat, saya dengar hujah-hujah tadi saya nampak mungkin ada yang kita boleh bantu untuk menghalusinya ini. *Feel free* dengan izin, *please come and give me your...*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Akan tetapi kalau tidak sempurna, tidak harus diluluskan. Macam mana kita boleh luluskan dengan sempurna?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kita boleh tundakan daripada segi *the enforcement of the law*. Daripada segi pelaksanaannya, kita boleh tangguhkan tetapi untuk menarik balik Yang Berhormat, tolonglah, janganlah. Ini tidak baik. Kita sudah turunkan dua *provision* untuk memperbaiki rang undang-undang ini. Jadi biarlah kita – saya dengar itu tadi. Bagilah saya cadangan-cadangan tetapi untuk menarik balik itu adalah satu perkara mustahil.

Anyway Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya kepada pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri, soalan terakhir.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *Wait, wait!*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Dengan itu, saya ingin mengakhiri sesi penggulangan saya pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tidak!

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan yang mana Yang Berhormat?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 54(2).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

■1720

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya ingin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada rang undang-undang ini dirujuk ke Jawatankuasa Pilihan untuk dibincangkan dengan lebih lanjut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, ada siapa yang menyokong? Baik Yang Berhormat, seorang sahaja cukup. Seorang tolonglah jawab seorang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis, usul Yang Berhormat Bayan Baru seperti dikemukakan tadi untuk diputuskan mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2), usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 4 -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Padang Serai.

5.22 ptg.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada fasal 2 iaitu definisi mengenai apakah *serious offence and non-serious offence*. Di sini saya rasa isu yang timbul adalah bahawa di dalam membuat, menggubal undang-undang ini kita lihat terlalu banyak *inconsistency*. Seolah-olah penilaian yang teliti tidak diberi dan ini ialah satu contoh yang baik. Jika kita lihat di sini *non-serious offence* di nyatakan di bawah 52A Tuan Pengerusi sebagai *an offence not more than 10 years* dan *serious offence and offence for a term of 10 years and more*. Pada masa yang sama kita lihat bahawa jika Kanun Acara Jenayah dirujuk, Kanun Acara Jenayah pada Jadual 1, Jadual 1 menyatakan bahawa mana-mana undang-undang selain daripada Kanun Keseksaan dan bagaimana undang-undang selain daripada Kanun Keseksaan dikategorikan.

Jika kita lihat kategori-kategori yang diberi adakah kesalahan itu boleh ditangkap dengan waran atau pun tidak, adakah dia boleh dijamin, *valuable* atau pun *not valuable*. Kesemuanya melibatkan perbezaan tujuh tahun. Sebagai contoh dengan izin, *if punishable with that or imprisonment for seven years or upwards may arrest without warrant*. Akan tetapi pada masa yang sama *if punishable with imprisonment for less than three years shall not arrest without warrant*, dengan izin.

Bermakna sama ada sesuatu kesalahan itu adalah berat atau pun tidak. Jika kita lihat kepada Kanun Acara Jenayah telah didefinisikan bergantung kepada adakah ia tujuh tahun atau tidak. Pada masa yang sama sekarang di bawah pindaan-pindaan yang telah dibawa dengan begitu, pada pendapat saya gopoh, satu kategori baru dibawa iaitu *serious offence* dan *non-serious offence*. Di mana *serious offence* adalah 10 tahun dan lebih, *non-serious offence* adalah 10 tahun dan kurang. Oleh itu kita mendapat, ada dua kategori. Satu kategori di bawah sistem lama di bawah Kanun Acara Jenayah dan satu kategori baru yang di timbulkan iaitu *serious offence and non-serious offence*.

Soalnya bagaimanakah kedua-dua, walaupun di sini menyebut *offences against laws other than the Penal Code* tetapi kita mesti konsisten, konsisten dalam pendekatan terhadap pengkategorian kesalahan. Tidak boleh ada perbezaan yang begitu besar. So, soalan yang timbul di sini adalah bahawa bagaimana kita hendak dengan izin, *reconcile* perbezaan-perbezaan antara pengkategorian kesalahan di bawah Kanun Acara Jenayah Jadual Pertama dan juga kategori-kategori baru *non-serious offence and serious offence* yang telah digubal dalam rang undang-undang ini. Adakah sesuatu yang wajar terdapat ketidakselarian dan perbezaan seperti ini di dalam undang-undang jenayah kita.

Itulah sebabnya apabila menggubal undang-undang-undang, penggubal perlu mengambil kira kesan rang undang-undang itu ke atas undang-undang lain yang berkaitan. Saya nampak bahawa konsisten di dalam undang-undang ini termasuk PCA sebelum ini juga tidak ada penelitian seperti itu yang telah diberi di dalam penggubalan undang-undang ini. Jadi memandangkan itu, saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri untuk melihat kepada perkara ini memberi penjelasan dan supaya definisi ini ditimbang semula supaya ada satu falsafah yang jelas di sebalik pengkategorian kesalahan.

Perkara ini bukan sesuatu yang remeh atau kecil kerana apa? Kerana kesan sama ada sesuatu kesalahan dikategorikan sebagai *serious offence and non-serious offence* memberi kesan yang besar kepada mereka yang terlibat atau pun dituduh dalam kes ini. Ada kesan lain jika *serious offence*, ada kesan yang lain jikalau *non-serious offence* termasuk di dalam isu hukuman atau *sentencing*. Jadi *impactnya* ialah besar. Kita perlu pada semua masa jangan melupakan fasal 8 Perlembagaan Persekutuan iaitu *equality before the law*. Ia tidak boleh pesalah dalam kategori yang sama diberi hukuman, diberi layanan yang berbeza-beza kerana jika begitu ia akan melanggar atau pun bercanggah dengan fasal 8 Perlembagaan Persekutuan. Itu satu lagi perkara.

Saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan apabila menggubal ini jangan sentiasa lupakan bahawa ada sesuatu yang bernama Perlembagaan Persekutuan. Kita lihat setiap kali seolah-olah tidak mengambil kira langsung peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti yang terdapat di sini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ada siapa lagi? Ya, Menteri jawab.

5.27 ptg.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ambil maklum mengenai komen tadi di mana dari segi takrif di wujudkan bagi memudahkan rujukan kerana terma ini banyak dipakai dalam Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Dalam cadangan pindaan berkenaan jenayah terancang. Jadi ia berbeza dengan kategori di bawah Kanun Tatacara Jenayah dari segi apa nama, sekejap saya tidak berapa dapat baca ini di bawah Kanun Tatacara Jenayah dari segi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *Handwriting*, tidak boleh baca?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: / tengah baca ini, semasa pemakaian semasa, *the current usage of the law, thank you*. Ini dari segi 52A Yang Berhormat ya, dari segi *non-serious offence*. Terima kasih.

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 5 – Pindaan oleh Menteri:

Timbalan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Tuan Pengerusi, pindaan dalam jawatankuasa mencadangkan dengan memotong fasal 5 ini.

■1730

Fasal ini menyentuh mengenai peruntukan bagi kesalahan spesifik berhubung dengan penggunaan tidak wajar lambang kebangsaan dan bendera negara asing. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Fasal 5 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal-fasal 6 hingga 10 -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Padang Serai. Selepas Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Menteri ingin menjawab.

5.32 ptg.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada fasal 8. Fasal 8 sebenarnya telah disentuh semasa perbahasan, jadi saya hanya akan menyentuh secara ringkas sahaja iaitu fasal 8 mengenai *presumption* yang kita sebut tadi. Sekali lagi saya berhujah bahawa subseksyen 2 yang merujuk kepada *presumption* bukan sahaja mengenai menjadi ahli kepada *an organized criminal group* di bawah subseksyen (2)(a) tetapi juga subseksyen (2)(b) yang menyatakan bahawa jika seseorang dijumpai dengan apa-apa *scheduled weapon*, maka secara automatik *presumption* tersebut akan terpakai.

Ini adalah sesuatu yang memang tidak logik kerana apakah setiap orang yang dijumpai dengan apa-apa senjata di bawah Akta *Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958*, merupakan ahli kepada *organized criminal group* dan *presumption* ini adalah terlalu jauh daripada fakta *basic* yang menjadi *trigger* kepada *presumption*. Fakta *basic* perlu

mempunyai kaitan dengan *presumption* seperti yang terdapat di sini. Di sini fakta *basic* dan *presumption* adalah berbeza sama sekali.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Apa kena-mengena jumpanya suatu senjata dengan *presumption* bahawa individu itu adalah oleh itu seorang ahli kepada *organized criminal group*. Jadi ini adalah sesuatu yang saya harap Menteri dapat menimbang semula.

Klausa 9. Saya terus kepada klausa 9. Jika diperhatikan klausa 9, di bawah klausa sembilan seksyen 130Y, *whoever without reasonable excuse, consorts with a member of an organized criminal group shall be punished with imprisonment for a term of not less*. Di sini Tuan Pengerusi adalah isu definisi perkataan "*consorts*". Di dalam undang-undang jenayah, kita perlu ketepatan ataupun *precision* di dalam bahasa yang digunakan kerana penggunaan bahasa itu – selepas ini akan diinterpretasi oleh hakim dan kita tahu semasa perbicaraan, kesannya amat besar. Apakah makna setiap satu perkataan. Bagaimana perkataan baru ini iaitu "*consorts*" ini akan didefinisikan.

Saya sendiri tidak tahu apakah makna di dalam konteks perundangan jenayah, apakah makna *consorts with a member of an organized criminal group*?. "*Consorts*", maknanya tidak ada apa-apa kesalahan di sini yang dilakukan, tidak ada serangan ke atas sesiapa ataupun *arm robbery*, tikam menikam tidak ada apa-apa. Seolah-olah satu seksyen 130Y ini menjenayahkan, bergaul, perkataan di dalam bahasa Malaysia yang saya dapat fikirkan untuk menterjemahkan kerana tidak ada penterjemahan. Ia adalah bergaul.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Melepak.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Melepak, kata Yang Berhormat Batu. Bergaul adalah perkataan yang dekat sekali yang saya dapat ingat. Ini soal yang amat penting bagi Yang Berhormat Menteri.

Apakah kita akan menjenayahkan perbuatan bergaul? Adakah, dengan izin *consorting with the members of an organized criminal group* akan dijadikan satu jenayah? Saya rasa ini adalah satu arah baru ataupun lompatan baru di dalam sistem perundangan jenayah kita. Sebelum ini setahu saya perkara-perkara ini tidak pernah dijenayahkan. Adalah kerana apakah asas dan prinsip sistem jenayah kita? Kita mesti pastikan hukuman ataupun sesuatu perbuatan itu dijadikan jenayah, di mana perbuatan itu adalah benar-benar sesuatu yang melanggar undang-undang, benar-benar sesuatu yang menggugat keamanan, ketenteraman, benar-benar sesuatu yang boleh membawa padah ataupun kematian ataupun *injury* kepada rakyat yang lain. Itu adalah *essence* perbuatan jenayah.

Apakah ini pula sekarang dijadikan perbuatan jenayah? "*Consorts*", bergaul dan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu tadi. Apakah jika seseorang individu dijumpai di kedai kopi, di dalam satu meja minum teh tarik, bersama dengan lima lagi orang yang dikatakan adalah *members of an organized criminal group*? Adakah bermakna maka individu itu akan dituduh di

bawah seksyen ini dan didapati bersalah di bawah seksyen ini? Itu isu yang serius. Saya tidak pernah tengok *provision* ataupun peruntukan seperti ini yang begitu ekstrem...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Padang Serai, sedikit ya. Biasanya kalau kita dalam keadaan ini – kalau yang lebih tepat kalau seseorang itu *conspire* untuk melakukan sesuatu jenayah apabila dia bukan ahli. Kalau dia duduk dalam satu meja, apabila kumpulan jenayah ini sebut ingin rompak sebuah bank, dan orang itu sungguhpun bukan ahli tetapi telah beri nasihat atau pergi cara. Itu sepatutnya kita gunakan perkataan *conspire* bukan “*consorts*”. Kalau “*consorts*” kita boleh tanya seorang Ah Long. Macam mana saya boleh dapat balik duit saya? Itu pun *consorts* atau kita tanya seseorang itu, ahli keluarga kita yang mungkin melakukan jenayah tetapi tanya dia sesuatu yang tidak ada kena mengena dengan jenayah, itu juga disyaki. Sungguhpun kita kata kita tidak akan ekstrem seperti itu tetapi apabila kita letak di dalam undang-undang jenayah, ia memberi penguat kuasa, kuasa yang terlalu luas untuk melaksanakan. Ini akan menjadi satu *tendency* bagi seseorang pegawai polis bawahan ini, mungkin mereka akan *abuse* kuasa. Apakah pendapat Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Batu. Itu adalah satu *point* yang amat penting kerana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu sudah pun ada di dalam Kanun Keseksaan iaitu daripada seksyen 107, Bab V dan Bab VIA. Bab V, *abetment* dan Bab VIA *criminal conspiracy*. Ini bermakna dalam keadaan-keadaan seperti itu di mana ada individu yang berkonspirasi, yang bersama dengan *group*, *organized criminal group* dan melakukan jenayah, sudah ada peruntukan di bawah Kanun Keseksaan. Jenayah baru ini yang kita tidak pernah lihat di dalam sistem undang-undang jenayah kita. Ia menjenayahkan sesuatu perbuatan yang di bawah falsafah undang-undang jenayah kita dengan izin, *criminal jurisprudence* kita tidak wujud satu keadaan di mana perbuatan seperti ini boleh dijenayahkan.

Sebab itu saya kata ini adalah satu arah baru dan ia bukannya arah yang baik tetapi arah yang amat tidak baik. Ia membolehkan sesiapa sahaja. Saya rasa kalau ada Yang Berhormat Batu berjumpa dengan mungkin orang-orang di dalam kawasanya yang pernah ada pertalian dengan geng untuk cuba untuk membawa mereka ke arah baru, beliau pun mungkin ditangkap kerana duduk semeja dengan “*consorts*” *with a member of an organized criminal group*. Jadi untuk seksyen 130Y ini, saya harap bahawa Dewan yang mulia pada hari ini tidak membuat keputusan untuk membenarkan seksyen 130Y ini menjadi sebahagian daripada rang undang-undang ini.

■1740

Saya rasa jelas. Mengenai 130ZA menyatakan juga satu kesalahan baru yang telah dicipta untuk rang undang-undang ini. *Whoever participates in an organized criminal group, knowing or having reason to believe that is an organized criminal group or, knowing or having reason that reckless is to whether his participation in that group contributes to occurrence of any criminal activity, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years.* Sekali lagi Tuan Pengerusi, soalnya, apakah makna *participates* ini. Sekali lagi kita nampak satu kategori yang baru di mana kesalahan itu didefinisikan dengan begitu kabur.

Participates dari segi apa? *Participates* bermakna dalam bahasa Malaysia, mengambil bahagian. Itu adalah definisi paling dekat yang saya boleh fikir – mengambil bahagian. Sesiapa yang mengambil bahagian di dalam satu *organized criminal group* akan melakukan satu kesalahan di bawah 130ZA. Apakah juga kaitan 130ZA dengan 130V sebelum ini yang menjadikan kesalahan. 130V telah pun menjadi undang-undang, yang menyatakan bahawa menjadi ahli sebuah *organized criminal group* pun adalah kesalahan. Ini pula baru menyatakan, *whoever participates*. Satu itu menjadi ahli, yang ini mengambil bahagian. Apakah perbezaan antara perkataan mengambil bahagian, *participates* dan menjadi ahli, *being a member*. Seolah-olah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Padang Serai, mungkin saya boleh bantu. Kalau ikut bacaan dari surat yang dikatakan, yang nyata. Maksudnya, kalau kita kata *3 line* adalah satu kumpulan jenayah. Jadi ahli *3 line* iaitu kesalahan pertama. Akan tetapi kalau kumpulan *3 line* buat satu kenduri rumah terbuka di kawasan Selayang atau Batu, ramai orang-orang awam atau kawan-kawan mereka pergi makan kenduri bersama-sama ini, kalau ikut undang-undang ini, tafsiran saya ialah sesiapa yang pergi kenduri atau rumah terbuka *3 line* ini, mereka juga boleh disabitkan kesalahan. Ini saya agak satu jaring yang begitu besar, yang boleh pastikan tidak ada siapa-siapa pun yang ada kaitan sedikit pun dengan kumpulan ini terlepas daripada hukuman undang-undang.

Saya anggap kalau itu arah kerajaan pergi, tiada masalah. Negara kita bersih secara *total* daripada segala-gala unsur penjenayah. Akan tetapi kalau kita masih anggap kita ada sedikit ruang dalam negara kita sebagai sebuah negara yang demokratik, yang bebas, yang memberikan sedikit ruang kepada orang awam yang tidak semestinya tahu tentang ini, jadi fasal ini sangat merbahaya. Saya anggap ini mungkin membuatkan negara kita berdisiplin seperti negara China, Korea Utara yang sangat berkesan dari segi menghapuskan segala kumpulan yang bertentangan dengan tatatertib masyarakat. Terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Melihat kepada fasal ini dan seksyen 130ZA ini, yang saya dapat lihat adalah seolah-olah fasal ini digubal secara dengan tidak memikir secara mendalam apakah makna perkataan-perkataan yang digunakan dan adalah juga seolah-olah penggubal tidak melihat kepada Bab V dan Bab VIA. Semuanya telah *discover. Abatement*. Saya nak baca supaya jelas kepada Yang Berhormat Menteri. Seksyen 107 begitu jelas dan begitu boleh *cover* semua keadaan. Apa itu *abatement of a thing*? Seksyen 107 yang telah berada di dalam Kanun Keseksaan kita berpuluh tahun.

Dengan izin, *a person abates to doing of thing, who instigates any person to do that thing or who commands any person to do that thing, who engages with one or more other person to do that thing, who intentionally aids by any act illegal omission to doing of that thing*. Selepas itu seksyen 120A adalah definisi *criminal conspiracy* dan juga *punishment of criminal conspiracy*. Semuanya telah pun dimasukkan dalam Kanun Keseksaan dan semuanya adalah konsisten dengan apakah jenis-jenis perbuatan seorang individu yang boleh ditakrifkan sebagai satu perbuatan jenayah kerana ada *balance* dalam...

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Padang Serai, saya minta mencelah. Kalau kita melihat dalam fasal 130Z(a)(b) iaitu *knowing or having reason to believe that or be reckless*. *Reckless* itu bermakna seorang yang cuai. Bila seorang yang cuai atau maknanya mereka tidak ada niat. Kita semua tahu, daripada *first year law, criminal*, bahawa seorang melakukan jenayah hendaklah mengadakan *mens rea* dan perbuatan. Di mana ada *mens rea*, bila seorang yang cuai ini melakukan jenayah yang di mana prinsip-prinsip jenayah tidak diikuti. Setuju atau tidak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Konsep cuai ini ada berkaitan dengan isu senjata yang telah disebut oleh Padang Serai tadi. Petang ini saya baru dapat jawapan daripada Menteri Dalam Negeri yang mengatakan kehilangan senjata, 44 senjata yang telah hilang. Di antara sebab-sebab kehilangannya, oleh anggota polis. Satu ialah kereta dipecah semasa senjata api tertinggal dalam kereta. Dua, diragut atau disamun. Tiga, tercidir kerana ketika menjalankan tugas. Keempat, kehilangan dalam tandas. Kelima, kehilangan dalam pejabat. Ini pegawai polis kita. Saya tidak mahu memperlekehkan sebab mungkin manusia ini lakukan kesilapan tetapi saya rasa Menteri Dalam Negeri pun tak komited kata mereka ini lakukan kesalahan.

Akan tetapi saya agak kalau seseorang yang melaksanakan undang-undang boleh cuai dan kita ambil hati yang besar, mungkin dalam keadaan tertekan, pegawai polis ini tidak *up to standard*. Akan tetapi kalau kita tuntutan supaya orang awam ini tidak boleh lakukan kecuai, kecuai ini akan menjadikan mereka dipenjarakan dan kita tidak ada ruang untuk pegawai polis ini untuk melakukan kecuai. Jadi, saya anggap sekali lagi ini adalah satu *value* masyarakat yang sangat berbeza daripada satu yang saya hidup dalam dan saya agak kebanyakan kita hidup dalam masyarakat ini. Kita rasa Malaysia ini belum sedia untuk melangkah masuk dalam satu sistem yang begitu ketat dari segi disiplinnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap Seputeh. Dari tadi saya nampak Yang Berhormat minta penjelasan daripada Padang Serai tetapi belum saya panggil lagi, sudah berucap. Ini peraturan Yang Berhormat, 37(b). Sila Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih. Padang Serai, saya hanya lihat tentang fasal 9, 130X – *harboring member of an organized criminal group* dan juga 130Y – *consorting with an organized criminal group*. Jadi, semua ini akan dihukum penjara sehingga lima tahun dan juga denda. Tadi Yang Berhormat Batu sebut tentang *3 line*. Kita tahu Menteri Dalam Negeri, Bagan Datok, dia kata dalam satu majlis tertutup dalam kempen pemilihan UMNO itu dia kata *3 line* itu kawan dia. Jadi, adakah kenyataan seperti ini boleh diinterpretasikan sebagai *harboring member of an organized criminal group* dan *consorting with an organized criminal group* dan mungkin dia boleh didakwa ke mahkamah?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya, terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Saya jawab soalan dari Yang Berhormat Seputeh itu. Daripada pengalaman saya sebagai seorang peguam yang menjalankan kes jenayah, adalah pendapat saya bahawa memang Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah melakukan kesalahan, akan jika seksyen ini diluluskan, telah melakukan kesalahan di bawah 130X dan 130Y kerana itulah maknanya *consorts*.

■1750

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri jatuh sepenuhnya *squarely* di bawah perkataan *consort* di sini. Oleh sebab itu kita kata, apabila kerajaan dan pihak yang menggubal undang-undang mencipta kategori-kategori baru kesalahan yang kita tidak pernah dengar sebelum ini, impaknya adalah begitu luas seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Seputeh, tengok sehingga seluas begitu. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun boleh dianggap melakukan kesalahan di bawah 130Y.

Kembali kepada penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Selayang dan Yang Berhormat Batu tadi, di bawah 130ZA(b); "*or being reckless*". Memang di bawah perundangan jenayah menghukum seseorang atau bagi kesalahan jenayah ataupun mengkategorikan sesuatu perbuatan sebagai kegiatan jenayah di mana perkataannya adalah bahawa beliau *reckless* dalam melakukan perbuatan itu adalah sesuatu yang memang kita tidak dapat terima kecuali di dalam beberapa kes yang amat sempit. Umpamanya kes-kes trafik di mana *recklessness* dalam membawa kereta boleh membawa kepada saman dikeluarkan.

Di dalam perundangan jenayah adalah penting untuk pastikan bahawa pesalah itu mempunyai tujuan, motif ataupun *intention* apa yang disebut sebagai *mens rea* untuk melakukan sesuatu kesalahan dan menambah perkataan-perkataan seperti *reckless* dan sebagainya adalah satu ketidakadilan yang serius dan ia boleh membawa kepada integriti sistem perundangan jenayah kita akan digugat apabila kita pergi sehingga sejauh ini, jauh daripada apakah basis sistem perundangan jenayah kita.

Soalnya sistem perundangan jenayah kita bukan sesuatu yang timbul semalam untuk kita dengan secara sewenang-wenangnya hendak tukar sini, pindah sana boleh. Akan tetapi bukan pindaan yang begitu jauh daripada basis *backdrop* dan falsafah dalam sistem jenayah kita. Sistem perundangan jenayah kita timbul daripada sejarah yang lama. Ia adalah sesuatu yang menjadi sebahagian daripada sistem *common law* di mana kita adalah sebahagian daripada sistem *common law* dan kita juga telah menyumbang untuk membentuk *common law*. Ia timbul daripada fakta bahawa kita adalah sebahagian daripada negara-negara Komanwel di dunia.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Kalau kita lihat pada seksyen 9 ini khususnya 130X, 130Y dan 130Z. Kalau kita lihat kesalahan pada 130Y itu, *punishment* dia adalah melibatkan minimum *sentence* iaitu *not less than five years*. Sedangkan untuk 30X dengan 30Z, dia tidak melibatkan hukuman mandatori ataupun minimum *sentence*. Jadi setuju tidak dengan saya bahawa antara tiga-tiga ini sudah tentulah 130Y itu yang lebih darjah kesalahan itu, kalaulah masih dianggap satu kesalahan walaupun kita tidak setuju *consort*. Kalau kesalahan lebih ringan *degreenya*, kesalahan dia berat sedangkan *harboring* ini, melindungi ini dari segi undang-undang

lebih tinggi. Kalau kita dalam *Imigresen Act*, *harboring illegal immigrant* itu hukuman dia berat. Akan tetapi kesalahan *harboring* hukuman dia lebih ringan, kesalahan *consort* lebih berat. Saya tidak tahu apa rasional dia.

Saya hendak tambah yang keduanya, setuju tidak dengan saya apabila kita ada hukuman mandatori *sentence* ataupun hukuman minimum *sentence* ini seperti mana yang saya katakan tadi bahawa dia akan mengurangkan ataupun tidak menggalakkan supaya pesalah-pesalah ini mengaku salah. Ini kerana kalau mengaku salah pun dia tetap akan dikenakan hukuman minimum *sentence* itu. Jadi apabila kita perhatikan apabila orang tidak mengaku salah, bermakna kita telah mengurangkan *percentage* untuk kita dapatkan sabitan dalam jenayah. Sedangkan apabila kita benarkan perbicaraan ini, kemungkinan dia akan lepas sedangkan dia melakukan kesalahan tetapi lepas. Akan tetapi kalau kita hukuman yang tidak ada minimum *sentence* ini, kita boleh menggalakkan orang untuk mengaku salah dan kita boleh memastikan dia dihukum. Itu rasionalnya kenapa dalam hukuman-hukuman minimum *sentence* ini hanya dalam kes-kes yang begitu berat, yang *extremely*. Jadi ini saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Ya, sebab itu kita lihat bahawa cara rang undang-undang ini digubal adalah begitu tidak konsisten. Bukan sahaja dengan undang-undang lain, tetapi di dalam rang undang-undang sendiri. Memang satu soalan yang saya harap Yang Berhormat Menteri dapat jawab bagaimana 130X mempunyai hukuman yang lebih ringan daripada 130Y. Ini bukan sesuatu perkara yang boleh dipandang ringan kerana di dalam sistem perundangan jenayah, ia adalah sesuatu yang serius.

Individu-individu akan dituduh, mungkin didapati bersalah dan dipenjarakan dan memenjarakan seseorang itu adalah satu *step* ataupun satu tindakan yang amat berat. Kalau kita bercakap dengan hakim-hakim yang setiap hari terpaksa melakukan perkara ini iaitu memenjarakan orang mendapati seorang itu bersalah, mereka sentiasa memberitahu bahawa betapa susah untuk mereka menjatuhkan hukuman ataupun disabitkan kesalahan, tetapi mereka menjalankan juga tugas berlandaskan keterangan yang diberi.

Jadi ia bukan sesuatu perkara yang kita boleh memandang ringan. Saya kecewa melihat rang undang-undang ini, Kanun Keseksaan, jenayah definisi kesalahan dan sebagainya, cara penggubalannya begitu tergopoh dan begitu tidak konsisten di dalamnya dan juga kalau dibandingkan dengan undang-undang yang lain. Bagaimana kita hendak menjelaskan ketidakkonsistenan antara hukuman 130X dan 130Y.

Saya kembali kepada apa yang saya sebut tadi bahawa apabila kita membuat apa-apa perubahan kepada undang-undang, perlu diingati terutamanya apabila kita hendak cipta satu kategori seperti *consorting* sekarang satu kesalahan baru, *participating* sekarang adalah kesalahan baru. Seperti yang saya sebutkan, perlu diingati bahawa sistem perundangan sudah beratus tahun dan ada sebab mengapa ada kategori-kategori kesalahan yang telah pun diterima dan telah lama di dalam buku-buku undang-undang kita.

la *consistent* dengan kedudukan dalam Komanwel, kedudukan *common law* kita. Ia konsisten dengan kebijaksanaan dan apa yang dipelajari oleh sistem perundangan oleh hakim-hakim, oleh tulisan hakim-hakim, oleh sistem *precedent* di dalam negara kita dan sebagainya. Hakim terutamanya memang selalu takut apabila hendak membuat satu keputusan yang penting kerana apa-apa keputusan yang berhubung dengan definisi perkataan boleh mempunyai impak yang begitu besar. Untuk sewenang-wenangnya membawa kategori-kategori baru ini adalah sesuatu perkara yang saya rasa tidak wajar dan saya harap Dewan tidak membenarkan kedua-dua 130Y dan 130ZA dan sebagainya menjadi sebahagian daripada rang undang-undang ini.

Saya teruskan kepada 130ZC. 130ZC, kita lihat menyatakan bahawa *enhance penalties*, untuk meninggikan lagi penalti, “*Any organized criminal group or a member of an organized criminal group convicted of any serious offence under this code or under any written law shall be punished with imprisonment for a term of twice as long as the maximum term for which he would have been liable on conviction for that offence, and shall also liable to whipping*”. Ini bermakna perubahannya besar. Bukan *twice as long as the minimum*, tetapi *twice as long as the maximum sentence*. Sekali lagi isunya timbul bahawa adakah cara ini, mengadakan penalti yang sebegitu berat sebenarnya akan mencegah jenayah.

■1800

Akan tetapi, isu yang lebih besar adalah ini. Adakah peruntukan seperti ini menurut Perlembagaan Persekutuan? Ini kerana bolehkah kita apabila terdapat satu individu yang adalah sebahagian daripada *organized criminal group* melakukan satu kesalahan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Kesalahan yang sama ia dilakukan oleh pihak yang lain.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Tentang 130ZC ini kalau kita lihat ayat itu “*any organized criminal group or a member of an organized criminal group convicted of any serious offense, not only under this code or under any written law*”. Kalau kita tafsirkan *written law* ini, ia terlalu luas. Makna kalau dia ada terlibat dalam kesalahan trafik sekalipun, contohnya dia memandukah apa, dia juga boleh dikenakan hukuman sehingga ke *twice*. Bukan sahaja *under this code*.

Maknanya, *written law* itu terlalu umum. Setuju tidak dengan saya bahawa akta ini telah menjadikan kesalahan-kesalahan lain pun yang dalam *written law* itu, yang tidak mungkin ada kena mengena dengan *organized crime* pun akan- oleh kerana yang mana boleh kita katakan *the amendment* ini, maknanya ada **full of reach**. Maknanya ia dibuat dalam keadaan terlalu marah sangat. *It's an angry reaction*. Bukan kerana satu kajian yang menyeluruh, dengan tenang. Adakah setuju dengan saya? Terima kasih.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Satu reaksi yang emosi. Itu yang kita lihat daripada undang-undang ini. Kembali kepada

apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang “*any serious offense under this code or under any written law.*” Bermakna jika seorang individu yang didapati sebahagian daripada *organized criminal group* melakukan kesalahan itu, dan seorang lagi individu yang bukan sebahagian daripada *organized criminal group* melakukan kesalahan itu, hukumannya jelas menurut 130ZC ini adalah berbeza.

Tuan Pengerusi, ini adalah jelas bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Penggubal undang-undang dan juga pihak kerajaan patut tahu, masih ada sesuatu fasal 8 Perlembagaan Persekutuan – *equality before the law*. Tidak boleh di dalam kesalahan yang sama, pesalah bagi kesalahan yang sama, tetapi hukuman jauh berbeza, di mana satu *group* pesalah itu dikeluarkan dan diberikan hukuman yang amat berbeza daripada *group* yang lain.

Jika argumen digunakan bahawa ini adalah perlu kerana *organized criminal crime* telah menjadi masalah besar dan sebagainya, ia masih tidak logik kerana kalau kita lihat fasal 10, kes-kes yang melibatkan *organized criminal group* ini, telah dilebih beratkan daripada kes yang serius seperti kes bunuh. Itu jelas daripada fasal selepas ini iaitu fasal 10.

Oleh sebab itu, apabila kita menggubal apa-apa undang-undang mesti mengambil kira fasal 8 Perlembagaan Persekutuan dan juga peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Adakah kita pada hari ini akan meluluskan undang-undang seperti ini yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan? Saya teruskan kepada fasal 10. Fasal 10 saya telah menyentuh semasa perbahasan dasar, jadi saya tidak akan membincangkannya secara panjang lebar.

Akan tetapi, saya hanya ingin merujuk bagi pengetahuan seksyen 176. Seksyen 176 menjadikan kesalahan jika tidak memberi maklumat “*Jika seorang penjawat awam ataupun jika seseorang yang sepatutnya memberi maklumat kepada penjawat awam gagal memberi maklumat tersebut*”. Di sini kita lihat *distinction* yang diberi. *Distinction* nya di mana jika kesalahan di bawah *Chapter VIB*, iaitu *organized crime* sekali lagi, *punishment* nya ataupun hukumannya sehingga ke tujuh tahun. Akan tetapi, untuk kes-kes semua yang lain, *punishment*nya hanya adalah sehingga satu bulan ataupun RM1,000 ataupun enam bulan di dalam kes-kes yang lain.

Ini bermakna jika seorang di dalam kes bunuh jika tidak memberi maklumat itu, *punishment*nya maksimum enam bulan. Akan tetapi, di dalam *organized crime, Chapter VIB* sehingga tujuh tahun. Apakah logiknya dan bukankah ini sekali lagi saya bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, bukankah ini sekali lagi bercanggah dengan fasal 8 Perlembagaan Persekutuan? Ini mengambil apa yang saya baru sebut mengenai fasal 10. Apabila kita membanding dengan apa yang dinyatakan juga di dalam fasal 9 dan hujah-hujah yang telah dibuat oleh saya dan rakan-rakan tadi, ia menunjukkan bahawa rang undang-undang ini benar-benar memerlukan dengan izin, *a serious rethink*.

Tidak boleh ada lagi ketidakkonsistenan ini dan hanya satu cara sahaja. Beberapa daripada fasal ini perlu ditarik balik sepenuhnya dan yang lain perlu dipinda. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, selepas ini Yang Berhormat Menteri jawab ya. Pendek sahaja ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih. Saya tidak akan panjang lebar. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya ruang sedikit untuk mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat jawatankuasa ini. Saya akan tumpu khususnya pada fasal 9 dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Serai, sebab telah menerangkan satu perkara yang cukup penting, dan memberi penjelasan yang cukup jelas. Ini kita nampak satu contoh di mana Peguam Negaralah ya ataupun sesiapa yang menulis, mendrafkan peruntukan-peruntukan baru ini belum buat penelitian yang cukup halus dengan kandungannya, dengan maksudnya dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin rujuk khususnya pada – kita boleh lihat perbezaan di antara sebagai contoh bila kita bandingkan kesalahan baru 130X dan 130Z. Di sini kita boleh nampak kesalahan itu dengan lebih jelas. Kesalahan di 130X sebagai contoh dengan izin, *“whoever harbours, or prevents, hinders or interferes with the arrest.”* So satu adalah *“whoever harbours a member”*, *harboring* itu maksudnya kita tahu bila kita *harbour a member of an organized criminal group*, itu satu kesalahan dan hukumannya sampai lima tahun, mungkin dengan denda.

Prevent hinders or interferes with arrest – itu pun jelas. Itu pun nampak cukup serius, denda atau hukuman yang sama. Saya alih sekarang kepada 130Z. Di sana pun kita nampak dengan izin, *“whoever knowingly recruits, or agrees to recruit another person to be a member of an organized criminal group.”* Di sini hukuman adalah 10 tahun. Akan tetapi, ini bezanya dan memang saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan ambil kira ini dan inilah contoh, satu alasan sebab kita tadi cadangkan ini perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan untuk dihalusi.

Kalau kita banding 130Y, di sini yang kita nampak perkataan macam *‘consorts’* tidak ada maksud yang jelas. Apa maksud itu? Malah perkataan yang digunakan di sini cukup luas *“whoever without reasonable excuse, consorts with a member.”* Tidak perlu kita duduk dengan lima, 10 orang. Duduk dengan seorang pun cukup. Seorang sahaja. Saya rasa mungkin ada antara beberapa dalam Dewan mulia ini pun ada pengalaman. Mungkin Yang Berhormat Tapah boleh bantu, Yang Berhormat Bintulu boleh bantu.

Ada kalanya ini saya sendiri pun ada. Saya ada seorang pemuda yang mati di dalam kawasan saya. Saya dijemput pergi ke upacara pengebumian. Saya hadir. Masa itu saya nampak ada tanda-tanda penglibatan dalam satu geng yang terlibat dalam jenayah. Adakah itu bermaksud kehadiran saya dalam upacara itu bermaksud saya sudah *‘consorts’* dengan *a member of organized criminal group*? Itu satu contoh. Saya berhenti di sini dan memberi ruang dengan izin Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah habis? Sudah habis?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Belum habis. Dia mencelah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hanya minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Subang. Kalau kita lihat Yang Berhormat Subang, 130Y itu di banding dengan 130Z, perkataan '*knowing*' itu tidak ada.

■1810

Bermakna kalau sesiapa yang *consorts with a member* dalam keadaan dia tidak tahu mungkin orang itu adalah *member of organized criminal group*. Dia mungkin tidak tahu. Macam mana hendak tahu, dalam keadaan dia tetapi dilihat bersama ataupun bersembang dan ditangkap. Jadi perkataan "*knowing*" ini pun tidak ada. Jadi kalau kita tengok 130Y ini kesalahan dia terlalu *strict* dan juga hukuman pula lebih berat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Ya, saya setuju, itu yang saya dan Yang Berhormat Padang Serai bangkitkan sebagai masalah dengan peruntukan ini. Kalau ada perkataan yang lebih kuat, "*knowingly*" itu akan bantu tetapi punca masalah ialah perkataan yang cukup kabur, tidak jelas sebagai perkataan *consorts*. Apa maksudnya?

Sebagai contoh Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat Menteri pun boleh bawa kepada penasihat di sana, saya dijemput kepada satu majlis kenduri. Saya duduk di satu meja dan tanpa pengetahuan saya ataupun ada seorang yang *a member of an organized criminal groups*. So, dengan secara automatik kesalahan sudah berlaku. Saya boleh dituduh dan selepas itu beban adalah terhadap saya walaupun seorang wakil rakyat atau orang lain pun ada dalam keadaan yang sama untuk buktikan saya ada *reasonable excuse* atau alasan munasabah.

Ini yang bahaya dalam *drafting* macam ini dan saya bandingkan 130X, 130Z adalah peruntukan yang jelas, ini bezanya. Ini yang kita harap difahami oleh Yang Berhormat Menteri dan juga penasihat beliau supaya peruntukan-peruntukan macam ini dibetulkan dalam peringkat ini atau tarik balik sementara, bukan kata tarik balik semua dan lebih baik kita balik kepada pangkal dan pergi kepada Jawatankuasa Pilihan.

Satu lagi *point* yang telah disebut tadi oleh Yang Berhormat Sepang ialah tidak logik dengan hukumannya. Kalau saya halang tangkapan seorang ahli kumpulan jenayah, saya halang 130X, *I stop, I interfere, I prevent arrest* itu, hukuman yang berat dan yang maksimum lima tahun. Saya *harbour*, saya simpan dia dalam rumah, saya tahu dia penjenayah. Saya beri perlindungan, saya simpan dalam rumah, saya beri perlindungan daripada siasatan dan tangkapan daripada polis, maksimum lima tahun.

Saya dijemput datang ke kenduri kahwin dan dia duduk bersama saya, saya boleh dihukum sampai 20 tahun. Apa logik ini? Ini yang saya tidak faham. *[Ketawa]* Saya minta maaf ya. Saya langsung tidak faham. Inilah apa yang diperuntukkan. *This is the meaning*. Ini tidak perlu kita – perkataan yang cukup mudah untuk faham, Tuan Pengerusi.

So, ini yang sebab saya bila Yang Berhormat Padang Serai kata penulis peruntukan ini, *drafter* ini memang sudah buat kerja dia gopoh atau tergopoh. Kita tidak mahu memperlekehkan tetapi kita kena faham ini, *you must accept*. Ini memang *drafting* yang cukup *reckless* sendiri. So, dengan izin, *we have to do our job more professionally*, kita adalah penggubal undang-undang yang bertanggungjawab dan kita kena buat kerja kita secara betul.

Begitu juga dengan 130ZA, ini juga satu contoh peruntukan yang baru dan Yang Berhormat Padang Serai sudah berhujah yang pada pandangan saya cukup bernas bahawa ada kekaburan, *lack of clarity*, dengan izin. Apa maksud *participate*, tidak jelas dan adakah kalau *reckless*, kalau kita cuai sahaja dengan fakta itu, adakah itu cukup untuk satu kesalahan yang berat?

Jadi di sini kita nampak ada banyak isu yang sangat penting dan kalau kita tergesa-gesa meluluskan pada petang ini undang-undang yang penting, pindaan kepada *Penal Code* yang sudah ada berpuluh-puluh tahun. Ini bagi saya, akan memberi imej yang tidak baiklah kepada Dewan yang mulia ini dan ini patut dikaji semula. Peruntukan-peruntukan macam ini ditangguhkan kalau boleh dan dihalusi dengan lebih baik, dibawa balik dengan bentuk dan kandungan yang lebih baik dan secara lebih logik ya.

Akhir sekali saya pergi kepada 130ZC dan itu pun saya setuju. Bila kita hendak hukum, saya faham logik kita hendak hukum orang-orang yang membuat jenayah tetapi bukan secara individu, dia adalah anggota geng ataupun dalam satu pasukan yang melakukan jenayah terancang. Memang prinsip itu memang kita boleh terima tetapi kesalahan itu mesti ada berkaitan dengan aktiviti mereka sebagai satu *organize gang*. Mesti ada logik *connection* itu. Kalau dalam keadaan itu sebagai contoh, geng itu melakukan samun. Kalau seorang individu melakukan samun dan samun itu dilakukan secara geng, kita boleh katakan kita mahu hukuman lebih berat bila dilakukan secara jenayah tersusun, secara dalam satu pasukan. Itu secara logik boleh diterima.

Akan tetapi bila kita menggunakan perkataan macam dengan izin, "*convicted of any serious offence under this code or under any written law.*" *This code, Penal Code* ada berjenis-jenis kesalahan yang banyak daripada mereka tidak ada kaitan langsung dengan aktiviti yang kita nampak biasa dikaitkan dengan *organized crime*. Tidak ada *connection* langsung dan bila kita sebut "*or under written law*" itu memberi satu *net* yang lebih besar, jauh lebih besar. Tadi Yang Berhormat Sepang ada memberi contoh *Road Transport Act*. Itu satu contoh yang cukup baik, Tuan Pengerusi.

Saya bagi contoh seksyen 41, *when you cause dead by reckless driving*. Kita mungkin ada satu anggota geng telah melakukan jenayah, betul. Patut dihukum lebih berat tetapi kalau bila dia dalam satu *coincidence* yang tidak ada kaitan dengan aktiviti dalam geng itu, dia langgar satu orang, orang itu mati memang dia boleh disabit seksyen 41 tetapi sekarang akan dikenakan 20 tahun. Dari segi prinsip hukuman pun sudah lari. *It doesn't make sense*, dengan izin. Dari segi *justice*, dari segi mana-mana pandangan hak asasi kah, pandangan agama, tidak masuk akal.

Jadi di sini kita nampak tujuannya kita faham, tujuan peruntukan 130ZC kita faham tetapi cara dibuat di sini sudah lari jauh daripada apa tujuannya. Jadi, di sini sekali lagi kita tegaskan penulis peruntukan ini mungkin sudah buat kerjanya terlalu cepat, sudah tergojoh dan kita ada undang-undang macam ini yang mana logiknya sudah tidak boleh dipakai lagi.

Untuk membuktikan sekali lagi, ini *point* yang terakhir Tuan Pengerusi. Macam mana peruntukan sekarang sudah jadi terlalu luas dan saya berbalik kepada contoh yang dibangkit tadi oleh Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh beri satu contoh yang cukup baik yang

mana kita ada satu pengakuan terbuka, pengakuan awam oleh Yang Berhormat Bagan Datok dan ini dilaporkan secara luas.

Beliau berucap kepada kumpulan yang diakui sebagai anggota **3 Line** dan beberapa kali sudah. Ini saya petik daripada laporan ya, saya tidak tahu sama ada betul, kalau tidak betul kita harap Yang Berhormat Bagan Datok akan betulkan. Akan tetapi dalam laporan yang disiarkan luas, dalam ucapan beliau, beliau berkata banyak kali "*kita*", bermaksud dia dan anggota **3 Line** yang ada, itu adalah dalam satu kumpulan yang sama. Sama ada itu betul, itu lain cerita. Itulah yang dilaporkan tetapi pengakuan itu sudah cukuplah, kesalahan yang cukup besar di sini. Beliau sudah disahkan sebagai "*as belonging to an organized criminal group.*"

Adakah keadaan ini yang kita mahu dengan undang-undang yang macam ini? Inilah persoalannya, inilah undang-undang yang sekarang kita lulus. Hari ini kita lulus, dan esok laporan polis boleh dibuat dan harap disiasat dengan betul, dengan teliti bahawa pengakuan Yang Berhormat Bagan Datok sudah sangkut dia dalam kesalahan berat, kesalahan berat. Boleh Yang Berhormat Menteri? Itu yang saya minta penjelasan sebab itu yang kita akan lakukan *consorts* pun boleh dan tadi kita kata kita fokus kepada perkataan *consorts*.

Dalam pertemuan itu di mana kita ada rakaman, tidak boleh lari daripada hakikat itu Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bagan Datok dan kalau saya tidak silap Yang Berhormat Arau pun hadir. Boleh dikatakan sudah *consorts* dalam maksud bahasa Inggeris itu, *consorts* dengan orang-orang yang telah pun disahkan sebagai anggota...

■1820

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Subang, panjang sudah ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya, saya akhir. So inilah bahayanya. Saya harap bila kita gubal undang-undang pindaan macam ini kita mesti prihatin tentang bentuk perkataan, maksudnya, tujuannya dan sebagainya dan pastikan bahawa tujuannya memang kita terima sebagai murni, itu tidak dipertikaikan. Saya tidak mahu Yang Berhormat Menteri kata kita tidak sokong langsung, memang kita semua di sini prihatin tentang jenayah. Kita mahu mencegah jenayah, kita mahu melindungi mangsa, kita mahu hukum pesalah tetapi kita mesti buat dengan cara yang betul. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

6.20 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi fasal 8, 130V(2)(b) iaitu senjata terjadual *basic facts* yang terlalu jauh dengan *presumption* itu. Kalau kita rujuk *presumption* ini akan dibuktikan dengan memanggil keterangan saksi bagi membuktikan *primary facts* untuk mengaktifkan *presumption* tersebut.

Daripada segi *consorting* tadi yang '*consorts*' yang dicerita panjang oleh rakan kita. Sememangnya hasrat kerajaan untuk menjadikan pergaulan dengan kumpulan jenayah, kalau kenduri itu tidaklah pergaulan namanya Yang Berhormat. Sememangnya inilah hasrat kita untuk menjadikan pergaulan dengan kumpulan jenayah terancang sebagai satu kesalahan jenayah. Ini kerana perbuatan bergaul ini memberi sokongan dan galakan kepada kumpulan jenayah terancang. Kalau kenduri itu, jauhlah daripada apa yang dihasratkan untuk melakukan jenayah.

Mengenai 130ZA – *Participation in an organized criminal group*. Apakah makna '*participate*' di sini? Makna '*participate*' ialah mengambil bahagian yang akan dibuktikan melalui fakta kes yang perlu dibuktikan. 130X pula hukuman lebih ringan daripada 130Y kerana 130Y merupakan kesalahan yang lebih berat daripada 130X yang hanya melindungi ahli kumpulan terancang. Sedangkan bergaul menghampiri menjadi ahli kumpulan walaupun belum menjadi ahli. Bagi yang 130ZC pula, "...*twice as long as the maximum sentence*", dengan izin. Adakah peruntukan seperti ini menurut Perlembagaan Persekutuan? Hukuman boleh berbeza berdasarkan kategori penjenayah. Sebagai contohnya kanak-kanak, wanita, orang tua selagi ia berdasarkan *reasonable classification and intelligible differentiation*, ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang bangun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab tentang kenapakah 130Y ini, ia terlalu mudah sangat, *whoever consorts*, makna tidak ada langsung. Persoalannya, macam mana kita hendak tahu yang kita ini bergaul dengan orang yang *members*. Kalau ikut undang-undang ini, ia macam **set liability**. **Set liability** bermakna, kalau *you* bergaul sahaja, jadi satu kesalahan. Persoalannya ialah *how do we know?* Sudahlah begitu, sudahlah kesalahan itu mudah sangat, lepas itu hukumannya kenapa sampai ada minimum *sentence*?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey Yang Berhormat. Kita tadi sekarang ini dalam peringkat Jawatankuasa tetapi saya akan jawab fasal itu. Kalau lihat 130Y itu, "*Whoever without reasonable excuse*", itu yang perlu menjadi *keyword*nya Yang Berhormat. "*Consorts with a member of an organized criminal group shall be punished*". The keywords are "*Whoever without reasonable excuse*", itu yang jadi *keywords*nya. Okey terima kasih.

Seterusnya, "*Convicted of any non-serious offence under this code or under any written law*". Jawapannya ialah *enhance penalties for offences committed by an organized criminal group*, sememangnya dihasratkan sebegitu kerana hukuman di bawah 10 tahun di bawah Kanun Keseksaan dan mana-mana undang-undang bertulis banyak merangkumi kesalahan yang biasa dilakukan oleh kumpulan penjenayah terancang seperti mencuri di bawah Kanun Keseksaan dan judi di bawah undang-undang bertulis. Jadi, itu menjawab yang tadi. So, kita teruskan dengan ini Yang Berhormat. Terima kasih.

[Fasal-fasal 6 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 11 - Pindaan:**6.25 ptg.**

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya membawa pindaan ini kepada rang undang-undang iaitu untuk fasal 11 dibatalkan atas alasan-alasan seperti berikut.

Pertama sekali Tuan Pengerusi, jika diperhatikan seksyen 203A baru ini, cadangannya ialah untuk memasukkannya di bawah *Chapter XI* Kanun Keseksaan iaitu *False Evidence and Offences Against Public Justice*. Menteri ada menyebut bahawa ia adalah sebahagian daripada bab tersebut tetapi adalah jelas daripada kesalahan yang telah dinyatakan di dalam seksyen 203 bahawa ia tidak kena mengena langsung dengan kategori kesalahan-kesalahan yang telah diletakkan di bawah *Chapter XI* ini. Kesalahan-kesalahan di dalam *Chapter XI* adalah kesalahan yang benar, benar-benar kesalahan iaitu kalau kita lihat seksyen 203 di mana seksyen baru ini adalah seksyen 203A yang paling berkait rapat sekali adalah seksyen 203. Seksyen 203 menjenayahkan perbuatan memberi maklumat palsu mengenai sesuatu kesalahan yang dilakukan.

Umpamanya kalau seseorang itu mati di dalam lokap dan anggota polis tertinggi mengeluarkan kenyataan bahawa sebenarnya beliau hanya mati disebabkan kesalahan ataupun disebabkan sesak nafas. Itu adalah umpamanya memberi maklumat palsu mengenai sesuatu kesalahan. Adalah betul bahawa perkara-perkara seperti itu dijadikan satu jenayah. Akan tetapi seksyen 203A tidak melibatkan apa-apa maklumat mengenai apa-apa jenayah. Seksyen 203A menjadikan satu perbuatan jenayah atau mendedahkan apa-apa maklumat, tidak kira apa, semua maklumat, adalah dijadikan jenayah jika didedahkan di bawah seksyen 203A.

Jadi soalnya yang ingin saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kaitan di antara seksyen 203A dan seksyen 203? Langsung tidak ada kaitan. Jika kita lihat sifat kesalahan baru di bawah seksyen 203A, ia bertujuan untuk menjenayahkan pembebasan pendedahan apa-apa maklumat yang ada pada seorang penjawat awam atau sesiapa, 'whoever' perkataan digunakan atau sesiapa lain sahaja. Kesalahan baru ini langsung tidak kena mengena dengan *title Chapter XI* iaitu *False Evidence and Offences Against Public Justice* adalah seolah-olah seksyen 203 diambil dan diletakkan sahaja di sana kerana ia perlu diletakkan di suatu tempat. Oleh itu, penggubal dan kerajaan memilih untuk meletakkan di sini semata-mata kerana seksyen 203A berkaitan dengan maklumat dan seksyen 203 juga berkaitan dengan maklumat.

Ini adalah satu keputusan yang amat aneh pada pendapat saya. Maknanya, jika saya dapat ringkaskan, seksyen 203A baru ini adalah langsung tidak relevan kepada *Chapter XI*. Jika kita lihat pula sekarang seksyen 203A yang baru ini, "*Whoever discloses any information or matter which has been obtained by him in the performance off his duties or the exercise of his functions under any written law*". Kita pun tidak tahu apa bezanya. "*Performance of his duties or exercise of his functions under any written law*". Apa perbezaan antara "*Performance of his duties and exercise of his functions*"? Sebenarnya tidak ada perbezaan.

■1830

Ini menunjukkan sekali lagi cara undang-undang ini digubal iaitu tanpa mengambil kira apakah perkataan-perkataan di bawah undang-undang yang perlu. Ia seolah-olah digubal oleh seseorang yang langsung tidak mempunyai apa-apa pengalaman dalam pekerjaan menggubal undang-undang. Seolah-olah digubal oleh seorang *lay person* dan bukan oleh bahagian *drafting* Jabatan Peguam Negara. Kalau benar-benar Jabatan Peguam Negara bertanggungjawab bagi *drafting* seperti ini, saya rasa ini adalah sesuatu yang amat memalukan jabatan tersebut, *AG Chambers* yang pada suatu masa itu dihormati oleh semua pihak pada suatu masa dulu.

Kalau kita lihat kepada 203A(1) menyatakan bahawa jika *information* itu maklumat itu, seseorang yang mendapat maklumat itu daripada orang yang memberi maklumat di bawah subseksyen (1) mendedahkan pula maklumat itu kepada sesiapa orang lain, itu juga menjadi satu kesalahan di bawah (1). Ini bermakna, mana-mana orang awam yang mendedahkan atau *communicate* maklumat yang berkaitan dengan *public interest-public interest* maklumat, akan melakukan satu kesalahan di bawah (1). Jadi bukan sahaja orang yang mendedahkan tetapi semua anggota, orang awam, yang menerima, yang mendengar dan kemudiannya yang memberitahu sesiapa yang lain, kesemuanya akan melakukan satu kesalahan di bawah 203A(2).

Sekali lagi kita bertanyakan apakah motif di sebalik seksyen baru ini. *Now*, maklumat, apabila kita menjadikan maklumat itu, pendedahan maklumat itu jenayah, ia perlu dibuat secara yang amat cermat. Sebenarnya apa yang kita perlukan adalah *Freedom Information Act*. Kalau kita lihat kepada satu lagi akta lain yang kita ada yang menjadikan satu jenayah pendedahan maklumat, ia adalah *Official Secret Act 1972*. Seksyen 2 *Official Secret Act*, kita tengok bagaimana ia dibuat. Seksyen 2 *Official Secret Act* menyatakan, *Official Secret* adalah *any document specified in the schedule and any information material relating thereto*, dengan izin *and includes any other official document material as may be classified as top secret, secret, confidential, restricted, by the Minister, Menteri Besar, Chief Minister* dan sebagainya.

Maknanya dalam tahun 1972, apabila undang-undang digubal walaupun kita ada masalah dengan undang-undang ini juga, Parlimen memastikan bahawa kategori maklumat yang disekat itu ada proses untuk menentukan apakah maklumat yang disekat, ada pihak iaitu menteri ataupun menteri besar dan ketua menteri yang membuat keputusan itu dan juga ada juga proses untuk *declassify* maklumat tersebut di bawah seksyen 2C, Akta OSA tersebut.

Prosesnya adalah jelas dan di bawah OSA jelas bahawa kategori maklumat yang disekat itu adalah dengan izin *finite* adalah boleh diidentifikasi dengan tepat kerana kita boleh apakah yang telah *declassification* ataupun diiktiraf jatuh di bawah seksyen 2 Akta OSA. Sekarang kita balik, kalau kita buat perbandingan misal kata. Dengan begitu jelas ia ditakrifkan. Akan tetapi di bawah seksyen 203 ini, *whoever*, siapa-siapa, begitu luas. *Discloses any information*. Bandingkan Tuan Pengerusi, kalau kita bandingkan *any information* dengan kategori-kategori yang sempit di bawah OSA itu kita boleh lihat dengan begitu jelas mengapa kita berhujah bahawa seksyen ini terlalu luas dan tidak boleh diterima? Kita boleh lihat. Saya kembali kepada perkataan '*any*' ini.

Any information bermakna, walaupun maklumat itu amat kecil, amat remeh, juga boleh dijenayahkan, juga menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 203A.

Tuan Pengerusi, apa yang diperlukan bukannya seksyen 203A yang baru ini tetapi *freedom of information* ataupun maklumat yang bebas diberi kepada semua rakyat. Kita khuatir Tuan Pengerusi, jika seksyen ini dibenarkan, ia akan membawa kesan yang amat buruk. Sekejap tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa tujuan seksyen ini adalah mengenai isu *organized crime* dan mereka yang melakukan kesalahan dan sebagainya. Akan tetapi Tuan Pengerusi, apabila hakim membuat keputusan atas kes sesiapa yang didakwa di bawah seksyen 203A ini, hakim akan membuat keputusan atas perkataan-perkataan interpretasi, perkataan-perkataan yang ada di dalam 203A.

Di bawah undang-undang, hakim tidak akan melihat ke dalam *Hansard* dan hakim tidak akan melihat kepada janji-janji yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri pada hari ini. Hakim terpaksa menurut. Dalam masa lima tahun, dua tahun, tiga tahun atau lima tahun, dalam setiap kes di bawah seksyen 203A, hakim akan interpretasi 203A sahaja. Bermakna apa? Bermakna, jika kerajaan atau pihak pendakwa atau sesiapa menyalahgunakan kuasa, mendakwa sesiapa, mendakwa Yang Berhormat Batu kerana mendedahkan jawapan yang dapat daripada Yang Berhormat Menteri di sidang media. Kalaulah itu berlaku ataupun sesiapa daripada masyarakat sivil ataupun pembangkang yang didakwa kerana memberikan, hakim hanya akan melihat 203A dan tidak akan ingat kepada janji yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa seksyen ini hanya akan digunakan di dalam kes *organized criminal group*.

Tuan Pengerusi, janji-janji seperti ini telah diberikan sebelum ini apabila ISA 1960 dibentangkan, janji yang sama dibuat oleh Tun Abdul Razak bahawa ia tidak akan digunakan terhadap mereka yang tidak sehaluan politik. Akan tetapi kita tahu, janji itu tidak diikuti. Sekarang janji baru. Apa yang kita tekankan di sini adalah di bawah sistem undang-undang kita, bukan janji yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri semasa berdebat atau berbahas di Dewan yang penting.

Apa yang penting itu seperti yang ditekankan oleh ramai rakan-rakan saya, adalah perkataan-perkataan yang digunakan di dalam seksyen 203A itu. Hanya perkataan-perkataan ini. Jadi kita di Dewan ini hanya perlu lihat kepada perkataan-perkataan ini dan tanya kepada diri kita soalan ini. Adakah seksyen ini boleh disalahgunakan untuk mendakwa sesiapa sahaja yang mendedahkan apa-apa maklumat? Boleh atau tidak membaca seksyen ini? Jawapannya, ya, ya, ya. Oleh itu, saya meminta kepada Dewan yang mulia ini supaya bersetuju kepada cadangan pindaan saya ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini pindaan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ya, pindaan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum buka.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak berbahas.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baru buka, hendak buka berbahas ini. Baru hendak sebut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Oh, okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sabar, sabar. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Tuan N. Surendran yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Okey, sila Yang Berhormat Beruas.

6.39 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan pindaan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Padang Serai. Saya menyokong hujah-hujah yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Padang Serai dan ingin menambah sedikit lagi berkenaan dengan pindaan yang dicadangkan iaitu agar fasal 11, menambah satu seksyen 203A *discloses information* ini dibatalkan atas alasan berikut.

Tuan Pengerusi, kita di sini adalah penggubal undang-undang dan setiap undang-undang yang digubal oleh kita di sini hendaklah jelas dan tidak mengelirukan.

■1840

Daripada cadangan pindaan dengan tambahan seksyen 203A ini, perkataan yang dinyatakan ini jelas tetapi tidak mencerminkan hasrat kerajaan. Dikatakan seksyen ini adalah untuk penjenayah-penjenayah atau kumpulan penjenayah-penjenayah. Daripada bacaan seksyen 203 ini yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi, bahawa *whoever, discloses any information of matter which has been obtained by him in the performance of his duties or the exercise of his functions or any written law shall be punished with fine and not more than one million ringgit or with imprisonment for a term which may extend to one year, or with both.*

Dengan hormatnya Tuan Pengerusi, kalau ditambahkan seksyen baru ini 203A ini, pada hemat saya kalau Perdana Menteri mengumumkan kepada rakyat keputusan dalam Kabinet beliau, beliau telah lakukan kesalahan di bawah seksyen ini kerana ada *information* ataupun perkara-perkara yang telah beliau tahu dalam perjalanannya, tugasnya sebagai Perdana Menteri. Kalau Menteri Dalam Negeri memberitahu rakyat bahawa ada militan Sulu yang sedang menyerang Sabah dan kita mesti berwaspada. Beliau pun telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 203 ini kerana ada informasi atau perkara yang telah mereka dapat daripada menjalankan tugas mereka dan mereka bongkar ataupun beritahu maklumat ini kepada orang ramai. Mereka pun telah melakukan kesalahan.

Pada hemat saya kalau kerajaan betul-betul hendak membanteras mereka yang saya katakan pengkhianat kepada agensi penguatkuasaan seperti polis yang memberi informasi kepada mereka yang menjalankan perniagaan haram ataupun *brothel* ataupun *illegal lottery* ataupun apa-apa lain perniagaan jenayah yang polis hendak menangkap kerana adanya pengkhianat dalam polis ataupun Jabatan Imigresen. Dengan maklumat yang diberikan bahawa pihak polis atau Jabatan Imigresen atau agensi penguat kuasa yang lain akan menjalankan satu penguatkuasaan,

mereka ini kalau memberikan informasi kepada penjenayah-penjenayah ini, kita harus menghukum mereka. Itu kita semua akan setuju. Akan tetapi dengan perkataan atau peruntukan dan juga dalam perkataan yang sedia ada ini memang semua pegawai kerajaan termasuk Menteri dan Perdana Menteri akan lakukan kesalahan jika kita membenarkan seksyen tambahan ini diluluskan.

Lagi satu aspek yang ingin saya nyatakan bahawa dalam menggubal undang-undang, tidak haruslah kita membuat satu hukuman yang begitu tinggi hinggalah RM1 juta. Katakanlah ada pegawai kerajaan yang mengkhianati pihak polis ataupun Jabatan Imigresen atau agensi penguat kuasa yang lain, kalau mereka didenda dikatakan sampai RM1 juta ini, biasanya mahkamah akan mendenda 10% hingga 20% untuk kesalahan pertama. Katakan RM200 ribu ini, orang ini tidak akan bayar, tidak mampu bayar dan mereka terpaksa dipenjarakan. Niat untuk mengenakan apa-apa hukuman ini ialah supaya adanya satu pilihan kalau boleh orang itu didenda dan dihukum untuk membayar denda itu yang kalau masuk penjara, orang kata *not worth it* seperti banyak lagi undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen di bawah Barisan Nasional seperti *Terriost Act*, kalau orang asing datang, tekong akan hukum RM1 juta, awak-awak satu orang, RM100 ribu.

Saya dapati daripada pengalaman saya, mereka semua sudah bayar kerana kata mereka lagi baik hidup di penjara Malaysia kerana ada makanan percuma daripada cuba mendapat wang yang banyak dari Indonesia untuk bayar semua denda-denda ini kerana ini melampaui kebolehan atau kemampuan mereka untuk membayar. Kalau dikatakan denda mereka ini RM10,000 atau RM20,000 agar mereka tidak datang ke perairan Malaysia untuk menangkap ikan lagi mungkin, mereka akan pertimbangkan untuk masuk penjara setahun atau bayar RM20,000. Mungkin mereka akan bayar RM20,000 dan kemudian balik ke negara Indonesia.

Maksud saya ialah...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Beruas, ringkaskan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kita tidak boleh sewenang-wenangnya menyatakan sesuatu jumlah hukuman yang terlalu tinggi hinggalah orang itu menjadi satu peruntukan yang sia-sia sahaja. Oleh yang demikian, saya memohon supaya - kerana implikasinya jelas bahawa semua pegawai kerajaan, Menteri dan Perdana Menteri akan melakukan kesalahan. Saya harap ini bukannya kerajaan haruslah fasal 11 untuk menambah seksyen 203A ini dibatalkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang. Sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hai, baik pula Yang Berhormat Tanjong Karang ini! Menang bertanding. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya bangun untuk menyokong apa yang dicadangkan oleh rakan saya iaitu daripada Yang Berhormat Padang Serai tentang seksyen 203A ini. Saya rasa

Seksyen 203A ini terlalu jelas iaitu saya hendak *quote* apa yang dikatakan oleh seorang peguam Perancis mengenai kes Batu Putih. Makna seksyen ini adalah apa yang dinyatakan itulah yang dimaksudkan, apa yang dimaksudkan, itulah yang dinyatakan. Makna *it's too obvious*, dengan izin.

Bagi saya seksyen ini pertamanya, seksyen yang menjadi *concern* kita adalah kerana perkataan-perkataan yang digunakan di situ menunjukkan satu yang bersifat terlalu umum. Kita boleh menerima kalau sekiranya benar seksyen 203A ini dikaitkan dengan seksyen 203 tetapi seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi bahawa memang jelas tidak ada, dengan izin *nexus* itu. Sebagai contoh kalau ada perkataan contohnya, *whoever discloses any information of matter for the purpose of existing criminal activity*, sebagai contoh.

Jadi kita boleh *qualified*, kita boleh mengatakan bahawa dia tidak seperti mana yang dibincangkan. Akan tetapi bila mengatakan *whoever discloses any information or matter which has been obtained by him in the performance of his duties or the exercise of his functions*. Walaupun nampak seksyen 203A ini sebenarnya kalau kita bahagikan dia ada empat *distinct offences*. Dalam seksyen 203A ini kalau kita baca betul-betul dia ada empat kesalahan. Pertamanya, *whoever discloses any information which has been obtained by him in the performance of his duties*, satu. *Whoever discloses any matter which just been obtained by him in the performance of his duties*, dua. *Whoever discloses any information which has been obtained by him in the exercise of his functions under any written law*, tiga. *Whoever discloses any matter which has been obtained by him in the exercise of his functions under any written law*, empat.

Makna dalam satu kesalahan ini, dia ada empat *distinct offences*. Itulah yang berlaku semasa seksyen 27, Akta Polis. Bila diputuskan oleh mahkamah, walaupun ayatnya ringkas tetapi mahkamah mengatakan seksyen 27 itu ada 15 *distinct offences*. Jadi, sebab itulah bila kesalahan ini tidak dikaitkan dengan tujuan kenapa diadakan seksyen ini, kita merasakan bahawa kerajaan tidak harus boleh menyalahkan kalau sekiranya orang beranggapan bahawa dia boleh disalahgunakan. Sebab apa? Bagi saya sama ada kerajaan menafikan atau tidak, rakyat akan melihat bahawa seksyen ini ada kaitan antaranya, seperti mana pendedahan yang dilakukan oleh Yang Berhormat Ampang, masa dahululah, masa kes NFC.

■1850

Jadi, kita mungkin boleh namakan *clause* ini *is a 'Rafizi clause' or we may also named it 'NFC clause' or 'Shahrizat clause' or 'Lembu clause'*. [Tepuk] *It is a 'Cow clause', because of* kita takut dengan pendedahan seperti mana dalam pendedahan NFC, *we have this law*. Ini tidak boleh hendak salahkan sebab inilah cara orang membaca, sebab ayat terlalu umum. Saya merasa hairan dalam keadaan kita ada *Official Secret Act*, Akta Rahsia Rasmi yang mana kita boleh terima dari segi idea mengadakan Akta Rahsia Rasmi ini secara umumnya kita boleh menerima. Mana-mana kerajaan pun perlu.

Mana-mana kerajaan, kita wajar mempunyai satu undang-undang untuk melindungi maklumat-maklumat sulit tetapi dengan syarat maklumat itu ialah betul-betul untuk menjaga antaranya *national security* iaitu keselamatan negara, *national sovereignty*, kedaulatan negara. Akan tetapi kalau disimpan maklumat semata-mata untuk melindungi keadilan, melindungi

rasuah, ini memang kita tidak boleh terima. Akan tetapi hakikatnya, kalau sekiranya kita takut tentang pendedahan-pendedahan maklumat ini, yang kita takut ialah maklumat-maklumat sulit. Itu pun telah diadakan satu undang-undang khas untuk melindungi mana-mana maklumat sulit. Akan tetapi dalam keadaan undang-undang ini Yang Berhormat Menteri, semasa saya banyak mengendalikan kes-kes yang melibatkan seksyen 27A, Akta Polis, banyak sangat saya membela.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, ringkaskan ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap. Saya hendak katakan, kami pernah berhujah di mahkamah. Kami bawa *Hansard* Parlimen *in order to*, dengan izin, untuk menunjukkan niat *law maker* ini, niat *legislator*, apa dia? Mahkamah kata, minta maaflah Sepang. Dia tidak kata Sepang lah. Minta maaflah. Kita berpandukan kepada ayat yang digunakan, perkataan yang digunakan. Jadi, *even Hansard* ini bukan satu *aid*, dengan izin, bukan satu bantuan untuk kita boleh gunakan untuk kita mentafsirkan undang-undang.

Jadi, sebab itu Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa tidak mungkin berlakunya salah guna kuasa. Itu juga janji yang kita dengar masa ISA dahulu. Janji, boleh kita taburkan seribu janji tetapi realitinya yang berlaku di luar sana nanti, yang ini yang akan menghantui kita, yang ini yang akan memburu semua orang. Jangan ingat mungkin sekarang kita rasa takkanlah orang hendak dakwa dalam kes contohnya, apabila Ahli Parlimen mendedahkan jawapan yang diberikan oleh Menteri, takkanlah hendak dakwa. Mungkin ya, mungkin sekarang takkanlah hendak dakwa. Akan tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu, dalam keadaan-keadaan yang mungkin kita tidak boleh bersifat dengan normal lagi, tidak boleh berfikir dengan rasional, kita boleh dakwa. Kalau tidak, kenapa Yang Berhormat Ampang ini boleh didakwa?

Maknanya, mesti ada sesuatu. Jadi, sebab itulah saya mengatakan dan masalahnya bukan sahaja orang yang mendedahkan. Orang yang *recipient*, orang yang menggunakan *information* itu juga boleh dikenakan tindakan. Sebab itulah kita minta supaya kerajaan seperti mana kerajaan boleh menarik balik fasal 5 dan juga fasal 33 dibatalkan. Saya rasa kalau pun mungkin seksyen-seksyen lain kerajaan merasakan perlu dikekalkan dengan membuat pindaan-pindaan misalnya tetapi saya merasakan seksyen 11 ini kena akuilah. *Be gracious enough, be gentlemen*. Mengakuilah memang *is* satu seksyen yang memang berbahaya, seksyen yang tidak pro kepada transparensi, seksyen yang, dengan izin, *criminalizing* sesuatu yang tidak, bukan jenayah.

Jadi, kalau kita kekalkan seksyen ini, silap-silap hari bulan, kalau kita bersungguh untuk hendak TPPA pun, kalau orang melihat ini, tidak ada mana-mana orang, pelabur yang berani hendak buat *transaction* dengan negara kita. Bayangkan kalau orang-orang ini, dia *disclose information*, dia pun akan dikenakan. Jadi, kita sebenarnya jangan ingat undang-undang kita buat ini hanya memberi kesan kepada kita rakyat tetapi juga memberi kesan kepada negara, kepada *investment* dan sebagainya. Sebab itulah saya dengan rendah dirilah minta supaya Yang Berhormat Menteri tarik balik. Saya menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Padang Serai. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

6.55 ptg.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dengar hujah-hujah daripada pembangkang, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang ini tidak baca Lord Denning punya *statement*. Lord Denning kata, apa juga hasrat Parlimen, takkan boleh ditafsir dekat mahkamah. Yang pergi bawa *Hansard* dekat mahkamah ini pasal apa? Dia pun tidak faham ini Lord Denning punya *statement*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ringkas sahaja sebab saya dengar hujah-hujah di pihak sana berpusing-pusing. Saya tengok mereka ini mentafsirkan undang-undang ini. *Lawyer*, sana *lawyer* tetapi mengapa tengok undang-undang ini terlalu sempit? Sama juga waktu kita dalam membincangkan Akta Pencegahan Jenayah. Seolah-olah bila ada Akta Pencegahan Jenayah ini, akta lain-lain sudah tidak pakai dah. Akta, kanun, CPC tidak pakai, lain-lain Akta Keterangan tidak pakai. Hanya tengok satu skop sahaja.

Sebab itu undang-undang kita banyak. Bila kita sebut pasal pembocoran rahsia, dia tengok yang ini sahaja. Tadi dia pun mengaku di sebelah sana ada *Official Secret Act*. Itu, Akta Rahsia Rasmi ini dikhususkan kepada golongan-golongan tertentu. Tadi yang kata Yang Berhormat Pandan didakwa. Dia kena bukan didakwa di bawah Akta Rahsia. Ada lagi Akta Harta Bank (BAFIA) ada pula lagi undang-undang yang menghalang orang-orang tertentu membocorkan rahsia.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Beruas bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Siapa?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Beruas sudah cakap, tidak apa lah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan sahaja. Satu soalan sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya dengan hormatnya lah Yang Berhormat Tanjong Karang, bukankah seksyen 203A ini yang hendak dicadangkan, merupakan satu kesalahan yang tersendiri. *Independent on its own*, daripada lain-lain undang-undang. Itu saya hendak dapat satu penjelasan. Kita hendak dapatkan satu gambaran yang jelas.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya belum masuk seksyen 203 dan saya bersetuju dengan ada separuh daripada hujah Yang Berhormat, saya bersetuju tadi. Saya akan *elaborate* lepas ini. Saya hanya hendak mukadimah sahaja Tuan Pengerusi. Daripada tafsiran-tafsiran yang dibuat ini saya tengok tertumpu sangatlah pemikiran dia, tertumpu di akta ini kerana undang-undang ini kadang-kadang ada kaitan dengan beberapa undang-undang yang lain.

Contohnya tadi, saya pun bila dengar tadi yang 130Z ini, dia tidak bacakah? *Whoever without reasonable excuse*. Jadi, saya malas hendak bangun sebab saya tengok *lawyer* sebelah sana ini tafsirannya terlalu sempitlah. Sebab itu Tuan Pengerusi, orang kata *lawyer* ini, 50% sahaja yang betul. Pemikiran *lawyer* ini 50% sahaja betul. Sebab itu ada peguam bela, peguam cara.

Yang Berhormat Padang Serai tadi kata ada hakim akan tafsir. Macam mana hakim boleh tafsir Yang Berhormat? Yang Berhormat *lawyer*. Bila pergi mahkamah, ada peguam bela, ada peguam cara. *Let the* peguam cara, *present case* dia, peguam bela pun ada *present case* dia, *court will makes decision*. Itu yang kita kena faham. Saya tidak tahu, Yang Berhormat ini cakap sebagai peguam bela kah, sebagai pendakwa kah? Jadi, kalau kita buat undang-undang ini terlalu *expressly stated*, esok Yang Berhormat nanti hendak makan pun susah. Kalau sudah semua *expressly stated*, sebagai peguam bela *you* hendak *interpret* macam mana? Jadi, bagi peluang *lawyers* macam Yang Berhormat Padang Serai cari makan, Yang Berhormat Subang boleh cari makan.

Jadi Yang Berhormat, saya hendak bagi *direct* pada 203 ini. Seksyen 203 ini saya ingat cukup jelas bahawa saya bersetuju dengan tadi Yang Berhormat Beruas. Saya ini ialah tersendiri. Yang Berhormat Beruas pun tadi dia ada cakap, dia juga bersetuju tadi kata kalau ada penguat kuasa, polis kah, imigresen, *whoever* pegawai penguat kuasa ini membocorkan rahsia. Saya percaya dan yakin akta ini untuk memerangi jenayah sebab itu di bawah Kanun Tatacara Jenayah. Jadi, bila untuk jenayah, mestilah mereka yang terlibat dalam menguatkuasakan untuk undang-undang jenayah.

Apa kena mengena Perdana Menteri dengan Menteri. Itu bukannya jenayah. Jangan kata Yang Berhormat Sepang ini, keluar dah? Yang Berhormat Sepang ini pun tidak berubah-ubah cara dia berfikir. Dia terlampau sempit, terlampau tengok sudut politik, memandang negatif kepada kerajaan. Saya yakin bahawa 203A ini khusus untuk jenayah. Kita kena terima fakta.

■1900

Dalam Parlimen, pembangkang kadang-kadang kompelin marah dengan polis bila polis buat *raid* ataupun buat *ambush*, buat serbuan, tengok-tengok sudah tutup sudah. CD haram hilang, pelacur pun sudah lari. Itu sebab di Selangor ini susah polis hendak ambil tindakan. Jadi sebab itu undang-undang ini kena ada kerana saya tahu selama ini undang-undang kalau kereta polis. Saya pernah jaga KDN sebab itu saya tahu. Kadang-kadang tauke ini dia ada dua *hand phone*. Satu *phone* khas untuk pemberi maklumat.

Dia kalau duduk di luar, dia lihat *phone* ini bunyi dia tahu *this one* sudah ada maklumat-maklumat tertentu sama ada diberi oleh pihak berkuasa ataupun orang-orang yang boleh tafsirkan di bawah seksyen 203A(2). Seksyen 203A(2) ini yang menjadi barua, yang menjadi tali barut. Kadang-kadang pihak penguat kuasa dia takut hendak bagi terus kepada pihak-pihak yang berkenaan, takut dapat dikesan dia bagi maklumat kepada tali barutnya, kepada barua dia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jadi sebab itu Tuan Pengerusi, saya amat bersetuju supaya seksyen ini mesti dikekalkan ini kerana kita hendak menghalang daripada mana-mana pihak berkuasa ataupun orang yang ada kaitan dengan mana-mana pihak berkuasa yang tahu maklumat mengenai untuk memerangi jenayah, hendak buat serbuankah ataupun apa-apa perkara yang sepatutnya tidak boleh diketahui oleh pihak yang akan dibuat serbuan sehinggakan saya pernah dimaklumkan oleh pihak polis, sebelum pihak polis hendak buat serbuan ini dia diam. Dia tidak boleh bagi tahu. Tidak boleh bagi tahu. *On the spot* dia *call* datang. *Hand phone* tidak boleh bawa. Itu pun kadang-kadang bocor juga. Dia boleh tahu juga. Jadi sebab itu, seksyen 203A ini saya bersetuju untuk dikekalkan. Kita kena tolak pandangan sempit yang dibawa oleh daripada Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan boleh? Penjelasan, penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, okey.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang. Memang kita semua setuju Kanun Keseksaan ini kita hendak banteras jenayah dan Kanun Keseksaan itu jugalah yang menentukan apakah perbuatan yang menjadi jenayah.

Jadi dengan adanya seksyen 203A ini yang mengatakan kalau kita *discloses any information or matter which a person has been obtained in performance of his duties and exercise of his functions* menjadi jenayah. Maksudnya kita tidak mahu Menteri dalam menjalankan tugas mendapat satu maklumat yang hendak diberitahu kepada rakyat itu menjadi kesalahan. Kita tidak mahu.

Oleh sebab itu perkataan di sini, *whoever discloses any information or matter which has been obtained in the performance of his duties of the exercise of his functions under any written law*. Kita pun tidak mahu semasa Perdana Menteri memberi maklumat tentang sesuatu yang dia semasa menjalankan tugas, beritahu rakyat itu pun jadi satu kesalahan. Kita tidak mahu. Oleh sebab itu maksud saya ini kita jangan adakan seksyen ini kerana seksyen ini menjadikan pemberi maklumat yang baik menjadi satu kesalahan. Itulah saya hendak dapat penjelasan kalau boleh kita setuju ini tidak baik kerana memberi maklumat kepada rakyat ini tidak jadi kesalahan. Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Tanjong Karang, isu yang sama. Boleh sambung sini sebelum jawab, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Yang Berhormat Tanjong Karang tadi berhujah bahawa pada pandangan Yang Berhormat ini adalah terhad ataupun tafsiran boleh dihadkan, pemakaian 203 ini boleh dihadkan kepada undang-undang jenayah. Maksudnya *Penal Code* yang kita pinda. akan tetapi pandangan saya, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang ialah bahawa perkataan dalam peruntukan ini dengan jelas menyebut dengan izin, *exercise of his functions under any written law*. So, perkataan di sini menunjukkan bahawa tidak terhad kepada *Penal Code*. Itu satulah.

Kedua, adalah saya gunakan contoh yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang sebab Yang Berhormat Tanjong Karang kata ini akan digunakan hanya dalam pemakaian *Penal*

Code. Saya bagi contoh, ini biasa berlaku dalam media di mana kita ada satu jenayah yang besar, pembunuhan satu orang muda dan kes-kes yang menarik publisiti besar. Apa yang berlaku ialah wartawan akan pergi terus kepada pegawai polis yang tinggi, mungkin Ketua Polis Negara, kadang-kadang CPO negeri-negeri tanya apakah kedudukan siasatan kes ini dan sekali-sekala dan ini adalah untuk kepentingan awam sebab orang awam pun hendak tahu. Mereka hendak tahu apakah tahap siasatan dan apakah perkembangan dalam kes dan apakah pencapaian yang polis akan anggap terjadi dalam beberapa masa. So bukan polis mendedahkan semua, dia mendedahkan apa yang dia anggap wajar untuk diketahui oleh awam dan itu wajar juga. Bagus juga sebab maklumat mesti disampaikan kepada *public*, kepada orang awam. Mereka kena tahu sedikit-sebanyak.

Akan tetapi selepas katakanlah diluluskan hari ini, lepas ini kita tanya diri sendiri. Kalau *you* adalah CPO Selangor ataupun Ketua Polis Negara, bila wartawan tanya tolong beritahu maklumat sedikit sebanyak tentang perkembangan dalam kes-kes ini, tolong beritahu. Dia tidak boleh lagi. Ini kerana bila dia beritahu inilah maklumat yang diperolehi dengan izin *which has been obtained in the performance of his duties or the exercise of his functions under any written law*, dia boleh dipenjarakan satu tahun. Mana-mana ini satu contoh sahaja. Dia tidak boleh cakap. Jawapannya dia perlu kata, minta maaf seksyen 203A sekarang melarang saya daripada memberitahu apa-apa.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat punya hujah Yang Berhormat boleh hujah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Itu bukan mencelah, itu bukan minta pandangan. Saya faham. Oleh sebab itu kadang-kadang Tuan Pengerusi, kita bercakap kita pun tidak faham apa kita cakap. Dia tidak boleh beza antara mencelah dengan berhujah. Itu pun tidak boleh beza. Kalau Yang Berhormat punya hujah itu nanti, bila saya bercakap nanti Yang Berhormat...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak apa, tidak apa. Jawab sekarang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat patut *direct* sahaja tanya saya mencelah. Boleh tidak kalau Ketua Polis Negara membuat *statement* itu cukuplah. Itu namanya mencelah, bukannya berhujah. Jadi isunya Tuan Pengerusi...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya bagi jawapan, saya bagi contoh supaya faham betul-betul. Sekarang *you* sudah faham, tolong bagi penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya faham. Yang Berhormat, kadang-kadang Yang Berhormat kena tahulah beza di antara mencelah dengan berhujah. Yang Berhormat tadi bukan mencelah, itu sudah berhujah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu sudah habis. Tolong jawab sekarang. Kita pergi terus kepada *point* saya. Jawab sekarang. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Pandai Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi cakap saya tidak bangun pun. Jadi ini kadang-kadang kita bercakap bergegar-

gegar, kita pun tidak tahu kadang-kadang yang kita cakap itu banyak yang tidak betul. Ini yang pembangkang amalkan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak tahu jawab, sudah, okey.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat pun sudah jawab tadi, Yang Berhormat sudah kata kalau dia sebagai Ketua Polis Negara...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kalau tidak ada jawapan tidak apalah. Kita tidak perlu macam ini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Sebagai pemimpin negara, dia ada kepentingan-kepentingan awam. Kalau Ketua Polis Negara itu pergi cakap, malam ini kami akan buat serbuan di rumah Yang Berhormat Subang di Subang. Itu besok pergi tangkap Ketua Polis Negara itu. Itu tidak bolehlah. Okey, lusa kita akan buat serbuan kerana kita dapat maklumat daripada Yang Berhormat Subang kerana Yang Berhormat Subang ini banyak sangat maklumat, kita akan arah Ketua Polis Selangor pergi buat serbuan di rumah pelacuran sekian-sekian. Tidak bolehlah. Tidak akan itu pun Yang Berhormat tidak boleh fikir. Masalah pembangkang ini terlampau sempit fikiran pembangkang ini. Takut sangat ini kenapa? Kalau kita menjadi tali barut ataupun *informer*, kita rasa takutlah. Saya tidak percaya yang sebelah sana Yang Berhormat Batukah pernah menjadi *informer*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, tidak contoh cukuplah. Saya tidak beritahu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit, sedikit. Saya hendak dapat penjelasan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nantilah, saya belum habis cakap lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Soalan, soalan, soalan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduk dahulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak apa, soalan, soalan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Mencilah? Tahu beza mencilah dengan berhujah?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Mencilah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, saya hendak tengok Yang Berhormat tahu tidak beza antara mencilah dengan berhujah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Mencilah. Saya hendak dapat pandangan tentang perkara yang sedikit bukan *clear cut* seperti tadi. Katalah serbuan yang dilakukan oleh seorang pegawai polis, ada wartawan yang kenal polis itu panggil kata kalau *you* hendak buat serbuan terhadap rumah pelacur, saya hendak datang untuk ambil gambar. Ada pegawai yang secara *innocent*, dia kata okey pukul tiga tengah malam kita akan buat. Wartawan boleh ikut. So, adakah perkara ini dianggap sebagai jenayah. Dia tidak ada niat melakukan jenayah...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Faham sudah, faham.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: .Tetapi ini hanya sebagai...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Faham, duduk. Faham sudah. Saya hendak tambah sedikit, kalau *reporter* tanya polis dia kata, "*Tuan saya dengar malam ini ada satu serbuan akan dibuat pukul 10 malam. Betulkah?*" "*Betul.*" Polis kata. Tidak salah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Salah!

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dengar dahulu, tidak salah. Akan tetapi kalau polis bagi tahu pukul 10 ini kami hendak serbuan di rumah Yang Berhormat Batu kerana dia banyak simpan banyak maklumat jenayah, kerana dia disyaki bersubahat. Itu polis salahlah.

■1910

Yang Berhormat faham atau tidak? Faham beza atau tidak? Maklumat-maklumat yang boleh menyebabkan operasi polis itu gagal. Itu maksudnya. Operasi gagal, serbuan gagal. Kalau setakat polis itu beritahu "*okey, malam ini kita akan ada operasi pukul 10 malam*". Okey, di mana? Rumah siapa? Ini Yang Berhormat kena faham. Sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak faham apa Yang Berhormat cakap. Yang Berhormat....

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh? Sedikit, sedikit.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Sikit lagi? Okeylah. Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu tidak faham masalahnya. Saya nyatakan Yang Berhormat setuju atau tidak dengan jawapan saya? Kalau kata polis itu beritahu, "*okey, reporter you boleh follow saya. Malam ini pukul 10 malam, you ikut saya. Kita tunggu di Balai Polis Brickfields*". Salah atau tidak salah? Cakap! Allah, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya cakap kalau... Boleh? Boleh celah ya. Saya setuju dari segi logiknya ada bezanya. Akan tetapi saya kluatir bila undang-undang diluluskan, hakim tidak dapat membezakan. Ini kerana undang-undangnya tidak jelas apa maksudnya dengan izin *harmful information, harmful reviewer and* dengan *non-harmful*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Faham, faham. Saya sudah faham.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: So kita takut ini dia tidak akan...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, masa ini. Masa. Saya sudah faham. Sekali lagi saya kata, kalau katalah kena tangkap, *reporter* ini katalah *reporter* ini beritahu – polis ini beritahu *reporter* malam ini pukul 10 malam kita akan buat serbuan. Yang Berhormat kata salah. Maka polis yang buat *statement* ini akan ditangkap. Nantilah dulu. Nanti dulu. Ini apa guna ada Yang Berhormat Padang Serai! Kalau Yang Berhormat Padang Serai tidak boleh bela, saya pun boleh bela. Tentulah tidak akan salah. Maksudnya ialah mana-mana maklumat yang boleh menggagalkan mana-mana serbuan, operasi polis, ini maksudnya Yang Berhormat. Janganlah fikir terlampau sempit. Tadi kita kata bahawa akta mengenai *disclosure of information* ini bukan ini sahaja. *Officer SKL* ada, *banking* ada. Kita kena tengoklah. Saya malas mahu *argue* sebab Yang Berhormat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kalau begitu...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Selepas ini Yang Berhormat cakap. Saya bukan apa, saya bukan Menteri. Saya boleh jawab. Saya pernah jaga keselamatan dalam negeri ini. Akan tetapi tidak mahu *waste* masa untuk Menteri untuk menjawab. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa saya menyokong penuh kerana inilah yang selama ini masalah yang dihadapi oleh pihak penguat kuasa sama ada imigresenkaah, poliskah, *whoever*lah. Bila mereka hendak buat operasi, operasi mereka gagal. Bila mereka hendak buat apa-apa juga aktiviti mencegah jenayah, mereka gagal.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: ...Kerana apa? Kerana ada tali barut, kerana ada orang memberikan maklumat. Sebab itu kita dikenakan denda yang tinggi. Tinggi. Ini kalau dia beri maklumat, seperti baru ini kita baca. Dadah misal kata, sekali polis kalau berjaya buat serbuan dadah, nilai dadah itu berjuta-juta. RM5 juta, RM10 juta.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau boleh...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Duduk dulu. Satu hari kita pergi buat serbuan dekat kilang dekat Kajang pada masa itu. Dengan kilang dadah kita dapat tangkap, kerana kita buat serbuan yang betul. Jadi kalau denda tidak lebih RM1 juta. Yang Berhormat tadi tafsir. Siapa yang tafsir kata mahal sangat. Yang Berhormat Beruas kata. Yang Berhormat baca, tidak lebih RM1 juta. Jadi kalau hasil serbuan itu boleh memberikan keuntungan yang lebih kepada kerajaan sampai berpuluh juta, bermakna kalau mana-mana pihak yang cuba mengkhianati sama polis, maka dia patut didenda dan hukumannya cukup munasabah untuk dikenakan tindakan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi Yang Berhormat, beginilah Yang Berhormat. Kita ini Kerajaan Barisan Nasional untuk melindungi rakyat dari jenayah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan, saya tidak bersetuju dengan pindaan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kalau nanti jenayah berleluasa, Yang Berhormat juga bising di dalam Parlimen ini. Yang Berhormat juga kata kerajaan gagal untuk menangani jenayah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Betul. Saya akan setuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang. Kalau kita pinda...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Jadi susahlah Yang Berhormat ini. Buat pun Yang Berhormat marah, tidak buat pun Yang Berhormat marah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kita pinda, jangan *whoever*. Pinda kepada kalau sesiapa yang agensi penguatkuasaan. Jangan guna perkataan "*whoever*".

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak *fair*. Dia maksudnya beginilah. Dia kata...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Whoever* ini termasuk semua orang. Saya bersetuju kalau tadi Yang Berhormat Tanjong Karang kata itu penguatkuasaan, saya akan setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, dengar Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak baca sampai habislah. *Whoever discloses any information or matter which has been obtained by him in the performance.* Bermakna orang yang ada kuasa. Bacalah sampai habis. You bacalah sampai habis ayat itu. Bukanlah *whoever* – kalau kata Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak ada kuasa untuk membuat serbuan. Sebab apa Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Ahli Parlimen pergi ceramah, Malam ini saya dapat maklumat bahawa polis akan membuat satu serbuan dekat sana. Yang Berhormat buat fitnah. Polis pun tidak ada dalam perancangan polis. Tidak salahlah Yang Berhormat. Ini kerana perkara itu tidak berlaku. *Whoever* yang ada *power*. Yang untuk menjalankan tugas. *It's the problem.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Menteri bagi maklumat. Salah atau tidak salah?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, dia tidak baca ayat itu sampai habis.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan, kalau menteri maklumat. Salah atau tidak salah? Saya mahu tanya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi contoh. Kalau kata Menteri Dalam Negeri beritahu. Malam ini polis akan membuat serbuan di satu-satu tempat kerana di situ kami percaya ada aktiviti-aktiviti seks. *Then* Menteri salah, tidak bolehlah. Akan tetapi kalau polis buat *statement*, misalnya polis kata kita akan lawan penjenayah 04. Kita akan buat serbuan pada sekian hari bulan, tetapi tidak bagi spesifik di mana tempatnya, bila dia hendak buat, tidak adalah salah. *Very simple.* Kemudian polis yang akan menguatkuasakan ini ialah polis. Jadi polis dia tahu...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sini kata *any information of matter*. Apa-apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yalah, betullah. *Any information that can lead to fail the operation of the policel*ah, Yang Berhormat. Ala, kalau dia kata Menteri cakap, kalau Menteri pergi bocor rahsia di dalam Kabinet, dia kena di bawah Akta Rahsia Rasmi Kerajaan, *Official Security Act*. Ada juga yang terus pergi Pandan yang kena tahan, Yang Berhormat Sepang kata kena kes NFC semua ini, lembu semua ini. Apa pula Akta Lembu? Dia melanggar Akta Bank. Mafia. Jadi apa Yang Berhormat hendak jadi hendak cakap merapu dalam Dewan ini? Cakap benda yang betul, pendek dan juga saya sudah bercakap panjang.

Niat kerajaan cukup baik untuk kita hendak memastikan bahawa segala apa juga perancangan dan operasi dibuat oleh pihak penguat kuasa, supaya tidak gagal dan tidak mahu mana-mana pihak yang ada kuasa atau yang tahu maklumat-maklumat apa yang polis hendak buat atau pihak berkuasa hendak buat, jangan dihebahkan kepada orang lain supaya kita dapat memerangi jenayah.

Sebab itu Tuan Pengerusi, saya menyokong supaya seksyen ini dikekalkan dan kita kena tolak hujah sempit yang dibuat oleh Yang Berhormat Padang Serai. *[Tepuk]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi. Saya bangun tadi, tetapi tadi peluang diberikan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak berbahas, Yang Berhormat?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Selepas Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab ya.

7.17 mlm.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih. Saya ada pandangan ringkas sahaja. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi ruang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dalam fasal 11 ini. Saya bangun untuk menyokong cadangan oleh Yang Berhormat Padang Serai untuk membatalkan fasal 11 dan menyokong penuh semua hujah yang beliau telah beritahu. Saya hanya ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa kalau kerajaan teruskan dengan fasal ini dan Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan ini, impak kepada imej negara agak besar. Imej kita sebagai satu negara yang progresif yang ingin maju pada tahun 2020 kepada satu negara yang *develop, first world* dan sebagainya, memang akan terjejas. Oleh sebab kita akan melihat sebagai mengambil langkah yang regresif, dengan izin. Kita undur dan kita pergi ke belakang dan sebaliknya bukan ke hadapan.

Sebab apa? Sebab retorik Perdana Menteri sendiri dengan ungkapan transformasi dan beberapa perkataan lain memberi gambaran beliau hendak membawa negara ini kepada satu era yang lebih terbuka, pengurusan pentadbiran negara yang telus, terbuka dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, spesifik kepada pindaan, Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini spesifik. Akan tetapi pindaan ini, Tuan Pengerusi, dengan jelas membawa maksud yang sebaliknya. Ini kerana ia membawa maksud bahawa kita ambil langkah untuk tutup semua ruang ataupun meletak halangan yang besar, dijalankan kepada, diarahkan kepada pengurusan yang lebih telus dan terbuka. Banyak negara yang progresif termasuk negara-negara yang tengah maju macam Malaysia, tengah menggubal undang-undang menjamin kebebasan maklumat seperti yang dibuat di negeri Selangor dan di negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat. Kalau kita baca senarai di *Wikipedia*, senaraikan semua negara-negara di dunia dengan kedudukan, dengan undang-undang kebebasan maklumat. Kedua-dua negeri ini disenaraikan dalam kategori Malaysia.

■1920

Kita patut buat yang serupa di peringkat pusat tetapi malangnya kita buat sebaliknya dengan penggubalan peruntukan ini. Jadi saya minta, saya merayulah kepada Yang Berhormat Menteri, kita kena faham inilah kesannya. Kesan peruntukan ini, fasal 11 ini jauh lebih besar daripada semua peruntukan yang lain. Daripada segi imej, imej kita bukan sahaja di negara ini, imej kita di seluruh dunia. Apabila orang lihat kita dah luluskan ini, Parlimen Malaysia dah luluskan undang-undang macam ini, di mana mana-mana pihak, mana-mana orang yang mendedahkan dan ingin mendedahkan maklumat atau perkara yang diambil dan didapati dalam pelaksanaan

tugas dia atau fungsi dia, tugas dia di bawah apa-apa undang-undang sekarang, sudah membuat satu perbuatan jenayah.

Peruntukan macam ini dengan izin, *does not belong to the modern world*. Ini adalah macam undang-undang kuno. Kita pergi balik, *we are going backward*. Jadi, apa-apa hasrat di sini untuk memberi perlindungan kepada maklumat-maklumat tertentu mungkin ada tetapi mesti spesifik, tidak dilihat dalam peruntukan yang di draf di sini, itu maksud saya. Kalau kita nak halang pendedahan maklumat oleh penguat kuasa yang tidak bertanggungjawab, yang menjejaskan nyawa, menjejaskan siasatan jenayah, itu lain dan kalau itulah hasratnya kita kena buat satu peruntukan yang jelas menangkap dan menghalang perbuatan itu dan bukan macam sekarang. Jadi, saya beri satu peringatanlah, ini dengan semangat konstruktif. Kalau ini diluluskan, imej kita, imej Parlimen ini dan imej negara kita akan terjejas, bukan di sini sahaja tetapi di seluruh dunia. Itu sahaja.

Saya merayu seperti yang dibuat untuk fasal 5 dan juga fasal 33 dan Yang Berhormat Menteri masih ada kuasa itu, tak perlu notis untuk usul. Boleh buat apa yang perlu, boleh bangun dan tarik balik fasal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

7.20 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Padang Serai telah mencadangkan agar fasal 11 dibatalkan. Kita di sini, di bawah seksyen 203A yang memperuntukkan berkenaan pendedahan maklumat dan ia merupakan satu kesalahan terhadap keadilan awam dan sememangnya wajar diletakkan di bawah *Chapter XI* ini selepas seksyen 203 di mana *Chapter XI* ini menyatakan ia adalah "*False evidence and offences against public justice*." Memang ianya memang sesuai dan wajar diletakkan di bawah *Chapter XI* selepas seksyen 203. Kerajaan mengambil maklum kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan pemakaian seksyen 203A ini. Walau bagaimanapun, seksyen ini mempunyai dengan izin, *safeguard* nya iaitu maklumat atau hal tersebut diperoleh dalam melaksanakan tugasnya atau menjalankan fungsinya di bawah undang-undang bertulis. Kerajaan merupakan kerajaan yang bertanggungjawab dan tindakan akan diambil berdasarkan fakta kes yang dikemukakan dan ia tidak akan disalahgunakan.

Jadi, kalau kita lihat seksyen 203A ini sebelum kita membuat sebarang keputusan untuk menuduh, kepastian akan dibuat bagi memastikan terdapatnya bukti yang cukup untuk melakukan pertuduhan di bawah seksyen 203A. Ia bukanlah pertuduhan yang dibuat sewenang-wenangnya tetapi menggunakan penilaian yang amat ketat iaitu *at maximum valuation* dengan izin. Jadi dengan itu, kita tidak dapat menerima pembatalan fasal 11 ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Padang Serai dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

Fasal-fasal 11 hingga 32 –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sesiapa lagi? Dua orang? Ya, Yang Berhormat Kuantan.

7.25 mlm.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan fasal 17, Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa perbahasan di sini berkenaan dengan seksyen baru 326A ini. Seksyen baru 326A ini sebenarnya ialah satu seksyen yang bagus kerana ianya melibatkan satu seksyen yang mengambil kira *punishment for causing hurt by spouse*. Maksudnya ia mengambil kira Akta Keganasan Rumah Tangga, dalam Akta Keganasan Rumah Tangga lebih daripada ini Tuan Pengerusi.

Walaupun disebut ada *psychological abuse, a force, hurt* dan sebagainya, semuanya ada disebut di dalam Kanun Keseksaan ini tetapi apabila disebut khas dalam seksyen baru 326A ini, ianya adalah semangat mengambil kira Akta Keganasan Rumah Tangga. Maka dengan itu haruslah kita mengambil semangat itu juga dan menjadikan seksyen baru ini konsisten dengan Akta Keganasan Rumah Tangga. Saya, *caucus* bersetuju untuk menarik balik pindaan yang dibentangkan sebelum ini atas nama Kuantan. Jadi, *caucus* bersetuju menarik balik dengan kefahaman bahawa akan dikaji semula tetapi apabila Menteri bertegas untuk meluluskan juga seksyen 326A yang akhirnya dia memberikan kita satu kesan di mana rang undang-undang ini mungkin diluluskan dan menjadi undang-undang yang tidak konsisten dengan Akta Keganasan Rumah Tangga.

Maka dengan itu Tuan Pengerusi, saya terpanggil sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab untuk membawa semula pindaan ini kerana sekiranya kita biarkan, maka ianya akan tidak konsisten sehingga kita *review* dan kita pinda semula. Tuan Pengerusi, sebanyak 54% daripada mangsa penderaan dalam rumah tangga, dalam keluarga bukan *spouse*. Anak, adik-beradik dan sebagainya. Jadi, bagaimana kita ambil *spouse* sahaja? Bagaimana kita nak tinggalkan yang lain? Maka dengan itu saya mencadangkan pindaan daripada seksyen baru ini, daripada berbunyi "*punishment for causing hurt...*"

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak boleh. Pada peringkat ini Yang Berhormat tak boleh cadangkan pindaan lagi.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Sebenarnya pindaan ini sudah di *table* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Akan tetapi Yang Berhormat sudah secara rasmi menarik semula. Oleh sebab itu ianya tidak termasuk dalam pindaan...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengingatkan Tuan Pengerusi, apabila saya menghantar e-mel kepada Setiausaha Dewan, Setiausaha Dewan minta saya hantar surat secara rasmi kepada Speaker tetapi saya tidak memasukkan surat tersebut. Hati

saya tidak sedap sebab saya ingin mendengar apa dia hasil daripadanya, saya tahu semua Ahli Parlimen di sini wanita, menyokong saya, cuma terikat dengan ini.

Tuan Pengerusi, *technically withdraw* ataupun penarikan itu tidak berlaku secara rasmi. Ianya berlaku secara verbal dan saya menghantar e-mel dan apabila Setiausaha Dewan menyuruh saya menghantar surat rasmi kepada Speaker, surat itu tidak sampai. Jadi dengan itu, saya *reconsider* saya punya *position* Tuan Pengerusi dan surat ini telah pun di *table* pada hari Jumaat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, secara rasminya Yang Berhormat telah pun menulis melalui e-mel kepada SUDR iaitu Setiausaha Dewan Rakyat dan surat tersebut telah pun diterima dan diambil tindakan. Oleh sebab itu Yang Berhormat, cadangan pindaan Yang Berhormat kemukakan itu ditarik balik. Walaupun ditarik balik, melalui surat yang ditulis melalui e-mel bertarikh 21 Oktober 2013, hari Isnin yang lalu.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Ya, betul tetapi pada ketika itu Setiausaha Dewan meminta saya menulis surat rasmi. Maksudnya dia tidak menerima surat secara e-mel.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dah cukuplah Yang Berhormat, sudah diterima.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: ...Dan Setiausaha Dewan bertanya sekali lagi sama ada saya akan tarik balik, Tuan Pengerusi.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah dengan peraturan mesyuarat? Ini berkaitan dengan poin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Apa dia Yang Berhormat?

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Kita ada peruntukan Peraturan Mesyuarat 57(2) juga. Boleh saya baca dengan izin.

■1930

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Peraturan Mesyuarat 57(2). Saya baca dalam versi bahasa Inggeris. Ini berkaitan dengan prosedur untuk buat pindaan. Biasa kita ikut ayat yang pertama iaitu "*At least one day notice of any proposed amendments shall be given*". Saya yakin itu telah dibuat oleh Yang Berhormat Kuantan. Kedua, kalau itu pun tidak dibuat, katakan ada Ahli Yang Berhormat yang tidak beri notis satu hari, ayat yang kedua pun ada di mana budi bicara ada, masih kuasa ada di Dewan ini untuk menerima macam sekarang Yang Berhormat Kuantan bercakap untuk hidupan. Saya *just* hendak habiskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar. Cukup Yang Berhormat. Saya sudah faham Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Just* fahamkan ayat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Pasal saya hendak mengatakan bahawa Yang Berhormat tidak tahu cerita sebenarnya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya ikut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuantan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dikemukakan sudah usul yang memenuhi perkara 57(2) oleh Yang Berhormat Kuantan tetapi pada hari Isnin melalui *email*, Yang Berhormat Kuantan menulis semula cadangan pindaan terhadap beberapa perkara dalam rang undang-undang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ia telah pun diterima oleh pihak Parlimen. Oleh sebab itu ...[*Disampuk*]

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [*Sambil menunjuk ke arah tempat Speaker*] Tuan Pengerusi di sini, bukan Tuan Pengerusi di sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Oleh sebab itu, pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuantan tidak diterima, ditarik dan tidak dibahaskan dalam rang undang-undang sekarang ini yang dibahaskan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya baik. Tuan Pengerusi sekarang bertindak atas asas bahawa usul itu ditarik balik. Oleh sebab itu saya rujuk kepada ayat yang kedua. Ayat yang kedua di 57(2) berbunyi macam ini, "*Any proposed amendments of which notice has not been given shall be handed to the Chairman in writing and shall not be moved unless the Chairman is satisfied that in the circumstances it was not practicable to give such notice*".

Maksud saya Tuan Pengerusi adalah, ada ruang di dalam peraturan mesyuarat untuk menerima, membincangkan pindaan walaupun tidak ada notis. Dalam keadaan sekarang, notis yang cukup panjang sudah diberi. Kita tahu isu sekarang ialah katakan kononnya adalah penarikan tetapi hak Ahli Yang Berhormat untuk meneruskan dengan itu masih ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia boleh berbahas. Sebab itu saya katakan boleh berbahas tetapi secara spesifik seperti yang kita lakukan dengan usul pindaan oleh Yang Berhormat Padang Serai tidak boleh dilakukan pada peringkat ini Yang Berhormat. Dia boleh berbahas.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *No*, sekarang dia berhasrat untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah Yang Berhormat. Keputusan saya Yang Berhormat, surat penarikan itu kita terima dan sebab itulah alasan itulah menyebabkan usul Yang Berhormat Kuantan itu tidak dibahaskan dalam pindaan ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya itu tidak dipertikaikan. Saya tidak pertikaikan melalui itu tetapi saya yang membangkitkan melalui 57, Yang Berhormat Kuantan ada hak untuk memohon untuk menghidupkan balik usul itu. Itu sahaja dan itu tidak boleh dinafikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya keputusan saya Yang Berhormat, usul itu tidak boleh dibahas sekarang ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akan tetapi atas alasan apa Tuan Pengerusi?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tidak mengapa Tuan Pengerusi, saya teruskan perbahasan tanpa usul pindaan. Saya teruskan perbahasan tanpa usul pindaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya ingin, *I would like* dengan izin, saya minta dengan izin, *to strike to the conscious of the* Menteri. Menteri harus rasa bertanggungjawab di atas perkara ini. Menteri tahu dan Menteri sedar bahawa akta ini kalau diluluskan, ia tidak konsisten dengan Akta Keganasan Rumah Tangga. Menteri tahu dan itu juga apa yang diketahui oleh *caucus*. Kita bersetuju kerana janji oleh Tan Sri Peguam Negara. Saya berbesar hati untuk bersetuju. Akan tetapi apabila saya rayu untuk tarik balik fasal ini, seksyen baru ini daripada Menteri, Menteri tidak mengambil tekad, semangat yang kita tunjukkan. Menteri terus mahu meluluskan rang undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, saya selaku Ahli Parlimen yang bertanggungjawab dan juga Ahli Parlimen wanita, saya rasa terpenggil untuk tidak terus menerima seksyen ini kerana kita tahu bahawa ia bercanggah, ia tidak konsisten, ia tidak meliputi apa yang diinginkan di dalam keganasan melibatkan wanita. Jadi Tuan Pengerusi, tidak mengapa kalau fasal pindaan, usul pindaan itu tidak boleh dibahaskan tetapi *the conscious* semangat itu, semangat kita hendak pinda ialah supaya kita membantu melindungi, membuat undang-undang yang melindungi wanita secara keseluruhan dan juga keluarga secara keseluruhan.

Jadi kalau kita kata pinda untuk *spouse*, beri penalti yang dua kali ganda maksimum tetapi kita lupa apabila bapa merogol ataupun mencedera dan mendera anaknya, kita tidak *cover*. Kita tidak bagi penalti dua kali ganda. Kenapa? Itu Tuan Pengerusi yang saya hendak bawa pada hari ini. Oleh sebab itu saya kata tadi, tarik balik dahulu sehingga kita bahas dan kita teliti betul-betul dan kita bawa satu rang undang-undang pindaan yang betul-betul boleh kita guna pakai.

Jadi dalam semangat itu, saya *withdraw* dalam semangat itu, saya bawa balik, saya pinta Menteri tarik balik dalam semangat itu dan saya bawa balik dalam semangat itu juga Tuan Pengerusi dan *I appeal to the conscious of all the Members of Parliament* di sini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas. Selepas Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Seputeh dan kemudian saya minta Menteri untuk menjawab.

7.35 mlm.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada fasal 17 dan juga fasal 18 yang ingin membuat pindaan kepada seksyen 326 dengan memasukkan seksyen 326A dan juga di bawah fasal 18 hendak memasukkan satu seksyen pindaan kepada seksyen 352 dengan memasukkan seksyen 352A. Di bawah Seksyen 326A yang dicadangkan, dikatakan "*Punishment for causing hurt by spouse*" dan di bawah seksyen 325A yang dicadangkan bertajuk "*Punishment for using criminal force by spouse*".

Tuan Pengerusi, memang perkataan seksyen 326A ini menggunakan "*causing hurt*" dan di bawah seksyen 352A itu menggunakan perkataan "*criminal force*". Akan tetapi memang kalau ada "*criminal force*" ini, memang akan menyebabkan *hurt* ataupun kecederaan. Cadangan di bawah seksyen 326A ini mencadangkan supaya hukuman dilipat-gandakan dua kali tetapi kalau kita baca

seksyen 325A ini, dengan izin *overlap*. Adakah kerajaan ingin menambah hukuman ke atas *spouse* ini sama ada isteri atau suami yang mencederakan pihak yang lain atau menggunakan kekerasan atas pihak yang lain? Apakah niat pindaan ini?

Bagi saya, ia bercanggah kerana seksyen 325A ini "*Punishment for using criminal force by spouse*" dinyatakan hukumannya hanya enam bulan dan boleh sampai RM2,000 atau kedua-duanya. Akan tetapi kalau kita baca seksyen 323, seksyen 324, seksyen 325, seksyen 326 yang juga merupakan *causing hurt* atau mencederakan orang biasa, ia tidak nyatakan secara spesifik antara suami dan isteri. Di bawah seksyen 323, hukumannya satu tahun atau hingga RM2,000 denda atau kedua-duanya. Begitu juga di bawah seksyen 324, tiga tahun *fine* ataupun denda dan juga boleh dirotan *whipping*. Seksyen 325, tujuh tahun *fine* dan juga seksyen 326A 20 tahun dan juga boleh disebat atau dirotan.

Tuan Pengerusi, di bawah semua seksyen 323, seksyen 324, seksyen 325, seksyen 326 ini, ia tidak kira suami isteri ataupun mana-mana manusia yang lain, kalau dicerderakan menjadi satu kesalahan. Akan tetapi nampaknya kerajaan mungkin ingin menghukum suami atau isteri yang mencederakan pihak yang lain dengan hukuman dua kali ganda tetapi pada masa yang sama, seksyen 325A ini pula mencadangkan satu hukuman yang begitu ringan. Jadi dalam kita seperti saya katakan, kita penggubal undang-undang. Kita kalau boleh, mesti membuat undang-undang yang sejelas-jelasnya supaya niat kita ini boleh disampaikan kepada mahkamah untuk diambil tindakan dan kalau ...

■1940

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin mencelah sedikit. Saya hendak pinjam ayat dari Yang Berhormat Kinabatangan semalam iaitu jelas dengan pembahasan bila kita sampai ke *detail* ini nampaknya kita tidak melaburkan terlalu banyak pemikiran dalam penulisan undang-undang ini. Itulah sebab saya ingin sokong kepada Yang Berhormat Kuantan bahawa kita harus fikir semula. Saya tidak faham apa tujuan kita hendak luluskan ini yang menjadikan pelaksanaan undang-undang ini lebih sulit kerana *inconsistency* yang bercanggahan ini. Adakah ini membantu kita untuk menghapuskan keganasan domestik atau ini seolah-olah kita hanya hendak luluskan undang-undang *for the sake of it?* So kita *appeal* supaya jangan kita tergesa-gesa luluskan undang-undang yang kemudian menjadikan penguat kuasa kita lagi susah dan keliru.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Tuan Pengerusi, saya katakan undang-undang kita mesti jelas supaya mahkamah boleh melaksanakannya tanpa keraguan. Dalam hal ini saya ingin ingatkan Dewan yang mulia ini bahawa dalam satu kes Teh Cheng Poh di mana beliau telah didakwa kerana dikatakan ada satu kesalahan senjata api. Mahkamah pada masa itu *Privy Council* telah membuat keputusan bahawa kalau ada lebih daripada satu undang-undang yang menetapkan hukuman untuk satu kesalahan, di dalam kes itu ia melibatkan senjata api, kita ada Akta Senjata Api, Akta Senjata Api (*Increased Penalties*) Act dan juga *Internal Security Act* (ISA). Dalam undang-undang ISA ini hukumannya adalah hukuman mati tetapi di bawah *Firearms Act* adalah lebih ringan.

Jadi dalam keadaan tersebut Mahkamah *Privy Council* telah meluluskan bahawa *the most specific provision shall prevail*, mesti dipilih di mana kerajaan tidak ada pilihan tetapi mesti memilih satu undang-undang untuk semua kes supaya tidak berlaku ketidakadilan yang melanggar perkara 8 dalam Perlembagaan kita di mana setiap rakyat Malaysia haruslah dilayan secara adil. Dalam kes itu kemudian Parlimen telah menggubal undang-undang untuk kita menukar undang-undang yang telah diputuskan oleh *Privy Council*. Maksud saya ini kita tidak mahu nanti mahkamah terpaksa membuat satu keputusan supaya kecederaan yang berlaku atau pun *criminal force* yang dilakukan mesti ditetapkan di bawah seksyen 352A.

Kalau ini berlaku ini bermaksud niat kita untuk menghukum pihak suami atau isteri yang mengganas atau mencederakan pihak yang lain ini menggagalkan niat kerajaan. Akan tetapi dalam hal ini bagi saya yang lebih penting daripada pengalaman sebagai seorang peguam ialah sikap pihak penguat kuasa terutamanya pihak polis. Sungguh pun dengan undang-undang yang sedia ada ini, di mana hukuman boleh sampai dalam seksyen 326; 20 tahun penjara dan sebatan, seksyen 325; tujuh tahun penjara, seksyen 324; tiga tahun dan denda atau sebatan. Saya nampak sering kali pihak polis memang saya faham masalah polis kerana ini hal keluarga. Polis biasanya lambat sangat. Kalau boleh mereka minta mangsa jenayah kekerasan suami, terutama suami biasanya, kadang-kadang isteri, ini diselesaikan. Mereka tidak mahu campur tangan tetapi kalau apa lagi kalau kita hendak lipat gandakan hukuman ini adakah isteri akan lagi diugut dengan kekejaman yang lebih serius daripada si suami itu?

Jadi bagi saya hukuman sedia ada sudah mencukupi. Apa yang penting ialah pelaksanaannya. Kalau kita melipatgandakan lagi penjara 20 tahun sampai 40 tahun ini mungkin suami akan didesak untuk membunuh isteri daripada cuba menyelesaikan masalah keluarga.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit lagi. Saya juga ingin sebut perkara ini. Kita harus lihat dalam masalah sosial. Jarang isteri, terutamanya isteri melaporkan suami bila denda atau hukumannya lebih berat. Ini adalah kerana bila terlalu berat mereka dalam keluarga ini akan rasa masalah ini akan jadi beban. Dia rasa *guilty*. Ini juga ada kesan terhadap menyelesaikan keganasan domestik. Ini kerana masalah isteri tidak lapor ini bukan kerana hukuman. Ada kalanya kerana apabila dia sudah dimasukkan ke penjara 10 tahun atau 20 tahun, isterinya keseorangan. Dia lagi teruk dalam kehidupannya. *So, dia rather to be suffering rather than reporting to make the husband go to jail.* Itu selalu berlaku. Jadi saya nampak kalau isu itu

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, isu ini telah dibawa Yang Berhormat Pengerang semalam Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, kalau betul kita harap dan kita sekali lagi rayu supaya kita tangguhkan..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, lagi pun Yang Berhormat Batu bukan ada isteri. Mana dia boleh cerita. Dia tidak ada pengalaman pun. *[Ketawa]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kinabatangan ada pengalaman pukul isterikah? Saya memang tidak ada pengalaman pukul siapa-siapa. So saya ingat ini yang kita harus...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Seputeh tidak boleh ceritalah. Tidak ada apa mahu cerita. *[Ketawa]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita tangguh untuk perbincangan yang lebih...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tolong habiskan Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya akhiri dengan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sebelum dia - saya minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Beruas. Sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Tadi kita sudah dengar daripada Yang Berhormat Kuantan tentang kerisauan beliau tentang peruntukan yang dicadangkan ini iaitu peruntukan ini tidak cukup meluas dan sekarang terhad kepada keganasan yang dilakukan di antara suami dan isteri sahaja. Seksyen-seksyen yang disebut itu amat terhad dan cadangan yang telah dibuat adalah untuk memperluaskan kesalahan ini seperti yang ditakrifkan di seksyen dua dengan izin, *Domestic Violence Act 1994*. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Beruas kalau boleh apakah masalah untuk Yang Berhormat Menteri membuat pindaan yang begitu senang sahaja? Kita luluskan dan kita boleh buat pada malam ini. Kita buat pindaan terus. Kita tukar sedikit perkataan itu dan kita dapat menyelesaikan masalah yang penting yang dibawa oleh Yang Berhormat Kuantan tadi. Itu pertama.

Keduanya ialah ini susulan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu. Memang ada kalanya kita nampak hukuman penjara ini tidak bagi manfaat yang sesuai dalam keganasan dalam keluarga ini. Apa yang sebenarnya diperlukan di banyak kes yang ada manfaat besar adalah apa yang dikatakan terapi pemulihan atau *rehabilitation therapy* iaitu apabila suami melakukan keganasan itu, kadang-kadang jauh lebih baik kita ada perintah mahkamah. Hukumannya bukan penjara atau pun denda. Kita tambahkan dengan perintahnya mesti pergi kepada terapi untuk pemulihan. Jadi dia tidak kurangkan keganasan yang dia lakukan dan berhentikan itu.

Jadi saya ingin cadangkan dan ingin tahu pendapat daripada Yang Berhormat Beruas, apakah susah untuk Yang Berhormat Menteri untuk tambahkan hukuman itu dalam peruntukan yang sedia ada? Minta penjelasan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya hendak akhiri dengan ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah kita hendak dengan izin, *reconcile* seksyen 326A dan seksyen 352A yang hendak dicadangkan? Bagi saya undang-undang yang sedia ada kalau dilaksanakan pun sudah memadai kerana di bawah seksyen 323, seksyen 324, seksyen 325 dan seksyen 326 ini dia tidak kira suami isteri atau sesiapa pun. Asalkan sesiapa pun kalau cederakan pihak yang lain mesti dihukum dan penaltinya memang sudah agak berat.

■1950

Kalau kita adakan pindaan dua-dua seksyen ini, ini akan menyebabkan satu kekeliruan dan kalau nanti saya takut sahaja, mahkamah akan memandangkan seksyen 232, seksyen 234 dan seksyen 235 dan seksyen 236 ini terpakai kepada semua orang. Ada kita kata peruntukkan spesifik untuk suami isteri, seksyen 352A ini akan terpakai. Kalau mengikut takrifan atau pun yang telah *Privy Council* berikan dalam kes Teh Cheng Poh tadi. Maksudnya, kalau ada spesifik *act for spouse, because section 323, section 324, section 325 and section 326 is general anybody*. Jadi akan tidak capailah kalau kena hukum lebih. Saya tidak tahu niat kerajaan. Akan tetapi masalah saya ialah bagaimana, *how do we reconcile this to section?* Kalau boleh dapat penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh.

7.52 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Batu yang rang undang-undang ini sebenarnya ia didraf dengan cara yang kurang masuk pemikiran yang mendalam. Ia hanya kerana hendak membantu Yang Berhormat Bagan Datok untuk dalam pemilihan *vice president*. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Di dalam UMNO itu, jadi semua ini masuk sekali. Jadi kita lihat *style* dia, *style* VC kita ialah..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini Yang Berhormat Seputeh, apa hal merepek ini?

Seorang Ahli: Sangkaan jahat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini bukan *Gangnam Style* tahu? Ini *gangster style*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita dalam jawatankuasa Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa yang dia mahu cepat-cepat masukkan sahaja. Oh! Kalau ada ramai penjenayah, kita tambahkan *punishment*, tambahkan hukuman terhadap dia, masuk penjara lebih tahun, Ops Cantas semua tangkap, itu sahaja. Itu cara menyelesaikan masalah jenayah dan juga sosial. Akan tetapi kalau kita lihat macam apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuantan dan juga Yang Berhormat Beruas dan yang lain tadi yang berkenaan dengan keganasan rumah tangga, Yang Berhormat Pengerang pun sebut tentang *rehabilitative counseling*.

Sebenarnya, kita ada *Parliament Select Committee* yang mana Timbalan Menteri Dalam Negeri juga salah seorang anggota yang banyak berucap dalam jawatankuasa itu. Kita sudah buat kajian menyeluruh tentang ini. Terdapat banyak perkara tentang- yang berkenaan dengan *rape* dan sebagainya, semua kita masuk *rehabilitative counseling*. Saya tidak pasti ada buat atau tidak buat. Begitu juga kalau kita hendak pinda apa-apa fasal berkenaan dengan *Penal Code* dengan berkenaan dengan keganasan rumah tangga, ia harus dimasukkan. Akan tetapi saya rasa kesallah

yang Menteri macam ini apa dia mahu secara melulu sahaja. Semua ini masuk, tambahkan hukuman, ini cara dia.

Sebenarnya saya masih ingat dalam perbincangan, ada salah satu perbincangan dalam *Parliament Select Committee* yang mengkaji *Penal Code* dan *Criminal Procedure Code*, sebenarnya ada satu perbincangan tentang- kalau kita tambahkan lagi hukuman terhadap *rape*, ada kemungkinan yang mangsa itu akan dirape and kill. Ini adalah satu kebimbangan dalam perbincangan yang dibangkitkan pada waktu itu. Salah satu perbincangan dan saya rasa yang ambil balik, patah balik semua apa yang telah kita pinda dalam *Parliament Select Committee* yang dahulu berkenaan dengan seksyen 376, seksyen 376B, seksyen 367C, 367CA dan sebagainya, iaitu masukkan semua *mandatory sentence*, ikat tangan hakim itu. Sebenarnya semua ini bercanggah dengan apa yang pernah dibincangkan secara mendalam selama dua tahun *Parliament Select Committee* itu.

Saya merasa kesal kerana kita memang ada anggota daripada Jabatan Peguam Negara menyertai perbincangan kita tetapi kedua-dua pegawai telah pun naik pangkatlah. Jadi sekarang siapa yang draf ini, pegawai-pegawai yang draf ini bersama dengan Menteri seperti ini dengan *style* pemikiran seperti ini, semua tambah-tambah hukuman saja. Jadi akhirnya, kita kena bina lebih penjara. Lepas itu kerajaan kena tanggung lebih kerana ramai orang masuk penjara. Mungkin di antara kita ini akan dimasukkan begitu senang, mudah sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong bangun, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya rasa ini bukan... Ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat daripada Seputeh. Saya terpanggil apabila Yang Berhormat Seputeh menyebut berkenaan dengan hukuman yang lebih berat yang dibawa di bawah seksyen 326A ini. Yang Berhormat juga menyatakan bahawa memang ada kemungkinan bahawa bill ini digubal secara tergesa-gesa di mana kita lihat bahawa perkataan digunakan di dalam seksyen tersebut itu memang perkataan-perkataan yang boleh membawa kerisauan atau pun *confusion* kepada mahkamah. Saya merujuk Yang Berhormat kepada seksyen tersebut, *we look at the section shelve*, Tuan Pengerusi.

Di mana di sebut, saya bangkitkan ini semalam. Saya bangkitkan ini semula untuk jawapan daripada Menteri, di mana jelas dinyatakan bahawa, "*Whoever, during the subsistence of a valid marriage, causes hurt to his spouse and commits an offence under the section there. Shall be punished with imprisonment for a term of twice as long*" la bukan *of twice as long as the term for which he would have been liable*. Perkataan digunakan di situ maksimum. *He shall be punished with imprisonment for a term of twice as long as the maximum term for which he would have been liable on conviction for that offence under the relevant section*. Ini bermaksud bahawa mahkamah apabila membuat satu carian, satu sabitan di bawah seksyen ini, adakah mahkamah itu terpaksa mengeluarkan hukuman maksimum, *twice as much as the maximum as the offence under 326*.

Jadi kalau di bawah seksyen 326 misalnya, *it is twenty years or as ammended thirty years*. Maka, *the court has got no discussion. It must give twice as much as not the term but the maximum term provided for under that section*. So, adakah kemungkinan bahawa itu juga menjadi satu kesilapan yang akan mengikat mahkamah dalam kes-kes keganasan domestik? Ini kerana kita tidak mahu lihat keadaan di mana untuk kesalahan domestik, suami atau isteri sebut itu dimasukkan untuk 60 tahun. Saya rasa habislah perkahwinan itu. So perkataan yang digunakan di situ, *it's not the term but it's the maximum term*.

Adakah ini menjadi satu isu yang harus diperlihatkan semula oleh Menteri untuk kebaikan semua kita di sini dan juga untuk mahkamah apabila mereka melihat kepada seksyen ini dan adakah perlu untuk seksyen ini di pertimbangkan semula sebelum diluluskan oleh kami semua pada malam ini? Sila beri pandangan Yang Berhormat Seputeh. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya setuju pandangan Yang Berhormat Puchong. Ini adalah masalahnya. Apabila semua rang undang-undang yang penting seperti ini tanpa melibatkan NGO, *Bar Council* dan pelbagai pihak untuk mengadakan perbincangan yang menyeluruh sebelum ia diluluskan, banyak masalahlah. Tiba-tiba tarik balik bilangan sana dan sini. Apabila kita bahas, kita rasa ada banyak perkara yang mana mungkin akan membawa masalah yang lebih besar bagi hakim bagi kes yang kita bawa itu. Kalau hukuman macam ini, sebenarnya kita ini tidak menggalakkan ahli keluarga atau pun pihak isteri yang merupakan mangsa keganasan rumah tangga untuk keluar untuk membuat laporan, takut. Nanti suami dimasukkan penjara 60 tahun, jadi macam mana? Anak macam mana? Jadi tidak boleh bercerai pun.

So masalah ini semua yang mana saya rasa pihak yang *drafting* seksyen dalam AG *Chamber* itu, saya rasa tidak fikir dengan menyeluruh. Itu sebab kita buat bising dekat sini.

Beberapa Ahli: Buat bising, ya? [*Dewan riuh*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jika Tuan Pengerusi... Ya, memang bisinglah. Yang Berhormat Kinabatangan pun bising. Yang Berhormat Kinabatangan saya tidak pasti kamu ada lakukan apa-apa terhadap isteri atau pun tidak, jadi berhati-hati lihat apa yang dalam rang undang-undang ini kita lulus sahaja. Barisan Nasional lulus begitu sahaja nanti ada Ahli Parlimen yang kena masuk 60 dalam penjara.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan tidak akan masuk dalam pindaan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya balik ke sini, apa yang saya hendak ucap di sini. Jadi Tuan Pengerusi, kita lihat yang seksyen 24 tentang *receiving benefit derived from criminal activities or organized criminal group*. Kadang-kadang, saya macam persatuan kebajikan, persatuan agama, orang bagi derma, dermalah. Mana dia tahu ini dari *organized criminal group* atau pun tidak. Kadang-kadang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh mahu tahu, saya ini pencinta wanita. [*Ketawa*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat tentu pencinta wanitalah, itu sebab ada dua, *haiya*.. Kita ini semua tahulah tidak perlu heboh-hebohkan. [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada dua lagi kosong. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Berhati-hati ya, kena sayang isteri betul-betul, ya. Kalau tidak ia boleh dibawa, kamu boleh didakwa di bawah seksyen seperti ini. Tuan Pengerusi, tentang *receiving benefit* ini, saya rasa ada masalah. Kalau saya lihat yang di depan itu, macam seksyen - kalau seksyen 6 itu, *accepting gratification to facility or and able Terrorist Act*. Ini ada satu alasanlah.

■2000

Ini kalau diletakkan macam ini, ia boleh disalahgunakan. Jadi, kalau ada penjenayah, mungkin dia hendak menebus dosanya. Kalau dia hendak bertaubat, menebus dosa, hendak memberi derma kepada satu persatuan kebajikan, dia ambil saja. Jadi, adakah persatuan itu akan didakwa di bawah seksyen ini? Saya rasa semua perkara ini ada masalah tetapi saya lihat mungkin Menteri tadi masih baru. Saya pun agak kesian juga tetapi tiba-tiba ada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dengan *gangster style*, yang hendak meluluskan semua rang undang-undang macam ini, terpaksa, terpanggillah. *[Dewan riuh]* Macamlah. Tuan Pengerusi...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]* Tuan Pengerusi, itu *gangster style* tarik balik. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tujukan kepada siapa Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Dia tidak ada kena mengena sini, kenapa dia mahu cakap *gangster style*?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini satu sifat, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Dia mesti mahu tarik balik, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Yang saya rasa undang-undang macam ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tarik balik ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tolong tarik semula.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Adanya masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, komen tadi ditujukan kepada siapa Yang Berhormat? Ada tujukan kepada siapa-siapa?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Menteri.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Peraturan Mesyuarat 36(6) berniat jahat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya rasa ini adalah salah satu sifat. Okey Tuan Pengerusi, saya tidak mahu mencetuskan masalah, saya tarik balik tetapi saya rasa...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Sebentar Yang Berhormat. Tidak boleh tujukan kepada sesiapa.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: [*Menyampuk*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Menyampuk*] Tarik balik Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Peraturan Mesyuarat 36(6)

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jika tuju kepada Menteri, saya minta Yang Berhormat Seputeh tarik baliklah perkataan.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Berniat jahat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan tujukan kepada sikap seseorang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sudah, saya sudah kata saya tarik balik tetapi saya...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Belum tarik [*Dewan riuh*] dia tidak mahu tarik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Hendak huraikan ialah *style* menggubal pindaan undang-undang seperti ini adalah amat tidak patut. Ini bukan Parlimen, ini *first world Parliament*, *first class Parliament* yang kita...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Pengerusi, dia mesti tarik balik ini perkataan jahat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dah, sudah tarik balik Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Dia tarik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yalah, saya tarik tetapi tadi saya kata saya tidak puas hati dengan cara...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yalah, *you* tidak puas, hati jangan cakap tuduhan yang tidak betul.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Penggubalan undang-undang seperti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Apa yang dirujuk kepada Menteri sudah ditarik balik Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sudahlah!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya sudah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hendak mengampu pun bukan buat boleh macam ini kan? Sudah pilih jadi *vice president* cukuplah. Saya rasa saya hanya hendak minta Menteri kalau jaga Jabatan Peguam Negara, saya rasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Haruslah yang dalam rang undang-undang yang kita akan bentangkan di Parlimen ini, saya rasa haruslah ada perbincangan yang lebih. Undang-undang seperti ini, akhirnya kita kata akan makan sendirilah. Di sini pun kena dan mungkin ramai orang dengan tidak sengaja akan didakwa ataupun dituduh dalam fasal seperti ini. Sekian, terima kasih.

[*Majlis Mesyuarat bersidang semula*]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****8.04 mlm.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 23 Oktober 2013.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

8.07 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa banyak tadi perbincangan itu lebih kepada perbincangan dasar. Jadi, saya menjurus kepada jawapan yang berkaitan. Tadi kita menyentuh mengenai seksyen 326A yang dikatakan tidak konsisten dengan Akta Keganasan Rumah Tangga, Yang Berhormat Kuantan tadi. Pindaan ini sebenarnya dengan hasrat kerajaan ini bagi kita adalah konsisten dengan Akta Keganasan Rumah Tangga dan perlu dilihat sebagai satu penambahbaikan kepada kesalahan keganasan rumah tangga.

Persetujuan yang dicapai dengan AJC ialah untuk mengkaji Akta Keganasan Rumah Tangga ini tanpa menyentuh peruntukan Kanun Keseksaan. Ia adalah untuk memantapkan lagi Akta Keganasan Rumah Tangga. Saya juga hendak respons di sini mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuantan tadi mengenai *conscience* saya. Sebenarnya dengan persetujuan saya juga, kita bincangkan. Saya minta mereka berbincang dengan AJC. Supaya boleh saya menggunakan kepala lain untuk membantu menyokong dalam hal ini.

Jadi, saya mengharapkan ia tidak mempengaruhi secara pentadbiran, apa yang saya perlu lakukan sebagai Menteri. Itu adalah satu tugas yang lain. Jadi, di dalam seksyen 352A dan 326A

ini kita lihat dari segi hukumannya. Seksyen 352A memberikan hukuman yang ringan kerana kesalahannya menggunakan *criminal force*, dengan izin, yang didefinisikan di bawah seksyen 350 Kanun Keseksaan. Antara lain menyebabkan, dengan izin, *fear* ataupun, dengan izin, *annoyance* atau *injury*. Manakala, *hurt* didefinisikan di bawah seksyen 319, *bodily pain*, dengan izin, semuanya dalam bahasa Inggeris, *bodily pain infirmity to person*.

Jika dilihat kedua-dua kecederaan seksyen 326A dan seksyen 352A jelas dari segi *degree* kecederaannya, dengan izin, amat berbeza. Oleh itu hukuman bagi kedua-dua memanglah berbeza. Tadi ada soalan mengenai bagaimana hendak *reconcile*, dengan izin, 326A dengan 323, 324, 325, 326, 334 atau 335. Jadi, seksyen 326A merupakan seksyen yang memperuntukkan hukuman dan pasangan yang melakukan kesalahan tersebut akan dituduh di bawah seksyen 323, 324, 325, 326, 334 atau 335, mengikut mana-mana yang berkaitan. Seksyen 326A ini hanya untuk meningkatkan hukuman sahaja.

Tadi Yang Berhormat Seputeh menyentuh mengenai derma yang diterima oleh badan kebajikan, seksyen 411A. Ia hanya kesalahan sekiranya penerima tersebut mengetahui bahawa yang memberi tersebut merupakan kumpulan jenayah terancang dan mengetahui bahawa faedah tersebut didapati daripada aktiviti jenayah kumpulan jenayah terancang. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Soalan saya ialah bagaimana *reconcile* 326A. dengan 352A, bukan yang diberikan jawapan tadi. *How do you reconcile 326A and 352A?*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tadi saya sudah jawab mengenai dari segi hukumannya. 352A memberikan hukuman yang lebih ringan kerana kesalahannya menggunakan *criminal force*, dengan izin, yang didefinisikan di bawah seksyen 350, Kanun Keseksaan. Antara lainnya ia menyebabkan *fear* ataupun *annoyance* ataupun *injury*. Di bawah 326A pula, seksyen 352A, jelas *degree* kecederaannya berbeza. Maka, dari situlah kita melihat perbezaan daripada kedua-duanya memang ia berbeza.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Menyampuk] Minta penjelasan.

Puan Hajah Nancy Shukri: Kalau hendak *direconcile*, kita telah melihat dari segi hukumannya dan juga kecederaannya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan tetapi seksyen 352A juga sudah menyatakan hukuman yang patut diberikan, enam bulan ataupun RM2,000. Jadi, kalau kita menggunakan *criminal force*, ia juga akan mendatangkan *hurt* atau cedera. Jadi, yang mana satu seksyen kalau seseorang itu menumbuk isteri kemudian beliau cedera. Adakah ia mesti didakwa di bawah seksyen 352A ini yang sudah pun menetapkan hukumannya ataupun harus didakwa di bawah seksyen 323, 324, 325, 326. Jadi, kerana seksyen 352A juga sudah menetapkan hukumannya.

■2010

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Seksyen 325 atau 352 Yang Berhormat?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Seksyen 352A yang dicadangkan untuk ditambah. Jadi bagi saya ini mengelirukan hukuman yang patut kita kenakan ke atas suami atau isteri yang mencederakan pihak yang lain, 352A.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ya tadi Yang Berhormat saya sudah sentuh mengenai *degree* kecederaan sebab di sini kalau 326A dia menggunakan, '*Whoever during the subsistence of a valid marriage* dengan izin, *causes hurt to his spouse and commits an offence under section 323, bla bla bla*'. Jadi dia punya *degree* of kecederaan oleh kerana *causing hurt*. Di sini kita melihat kepada 352A, "*Whoever doing the subsistence of the valid marriage assaults or uses criminal force...*". Jadi ada elemen untuk *criminal force* di situ *on his spouse, shall be punished with imprisonment*. Dari situ kita melihat dari segi hukumannya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya setuju *degree of hurt*, memang *degree of offence*, ini memang telah ditakrif di bawah 323, 324, 325, 326. Kalau itu sahaja yang kerajaan hendak, jangan lagi tambah 352A. Tidak ada keperluannya kerana ia akan mengelirukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Puchong pun bangun Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya sila Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa kemungkinan satu cara dalam mana kita boleh membuat perbezaan di bawah seksyen 326A dan 325A adalah untuk membezakan perkataan *assaults* dan ... Tuan Pengerusi. Akan tetapi kalau sedemikian masih juga terdapat *overlapping* di bawah seksyen 323, *so* memang apa yang di bawa oleh Yang Berhormat Beruas memang adalah satu perkara yang berat dan harus dipertimbangkan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya hendak balik kepada soal yang saya tanya tadi berkaitan dengan seksyen 326A.

Kenapa disebut di situ perkataan *maximum*? *Shall be punished with imprisonment for a term of twice as long, not as just the term. What is stated there punishment imprisonment for a term of twice as long as the maximum term for which he would have been liable on conviction*. Bukankah ini dengan cukup jelas mengikat tangan mahkamah? *Because there is no choice. It is not imprisonment twice as long as the term for which he would have been liable*. Kalau sedemikian, *then yes*.

Whatever it is the court, the original court would has been given, then yes it has twice because it is the term that he would have been liable. Akan tetapi perkataan yang digunakan di situ *maximum*. Jadi *maximum* itu adalah *maximum* yang wujud di bawah seksyen-seksyen tersebut *and then of course take this two three different level*. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan dengan isu ini. Terima kasih Timbalan Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Berbalik lagi kepada perkara yang sama. Sebenarnya ini adalah tujuan dengan hasrat yang baik. Tujuan kerajaan untuk tidak menggalakkan *this fights among the husbands and wives or among the spouses*. Jadi ini adalah cara *to avoid cases* seperti ini jadi menular. Jadi inilah cara yang difikirkan baik. Tidak mahu menjadikan si isteri ataupun *spouse* dia menjadi *punching bag* kepada *spouse* dia. Jadi inilah dimaksimumkan hukumannya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Jadi apa yang Timbalan Menteri menyatakan bahawa *you confirm now that* apa yang dimaksudkan di situ *is that, it has to be twice the maximum the sentence*. Adakah itu apa Yang Berhormat Menteri mengesahkan dalam Dewan ini?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Apa yang kita bacakan ini, memang inilah dia. *I cannot change what is written in here*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Is that what...*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ini kerana apa yang dinyatakan di sini...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak. Saya setuju tetapi adakah itu hasrat kita?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Hasratnya ialah untuk tidak menggalak, *as a deterrent*. Itulah hasratnya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya setuju. Saya tidak menafikan itu tetapi apa...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ya, itulah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau boleh apa yang dilakukan biasanya adalah di mana kita membenarkan hukuman *twice as much as a court would have been given under the section has been convicted under that original section*. Jadi kalau *maximum for three to six is 20 years and the court's looking at the facts*, akan memberi 10 tahun. Kalau di bawah seksyen ini dan *will be double of 10 years*. Akan tetapi dengan perkataan *maximum* di situ, saya hendak pengesahan daripada Menteri. *Is this what we are looking at* di mana *the court does not has the discretion but has to give twice the maximum of the penalty under 326* misalnya. *Is that what it is we want to pass in this Dewan?*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Puchong, memang itulah yang dihasratnya. Itu yang saya tahu inilah yang dihasratnya. Kalau itu dikatakan tidak membantu, maka sebenarnya hasrat yang baik ialah untuk membantu *spouse especially the women*. Saya rasa semalam pun saya dengar Yang Berhormat Bukit Gelugor...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Padang Serai.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bukit Gelugor.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Bukit Gelugor menyentuh mengenai isu apa yang dilakukan oleh *former government servant* kepada isterinya di dalam lif dan ini bukan satu kes sahaja. Ada lagi satu kes yang lain ada datang kepada saya yang berlaku dalam lif. Ia dilakukan di hadapan anak. Apabila seseorang itu hendak melakukan kesalahan itu, dia tidak terfikir. Jadi inilah cara kita untuk membantu sebaik-baiknya. Akan tetapi kalau ia dapat dilakukan dengan cara yang baik untuk mengelak daripada perkara ini berlaku, itu diharapkan agar pihak yang terbabit tidak melakukan kesalahan seperti ini terutama sekali terhadap si isteri yang dijadikan sebagai *punching bag* kepada si suami yang tidak bertanggungjawab. Inilah tujuannya. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: So, disahkan bahawa tidak ada - *there is no discretion in the matter for the court*. Itu yang disebutkan?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ya setakat inilah yang saya dapat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Menteri, ada soalan. Menteri, soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Fasal-fasal 1 hingga 32...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, soalan. Soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri sudah habis? Menteri sudah habis. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Menteri tidak hendak jawab soalan?

[Fasal-fasal 11 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 33 – Pindaan oleh Menteri:

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pindaan dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah dengan memotong fasal 33. Fasal ini menyentuh mengenai peruntukan bagi kesalahan baru vandalisme. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ini potong tahu. Potong seksyen klausa yang dicadangkan sebelum ini.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Fasal 33 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri telah membuat pindaan fasal 33 dan telah disetujui, oleh yang demikian pindaan fasal 33 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Padang Serai tidak perlu dikemukakan.

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 hari Rabu, 23 Oktober 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.20 malam]